JURNAL BORNEO ARKHAILOGIA

Heritage, Archaeology and History

e-ISSN: 2600-8726 Volume 8 (1), Disember 2023

Faculty of Social Sciences and Humanities
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

SEJARAH JURNAL/JOURNAL HISTORY

Jurnal Borneo Arkhailogia (JBA) merupakan jurnal Unit Penyelidikan Borneo (UPArk) yang ditubuhkan pada tahun 2016 dan menerbitkan keluaran pertama pada tahun 2017. Skop JBA adalah bidang Arkeologi dan Sejarah yang memberi tumpuan ke atas kawasan Borneo dan pulau-pulau di sekitarnya, dari zaman purba hingga hari ini. Ketua Editor JBA mengalu-alukan penyerahan artikel tentang mana-mana subjek dalam lingkungan definisi berkenaan. Penyerahan artikel yang mengisytiharkan penemuan dan menyajikan maklumat baharu atau meneroka landasan teoretikal yang baharu adalah sangat dialu-alukan, begitu juga makalah yang merungkai isu metodologi atau analisis budaya benda, warisan budaya, masyarakat, ekonomi, sosial, politik, pelancongan, tamadun, pembangunan dan pembinaan negara bangsa. Selain makalah, JBA juga menerbitkan laporan lapangan dan ulasan buku terkini tentang arkeologi dan sejarah Borneo dan pulau di sekitarnya. Artikel yang dihantar kepada JBA tidak terkecuali daripada penilaian oleh pakar. Walaupun ahli Lembaga Editor lumrahnya menjadi penilai, manuskrip juga dinilai oleh pakar dari luar. Kebanyakan makalah dinilai oleh dua orang sarjana (dalaman dan luaran) sebagai tambahan kepada penilaian oleh Ketua Editor.

The Jurnal Borneo Arkhailogia (JBA) is the journal of the Borneo Archaeological Research Unit (UPArk). Founded in 2016, and published its first issue in 2017. The scope of the JBA is the fields of archaeology heritage management, classical history and oral history which focusing on the area of Borneo and its adjacent islands, from ancient times to present-day. The JBA Chief Editor welcomes the submission of article on any subject within that definition. Submissions that announce discoveries and present new information, or explore new theoretical ground are especially welcome, as are articles that deal with methodological issues, or analysis of material culture, cultural heritage, society, economic, social, politic, tourism, civilization, development and nation building. In addition to articles, the JBA publishes field reports and book reviews on the archaeology heritage management, classical history and oral history of Borneo and its adjacent islands. Articles submitted to the JBA are reviewed by appropriate experts without exception. While JBA Editorial Board members often serve as reviewers, article are also screened by outside experts. Most submissions are read by two scholars (internal and external) in addition to the Chief Editor.

FOKUS DAN SKOP/FOCUS AND SCOPE

Jurnal Borneo Arkhailogia (JBA) ialah jurnal akademik berwasit antara disiplin yang diwujudkan untuk menerbitkan laporan penyelidikan asli dan makalah ilmiah dalam bidang arkeologi, pengurusan warisan, sejarah klasik, sejarah moden dan sejarah lisan yang menjana perbincangan dan perspektif yang baharu. Jurnal ini bertujuan untuk menjadi platform bagi para sarjana berkongsi minat yang sama dalam memahami isu yang berkaitan dengan kemampanan pelbagai bidang pengetahuan yang memberi tumpuan kepada kawasan Borneo dan pulau di sekitarnya. JBA menggalakkan pendekatan antara pelbagai disiplin akademik yang berbeza. Dengan kata lain, JBA mencipta keunikan tersendiri dengan menggabungkan suara profesion pelbagai kesarjanaan dan aplikasi terkini. Sidang Editor JBA berhasrat untuk menerbitkan satu keluaran pada setiap tahun, selain bermatlamat menjadikan JBA sebagai satu penerbitan 'mesti baca' untuk mereka yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang arkeologi, sejarah, warisan dan budaya masyarakat di Borneo.

The Jurnal Borneo Arkhailogia (JBA) is an interdisciplinary, peer-reviewed academic journal, designed to publish reports of well-written original research and theoretical articles in the fields of archaeology, heritage management, classical history, modern history, and oral history which is to generate discussion and fresh perspective. JBA intends to serve as a platform for scholars to share common interests in the understanding of issues related to the sustainability of the various fields of knowledge which focuses on the area of Borneo. JBA strongly encourage the interdisciplinary approach of different academic disciplines. In other words, JBA creates its own uniqueness by combining the profession of various scholarships and current applications. The Board of Editors of the JBA intends to publish a journal each year, as well as aims to make the JBA a 'must read' publication for those who want to know more about the archeology, history, heritage and culture of the people of Borneo.

EDITORIAL/EDITORIAL

PENAUNG/*PATRON*

Profesor Datuk ehM. Ts. Dr. Taufiq Yap Yun Hin
Naib Canselor
Universiti Malaysia Sabah

PENASIHAT/*ADVISER*

Profesor Madya Dr. Asmady Idris
Dekan
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Malaysia Sabah

KETUA EDITOR/*CHIEF EDITOR*

Dr. Zainuddin Baco
Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Malaysia Sabah

PENGURUS EDITOR */MANAGING EDITOR*

Profesor Madya Dr. Bilcher Bala
Program Sejarah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Malaysia Sabah

LEMBAGA EDITORIAL/EDITORIAL BOARD

Profesor Dr. Stephen Chia Ming Soon (Universiti Sains Malaysia)
Profesor Madya Dr. Azlizan Mat Enh (Universiti Kebangsaan Malaysia)
Dr. Suffian Mansor (Universiti Kebangsaan Malaysia)
Dr. Ho Hui Ling (Universiti Malaya)
Dr. Azharuddin Mohamed Dali (Universiti Malaya)
Dr. Md. Saffie Abdul Rahim (Universiti Malaysia Sabah)
Dr. Maureen De Silva (Universiti Malaysia Sabah)
Dr. Dg. Junaidah Awang Jambol (Universiti Malaysia Sabah)
En. Baszley Bee Basrah Bee (Universiti Malaysia Sabah)

© Universiti Malaysia Sabah, 2023

All rights reserved. No part of this publication may be reproduced, distributed, stored in a database or retrieval system, or transmitted, in any form or by any means, electronics, mechanical, graphic, recording or otherwise, without the prior written permission of Penerbit Universiti Malaysia Sabah, except as permitted by Act 332, Malaysian Copyright Act of 1987. Permission of rights is subjected to royalty or honorarium payment.

Penerbit Universiti Malaysia Sabah makes no representation–express or implied, with regards to the accuracy of the information contained in this journal. Users of the information in this journal need to verify it on their own before utilising such information. Views expressed in this publication are those of the author(s) and do not necessarily reflect the opinion or policy of the Editorial Board and Universiti Malaysia Sabah. Penerbit Universiti Malaysia Sabah shall not be responsible or liable for any special, consequential, or exemplary problems or damages resulting in whole or part, from the reader's use of, or reliance upon, the contents of this journal.

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dikeluarkan ke dalam sebarang bentuk sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbit Universiti Malaysia Sabah, kecuali seperti yang diperuntukkan dalam Akta 332, Akta Hak Cipta 1987. Keizinan adalah tertakluk kepada pembayaran royalti atau honorarium.

Segala kesahihan maklumat yang terdapat dalam jurnal ini tidak semestinya mewakili atau menggambarkan pendirian mahupun pendapat Penerbit Universiti Malaysia Sabah. Pembaca atau pengguna jurnal ini perlu berusaha sendiri untuk mendapatkan maklumat yang tepat sebelum menggunakan sebarang maklumat yang terkandung di dalamnya. Pandangan yang terdapat dalam jurnal ini merupakan pandangan ataupun pendapat penulis dan tidak semestinya menunjukkan pendapat atau polisi Sidang Editorial dan Universiti Malaysia Sabah. Penerbit Universiti Malaysia Sabah tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang masalah mahupun kesulitan yang timbul, sama ada secara menyeluruh atau sebahagian, yang diakibatkan oleh penggunaan atau kebergantungan pembaca terhadap kandungan jurnal ini.

Published annually in Malaysia by Penerbit UMS/
Diterbitkan di Malaysia setahun sekali oleh Penerbit UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
URL: http://www.ums.edu.my

Typeface for text: Tahoma
Text type and leading size: 11/11 pt

JURNAL BORNEO ARKHAILOGIA
(Heritage, Archaeology and History)
Vol. 8(1), Disember, 2023
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

KANDUNGAN

Bilangan	*Tajuk*	*Muka Surat*
1	**Penjabaran Konsep Wilayah dan Kelautan Mengikut Pensejarahan Asia dan Barat: Sebelum Hingga Selepas Tahun 1600** Amy Azuan Abdullah, Lai Yew Meng & Maureen De Silva	1
2	**Tugu Peringatan Malaysia, Kota Kinabalu, Sabah** Fendi Tunai Yahya	25
3	**Konflik Isu Tanah Melibatkan Peribumi Murut dengan Pihak Kompeni (Syarikat) Berpiagam Borneo Utara British** Eddie A. Julius	45
4	**Sejarah Perkhidmatan Kesihatan di Elopura (Sandakan) Tahun 1881 Sehingga Tahun 1942** Nur Fardha Ayu Binti Jusnih	59
5	**Idea dan Dilema di Sebalik Pemindahan Kedaulatan Wilayah Borneo dalam Greater Malaysia** Allan Leonard Kho	73
6	**Adat Sogit: Sebuah Amalan Kaum Kadazandusun** Nurul Adawiya Animbok	91
7	**Pendidikan Tradisional Wanita di Sarawak Sebelum Kemunculan Pendidikan Formal** Anita Junaidi & Wan Noorlizawati Wan Mat Ali	105
8	**Tarian Limbai: Sebuah Warisan Tradisi Kaum Bajau** Nur Atirah Hairul Azira	119
9	**Penelitian Kajian Lepas: Sejarah Etnik Lundayeh di Sabah** Mohd Juhar Harun, Jane Wong Kon Ling & Kavitha Ganesan	137

10	**Insiden Tanduo 2013: Persepsi Persuratkhabaran Malaysia dan Filipina** Mohamad Rais Ackmat Jais	155
11	**Tugu Nunuk Ragang, Ranau: Simbol Budaya dan Kepercayaan Masyarakat Dusun** Johnnatan Jolius	169
12	**Ilmu Perubatan Tradisional Etnik Melayu Sarawak** Mohd. Shahhidel Musa	189
13	**Taman Prince Philip, Tanjung Aru, Sabah** Afrina Shafri Khan	203
14	**Pendidikan Sebagai Alat Propaganda Gerakan Komunis di Sarawak, 1941 – 1976** Mohd Syafiq Zaini	215
15	**Rentap: Satu Penelitian ke Atas Motif dan Faktor Perjuangannya di Sarawak** Awang Norben Ben	235
16	**Kain Pua: Peranan dan Status Wanita Iban melalui Ritual Nakar** Mohamad Zamani Pit	253
17	**Sistem Ekonomi Masyarakat Melayu Brunei di Membakut, Sabah** Nurfarain Abdul Rahman	279
18	**British North Borneo Company sebagai Jointstock Company di Borneo Utara** Ab Nasir Roslan & Rasid Mail	299
19	**Peranan Pemimpin dalam Pembangunan Kurikulum Bahasa Kadazandusun (BKD)** Linah Bagu @ Siti Nurlina Abdullah & Jane Wong Kon Ling	321
20	Dapatan Kajian Motif Bintang Dalam Gendang Gangsa Heger I di Malaysia Nordiana Nasuha Molinka	335

Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2023, Vol.8 (1), hlm. 1-24
e-ISSN: 2600-8726© Amy Azuan Abdullah *et.al*
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

PENJABARAN KONSEP WILAYAH DAN KELAUTAN MENGIKUT PENSEJARAHAN ASIA DAN BARAT: SEBELUM HINGGA SELEPAS TAHUN 1600

The Explanation of Terrestrial and Maritime Concepts According to Asia And Western Historiography: Before and After Years 1600

Amy Azuan Abdullah[1]
Lai Yew Meng[2]
Maureen De Silva[3]

[1&3] *Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*
[2] *Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah*
[1] *amy_azuan@yahoo.com,*
[2]Lyewmeng@ums.edu.my,
[3]maureen@ums.edu.my,
Dihantar:24 Mac 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023

Abstrak

Elemen wilayah dan kelautan secara tidak langsung telah mendasari pemahaman mengenai unsur kedaulatan sebuah negara. Dalam pensejarahan Asia dan Barat, wilayah dan kelautan mempunyai pemahaman serta penerapan yang berbeza. Pencerakinan fenomena ini dapat dinilai seawal zaman tradisional Asia Tenggara yang dipengaruhi unsur Hindu-Buddha, Islam dan China tradisional hingga penglibatan kuasa Barat. Oleh itu, kajian ini akan mencuraikan perbezaan konsep wilayah dan kelautan mengikut pensejarahan Asia dan Barat dalam tempoh sebelum dan selepas tahun 1600. Objektif yang ingin dicapai ialah, membincangkan elemen yang wujud dalam menjelaskan konsep wilayah dan kelautan Asia Tenggara serta sistem yang membentuk hubungan antarabangsa tradisional; akhir sekali, menjelaskan konsep wilayah dan kelautan selepas kedatangan kuasa Barat yang memunculkan pelbagai istilah perundangan serta sistem mengenai wilayah dan kelautan. Pendekatan yang digunakan adalah melalui kaedah kualitatif iaitu mengumpul dan menganalisis sumber sekunder. Kajian mendapati bahawa, perbezaan konsep wilayah dan kelautan

mengikut pensejarahan Asia dan Barat memberi kesan terhadap pemahaman aspek persempadanan dan kedaulatan sebuah negara. Ironinya, manifestasi penganutan mengikut dogma Barat mengakibatkan berlakunya kontradiksi memahami konsep wilayah dan kelautan pada era kontemporari.

Kata Kunci: Wilayah, kelautan, Asia, Barat

Abstract

The terrestrial and maritime elements indirectly underpinned the understanding of the sovereignty of a country. In fact, the terrestrial and maritime concepts have different understanding in comparison to Asia and Western historiography. The development assessed as early as the traditional period of Southeast Asia which was influenced by traditional Hindu-Buddhist, Islamic and Chinese element until the involvement of Western powers. Therefore, this study explained the differences between terrestrial and maritime concepts according to Asia and Western historiography in the period before and after the year 1600. The objective to be achieved is to discuss the element that exist in explaining the terrestrial and maritime concepts of Southeast Asia and the system that forms traditional international relations; finally, explaining the concept of terrestrial and maritime after the arrival of Western powers that gave impact to various legal terms and system. The approach used is through a qualitative method which is collecting and analyzing secondary sources. The study found that the difference in the concepts of terrestrial and maritime according to the Asia and Western historiography has an impact on the understanding of demarcation and sovereignty of a country. Ironically, the manifestation of adherence to Western dogma result in the occurrence of contradictions in understanding the concepts of terrestrial and maritime in the contemporary era.

Keywords: *Terrestrial, Maritime, Asia, Western*

Pengenalan

Ruang lingkup wilayah (daratan) dan kelautan (maritim) mempengaruhi pemahaman mengenai aspek kedaulatan sebuah negara. Dalam kes

Asia Tenggara, elemen ini secara tidak langsung terangkum bagi memahami aspek geopolitik dan sejarah di Laut China Selatan (LCS). Spektrum ini tidak boleh diketepikan untuk memahami dunia Asia yang berubah setelah kedatangan kuasa Barat. Salah satunya adalah dari segi pemahaman serta penganutan konsep wilayah dan kelautan. Sebelum kedatangan Barat, konsep wilayah dan kelautan mengikut pensejarahan Asia dipengaruhi oleh unsur Hindu-Buddha dan berubah selepas kedatangan agama Islam di Asia Tenggara. Dalam masa yang sama, faktor China khususnya berdasarkan perspektif kuno mereka dalam hal ehwal dunia seberang laut juga mempengaruhi ketamadunan dan hubungan yang berlaku dalam kerajaan awal Asia Tenggara (Amy Azuan Abdullah, 2023: 418).

China memperkenalkan pelbagai konsep dalam hubungan antarabangsa awalan termasuk melalui sistem tributari dan pengiktirafan terhadap kuasa hegemoni China di Asia Tenggara yang merupakan sebahagian daripada Orde Dunia China yang kuno. Walau bagaimanapun, keagungan China sebagai kuasa hegemoni mula terhakis selepas kehadiran Barat di LCS dan Asia Tenggara. Barat yang bertindak sebagai kuasa imperialis mula memunculkan diri dan berminat dengan Asia Tenggara atas pelbagai faktor yang diketahui umum melalui matlamat 3G (*Gold, Glory* dan *Gospel*). Fenomena ini berlaku rentetan daripada perkembangan yang berlaku di Eropah selain galakan daripada pemerintah untuk menjadi bangsa teragung di dunia. Portugis dan Sepanyol antara kuasa Barat utama yang bersaing menguasai perdagangan rempah sebelum Belanda, British, Perancis, Jerman dan Amerika Syarikat memulakan misi yang sama ke atas kawasan Asia Tenggara (Amy Azuan Abdullah, 2023: 419). Akhirnya, kedatangan kuasa Barat telah memunculkan konsep yang berbeza difahami dan dianuti oleh dunia Asia tradisional dengan pelbagai sistem dan perundangan yang mempengaruhi aspek wilayah dan kelautan. Oleh itu, artikel ini akan memfokuskan tentang penjabaran atau penerangan mengenai konsep wilayah dan kelautan mengikut pensejarahan Asia dan Barat dalam tempoh sebelum (era tradisional) hingga selepas tahun 1600 (kehadiran kuasa Barat di Asia). Secara tidak langsung, elemen yang mendasari kedua-dua konsep ini akan dihuraikan bagi mengukuhkan premis bahawa terdapat perbezaan jelas mengenai konsep wilayah dan kelautan mengikut pensejarahan Asia dan Barat. Sementelahan, semua ini penting bagi memahami permasalahan dan polemik pertikaian yang berlaku dalam konteks wilayah dan kelautan mutakhir kini.

Elemen Perajaan (Raja) dan Negara dalam Konsep Wilayah dan Kelautan Asia Tenggara

Zaman tradisional Asia Tenggara yang bermula kira-kira pada abad ke-13 telah mencapai kemuncak kegemilangan sosiobudaya dan politiknya pada abad ke-15 dan ke-16 selepas kedatangan Islam. Penyebaran Islam di Nusantara mengakibatkan kemunculan pusat kuasa baru menggantikan empayar Hindu-Buddha lama seperti Melaka dan Mataram (menggantikan Majapahit), Sukhothai dan Ayudhya (menggantikan Angkor), Ava dan Toungoo (menggantikan Pagan) dan Hue (Pian, 1997: 22-24). Walaupun berlaku perkembangan yang pesat melibatkan kerajaan dan memberi kesan terhadap masyarakat setempat, Asia Tenggara kurang menjalinkan hubungan diplomatik rasmi dengan negara luar rantaunya kecuali China. Hubungan diplomatik dengan China wujud melalui dasar kerajaan China yang berhasrat menentukan undang-undang dan ketenteraman di bahagian selatan. Keadaan ini penting bagi menjamin kestabilan aktiviti perdagangan China khususnya dalam tempoh *pax sinika*.[1] Bagi Asia Tenggara, meskipun hubungan dengan China adalah ketat dan kadang kala menyusahkan, korelasi ini menghasilkan keuntungan ekonomi dan politik.

Konsep wilayah dan kelautan tradisional salah satunya dipengaruhi oleh konsep Perajaan. Dalam pandangan dunia Asia Tenggara, konsep Perajaan sama ada menerusi pengaruh ajaran Hindu, Buddha ataupun Islam merupakan institusi paling penting dalam pemikiran politik Asia Tenggara. Sebuah wilayah pada zaman tradisional sangat bergantung terhadap keabsahan raja yang memimpin kerajaan yang menentukan corak pentadbiran sebuah negara. Sebagai contoh, karya Sejarah Melayu menekankan bahawa negara hanya wujud selagi adanya seorang raja yang berwibawa (Brown, 1976: 185). Dalam masa yang sama, hubungan antara dua buah negeri pada asasnya amat bergantung pada pendirian dan kebijaksanaan raja pemerintah yang membentuk hubungan dua buah pusat kuasa yang terlibat. Dalam kalangan raja beragama Buddha seperti di Ayudhya dan Pegu, asas ini dipengaruhi oleh paradigma *cakravatin* yang menuntut rajanya untuk memaparkan kuasa moral melalui kegiatan keagamaan seperti membina pagoda dan memberikan perlindungan diraja melalui kekuatan tenteranya. Keadaan ini tidak banyak berbeza bagi raja yang menganuti agama Islam. Seperti negara lain yang mengamalkan budaya Hindu-

Buddha, raja pemerintah Islam merupakan sumber segala kuasa di dalam masyarakatnya dari aspek politik, ekonomi dan rohani serta mengamalkan prinsip perajaannya berdasarkan sifat adil dan mempunyai ilmu. Sering kali raja beragama Islam di Asia Tenggara berpegang kepada paradigma raja *"syahan syah"* iaitu sebuah konsep hampir sama dengan *cakravatin* (Pian, 1997: 26).

Konsep negara dalam konteks tradisional Asia Tenggara pula berkisar tentang aspek sosiobudaya dan berbeza dengan fahaman konsep yang diajukan oleh Barat. Geldern (1956) membahaskan perbezaan utama antara konsep ala negara Barat dengan konsep negara Asia Tenggara zaman tradisional adalah, negara yang difahami masyarakat Asia Tenggara tidak wujud secara mutlak atau secara tersendiri tetapi wujud sebagai satu aspek tambahan melalui raja pemerintah.[2] Dalam pandangan Barat, raja merupakan lambang kedaulatan suatu negeri sahaja. Secara fizikal, negara di Asia Tenggara tidak mempunyai sempadan yang jelas kerana garis sempadan tetap yang tidak mudah diubah suai seperti sebuah negeri di Barat. Sebaliknya, aspek fizikal negara di rantau Asia Tenggara selalu berubah mengikut kuasa dan pengaruh raja pemerintahnya berdasarkan konsep Mandala (Geldern, 1956). Mandala bererti bulatan, atau bidang kuasa raja berdepan dengan kuasa raja-raja yang lain.

Menurut Wolters (2018), setiap Mandala mewakili suatu unit politik tertentu yang keadaan politiknya kerap kali kurang stabil dan luas kawasannya adalah samar-samar tanpa garis sempadan yang tetap (Wolters, 2018: 17). Oleh itu, dalam konteks wilayah dan kelautan tradisional, sebuah kawasan penguasaan atau pemusatan politik (Mandala) boleh meliputi satu kawasan lebih luas daripada daerah yang wujud. Sebagai contoh, kawasan di Jawa boleh meliputi sebuah wilayah yang benar-benar luas dengan beberapa rumpun bangsa atau keturunan yang hidup dalam beberapa buah negara-negara yang berlainan pada masa kini (Wolters, 2018: 17). Walau bagaimanapun, Mandala tidak meluas ke LCS.[3] Kerajaan awal di LCS seperti Champa bukanlah kerajaan berpusat namun lebih kepada kerajaan yang mempunyai petempatan di pesisir pantai yang mengiktiraf penguasa utama. Champa menjadi kerajaan tunggal menguasai perdagangan maritim selepas laluan darat dari China ke Barat ditutup oleh penguasa China Selatan yang baru selepas kejatuhan Dinasti Jin iaitu, Liu Song. Walau bagaimanapun, dominasi kelautan Champa akhirnya diganggu

oleh aktiviti pelanunan serta serangan Liu Song terhadap kerajaan Champa (Hayton, 2015: 16).

Oleh yang demikian, wilayah dan kelautan di LCS pada zaman tradisional lebih bergantung kepada raja atau kerajaan yang berada di bawah lingkungan kuasa dan pengaruh raja agung yang berdekatan dengannya (Pian, 1997: 36). Meskipun Mandala tidak meluas ke LCS, hubungan raja yang berkuasa memerintah Mandala yang luas dan kaya manakala raja yang kurang kuasanya berada di bawah lingkungan kuasa raja agung yang memerintah Mandala dan boleh mempengaruhi kestabilan sebuah wilayah dan kelautan kerajaan tradisional. Dengan erti kata lain, perlindungan ketenteraan atau peperangan boleh berlaku jika berlaku "kegagalan" dalam sistem mandala yang mempengaruhi hubungan antarabangsa tersebut. Lanjutan daripada itu, konsep Perajaan dan negara signifikan dalam menjelaskan konteks wilayah dan kelautan sebelum kedatangan kuasa Barat. Hal ini bermaksud, pensejarahan Asia telah mempunyai aspek persempadanan yang jelas sebelum kedatangan Barat lagi. Sebagai contoh, orang Melayu telah menggunakan istilah 'negeri' atau 'berbuat negeri' yang membawa makna satu ruang wilayah atau sempadan kekuasaan pemerintah Melayu. Dalam teks Sejarah Melayu misalnya, istilah negeri menjadi pegangan pengarangnya menggambarkan skop kekuasaan seseorang pemerintah. Sebagai contoh, petikan tersebut adalah sedemikian:

> "Maka segala negeri yang bertemu dengan Raja Suran habis dialahkannya. Maka semuanya habis takluk baginda. Setelah berapa lamanya maka Raja Suran pun sampailah kepada sebuah negeri. Gangga Nagara namanya." (Ahmat Adam, 2016: 17)

Teks-teks Melayu sering menggunakan istilah 'berbuat negeri' atau 'membuat negeri' tatkala pemerintah ingin membuka kawasan baru. Dalam teks Misa Melayu, kekerapan raja-raja Perak membuka ibu kota baru diistilahkan sebagai 'membuat negeri'. Manakala teks Tuhfat Al Nafis juga menggunakan istilah yang sama bagi merujuk tindakan Raja-Raja Johor. Maka, istilah negeri yang digunakan tetap membawa satu maksud ruang wilayah atau sempadan walaupun tanpa garis sempadan yang jelas. Dari konteks kelautan, laut dan sungai juga signifikan sebagai penentu wilayah. Ini tidak menghairankan kerana kemunculan penempatan awal Melayu bermula di pinggir sungai. Satu fakta yang tidak disedari ramai orang ialah hampir semua negeri Melayu kecuali Negeri Sembilan mendapat nama melalui sungai. Ini kerana

sungai merupakan tempat tertubuhnya suatu kerajaan. Misalnya, persempadanan di antara Perak dan Selangor sejak tahun 1825 dengan persetujuan oleh kedua-dua pemerintah negeri Perak dan Selangor, iaitu Sultan Abdullah Muazam Shah (1825-1830) dan Sultan Ibrahim (1778-1826) yang bersetuju menentukan sempadan di antara kedua-dua negeri tersebut iaitu di Sungai Bernam (Abdullah Zakaria, 2004). Oleh yang demikian, konsep wilayah dan kelautan mengikut Tamadun Asia sebelum dan selepas tahun 1600 dipengaruhi oleh perspektif konsep Perajaan, Negara dan pemusatan politik. Perspektif ini berperanan sebagai penentu terhadap penguasaan sebuah kawasan bukan sahaja daratan tetapi merangkumi aspek kelautan. Meskipun sebuah wilayah dari segi geografi adalah tidak tetap dari segi persempadanan, konsep wilayah dan kelautan ini telah diketahui oleh pihak pemerintah dan masyarakat tradisional sebelum kedatangan Barat. Dalam konteks LCS, hubungan antara wilayah dan kelautan ini diperkukuhkan pula melalui hubungan antarabangsa yang dipelopori oleh China melalui sistem tributari. Semua ini penting bagi membentuk pemahaman mengenai konsep wilayah dan kelautan mengikut Tamadun Asia sebelum dan selepas tahun 1600.

Sistem Tributari China

Perspektif China terhadap konsep wilayah dan kelautan pada zaman tradisional dipengaruhi oleh dasar yang diperkenalkan dalam praktis hubungan serantau Tamadun China. Ini terbukti melalui sistem tributari yang diamalkan dan meluas di kawasan luar wilayah China khususnya pada bahagian selatan. Sistem tributari dan misi diplomatik merupakan sistem lama yang diamalkan oleh China sebelum Dinasti Ming sebagai dasar luarnya yang mempunyai peraturan. Sistem ini berpunca daripada budaya dan kefahaman bahawa China adalah satu-satunya masyarakat yang bertamadun, manakala semua negeri sekelilingnya di sebelah utara, barat dan selatan merupakan masyarakat gasar atau tidak bertamadun (Pian, 1997: 69-73).

'Superioriti' oleh China pada mulanya hanya menekankan aspek budaya berdasarkan ajaran Konfusius dan tidak melibatkan aspek politik. Atas kesedaran bahawa negeri-negeri sekelilingnya ingin menikmati "tamadun" tersebut, maka China bersetuju mengadakan hubungan dengan masyarakat gasar yang harus mengiktiraf kedudukan rendah mereka serta menerima kedudukan agung Maharaja China

dengan tanggapan bahawa, Maharaja China mempunyai mandat memerintah segala wilayah di dunia ini. Berkesinambungan daripada itu, berlaku pengiktirafan yang dilakukan berdasarkan sistem penghantaran misi dan uftian. Sebagai balasan, Maharaja China membenarkan negara tersebut menikmati keuntungan salah satunya melalui aktiviti perdagangan. Pada asasnya, sistem tributari China tidak melibatkan kuasa fizikal China dan dikekalkan sebagai sistem hubungan luar China sehingga pertengahan abad ke-19 apabila digantikan oleh sistem perjanjian British (Fairbank & Su, 1961; Veeraphol, 1977).

Boleh dikatakan bahawa sejak awal kurun Masihi, China mempunyai kefahaman tentang geografi dunia yang mementingkan kedudukannya sebagai pusat budaya dan kuasa sedunia.[4] Penjelasan mengenai pandangan China sebagai pusat dunia (*Zhongguo*)[5] dikukuhkan dengan tanggapan mereka mempunyai kebudayaan dan peradaban yang tinggi di alam semesta lantaran kedudukan pusat pemerintahan dengan lima ikatan (*wufu*) yang mengelilinginya.[6] Semua ini mempengaruhi hubungan topografi China sekali gus memunculkan konsepsi bahawa China adalah dunia dan dunia adalah China. Menurut fahaman ini, kawasan darat merupakan satu kawasan tersendiri yang diasingkan dari kawasan laut yang juga merupakan satu perairan yang tersendiri. Tidak hairanlah sejak abad kelima dan keenam Masihi, China selalu melihat kawasan selatannya sebagai satu kawasan yang terdiri daripada satu laut yang luas mengiringi segala kawasan maritim Asia Tenggara. China menganggap bahawa mereka diasingkan dari kawasan selatan ataupun "Laut Selatan" yang luas. Oleh itu, agak mustahil sekiranya China ingin menguasai ataupun mengekalkan hubungan teratur dengan "Laut Selatan" tanpa angkatan tentera laut yang berkuasa. Wolters (1975) pernah membuat analisis bahawa dengan kesedaran terhadap masalah geopolitik yang timbul daripada kedudukan Asia Tenggara itulah yang memaksa kerajaan China dari Dinasti Tang (618-906) dan Dinasti Sung (960-1279) mengurniakan kedudukan istimewa kepada Maharaja Srivijaya sebagai ejen perdagangan China di kawasan itu dan melaluinya dari India dan Asia Barat (Wolters, 1975: 20).

Terdapat penjelasan dan huraian sejarah yang panjang mengenai sistem tributari China terhadap Asia Tenggara sama ada dari aspek pelaksanaan dan perubahan yang sering berlaku mengikut dinasti atau kewibawaan Maharaja China masing-masing (Gungwu, 1992; Dreyer, 1982; Fogel, 2009). Dalam konteks 'Laut Selatan', dasar hubungan agresif tributari telah dilaksanakan oleh China dengan

menghantar ekspedisi tentera laut ke rantau tersebut bagi mengawal keadaan di 'Laut Selatan' yang amat penting kepada ekonomi China. Konsep *te* yang dipraktikkan oleh Maharaja T'ai Tsu adalah untuk menunjukkan keperluan China mendapat penghormatan dan penghargaan yang sepatutnya dari negeri-negeri kecil di dalam lingkungan politik tradisionalnya.[7] Berbeza dengan hubungan China dengan negeri-negeri di utara atau barat daya China yang selalu mengancam kedudukan China sebagai negeri teragung, Asia Tenggara merupakan rantau yang dapat memenuhi hasrat politik dan ekonomi China sepanjang zaman tradisional. Hubungan tradisional China-Asia Tenggara menguntungkan kedua-dua pihak. Walau bagaimanapun, hubungan ini semakin terhakis sejak abad akhir pemerintahan Dinasti Ming kerana kelemahan politik dan tentera China serta disebabkan oleh kemunculan kuasa Barat menggunakan teknologi ketenteraan yang maju untuk menguasai perjalanan dan sumber-sumber perdagangan di Asia Tenggara (Pian, 1997: 108-109).

Peranan kuasa Barat seperti Portugis, Sepanyol dan Belanda pada abad ke-16 dan ke-17 mengakibatkan negeri-negeri maritim di Nusantara terkeluar daripada lingkungan politik China. Secara rasminya, hubungan tributari wujud sehingga abad ke-19 namun hubungan itu secara perlahan-lahan digantikan dengan sistem perjanjian yang diperkenalkan British. Sebagai contoh, Perjanjian Nanking yang ditandatangani pada tahun 1824 membuka beberapa pelabuhan China iaitu Amoy, Fuchow, Ningpo dan Shanghai kepada kapal-kapal kuasa Barat (Becker, 2021: 90). Ini memberi kesan terhadap negara Asia Tenggara dan melenyapkan keistimewaan sistem tributari. Antara perubahan tersebut adalah, negeri-negeri Asia Tenggara tidak lagi perlu menjalankan aktiviti perdagangan dengan China mengikut syarat-syarat lama seperti penggunaan kapal layar China dan kelasi China. Keadaan ini meningkatkan perdagangan melalui kapal-kapal Barat di pelabuhan terbuka. Sebagai tambahan, Perjanjian Bowring yang ditandatangani pada tahun 1855 antara Bangkok dan British juga telah mempercepatkan proses memutuskan hubungan tributari Siam dengan China. Menurut Pian (1997), tamatnya hubungan tributari China-Asia Tenggara disebabkan ketidakmampuan sistem tersebut memberi keuntungan terhadap sosiopolitik dan ekonomi rantau Asia Tenggara (Pian, 1997: 110).

Kedatangan kuasa Barat sememangnya memberi kesan terhadap praktis antarabangsa yang diamalkan oleh dinasti tradisional China.

Dalam konteks LCS, sistem tributari China memberi pengiktirafan terhadap wilayah dan kelautan pemerintah empayar tradisional yang berada di bawah naungan Maharaja China. Walau bagaimanapun, kedatangan kuasa Barat telah mengurangkan atau memadamkan peranan kuasa tradisional China sebagai pemerintah utama bila mana wilayah atau negara pesisir LCS pada suatu ketika sangat bergantung kepada China. Dalam konteks era moden, tindak tanduk China ke atas LCS menimbulkan persoalan sama ada China ingin membangkitkan semula "sistem tributari" ini melalui perluasan wilayah dan kelautan di LCS. Hakikatnya, fakta sejarah telah membuktikan bahawa, tindakan China pada zaman tradisional lebih berperanan untuk mewujudkan hubungan saling menguntungkan khususnya melalui aspek perdagangannya dengan *'vassal states'* dan bukan bertujuan untuk menguasai atau menjajah wilayah dan kelautan di LCS.

Konsep Wilayah dan Kelautan Mengikut Pensejarahan Barat Sebelum dan Selepas Tahun 1600

Pertembungan konsep wilayah dan kelautan di antara pensejarahan Asia dan Barat telah menimbulkan kekeliruan tentang konsep ruang dan geografi khususnya mengenai dunia Asia. Meskipun Barat mengiktiraf konsep raja pemerintah yang signifikan mewakili sebuah wilayah, muncul pula persoalan mengenai aspek kedaulatan yang menghakis institusi Perajaan dan dimanifestasikan melalui penjajahan oleh kuasa Barat sekali gus memberi kesan terhadap aspek wilayah dan kelautan. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa konsep yang dianuti oleh Barat telah menghasilkan persempadanan yang lebih jelas mengenai konsep wilayah dan kelautan dan dipraktikkan oleh seluruh dunia pada masa kini. Namun begitu, konsep wilayah dan kelautan oleh Barat masih menimbulkan kekeliruan khususnya selepas perundangan antarabangsa mengenai kelautan diperkenalkan.

Konsep Wilayah dan Kelautan Kuasa Barat

Secara umumnya, keberadaan kuasa Barat di Asia muncul dalam tempoh awal *adventure, exploration* dan *expansion* Barat ke dunia luar yang bertujuan untuk mendirikan koloni baru serta mencari sumber komoditi perdagangan yang menguntungkan bagi negara asalnya. Paradigma dari sebuah kuasa tradisional selepas kedatangan kuasa Barat telah memberi kesan terhadap *"worldview"* mengenai aspek

konsep kedaulatan wilayah. Pian (1997) menegaskan bahawa perkembangan teknologi dan perindustrian Barat mempunyai kesan-kesan yang amat merugikan masyarakat tradisional Asia Tenggara. Ia adalah punca asas kemusnahan kedaulatan dan cara hidup tradisional yang bernilai kepada Asia Tenggara. Penubuhan empayar Barat di rantau Asia Tenggara bermaksud tamatnya hubungan serantau yang mampu membentuk suasana sosiopolitik terbuka, dinamis dan berdaya pegas (Pian, 1997: 237).

Konsep wilayah menurut Barat adalah sebahagian daripada ruang geografi yang berkaitan dengan bidang kuasa sebuah kerajaan. Secara langsung, wilayah dilihat sebagai pautan ideal antara ruang dan politik (Gottmann, 1975: 29-47). Konsep ini telah wujud seawal abad ke-14 dan berevolusi seiring dengan perkembangan empayar dan penguasaan politik kuasa Barat. Menurut Huber (1928), praktik ke atas kedaulatan sebuah wilayah tidak mampu dicapai tanpa manifestasi konkrit yang dipengaruhi oleh konsep ruang geografi (Huber, 1928). Oleh itu, sebuah kawasan yang dianggap sebagai wilayah bagi kuasa Barat perlu dikukuhkan melalui asas kedaulatan yang membolehkan Barat mengawal, mendominasi serta memanipulasi segala bentuk sumber ekonomi dalam lingkungan wilayahnya bagi memenuhi keperluan sendiri. Gottmann (1975) merumuskan konsep wilayah sedemikian:

> "*Territory increasingly meant a safe haven to people who wanted to develop their own way of life and the resources within their borders for their own purposes. The national State therefore considered its territory as the fundamental support of security and well-being. Such a doctrine and frame of mind were bound to give particular importance to the geographical features of the territory and of its frontiers. To other nations the frontier was a peripheral area that generated social and economic change, shaping a nation and contributing to its political wellbeing"* (Gottmann, 1975: 35).

Seterusnya, perkembangan di Eropah pada abad ke-17 mengukuhkan konsep wilayah apabila terbentuknya konsep *nation-state* dan menjadi permulaan kepada suatu sistem hubungan antarabangsa yang disebut sebagai *Westphalian System*. Konsep ini diperkenalkan selepas termeterainya Perjanjian Westphalia pada tahun 1648 yang

mengakhiri perang selama 30 tahun dan mempelopori prinsip penghormatan atas kedaulatan suatu negara serta hak menentukan nasib sendiri (*Right to Self Determination*). Setelah munculnya Perjanjian Westphalia, susunan masyarakat antarabangsa yang baharu didasari oleh negara nasional (berdaulat) dan tidak lagi berdasarkan pada kerajaan, empayar serta memisahkan kekuasaan negara dan pemerintahan dari pengaruh gereja. Secara langsung, Perjanjian Westphalia telah menetapkan garis sempadan bagi suatu kawasan atau wilayah bagi membentuk sebuah negara. Secara asasnya, prinsip yang dipersetujui selepas Perjanjian Westphalia bukan sahaja melibatkan konsep kedaulatan ke atas pemerintah tetapi juga kawasan kekuasaan yang dihadkan oleh persempadanan dengan kawasan negara yang berjiran dengannya. Walau bagaimanapun, kedudukan persempadanan sebuah negara masih berubah mengikut perkembangan politik dan peperangan yang berlaku selepas perjanjian ini. Ini membuktikan bahawa, konsep yang diperkenalkan oleh Barat ini juga masih longgar di peringkat awal kendatipun berjaya merealisasikan konsep negara yang dikaitkan dengan ciri moden iaitu sempadan dan bukan lagi lingkungan pengaruh seperti yang diterapkan sebelum abad ke-17 (Sureda, 1973: 28; Horsman & Marshall, 1994; Ahmad Abdi Amsir, 2021).

Jelaslah bahawa, kedatangan kuasa Barat telah memunculkan suatu konsep baharu mengenai "kedaulatan" dan konsep negara yang bercirikan Barat. Dalam erti kata mudah, selepas kedatangan Barat, kedaulatan tidak lagi hanya merujuk kepada raja pemerintah yang mempunyai wilayah atau mandala yang luas namun diatur berdasarkan sistem perjanjian yang menetapkan wilayah sama ada secara mutlak atau berubah-ubah. Dalam konteks hubungan antarabangsa tradisional, peranan perdagangan atau diplomatik sering kali berdasarkan asas negeri dipertuannya (*Suzerain*) dan negeri naungan. Namun, menurut syarat-syarat baru penjajah Barat, negeri-negeri yang berada di bawah "perlindungannya" tidak lagi berhak berhubung dengan mana-mana kuasa secara langsung seperti yang diamalkan pada zaman tradisional, tetapi terpaksa menjalankan urusan luarnya melalui ejen-ejen penjajah yang berkenaan, yakni dengan kebenaran atau persetujuan kerajaan penjajah. Walaupun terdapat aspek atau etika diplomatik dikekalkan semasa zaman tradisional, kebebasan sosiopolitik dan ekonomi tidak lagi berlaku selepas kedatangan kuasa Barat. Oleh yang demikian, menjelang abad ke-18, wujud hubungan kerajaan antara penjajah seperti kerajaan Tanah Melayu-British dengan Indonesia-Belanda atau hubungan kerajaan penjajah di Indochina, Myanmar dan Tanah Melayu

dengan Bangkok. Berdasarkan sistem perjanjian Barat, pengukuhan kuasa Barat di Asia Tenggara dimanifestasikan lagi dengan sistem residen yang diperkenalkan.

Gambaran mengenai konsep kuasa kewilayahan dan pembahagian negara ala Barat dapat dijelaskan sedemikian. Belanda misalnya melalui *Vereenigde Oostindische Compagnie* (VOC) memainkan peranan penting sebagai kuasa kewilayahan yang pertama di Asia Tenggara. Meskipun hanya mampu menguasai Kepulauan Indonesia pada abad ke-19 dan awal abad ke-20, penglibatannya sebagai kuasa perdagangan dari abad ke-16 begitu signifikan dalam memecahkan hubungan tradisional Asia Tenggara sekali gus memunculkan konsep-konsep baru mengenai kedaulatan wilayah. Dari sebuah kuasa perdagangan, VOC memainkan peranan sebagai kuasa ketenteraan yang telah menyingkirkan Portugis dari Melaka pada tahun 1641 dan menguasai perairan Selat tersebut. Walau bagaimanapun, beban kewangan akhirnya mengakibatkan VOC muflis kerana terpaksa menanggung perbelanjaan besar bagi menentukan kuasa dan kedudukan. Misalnya, VOC terpaksa memberi sokongan ketenteraan kepada kerajaan Bugis di Bone menentang kuasa Kesultanan Makasar di Goa, Sulawesi Selatan dari tahun 1660-an dan 1670-an (Pian, 1997: 196-199).

Oleh itu, bagi menerangkan pandangan Barat mengenai konsep kuasa wilayah melalui perdagangan dan ketenteraan, beberapa konsep aspek kelautan tidak boleh diremehkan. Ini kerana, melalui peruntukan perundangan atau perjanjian yang termeterai antara kuasa Barat, maka berlakulah rentetan terhadap dominasi penguasaan yang akhirnya memberi kesan terhadap pembahagian wilayah di Asia Tenggara. Dalam hal ini, salah satunya berdasarkan Piagam Kedua Paus Alexander VI tahun 1493. Menurut Piagam ini, segala laut dan samudera di sebelah barat meridian (garis bujur) yang letaknya kurang lebih 400 batu dari kepulauan Azores dinyatakan sebagai milik Sepanyol, manakala sebelah Timur meridian dinyatakan sebagai milik Portugis (Verzijl, Heere & Offerhaus, 1979). Kemudiannya, Barat memperkenalkan konsep atau teori *Mare Liberum* atau *Freedom of the seas*. *Mare Liberum* atau *The Freedom of the Seas* adalah sebuah buku dalam bahasa Latin mengenai undang-undang antarabangsa yang ditulis oleh ahli perundangan dan falsafah Belanda, Hugo Grotius pada tahun 1609. Di Laut Bebas (terbuka), Grotius merumuskan prinsip baru bahawa laut adalah wilayah antarabangsa dan semua negara bebas menggunakannya untuk

perdagangan pelayaran. Pertikaian itu ditujukan kepada dasar klausa laut Portugis dan tuntutan mereka untuk memonopoli perdagangan Hindia Timur.[8] Sepanyol kemudian menuntut Lautan Pasifik dan keseluruhan Mexico manakala Portugal mendakwa dengan cara yang sama, menuntut Atlantik Selatan Maghribi dan Lautan Hindi. Kedua-dua negara pada masa tersebut berusaha untuk menjalankan hak-hak mereka dan menghalang semua orang asing dari belayar atau memasuki perairan tersebut. Belanda, ketika berperang dengan Sepanyol, walaupun secara teknikal tidak berperang dengan Portugis menduduki pulau Mauritius pada tahun 1598. Tidak lama kemudian mereka membuat penempatan di Jawa dan Maluku. Selepas Syarikat Hindia Timur Belanda dibentuk pada tahun 1602, mereka berusaha untuk berdagang dengan Hindia Timur dan bersaing dengan kapal Portugis yang berusaha menyingkirkan mereka dari perairan India. Sepanyol dan Belanda memulakan rundingan pada 9 April 1609, mengakibatkan gencatan senjata *Antwerp* selama 12 tahun. Dalam rundingan tersebut, Sepanyol berusaha untuk mendapatkan hak dari Belanda untuk melepaskan hak perdagangan mereka dari Provinsi Bersatu di Hindia Timur dan Barat (Verzijl, Heere & Offerhaus, 1979: 82-83).

Inggeris bersaing sengit dengan Belanda untuk menguasai perdagangan dunia, menentang idea Grotius dan menuntut kedaulatan di perairan sekitar Kepulauan British. Dalam *Mare Clausum*, Selden (1635) yang memperkenalkan istilah tersebut berusaha untuk membuktikan bahawa laut dalam praktiknya hampir dapat digunakan sebagai wilayah daratan (Meurer, 1919). Ketika kontroversi dan pertikaian berlaku mengenai lautan dan daratan, negara maritim meredakan tuntutan mereka dan mendasarkan tuntutan maritim mereka pada prinsip bahawa mereka memperluas laut dari darat. Keadaan ini diselesaikan selepas mengambil formula yang diperkenalkan oleh hakim Belanda yang meneruskan idea Grotius, Cornelius Bynkershoek dalam karyanya *De Dominio maris* (1702) yang mengehadkan penguasaan maritim berdasarkan jarak terhad tembakan meriam *(cannon shot rule).* Perkara ini diterima pakai secara universal dan berkembang menjadi had tiga batu (Meurer, 1919).

Kedua-dua konsep, teori atau fahaman (*Mare Liberum vs Mare Clausum*) mengenai undang-undang laut yang diperkenalkan oleh Barat ini memberi kesan terhadap sejarah perundangan laut antarabangsa. Bermula dengan undang-undang di peringkat negara masing-masing, sejarah menunjukkan undang-undang laut tidak pernah menemui jalan

penyelesaian. *Mare Liberum* memperkatakan secara prinsipnya suatu yang tidak boleh dirampas dan jauh tidak boleh dijadikan hak milik, dan ia milik semua orang dan kegunaannya adalah untuk keseluruhan manusia. Manakala *Mare Clausum* pula percaya laut serta khazanahnya boleh dimiliki dan dikuasai. Pada abad ke-18, pandangan dan teori Grotius mendominasi berbanding pandangan dan teori Selden di mana negara pesisir pantai dibenarkan untuk menuntut sebahagian kecil hujung pesisir pantainya bagi tujuan perikanan dan secara tidak langsung hak yang bebas tidak dimiliki sesiapa (Koh, 1982).

Bagi kedudukan yang melebihi dari hak negara pesisir pantai ketika itu, laut dan sumbernya dikenali dengan prinsip *res communis*[9] dan ia tertakluk kepada laut yang bebas dari milikan sesiapa. Terdapat tiga teori yang berbeza dalam menentukan jarak jauh hak milik keabsahan sebuah negara terhadap perairan wilayah pada zaman dahulu. Pertama, doktrin yang berpandukan pada jarak penglihatan mata di mana sejauh mana negara pesisir pantai boleh menuntut kelebaran laut dari pesisirnya bergantung kepada sejauh mana pandangan mata manusia boleh melihatnya. Kaedah kedua, undang-undang tembakan meriam yang membenarkan jarak negara pesisir pantai melebarkan tuntutan pantainya bergantung kepada tembakan meriam yang menghala ke pantai. Kaedah ketiga berdasarkan Liga Marin, yang berasal dari negara-negara Scandinavia dengan amalan menuntut kelebaran pesisir pantai sebanyak tiga batu nautika merupakan limitasi yang dibenarkan bagi perairan wilayah. Menjelang abad ke-17, kedua-kedua teori kelautan digabungkan oleh Pontanus yang membahagikan laut kepada dua bahagian iaitu, Laut Territorial dan Laut Lepas.[10] Teori inilah yang kemudian menjadi asas yang dipraktikkan oleh negara lain dan merupakan pemula lahirnya undang-undang laut antarabangsa dalam era tersebut. Pada akhir abad ke-19, tiga batu nautika bagi perairan wilayah telah hampir di terima di kebanyakan negara di dunia. Kejatuhan orde lama undang-undang laut dipercayai bermula pada tahun 1930 apabila prinsip yang beratus tahun lamanya diterima pakai mula diabaikan oleh negara baru (Koh, 1987: 716).

Antara punca-punca tersebut adalah, bermula dengan beberapa peristiwa kegagalan persidangan berhubung perairan wilayah,[11] tindakan British tidak mempertahankan prinsip tiga batu nautika dan kemunculan Proklamasi Truman.[12] Bertitik tolak daripada permasalahan ini, maka wujudlah istilah undang-undang laut antarabangsa yang

dikukuhkan atau diperkenalkan oleh Barat.[13] Sebelumnya, pentafsiran mengenai sejarah undang-undang laut antarabangsa boleh dikatakan bermula seawal keagungan Empayar Rom dan abad pertengahan.[14] Dalam konteks sejarah, nyata, sudah berlaku pelbagai konflik kelautan antara negara Barat dan memunculkan istilah-istilah pelbagai mengenai kelautan.[15] Evolusi mengenai sejarah undang-undang laut antarabangsa kemudiannya dikukuhkan pada tahun 1958 apabila PBB mengadakan persidangan pertama berhubung Undang-Undang Laut Antarabangsa.[16] Persidangan ini berjaya merumuskan dan menerima pakai empat keputusan antaranya, Konvensyen Perairan Wilayah dan Zon Berdampingan, Konvensyen Perikanan dan Sumber Hidupan di Laut Dalam, Konvensyen Laut Lepas, dan Konvensyen Pelantar Benua (Oda, 2002: 1). Walau bagaimanapun, konvensyen tersebut gagal memuktamadkan hak untuk menentukan perairan wilayah. Pada tahun 1960, Konvensyen Undang-undang Laut Antarabangsa Kedua PBB juga gagal menerima jarak perairan wilayah. Beberapa keputusan baru dan lengkap hanya berjaya dicapai berbanding cabang undang-undang antarabangsa yang lain selepas rundingan pada siri UNCLOS ketiga pada tahun 1974-1982. Berdasarkan konvensyen undang-undang laut antarabangsa yang 'baru' ditandatangani itu, setiap negara pesisir pantai berhak untuk melaksanakan zon maritim mengikut bidang kuasa masing-masing.

Justeru itu, zon maritim di bawah Konvensyen Undang-undang Laut Antarabangsa telah dibahagikan kepada beberapa bahagian. Antaranya adalah mengenai bahagian Laut Wilayah (*territorial sea*), Zon Berdampingan (*contiguous zone*), Zon Ekonomi Eksklusif (*economics exclusive zone*), Laut Lepas (*high seas*), Pelantar Benua dan kawasan dasar laut dalam (*deep seabed area*) (Keyuan, 2005: 37; Haniff A, 2009: 114). Berdasarkan Artikel 3, setiap negara mempunyai hak untuk membentuk kelebaran Laut Wilayah sehingga tidak melebihi 12 batu nautika. Kelebaran Laut Wilayah ini perlu dikira berasaskan garis pangkal di mana air surut sepanjang pesisiran pantai seperti mana yang telah ditandakan di dalam peta atau carta yang diiktiraf negara. Zon Berdampingan terbentuk tidak melebihi 24 batu nautika dari garis pangkal selepas kelebaran Laut Wilayah dikira. Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) pula merupakan kawasan yang melebihi dan berdekatan dengan Laut Wilayah dan jaraknya tidak melebihi 200 batu nautika bermula dari garis pangkal di mana kelebaran Laut Wilayah dikira. Akhir sekali, peruntukan berhubung Laut Lepas meliputi semua sekali yang tidak terkandung di dalam Zon Ekonomi Eksklusif, Laut Wilayah atau Laut

Dalam atau perairan kepulauan di dalam negara kepulauan (UNCLOS, 1982).

Dalam konteks konsep negara yang dibentuk Barat, nyata sistem perjanjian di antara kuasa Barat dan elit tempatan mempengaruhi aspek pembahagian wilayah. Tamsilnya, Perjanjian Tordesillas, Perjanjian Zaragoza dan Perjanjian Westphalia telah memberi kesan terhadap konsep kewilayahan dan negara pada masa kini. Maka, tidak hairanlah apabila ada negara yang menggunakan asas sejarah zaman tradisional dan wujud juga tuntutan terhadap sebuah kawasan menggunakan asas sejarah kolonial Barat. Dalam masa yang sama, konsep Barat yang diperkenalkan semestinya memberikan implikasi kedaulatan terhadap rantau Asia Tenggara. Kebanyakan proses penandaan sempadan di antara rantau yang ditentukan oleh kuasa Barat selepas tamatnya PDII pada tahun 1945 mengakibatkan pertindihan sempadan kurang jelas dan mencetuskan pertikaian wilayah sama ada darat atau lautan (perairan). Kedaulatan merupakan aspek penting dalam soal pertikaian wilayah. Setiap negara berdaulat mempunyai ciri-ciri tertentu, termasuk sempadannya sendiri. Pertikaian wilayah menunjukkan bahawa kedaulatan tidak semestinya bersifat tetap kerana undang-undang antarabangsa mengambil kira pelbagai faktor semasa proses menentukan kedaulatan sebuah wilayah. Dalam hal ini, Sumner (2004) berpendapat bahawa kebanyakan kes pertikaian wilayah yang dibicarakan oleh ICJ berdasarkan beberapa elemen seperti perjanjian, geografi ekonomi, kebudayaan, kawalan efektif, sejarah, prinsip *uti possidetis* (sempadan sebuah negara tidak berubah, melainkan ia diperuntukkan sebaliknya oleh perjanjian), elitisme dan ideologi (Sumner, 2004: 1778-1812).

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, konsep wilayah dan kelautan mengikut pensejarahan Asia sebelum dan selepas tahun 1600 dipelopori oleh elemen Perajaan dan Negara. Elemen Perajaan mempengaruhi kewujudan sebuah wilayah melalui keabsahan seorang Raja yang memimpin sebuah kerajaan. Dalam masa yang sama, kewibawaan seorang Raja yang mempunyai kebijakan dan pendirian yang teguh menentukan hubungan dua buah pusat kuasa yang terlibat dalam suatu pemerintahan. Sebuah wilayah dan kelautan zaman tradisional tidak mempunyai persempadanan yang tetap waima segi keluasan boleh

menjangkau hingga beberapa kawasan yang luas. Kebiasaannya, penentuan sebuah wilayah ini akan berubah dan dipengaruhi oleh konsep Mandala. Selain itu, konsep wilayah dan kelautan tradisional ini juga dipengaruhi oleh faktor China melalui penerapan beberapa sistem dalam hubungan antarabangsa yang bersifat hierarki dan berlandaskan kepada tatasusila Orde Dunia China kuno. Sistem tributari China yang diamalkan dan meluas di kawasan luar wilayah China merupakan sistem tradisional yang diamalkan sebelum Dinasti Ming bertujuan untuk menyebarkan tamadun ke semua negeri sekelilingnya di sebelah utara, barat dan selatan yang dianggap sebagai masyarakat gasar. Walau bagaimanapun, kedatangan kuasa Barat telah menjejaskan dominasi China menggantikan sistem tradisional China dengan sistem perjanjian kuasa Barat seperti yang diamalkan oleh British.

Kuasa Barat telah memperkenalkan konsep moden yang telah mengubah kefahaman tentang aspek negara, kedaulatan, wilayah maritim dan konsep-konsep lain yang berbeza dengan konsep tradisional yang diketahui. Dalam hal ehwal kedaulatan maritim, pelbagai undang-undang kelautan antarabangsa yang diperkenalkan telah mendorong kepada pelbagai isu dan pertikaian sama ada dalam era kolonial hingga moden. Tidak keterlaluan mengatakan bahawa, kepelbagaian fahaman, teori dan konsep kelautan telah mengakibatkan percanggahan atau kekeliruan yang merintis kepada isu tuntutan bertindih khususnya bagi wilayah kelautan. Barat juga antara yang pertama telah melanggar kodifikasi undang-undang kelautan yang dibentuk dan sebenarnya mempunyai perkaitan sehingga kini melibatkan wilayah bekas jajahan kolonial. Walaupun terdapat usaha dan tindakan oleh Barat ke arah penyelesaian isu kedaulatan maritim, perkara ini tidak mudah diselesaikan akibat daripada pelbagai faktor. Sebagai contoh, klausa perundangan antarabangsa yang diperuntukkan selalunya bercanggah dengan fahaman ataupun pengetahuan sebuah negara yang dipengaruhi oleh unsur-unsur sejarah dan sentimen kenegaraan masing-masing.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

Abdullah Zakaria. (2004). Sempadan Negeri Melayu Sebelum Campur Tangan British*. Bengkel Pengesahan Fakta Sejarah Persempadanan Negeri-negeri di Tanah Melayu.* Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.

Ahmad Abdi Amsir. (2021). Perjanjian Westphalia dan Momentum Pendirian Negara Modern. *Sulesana.* Vol. 15 (1). Makassar: Fakultas Ushuludin & Filsafat UIN Alauddin Makasar.

Ahmat Adam. (2016). *Sulalat u's-Salatin: Yakni Pertuturan Segala Raja-Raja Melayu*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.

Amy Azuan Abdullah. (2023). Keberadaan dan Penglibatan Kuasa-Kuasa Barat di Laut China Selatan, 1600-1975. *Tesis Kedoktoran.* Kota Kinabalu: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UMS.

Baslar, K. (1997). *The Concept of the Common Heritage of Mankind in International Law.* Leiden: Martinus Nijhoff Publishers.

Becker, B. (2021). *France and Germany in the South China Sea, c. 1840-1930: Maritime Competition and Imperial Power*. Switzerland: Springer Nature Switzerland AG.

Borschberg, P. (2011). *Hugo Grotius, the Portuguese and Free Trade in the East Indies.* Singapore and Leiden: Singapore University Press and KITLV Press.

Brown, C.C. (1976). *Sejarah Melayu of Malay Annals*, (Terj.). Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Chairul, A. (1998). *Horizon Baru Hukum Laut Internasional.* Jakarta: Djambatan.

Christie, J.W. (1985). "Theatre States and Oriental Despotisms: Early Southeast Asia in the Eyes of the West". *Occasional Paper No. 10*. Yorkshire: University of Hull.

Dar, K.B. (2012). Satu Kajian Mengenai Konsep Wufu dan Zhongguo dalam Hubungan Luar China. *Jurnal Perspektif*. Vol. 4. Pulau Pinang: Penerbit USM.

Dreyer, E.L. (1982). *Early Ming China: a political history, 1355-1435.* California: Stanford University Press.

Fairbank, J.K. & Su, Y.T. (1961). *Ching Administration: Three Studies*. Cambridge: Harvard University Press.

Fogel, J.A. (2009). *Articulating the Sinosphere.* Vol. 11. Cambridge: Harvard University Press.

Geldern, R.H. (1956). *Conception of State and Kingship in Southeast Asia*. New York: Cornell University Press.

Gottmann, J. (1975). The Evolution of the Concept of Territory. *Social Science Information.* Doi: 10.1177/053901847501400302.

Gungwu, W. (1992). "China and South-East Asia 1402-1424". Dalam, Chen, J. & Tarling, N. (Peny.). *Studies in the Social History of*

China and South-East Asia: Essays in Memory of Victor Purcell. Cambridge: Cambridge University Press.

Gungwu, W. (1968)." Early Ming Relations with Southeast Asia: A Background Essay". Dalam, Fairbank, J.K. (Peny.). *The Chinese World Order*. Cambridge: Harvard University Press.

Haniff, A. (2009). Satu Tinjauan Awal: Kemungkinan Perluasan Zon Maritim Singapura Kesan Kes Pulau Batu Puteh. Dalam, *Jurnal Pemikir.* Kuala Lumpur: Kumpulan Utusan Malaysia.

Hayton, B. (2015). *The South China Sea, The Struggle for Power in Asia.* United States: Yale University Press.

Horsman, M. & Marshall, A. (1994). *After the Nation: Citizens, Tribalism and The New World Disorder*. London: Harpercollins Publisher.

Keyuan, Z. (2005). "Implementing United Nations Convention on Law of the Sea in East Asia: Issues and Trends". Dalam, *Singapore Year Book of International Law.* Singapore: NUS.

Koh, T.T.B. (1987). Negotiating A New World Order for the Sea. Dalam, Snyder, F.E. & Sathirathai, S. *Third World Attitudes Toward International Law an Introduction*. Leiden: Martinus Nijhoff Publishers.

Koh, T.T.B. (1982). "A Constitution for the Ocean". Dalam, *Third United Nations Conference on the Law of the Sea.* Montego Bay: Jamaica. 6-11 Disember.

Kueh, Y.Y. (2012). *Pax Sinica: Geopolitics and Economics of China's Ascendance*. Hong Kong: Hong Kong University Press.

Meurer, C. (1919). *The Program of the Freedom of the Sea: A Political Study in InternationalLaw,* (Terj.). Washington: Government Printing Office.

Oda, S. (2002). "Some Reflections on Recent Developments in the Law of the Sea". Dalam, *The Yale Journal of International Law.* New Haven: Yale University Press.

Pian, K.S. (1997). *Asia Tenggara: Hubungan Tradisional Serantau.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sumner, B.T. (2004). Territorial Disputes at the International Court of Justice. Dalam, *Duke Law Journal.* United States: Duke University School of Law.

Sureda, A.R. (1973). *The Evolution of the Right to Self Determination Right.* Leiden: Sijthoff.

Veeraphol, S. (1977). *Tribute and Profit: Sino-Sinamese Trade 1652-1853.* Cambridge: Harvard University Press.

Verzijl, J.H.W., Heere, W.P. & Offerhaus, J.P.S. (1979). *International Law in Historical Perspective*. Leiden: A.W. Sijthoff.

Wolters, O.W. (2018). *History, Culture and Region in Southeast Asian Perspectives.* New York: Cornell University Press.

Wolters, O.W. (1975). *The Fall of Srivijaya in Malay History.* Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Laman Sesawang

Huber, M. (1928). Report of International Arbitral Awards: Arbitration Decision in the 'Island of Palmas Case'. 4 April 1928. https://legal.un.org/riaa/cases/vol_II/829-871.pdf.

UNCLOS. (1982). https://www.un.org.

---

[1] Konsep *Pax Sinika* ini bermaksud "keamanan China" yang merujuk kepada istilah historiografi dalam tempoh kedamaian Asia Timur yang diketuai oleh China. Pelbagai tempoh *Pax Sinica* dianggarkan berjumlah dua ribu tahun bermula dari Dinasti Han, Dinasti Tang, Dinasti Yuan, Dinasti Ming dan Dinasti Qing. Konsep ini penting dalam menjelaskan tentang peranan China khususnya dalam zaman tradisional mencapai kestabilan masyarakat dan kestabilan ekonomi sama ada melibatkan wilayah daratan atau maritimnya berdasarkan pelbagai dasar. Sebagai contoh, dalam dinasti Tang, ia merupakan suatu tempoh zaman kegemilangan dalam sejarah China dalam *Pax Sinika* apabila "Jalan Sutera" dibentuk bagi memudahkan pertukaran ekonomi dan budaya antara China dan dunia luar. Konsep ini sebenarnya merupakan suatu istilah kebiasaan yang digunakan oleh kuasa-kuasa dunia. Misalnya, terdapat juga konsep *Pax Romana, Pax Americana, Pax Britannica, Pax Hispanica, Pax Ottomana* dan *Pax Sovietica.* Semua merujuk kepada sebuah empayar atau negara yang digunakan untuk merujuk suatu tempoh kedamaian atau sekurang-kurangnya kestabilan yang dikuatkuasakan oleh hegemoni. Sebagai contoh, *Pax Britannica* adalah tempoh perdamaian kuasa besar semasa empayar British menjadi kuasa hegemoni dan mengambil peranan sebagai "anggota polis global" antara tahun 1815 dan 1914. Melaluinya, *Royal Navy* British mengawal sebahagian besar laluan perdagangan maritim dan memiliki kekuatan laut yang tidak dicabar (Kueh, 2012).

[2] Secara ringkasnya, terdapat dua sekolah atau aliran asas yang memberikan tafsiran tentang perkembangan politik di rantau Asia Tenggara iaitu sekolah sosiologi dan sekolah "pemerintahan kuku besi ketimuran". Aliran sosiologi sangat dipengaruhi pemikiran Weber dan Heine-Geldern. Kedua-dua sarjana sosioantropologi termasuk sarjana lain dalam aliran tersebut membuat tafsiran mereka berdasarkan konsep negara yakni menekankan kefahaman yang unit politik tradisional Asia Tenggara itu tidak mempunyai sempadan yang tetap. Jatuh bangun sebuah negara adalah berkait dengan raja pemerintah atau pusat kuasa negaranya. Kekuatan sebuah negara adalah dalam keadaan yang bergerak yakni bergantung pada kebolehan kuasa moral dan kuasa militer dan karisma seorang raja pemerintahnya, ini penting bagi menjamin keselamatan dan kemakmuran negara. Oleh itu, pentadbiran sebuah negara merupakan

satu amalan dalam kepercayaan dak kuasa tarikan dan bukan paksaan (Christie, 1960; Geldern, 1956).

[3] Mandala hanya meluas dalam kalangan kuasa besar di rantau Asia Tenggara. Sebagai contoh, Raja Ayudhya pada awal abad ke-17 mengumumkan Mandala Ayudhya meliputi semua negeri atau kerajaan di sebelah timur Ayudhya iaitu Laos dan Kemboja. Melaka pada abad ke-15 juga mengklasifikasikan negeri-negeri berhampiran dengannya mengikut Mandala semasanya dengan negeri-negeri Semenanjung Tanah Melayu dan negeri-negeri pantai timur Sumatera seperti Indragiri dan Siak sebagai wilayah dalam mandalanya (Pian, 1997: 33).

[4] Sejak azali lagi, terpahat sudah di sanubari masyarakat China bahawa China itu adalah "semua di bawah langit" atau lebih dikenali sebagai *tianxia* yang mengasosiasi China itu adalah dunia dan dunia itu adalah China. Pandangan *tianxia* tercatat dalam buku klasik *Yu Gong (Tribute Yu),* iaitu penulisan tradisional yang dikaitkan dengan *Da Yu* (2205 SM - 2105 SM), dewa legenda tersohor masyarakat China kerana kejayaannya mengawal masalah banjir di Sungai *Huanghe*. Keterangan lanjut mengenai pandangan dunia China zaman tradisional (Dar, 2012: 28-43).

[5] China yang disebut sebagai *Zhongguo* sekiranya diterjemah secara harfiah dalam bahasa Cina bermaksud Negeri Tengah. Namun dalam Kitab klasik *San Zing (Three Character Classic)* menyebutnya bahawa *"wozhonghua, zaidongber* yang bermaksud China sebenarnya terletak di bahagian timur laut peta dunia (Dar, 2012: 28-43).

[6] China percaya bahawa *wufu* merupakan kayu pengukur terhadap tahap ketamadunan bangsa China berbanding dengan masyarakat yang dianggap gasar di luar daripada lingkungan China. Justeru, Maharaja China dianggap sebagai *tianzi* (anak syurga), dan masyarakat di luar lingkungannya didakwa sebagai bangsa gasar yang perlu dimurni ketamadunan dan peradaban mereka oleh *Zhongguo.* Konsep yang dikenali sebagai *wufu* (lima ikatan) ini menggariskan bahawa terdapat lima ikatan mengelilingi antara satu sama lain. Lima ikatan kekuasaan tersebut meliputi kawasan Maharaja *(dianfu*) meliputi daerah yang luasnya 500 /i (75 km) daripada tempat maharaja bersemayam *(wangji).* Kemudian ikatan tersebut dikembangkan meliputi kawasan bangsawan *(houfu).* Seterusnya diikuti dengan kawasan kekuasaan untuk menguatkuasakan keamanan *(suifu),* kawasan kekuasaan penyekatan *(yaofu)* dan yang terakhirnya ialah kawasan kekuasaan gasar *(huangfu)* dengan jaraknya 2,500 /i daripada *wangji.* Pada tanggapan China berdasarkan kepada *Zhouli (Rites of the Zhou), Qiu Quan (Ministry of Justice)* dalam *Daxing Ren (Senior Messenger)* bahawa, *Huangfu* didiami oleh suku kaum yang belum mempunyai kebudayaan dan ketamadunan. Konsep *Wufu* diasaskan sejak era Dinasti Shang (1766 SM-1722 SM) dan lebih ketara lagi semasa era Dinasti Zhou Barat (1027 SM-771 SM) apabila bermulanya pengurniaan wilayah-wilayah kepada ketua-ketua feudal yang telah berjasa sehingga terbentuknya kerajaan-kerajaan kecil di sekeliling China (Dar, 2012: 28-43).

[7] Secara ringkas, konsep *te* merupakan sumber segala kesucian kuasa politik yang ada pada seorang pemimpin dan membolehkan pemimpin itu menubuhkan sebuah dinasti dan memaparkan kewibawaannya. Dengan sistem pentadbiran yang baik dan bermoral, seorang raja dapat meningkatkan *te* supaya bukan sahaja rakyat China yang akan menikmati manfaat *te* itu tetapi semua masyarakat gasar, tidak kira terletak dekat atau jauh dari China, akan juga menerima dan mengakui kebesaran raja dan kerajaan China (Waley, 1938; Gungwu, 1968).

[8] Grotius menulis risalah itu semasa menjadi penasihat kepada Syarikat Hindia Belanda selepas penyitaan masalah kapal dagang Portugis, *Santa Catarina* (Borschberg, 2011).

[9] *Res communis* adalah istilah Latin yang berasal dari undang-undang Rom yang mendahului konsep masyarakat umum dan warisan bersama manusia hari ini. Ini mempunyai kaitan dengan undang-undang antarabangsa dan undang-undang umum. Pada abad keenam Masihi, Institut Justinian mengkodifikasikan undang-undang Rom yang relevan sebagai: "Dengan hukum alam, hal-hal ini biasa bagi manusia- udara, air mengalir, laut, dan pantai laut." Contoh biologi *res komunis* termasuk ikan dan mamalia di laut lepas. Peraturan untuk penggunaan benua Antartika didasarkan pada *res communis* seperti juga pengembangan undang-undang ruang angkasa. Istilah ini dapat dibandingkan *dengan res nullius*, konsep harta tanpa pemilik, yang dihubungkan misalnya dengan *terra nullius*, konsep wilayah tanpa hak di mana permukiman Inggeris di Australia didasarkan, walaupun merupakan rumah bagi penduduk asli (Baslar, 1997; Slomanson, 2010).

[10] Dalam penjelasan teori Kelompok Glossator yang dicetuskan oleh Bartholus selepas kejatuhan Empayar Rom, laut dibahagikan kepada laut yang dekat dengan pantai dan laut lepas. Laut yang dekat pantai tertakluk pada kedaulatan negara, sedangkan laut lepas merupakan laut yang bebas dari kekuasaan dan kedaulatan siapapun. Teori ini menjadi dasar bagi pembagian laut secara klasik iaitu laut teritorial dan laut lepas (Baslar, 1997).

[11] Keadaan ini dapat dilihat dalam kes Persidangan Den Haag 1930 apabila Liga Bangsa-Bangsa mengadakan Konferensi Kodifikasi Undang-Undang Antarabangsa yang meliputi tiga masalah yakni, kewarganegaraan (*nationality*); perairan teritorial (*territorial waters*); dan tanggung jawab negara untuk kerugian yang ditimbulkan dalam wilayahnya terhadap peribadi atau kekayaan orang asing (*responsibility of state*). Antara asas yang disepakati mengenai bidang kuasa laut oleh negara pantai hingga tahun 1930 adalah mengenai hakikat berdaulat di atas laut territorial, kebebasan berlayar di laut lepas, *right of innocent passage* di laut territorial dan hak *hot pursuit* di laut lepas. Walau bagaimanapun, Konferensi Kodifikasi Den Haag 1930 tidak berhasil mencapai kesepakatan tentang lebar laut teritorial. Namun demikian, beberapa masalah tentang laut territorial mula mendapat kesepakatan mengenai pengertian, ruang lingkup dan sifat hukum dari laut territorial itu sendiri. Selain itu ditetapkan pula mengenai persoalan lintas damai kapal-kapal asing melalui laut territorial, bidang kuasa negara pantai atas kapal-kapal yang berada dalam laut teritorial serta berkenaan hak *instantaneous pursuit* (Koh, 1987: 715-717).

[12] Proklamasi Truman diumumkan oleh Presiden Amerika Syarikat, Harry S. Truman pada 28 September 1945 yang mencadangkan kekayaan alam pada dasar laut dan tanah di bawahnya yang berbatasan dengan pantai AS untuk kepentingan bangsa AS terutama kekayaan mineral khususnya minyak dan gas. Proklamasi ini dianggap sebagai tindakan sepihak yang mengakibatkan pertikaian terhadap negara maritim lain khususnya mengenai Pelantar Benua dan kegiatan perikanan oleh Truman (Chairul, 1998).

[13] Definisi Undang-Undang Laut Antarabangsa merujuk kepada asas dan kaedah yang mengatur hak-hak dan kewajiban-kewajiban dari negara atas laut, baik laut di bawah bidang kuasa nasional negara pantai maupun laut lepas (*high seas*)

yang sifatnya bebas (*open seas*) dan menjadi milik masyarakat antarabangsa atau masyarakat bangsa-bangsa (Koh, 1987).

[14] Sebagai suatu empayar yang menguasai seluruh *Mediterranean Ocean*, persoalan penguasaan laut tidak menimbulkan persoalan undang-undang kerana tidak ada pihak lain yang menentang atau menggugat kekuasaan mutlak Rom atau Lautan Tengah. Keadaan berubah bila pada saat itu ada kerajaan-kerajaan lain yang dapat mengimbangi kekuatan Rom. Tujuan dari penguasaan Rom atas laut itu adalah untuk membebaskannya dari bahaya ancaman lanun yang mengganggu keamanan pelayaran di laut. Keadaan ini menyumbang kepada perkembangan perdagangan dan kesejahteraan masyarakat yang berada di bawah kekuasaan Rom (Koh, 1987).

[15] Antara konflik kelautan awal melibatkan kuasa Barat adalah tuntutan Venetia terhadap sebahagian besar Laut Adriatik. Tuntutan mereka diakui oleh Paus Alexander III dalam tahun 1177. Berdasarkan kekuasaannya atas Laut Adriatik ini, Venetia memungut cukai terhadap setiap kapal yang berlayar di sana. Genoa menuntut kekuasaan atas Laut Liguria dan sekitarnya dengan melakukan pelbagai tindakan untuk mengesahkan tuntutannya. Hal yang sama juga dilakukan oleh Pisa yang menuntut dan melakukan tindakan-tindakan penguasaan atas Laut Thyrrhenia. Antara istilah mengenai kelautan yang diperkenalkan oleh Barat sebelum abad ke-17 sehingga abad ke-19 adalah: Istilah *Res Communis Omnium*, istilah *res nullius*, istilah negara pantai, istilah negara terkurung, istilah *in Land Waters* dan istilah Perairan Pedalaman (Koh, 1987).

[16] Terdapat tiga faktor yang mempengaruhi perubahan dalam undang-undang laut antarabangsa selepas PDII. Pertama, faktor pertambahan jumlah negara yang merdeka sehingga mengakibatkan perubahan peta bumi politik yang semakin luas diseluruh dunia setelah berakhirnya PDII. Kedua, faktor kemajuan teknologi sebagai akibat tambahan dari kemajuan dalam teknologi yang terjadi dengan pesat selama PDII. Ketiga, pertambahan kebergantungan negara-negara pada hasil laut sebagai sumber kekayaan alam, termasuk sumber mineral minyak dan gas (Koh, 1987).

Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2022, Vol.7 (1), hlm. 25-42
e-ISSN: 2600-8726© Fendi Tunai Yahya
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

TUGU PERINGATAN MALAYSIA, KOTA KINABALU, SABAH

Malaysia Monument, Kota Kinabalu, Sabah

Fendi Tunai Yahya[1]

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
[1]*fenditunaiyahya@gmail.com*
Dihantar:24 Mac 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023

Abstrak

Warisan budaya, khasnya warisan yang berunsurkan tinggalan tapak monumen merupakan sebuah warisan yang amat signifikan dan bermakna buat masyarakat yang mengamatinya. Hal ini kerana binaan-binaan sedemikian merupakan satu tinggalan yang berupaya memainkan peranan ke arah memartabatkan nilai sesuatu etnisiti, kaum mahupun bangsa. Selain berfungsi sebagai pemangkin kepada pembangunan sosial dan ekonomi, warisan budaya juga berpotensi diangkat sebagai lambang dan identiti sebuah nasion. Objektif kajian secara dasarnya akan tertumpu kepada usaha mengetengahkan tapak warisan sebagai prospek pelancongan, di samping meneliti isu dan cabaran, serta cadangan dalam usaha pemantapan tapak warisan dari aspek perlindungan, pemuliharaan dan pemeliharaan sebagai inisiatif penambahbaikan pada masa hadapan. Kaedah kajian akan sepenuhnya akan menggunakan pendekatan kualitatif, dengan melakukan referensi terhadap sumber primer dan sekunder bagi menjayakan kajian.

Kata Kunci: Warisan budaya, Tugu Peringatan Malaysia, Sabah

Abstract

The cultural heritage, especially the heritage that is characterized by the remains of monument sites, is a very significant and meaningful heritage for the community that observes it. This is because such structures are a legacy that is playing a role in dignifying the value of a particular ethnicity, community, or nation. In addition to serving as a catalyst for social and economic development, cultural heritage also has the potential to be elevated as a symbol and identity of a nation. The

research objective will mainly focus on efforts to highlight heritage sites as tourism prospects, as well as examining issues and challenges, and proposals in efforts to strengthen heritage sites from the aspects of protection, restoration, and preservation as an improvement initiative in the future. The research method will fully utilize a qualitative approach, by referring to primary and secondary sources to ensure the success of the study.

Keywords: *Cultural Heritage, Malaysiam Monument, Sabah*

Pengenalan

Kota Kinabalu yang mencapai status bandar raya pada tahun 2000. Terletak pada latitud 5.983º dan longitud 116.07º di pantai barat negeri Sabah, dengan keluasan kira-kira 351 kilometer persegi. Dari keseluruhan keluasan pembangunan di Kota Kinabalu pada setakat tahun 2005, lebih 50% masih lagi terdiri dari kawasan hutan, di samping 20% digunakan untuk tujuan infrastruktur, 12% untuk tujuan perniagaan, 10% untuk tujuan kediaman dan perumahan, 7% bagi fungsi kemudahan awam dan baki 1% lagi digunakan sebagai kawasan perindustrian (*Ensiklopedia Dunia*, 2005: 456). Seperti di Semenanjung Malaysia, Sabah juga mempunyai warisan kebudayaan dalam konteks warisan bina bandar yang banyak, namun semakin terhad bilangannya. Salah satu warisan yang dimaksudkan ialah Tugu Peringatan Malaysia, sebuah monumen yang dibina sebagai memperingati partisipasi Sabah di samping Sarawak, Persekutuan Tanah Melayu, dan Singapura untuk membentuk sebuah persekutuan yang dinamai Malaysia pada tahun 1963 (Zainuddin, 2014; Zainuddin, 2018: 122). Terletak di Lintasan Deasoka yang hanya bersebelahan dengan pejabat Dewan Bandar Raya Kota Kinabalu (DBKK) di Pusat Bandar Raya Kota Kinabalu, masyarakat yang terdiri daripada rakyat tempatan mahupun pelancong tempatan mampu menyaksikannya secara terbuka, baik pada waktu siang mahupun malam.

Melihat kepada signifikan historikal pembinaan monumen ini, sudah pasti akan membawa suatu nostalgia kembali ke tahun asal penubuhan Malaysia itu sendiri, iaitu pada sekitar tahun 1963. Biarpun pada dasarnya pembentukan Malaysia itu dinilai pada prosesnya yang berjalan dengan aman melalui pelbagai siri rundingan dan libat sama pelbagai pihak dari wilayah-wilayah yang terlibat (Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura), namun pada hakikatnya masih

terdapat ancaman politik dan ketenteraan dari luar seperti Indonesia dan Filipina, di samping tidak menafikan ancaman-ancaman dalaman yang wujud di sekitar wilayah-wilayah pembentukan Malaysia itu sendiri (Stockwell, 2004: 585-686; Bala, 2018). Oleh yang demikian, pembinaan tugu ini adalah sesuai sebagai tanda ingatan kepada pengorbanan ramai pihak, daripada pemimpin-pemimpin politik sehinggalah kepada masyarakat tempatan itu sendiri dalam merealisasikan gagasan pembentukan Malaysia sehingga mencapai kejayaan. Sudah tentu pada akhirnya, kejayaan tersebut harus sampai ke setiap sanubari masyarakat kini sebagai usaha meningkatkan nilai apresiasi mereka terhadap sejarah dan kedaulatan negeri Sabah yang perlu dimartabat dan dipertahankan.

Selain daripada peningkatan nilai edukasi dan apresiasi masyarakat terhadap fakta sejarah di sebalik binaan Tugu Peringatan Malaysia ini, usaha terhadap perlindungan, pemuliharaan, pemeliharaan dan promosi pelancongan kebudayaan juga perlu dijalankan di tapak warisan ini. Sejak usaha pembangunan negeri yang dijalankan sejak sebelum tahun 1963 sehingga kini, sedikit sebanyak telah menggabungkan ciri-ciri lama dan baharu pada bandar raya ini. Ini dapat dilihat pada pembinaan bangunan-bangunan moden di samping pengekalan beberapa tapak bersejarah sekitar seperti Padang Merdeka, Jalan Gaya, Menara Jam Attkinson, termasuklah Tugu Peringatan Malaysia (Zainuddin & Bala, 2021). Di sebalik tindakan-tindakan tersebut, sudah pasti terdapat pelbagai isu dan cabaran yang timbul dalam usaha pengekalan tapak warisan, khususnya tapak warisan di Tugu Peringatan Malaysia ini.

Sejarah Kota Kinabalu

Kota Kinabalu, yang dahulunya lebih sinonim dengan nama Jesselton kini merupakan sebuah bandar raya dan ibu negeri di Sabah. Jesselton yang dijadikan sebagai ibu kota bagi pentadbiran *British North Borneo* telahpun bermula pasca Perang Dunia Kedua (1939-1945), merupakan lokasi yang strategik dengan kedalaman air laut yang sesuai untuk tujuan pelabuhan, di samping merupakan suatu kawasan yang sesuai di antara laluan kapal yang berlayar antara benua Eropah dengan China, Filipina, sehinggalah ke Jepun. Pada masa yang sama, lokasi Jesselton juga difikirkan sesuai berdasarkan potensinya sebagai pelabuhan bagi kawasan-kawasan pedalaman. Ini akan membawa kepada pembinaan

landasan kereta api yang menghubungkan antara Jesselton dengan kawasan-kawasan pedalaman lain. Hakikatnya, pelan menjadikan Jesselton sebagai pusat pentadbiran dan perdagangan bagi *British North Borneo Chartered Company* (BNBCC) telahpun bermula sejak tahun 1899 lagi (*Encyclopedia Britannica,* 2010; Zainuddin & Bala, 2021: 6-8).

Pada peringkat awal pembukaan kawasan Jesselton sebagai kawasan pentadbiran dan pelabuhan, ia telah dipertanggungjawabkan di bawah kelolaan pentadbiran daerah Keppel dan Henry Stanhope Hayes (Danny Wong Tze Ken, 2004: 20). Pada penghujung tahun 1900-an, barulah Francis George Atkinson telah dilantik sebagai pegawai daerah bagi menggantikan Hayes. Pentadbiran awal di Jesselton tidaklah sepenuhnya dikuasai oleh British, apabila terdapat juga wakil peribumi yang dilantik di situ, iaitu OKK Mohd. Hassan yang ketika itu merupakan Ketua Gred 1, juga turut terlibat di dalam Majlis Penasihat Ketua Anak Negeri. Jesselton dalam pada itu telah dibangunkan berdasarkan pelan pembangunan menerusi kaedah pelan susun guna tanah. Ini amatlah sesuai dengan perancangan awal BNBCC yang mengetengahkan kemudahan perhubungan (pelabuhan dan landasan kereta api) di samping pembinaan bangunan-bangunan di sekitar Jesselton itu sendiri (Zainuddin & Bala, 2021: 8).

Lanjutan daripada perkara di atas, pihak BNBCC telah menyediakan Laporan Perancangan Bandar pada tahun 1927 kepada Gabenor Borneo Utara. Melalui pelaporan tersebut, terdapat tiga pelan utama telah digariskan iaitu sebagai mana menurut Abdul Samad Hadi (1990: 30-31):

i. Pelan A: Menunjukkan kawasan bandar dan rekomendasi peningkatan lanjutan kawasan tersebut seperti mana yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Perancangan Bandar.
ii. Pelan B: Menunjukkan kawasan cadangan tersebut.
iii. Pelan C: Menunjukkan aliran pembangunan dalaman bandar.

Foto 1: Bandar Jesselton pada tahun 1903
Sumber: Danny Wong Tze Ken (2004: viii)

Pada tahun 1902, sebuah *Sanitary Board* telah diwujudkan dan sekali gus mentadbir Jesselton pada sekitar tahun 1931 (King Chung Aik, 1992: 75). Peranan lembaga tersebut adalah hampir serupa dengan bidang kuasa yang diberikan kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu pada hari ini, yang antara lainnya berfungsi di dalam pengawalseliaan kebersihan dan keceriaan. Ini merangkumi beberapa aspek seperti pananaman dan penjagaan pokok dan landskap, pemantauan dan pembersihan terhadap tandas-tandas awam, tong-tong sampah dan takungan najis, serta kawalan terhadap perigi, tangka dan sumber air (Zainuddin & Bala, 2021: 10). Menjelang tahun 1935, kemajuan Jesselton dari sudut utiliti, pembangunan dan pengangkutan sudahpun mulai kelihatan. Kemajuan-kemajuan seperti ini menggalakkan pertumbuhan sosioekonomi yang jauh lebih baik, dengan taraf hidup masyarakat setempat telah diperbaiki serta menggalakkan aktiviti perniagaan dan perdagangan di kota tersebut.

Pasca Perang Dunia Kedua dan pendudukan Jepun di Jesselton telah menyebabkan kerosakan hampir sepenuhnya pada infrastruktur dan bangunan. Akhirnya pada 5 Julai 1946, Borneo Utara (termasuk Jesselton) dan Labuan terpaksa diserahkan kepada British untuk dijadikan sebagai *crown colony* bagi mengurangkan beban kewangan akibat kemusnahan dalam semua aspek. Pada rekod Cecilia Leong (1982: 187), laporan yang dikemukakan oleh British menunjukkan lebih

daripada 800 buah bangunan yang ada di Borneo Utara dan Labuan, 614 buah daripadanya telah musnah, dan 266 buah lagi mengalami tahap kerosakan yang kritikal.



Foto 2: Bandar Jesselton pada tahun 1937
Sumber: Johan M. Padasian (1981)

Foto 3: Kemusnahan Jesselton pada tahun 1945
Sumber: Australia War Memorial (t. th.)

Foto 4: Jesselton pada tahun 1961
Sumber: Jabatan Penerangan Malaysia (t. th.)

Foto 5: Kota Kinabalu pada tahun 2015
Sumber: Asnida Riani (2015)

Hakikatnya, kadar pembangunan di Jesselton tampak lebih pantas pada pasca Perang Dunia Kedua. Beberapa peringkat pembangunan telah dilakukan, seperti pembangunan berbentuk transisi

dan sementara sehingga pada tahun 1949, pembinaan kekal (selepas tahun 1949), pelan pengezonan (1952-1963), dan pelan pengezonan jangka panjang (1963 sehingga seterusnya) (King Chung Aik, 1992; Zainuddin & Bala, 2021). Bahkan pasca penyertaan Sabah di dalam Malaysia pada tahun 1963, aktiviti perancangan bandar di Kota Kinabalu semakin rancak sehingga hari ini. Selepas penjenamaan Kota Kinabalu sebagai sebuah bandar raya pada tahun 1999, peningkatan infrastruktur dilihat sejajar dengan peningkatan kepadatan penduduk dari tahun ke tahun.

Justifikasi dan Kepentingan Tapak Warisan

Tugu Peringatan Malaysia didirikan oleh masyarakat sekitar Jesselton (kini dikenali sebagai Kota Kinabalu) sebagai memperingati berlakunya peristiwa pembentukan Malaysia pada tarikh 16 September 1963. Setakat kajian ini, usia monumen ini telahpun mencapai angka 59 tahun, sejajar dengan usia Malaysia sebagai sebuah negara persekutuan. Dengan biaya pembinaan sebanyak $11 000, tugu tersebut didirikan benar-benar di lokasi asal Deasoka (bertapak di Lorong Deasoka), sebuah kawasan terawal di Jesselton. Pembinaan tugu ini melalui masa-masa yang singkat, iaitu 20 hari sebelum tanggal 16 September 1963 dengan banyak persatuan mulai menjadi penaja, termasuklah *North Borneo Chinese Association* dan *Jesselton Chinese Chambers of Commerce* (*Daily Express*, 2022). Signifikan pembiayaan oleh komuniti Cina terhadap pembinaan Tugu Peringatan Malaysia memperlihatkan partisipasi mereka dalam meraikan Hari Malaysia bersama-sama dengan komuniti peribumi Sabah yang lain. Ini juga memperlihatkan sumbangan komuniti Cina terhadap pembangunan Jesselton pada ketika itu, khasnya dalam soal perniagaan dan perdagangan.

Dengan reka bentuk monumen yang diserlahkan dengan motif seni bina yang sinonim dengan masyarakat Cina, Tugu Peringatan Malaysia berdiri dengan warnanya yang serba kelabu di samping tulisan teks rumi dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris, serta tulisan kaligrafi Cina sebagai transilerasi kepada maksud yang sama dengan kedua-dua bahasa itu tadi. Sehingga hari ini, tugu ini diletakkan di bawah seliaan pihak DBKK dan dijangka akan diwartakan sebagai salah satu tapak warisan budaya di Sabah (Zainuddin, 2014: 120). Potensi Tugu Peringatan Malaysia sebagai prospek pelancongan warisan amatlah tinggi, memandangkan ia benar-benar terletak di kawasan lalu-lalang pejalan kaki dan lalu lintas kenderaan. Tidak setakat itu, lokasinya

juga berhampiran dengan tapak perniagaan Tamu Jalan Gaya yang beroperasi pada setiap pagi hujung minggu, selain daripada tapak perniagaan Pasar Malam Makanan Kota Kinabalu yang beroperasi pada setiap malam minggu. Akses ke tapak warisan ini amatlah mudah memandangkan ia tidak diletakkan sebarang pagar yang mengelilinginya.

Foto 6: Tugu Peringatan Malaysia, Kota Kinabalu

Isu dan Cabaran

Adalah menjadi suatu kelaziman dalam pengurusan sumber warisan apabila akan berlaku sesuatu isu dan cabaran yang menimpa kepada mana-mana tapak warisan bina. Ini bersandarkan kepada perkembangan ekonomi, politik dan fizikal yang berjalan seiring dengan masa. Demi mengejar pembangunan dan keuntungan ekonomi semata-mata, konsistensi terhadap usaha menjaga kepentingan warisan budaya khasnya warisan bina sering kali terpaksa dikesampingkan (Baszley Bee, 2009: 57). Dalam konteks Bandar Raya Kota Kinabalu yang mengalami transisi pembangunan daripada sebuah perkampungan atas air kepada sebuah pusat perdagangan yang utama di Sabah, sudah tentu tapak-tapak warisan bina yang wujud di sekitar bandar raya tersebut mengalami impak dan ancaman, sama ada ia datang dari faktor ejen

perosak (semula jadi atau tiruan) ataupun daripada faktor manusia itu sendiri.

Dalam kes Tugu Peringatan Malaysia, monumen ini juga tidak terlepas dari permasalahan yang berlaku. Direkodkan pada sekitar tahun 2018, plak peringatan yang terdapat pada tiang utama tugu tersebut pernah dicuri oleh pihak yang tidak bertanggungjawab (Foto 7). Bahkan, usaha untuk menggantikan semula plak peringatan tersebut oleh pihak pengurusan warisan yang bertanggungjawab juga mengambil masa yang amat lama (Zainuddin, 2018: 124). Tugu ini juga tidak diletakkan sebarang tanda pagar, menyebabkan tapak warisan tersebut mudah terdedah kepada pencerobohan dan kecenderungan kes kecurian yang berulang, ditambah dengan peningkatan risiko vandalisme oleh golongan yang memandang rendah akan peri pentingnya tapak warisan ini.

Sehinga hari ini, bangunan dan struktur monumen ini juga berpotensi mengalami impak kerosakan (baik secara ejen semula jadi ataupun tiruan) daripada aktiviti sekeliling, seperti pembinaan bangunan-bangunan hotel dan perniagaan yang masih berjalan (setakat pada kajian ini), kewujudan stesen minyak dan aktiviti lalu lintas kenderaan. Tinjauan lapangan oleh pengkaji pada waktu tengah malam juga mendapati terdapat segelintir individu atau berkumpulan yang melakukan aktiviti sosial yang tidak bermoral, di samping terdapat juga individu yang disyaki gelandangan tidur di sekitar kawasan itu. Adalah lebih malang lagi apabila tindakan penguatkuasaan daripada pihak berwajib seperti rondaan sekitar kawasan tapak warisan ini tidak dilakukan dengan kerap, membolehkan risiko kerosakan pada kawasan tersebut semakin meningkat. Senario-senario yang berlaku ini menggambarkan bahawa kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pengurusan sumber warisan secara kolektif dan komprehensif amatlah menyedihkan, selain daripada ketiadaan pendedahan awal di peringkat edukasi dan kekurangan maklumat tentang perundangan berkaitan warisan (Yazid Salleh, 2010).

Foto 7: Plak peringatan yang pernah dicuri oleh individu tidak bertanggungjawab

Dalam konteks tapak warisan sebagai suatu potensi pelancongan warisan, Tugu Peringatan Malaysia sememangnya masih ketinggalan dari sudut itu. Maksud ketinggalan di sini bukanlah disebabkan oleh ketiadaan langsung para pelancong dan masyarakat ke kawasan tersebut. Tetapi, objektif dan ketersampaian maklumat mengenai latar belakang tapak warisan ini tidak dapat dicapai. Tamsilnya, komuniti yang berada di tapak tidak berupaya mendapatkan sebarang informasi yang mencukupi serta mampu menjelaskan asal usul dan sebab berdirinya monumen itu. Justeru, komuniti juga mengalami kesukaran untuk mendapatkan informasi apabila tiada siapapun individu mahupun perwakilan daripada unit atau jabatan organisasi pengurusan sumber warisan yang wujud secara terbuka dan mandiri. Malaysia sememangnya sebuah negara yang kaya dengan warisan-warisan sejarah perlu diangkat sebagai industri pelancongan yang berupaya menjana pendapatan melaluinya (Zuliskandar Ramli et. al., 2015: 472).

Kaedah Pengurusan Warisan yang Dilaksanakan

Secara prinsipnya, pendekatan dalam proses pengurusan warisan merangkumi empat perkara yang harus bergerak secara bersama. Proses tersebut ialah perlindungan, pemuliharaan, pemeliharaan dan pelancongan warisan bagi mana-mana tapak warisan budaya. Secara dasarnya, Tugu Peringatan Malaysia ini masih belum digazetkan sebagai

tapak warisan oleh mana-mana pihak sama ada di peringkat pusat ataupun negeri. Adapun, pihak yang bertanggungjawab terhadap keseluruhan aspek konservasi dan pemeliharaan buat masa ini hanyalah di bahu Dewan Bandar Raya Kota Kinabalu (DBKK) sahaja (Zainuddin, 2014). Sudah tentu sekiranya perkara ini kekal pada penyeliaan peringkat kerajaan tempatan dalam tempoh yang lama, tidak wujud sebarang jaminan yang signifikan terhadap kemaslahatan monumen bersejarah ini apabila autoriti pihak DBKK hanyalah signifikan pada tempoh jangka pendek sahaja dari sudut kawalan dan tindakan legalisasi berdasarkan kepada Seksyen 38(1) dan 49(1)(23) Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (Rang Undang-Undang Negeri Sabah, 1962).

Foto 8: Tugu Peringatan Malaysia yang benar-benar terletak bersebelahan dengan pejabat Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK)

Berbincang soal pemuliharaan, pihak DBKK sememangnya memainkan peranan dalam perkara ini. Di bawah tanggungjawab Jabatan Landskap DBKK, terdapat dua poin yang menunjukkan komitmen jabatan ini terhadap kelestarian tapak warisan; pertama, sebuah Garis Panduan Perancangan dan Senireka Landskap dirangka dan dijalankan dengan mengambil kira pemuliharaan tapak semula jadi dan kawasan bersejarah, kedua, membangun, menyelenggara dan memperindahkan tempat-tempat tumpuan di samping taman-taman awam (*Dewan Bandar Raya Kota Kinabalu*, 2017). Biarpun perkara ini

dapatlah dinilai positif dari sudut perancangan polisi dan dasar semata-mata, aktiviti penaiktarafan dan pengindahan landskap di sepanjang Lorong Deasoka menampilkan reka bentuk dan infrastruktur monumen di Tugu Peringatan Malaysia masih kekal terpelihara daripada sebarang efek kemusnahan yang besar.

Sementara itu, aktiviti pemeliharaan juga dijalankan oleh pihak DBKK sebagai meminimumkan impak kerosakan pada Tugu Peringatan Malaysia. Dalam konteks ini, pemerhatian pengkaji di kawasan kajian mendapati bahawa struktur monumen tersebut tidak mengalami sebarang kesan retakan yang membimbangkan, di samping tahap keindahan dan keceriaannya yang berada pada tahap yang baik. Dengan makna yang lain, pengkaji tidak mendapati sebarang bentuk contengan, lumut dan sebarang bentuk kotoran yang lain akibat tindakan semula jadi mahupun tindakan manusia itu sendiri. Atas dasar ini, pengkaji mempercayai bahawa pihak DBKK dengan sedaya upaya yang baik untuk memelihara keindahan monumen itu.

Cadangan dan Langkah

Berikutan daripada diskusi yang dihuraikan pada dapatan 1 sehinggalah 3, pengkaji berpandangan bahawa wujud keperluan yang mustahak dalam mengangkat Tugu Peringatan Malaysia sebagai tapak warisan negeri, bahkan tapak warisan kebangsaan adalah sebaik-baik pengikrirafan jika hendak menilai dari signifikannya berdasarkan sorotan sejarah nasional. Ini mengambil kira faktor isu-isu yang dihadapi, termasuklah soal keterbatasan perundangan dan penguatkuasaan yang boleh dijalankan di samping keperluan mewujudkan ruang informasi yang mencukupi bagi tujuan edukasi kepada umum.

Bermula dengan langkah perlindungan, tindakan pertama kerajaan negeri mahupun pusat adalah untuk mewartakan status monumen sebagai tapak warisan negeri atau kebangsaan membolehkan beberapa peruntukan perundangan dapat diambil. Dalam hal ini, Tugu Peringatan Malaysia mampu dilindungi oleh sejumlah peruntukan undang-undang yang terdiri daripada Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Rang Undang-Undang Malaysia, 2006), khasnya dalam Seksyen 23 Bahagian 6 (mengenai daftar warisan kebangsaan) dan Seksyen 24 sehingga 46 Bahagian 7 (mengenai keseluruhan aspek pengurusan tapak warisan) mampu dijalankan. Sekiranya hanya diwartakan sebagai

tapak warisan negeri, monumen tersebut setidak-tidaknya mampu dilindungi oleh Enakmen Warisan Budaya (Pemuliharaan) (Pindaan 2008) (Rang Undang-Undang Negeri Sabah, 2008) dan Enakmen Warisan Negeri (2017) sebagai punca kuasa kepada badan-badan autoriti pengurusan sumber warisan negeri seperti Jabatan Muzium Negeri Sabah, Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah dan Lembaga Pelancongan Sabah di samping pihak DBKK itu sendiri. Perkara-perkara lain yang boleh dilakukan dalam langkah perlindungan di Tugu Peringatan Malaysia ialah melalui kajian kecacatan dan kemerosotan, pendokumentasian, dan disusuli dengan inisiatif pendidikan warisan kepada komuniti setempat, termasuklah tindakan pemasangan papan tanda yang memaparkan informasi sejarah dan latar belakang di sebalik pembinaan monumen itu.

Melalui langkah pemuliharaan, keterlibatan beberapa agensi dan jabatan berkaitan pengurusan warisan di samping pihak DBKK memerlukan sebuah rangka kerja yang bersesuaian dengan objektif pengurusan sumber warisan di Tugu Peringatan Malaysia. Secara dasarnya, terdapat pelan asas dalam usaha pemuliharaan pada peringkat kebangsaan melalui panduan akta, yang mana pelan tersebut dikenali sebagai Pelan Pengurusan Pemuliharaan (CMP). Pelan demikian antara lainnya memerlukan seorang pesuruhjaya yang bertindak sebagai penilai dan penentu kepada aspek-aspek bertujuan perlindungan tapak warisan, seperti penilaian terhadap program-program ekonomi, pengurusan trafik dan penggunaan tanah yang dijalankan di sekeliling tapak (Goh, 2015: 21). Pada akhirnya, bentuk-bentuk operasi pemuliharaan yang dijalankan hendaklah menepati CMP tersebut, dengan kesesuaian dan keperluan semasa monumen itu.

Menerusi langkah pemeliharaan pula, konsistensi dan komitmen daripada pihak-pihak pengurusan sumber warisan amatlah ditagih. tindakan dalam bentuk penyelenggaraan dan pencegahan hendaklah dilakukan agar tempoh usia Tugu Peringatan Malaysia ini dapat dipanjangkan sebaik mungkin. Seperti mana yang disebutkan pada dapatan 2 mengenai risiko kerosakan yang bakal dihadapi akibat tindakan semula jadi atau manusia, pemasangan pagar pada sekeliling monumen tersebut berupaya mengurangkan impak kerosakan akibat kebarangkalian kemalangan kereta yang berlaku, di samping mengurangkan risiko vandalisme terhadap monumen itu oleh segelintir pihak yang nakal dan kurang menghargai signifikan tapak warisan itu.

Kesimpulan

Tugu Peringatan Malaysia merupakan antara salah satu tapak warisan bina yang perlu diangkat dan diiktiraf sebagai tapak warisan negeri ataupun kebangsaan. Perkara ini amatlah penting kerana pembinaan monumen tersebut adalah satu tanda ingatan yang sangat bermakna buat semua rakyat Sabah pelbagai etnik dan kaum, dengan tanggapan bahawa monumen itu ialah satu peringatan terhadap hari 16 September 1963 sebagai hari keramat Sabah menyertai pembentukan Malaysia. Sesungguhnya, signifikan sejarah itulah yang menuntut semua pihak untuk bersama-sama memperjuangkan martabat monumen itu. Kedudukan dan keadaan semasa monumen tersebut pada setakat kajian ini dilakukan dibimbangi akan terdedah kepada pelbagai bentuk kemusnahan, baik ia dirancang mahupun tidak oleh manusia, baik ia terduga atau tidak oleh situasi persekitaran dan faktor semula jadi.

Pada kajian ini juga, pengkaji amatlah berharap agar mesej mengenai pengurusan sumber warisan tidak setakat berlegar pada gelombang makalah dan bicara ahli akademik di institusi pengajian tinggi semata-mata. Seyogia perkara sebegini hendaklah dicapai oleh semua pihak, termasuklah mereka yang berada di bangku sekolah lagi, bahkan berkembang secara informal dalam kalangan masyarakat awam agar kesedaran terhadap pengurusan sumber warisan dapat disampaikan secara inklusif. Pada akhirnya, semua masyarakat di Malaysia akan lebih mengetahui, menghayati dan menghargai setiap tapak warisan yang wujud di persekitaran mereka, termasuklah di kawasan prospek tapak warisan Tugu Peringatan Malaysia ini.

Senarai Rujukan

Dokumen Arkib

Rang Undang-Undang Malaysia. 2006. *Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645)*. Persuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia di Bawah Kuasa Akta Penyemakan Undang-Undang 1968 dengan Usahasama Percetakan Nasional Malaysia Bhd.

Rang Undang-Undang Negeri Sabah, 2008. *Enakmen Warisan Budaya (Pemuliharaan) (Pindaan 2008)*. Kota Kinabalu: Jabatan Percetakan Negeri Sabah.

Rang Undang-Undang Negeri Sabah. 1962. *Ordinan Kerajaan Tempatan 1961 (No. 11)*. Kota Kinabalu: Jabatan Percetakan Negeri Sabah.

Rang Undang-Undang Negeri Sabah. 2017. *Enakmen Warisan Negeri Sabah 2017 No. 7 Tahun 2017*. Kota Kinabalu: Jabatan Muzium Negeri Sabah.

Buku dan Jurnal

Abdul Samad Hadi. 1990. Kota Kinabalu: Daripada Satu Pengkalan Kepada Pusat Pembangunan Wilayah. *Dalam* Abdul Samad Hadi & Sulung Mohammad (Ed.). *Pembandaran Dan Transformasi Bandar Negeri Sabah*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia – Yayasan Sabah.

Bala, B. 2018. Satu daripada Tiga Belas: Sabah dan Sarawak dalam Pembentukan Malaysia, 1961-1963. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), 3(2)*, 13-52.

Baszley Bee Basrah Bee. 2009. Pengurusan Sumber Warisan. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Cecilia Leong. 1982. *Sabah The First 100 Years*. Kuala Lumpur: Percetakan Nan Yang Muda.

Danny Wong Tze Ken. 2004. *Community and society*. Kota Kinabalu: Natural History Publication (Borneo).

Ensiklopedia Dunia. 2005. (Terj.) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Goh, P. S. 2015. *Conservation of Buildings in Malaysia with a Look at the National Herritage Act 2005*. Projek Ilmiah Sarjana Muda. Kuala Lumpur: Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya.

Johan M. Padasian. 1981. *Sejarah Sabah Dalam Gambar (1881-1981)*. Kota Kinabalu: Jawatankuasa Penerbitan Perayaan Sabah 100 Tahun.

King Chui Aik. 1992. *Proses Perancangan Bandar: Satu Kajian Proses Perancangan Kota Kinabalu*. Latihan ilmiah. Fakulti Sains Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia Kampus Sabah.

Stockwell, A. J. 2004. *Malaysia: British Documents on the End of Empire. Series B. Volume 8*. London: TSQ.

Yazid Salleh. 2010. Pengenalan Pemuliharaan Bandar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainuddin Baco & Bala, B. 2021. Sejarah Pembangunan Bandaraya Kota Kinabalu, 1881-1962. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), 6(1)*, 1-22.

Zainuddin Baco. 2014. *Pengurusan Warisan Bina Bandar: Penelitian ke atas Bandaraya Kota Kinabalu*. Tesis Sarjana. Kota Kinabalu:

Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah. Tidak Diterbitkan.

Zainuddin Baco. 2018. Cabaran Pengurusan Warisan Bina Bandar di Bandaraya Kota Kinabalu (1881-2012). *Jurnal Borneo Arkhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), 2(1), Edisi Khas*, 115-134.

Zuliskandar Ramli, Mazlin Mokhtar, Muhammad Rizal Razman & Sharifah Zarina Syed Zakaria. 2015. Pelancongan Berasaskan Warisan di Malaysia: Potensi dan Cabaran. *Prosiding Seminar Antarabangsa ke-8: Ekologi, Habitat Manusia dan Perubahan Persekitaran. Kampus Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Langkawi, Kedah*. 21-22 September 2015.

Laman Sesawang

Asnida Riani. 2015. Kota Kinabalu, Pesona 'Wajah' Malaysia di Tanah Borneo. *Fimela.com*. Dipetik dari https://www.fimela.com/lifestyle/read/2302481/kota-kinabalu-pesona-wajah-malaysia-di-tanah-borneo. Dicetak pada 12 Jun 2023.

Australian Memorial War. t. th. Dipetik dari http://www.awm.gov.au. Dicetak pada 12 Jun 2023.

Daily Express. 2022. Malaysia monument gift by the Chinese. 23 April. Dipetik dari https://www.dailyexpress.com.my/read/4729/malaysia-monument-gift-by-the-chinese/. Dicetak 26 November 2022.

Dewan Bandar Raya Kota Kinabalu. 2017. Dipetik dari https://dbkk.sabah.gov.my/index.php/en/. Dicetak 26 November 2022.

Jabatan Penerangan Malaysia. t. th. Dipetik dari http://www.penerangan.gov.my. Dilayari pada 12 Jun 2023.

Kota Kinabalu. 2010. *Encyclopedia Britannica*. Dipetik dari https://www.britannica.com/place/Kota-Kinabalu. Dicetak pada 12 Jun 2023.

Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2022, Vol.7 (1), hlm. 43-58
e-ISSN: 2600-8726© Eddie A. Julius
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

KONFLIK ISU TANAH MELIBATKAN PERIBUMI MURUT DENGAN PIHAK KOMPENI (SYARIKAT) BERPIAGAM BORNEO UTARA BRITISH

Land Issue Conflict Involving the Murut Native with the Chartered Company (Company) of British North Borneo

Eddie A. Julius[1]

Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur
[1]*edyaj1508@gmail.com*
Dihantar:24 Mac 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023

Abstrak

Aspek perkembangan tanah di Sabah telah mengalami pemodenan ketika zaman pentadbiran pihak Kompeni (Syarikat) Berpiagam Borneo Utara British apabila diperkenalkan proklamasi atau undang-undang tanah. Antara proklamasi tanah terawal yang ada menyentuh berkaitan dengan kepentingan peribumi adalah melalui Proklamasi Tanah 1885. Transformasi aspek pemilikan tanah adat oleh masyarakat peribumi telah berlaku daripada kaedah tradisionalnya kepada kaedah moden melalui permohonan, persempadanan, pendaftaran dan pengeluaran geran tanah mengikut undang-undang tanah kerajaan. Dapat diketahui bahawa dasar tanah pihak Kompeni telah menimbulkan pelbagai pertikaian ataupun reaksi penentangan oleh masyarakat peribumi. Di antaranya ialah proses persempadanan kawasan tanah adat dan pelaksanaan cukai tanah. Kajian historiografi melalui pendekatan 'Sejarah dari Bawah' ini meneliti bagaimana timbulnya beberapa pertikaian antara peribumi Murut dengan Kompeni akibat pelaksanaan dasar tanah moden oleh pihak Kompeni. Fokus perbincangan mengupas konflik yang melibatkan peribumi Murut dengan pihak Kompeni berkaitan isu persempadanan, pemilikan dan pengusahaan tanah adat mereka. Kupasan kajian ini juga menyentuh aspek tindakan peribumi Murut yang telah memohon hak pemilikan tanah adat mereka secara sah dan beberapa kes rayuan ke atas permohonan pemilikan geran tanah yang tidak diluluskan oleh pihak Kompeni.

Kata Kunci: Murut, konflik, Tanah, Kompeni, British

Eddie A. Julius

Abstract

Aspects of land development in Sabah underwent modernization during the administration of the British North Borneo Chartered Company when the proclamation or land law was introduced. Among the earliest land proclamations that touch on indigenous interests is through the Land Proclamation of 1885. The transformation of aspects of customary land ownership by indigenous communities has taken place from traditional methods to modern methods through application, demarcation, registration and issuance of land grants in accordance with government land laws. It can be known that the Company's land policy has given rise to various disputes or opposition reactions by the indigenous community. Among the things that cause conflict among indigenous people is the demarcation process of customary land areas and the implementation of land tax. This historiographical study through the 'History from Below' approach will examine how some disputes arose among Murut natives as a result of the implementation of the modern land policy by the Company. The discussion focused on the conflict involving the Murut indigenous people with the Company regarding the issue of demarcation, ownership and exploitation of their customary land. The review of this study also touches on aspects of the actions of the Murut indigenous people who have legally applied for their customary land ownership rights and several cases of appeals on land grant ownership applications that were not approved by the Company.

Keywords: *Murut, conflict, land, company, British*

Pengenalan

Pelbagai undang-undang tanah yang diperkenalkan oleh pihak Kompeni telah membawa aspek perubahan dan transformasi ke atas perkembangan pengurusan tanah di Sabah. Ordinan Tanah 1903, 1913 serta 1930 merupakan undang-undang berkaitan tanah yang banyak membawa implikasi ke atas aspek hak pemilikan tanah adat dalam kalangan masyarakat peribumi termasuklah kalangan peribumi Murut. Manakala dasar berkaitan sumber tanah seperti Ordinan Ladang 1913 turut menyebabkan timbulnya konflik dalam kalangan peribumi Murut terhadap pihak Kompeni. Tidak dinafikan bahawa kalangan peribumi Murut telah menerima pelbagai unsur perubahan dalam aspek pemilikan tanah adat mereka. Sistem pengurusan tanah moden merangkumi persempadanan tanah adat, pengenaan cukai tanah terhadap tanah

bergeran serta bayaran permit tahunan bagi penerokaan kawasan tanah untuk tujuan aktiviti pertanian pindah jelas membawa reaksi penolakan atau penentangan dalam kalangan peribumi Murut. Konflik berkaitan isu tanah dalam kalangan peribumi Murut terhadap pihak Kompeni telah berlaku dengan pelbagai bentuk iaitu secara pasif, terbuka mahupun melalui tindakan fizikal seperti migrasi keluar ke kawasan lain.

Permasalahan Kajian

Sistem pengurusan tanah di Sabah ketika zaman pentadbiran pihak Kompeni (Syarikat) Berpiagam Borneo Utara British mengalami pemodenan apabila diperkenalkan proklamasi atau undang-undang tanah. Antara proklamasi tanah terawal yang ada menyentuh berkaitan dengan kepentingan peribumi adalah melalui Proklamasi Tanah 1885 (JSBRAS, 1885). Kajian yang ada menyentuh secara umum tentang perkembangan sistem pengurusan tanah oleh pihak Kompeni telah diutarakan oleh Tregonning (1958). Manakala Black (1983) dan Ranjit (2011) pula mengetengahkan aspek reaksi penentangan oleh masyarakat peribumi terhadap pihak Kompeni yang dikaitkan dengan pelaksanaan aspek perundangan dan percukaian tanah moden.

Kajian berbentuk buku berkaitan dengan isu tanah di Sabah telah dilakukan oleh Doolittle (2005) yang umumnya meneliti hal ehwal dan proses pengurusan serta pemilikan tanah adat dalam kalangan masyarakat peribumi ketika zaman pentadbiran Kompeni di Sabah. Ia turut memfokuskan isu pelaksanaan undang-undang tanah oleh pihak Kompeni serta hak adat peribumi terhadap pemilikan tanah di Sabah khususnya dari tahun 1881 sehingga 1928. Dilihat juga adalah tentang bagaimana kuasa yang ada pada pihak pentadbir Kompeni dan peranan pemimpin masyarakat tempatan digerakkan untuk menangani hal ehwal dan isu-isu berkaitan hak terhadap pemilikan tanah peribumi di Sabah. Fokus penelitian telah dilakukan mengenai isu hak tanah peribumi, penggunaan tanah, pemilikan tanah yang melibatkan masyarakat peribumi serta dasar pengurusan tanah bersistematik dan moden oleh pihak Kompeni.

Doolittle sebenarnya telah mengkaji lebih awal tentang isu peralihan aspek pemilikan tanah oleh masyarakat peribumi daripada kaedah tradisionalnya kepada sistem moden kolonial melalui permohonan, persempadanan, pendaftaran dan pengeluaran geran

tanah mengikut undang-undang tanah kerajaan. Doolittle (2003) dalam artikelnya mengutarakan pengaruh pelaksanaan ordinan tanah di Sabah sewaktu zaman pentadbiran Kompeni yang membawa implikasi positif dan negatif kepada masyarakat peribumi. Hasil kajian beliau menegaskan bahawa matlamat tersirat penggubalan dasar tanah kerajaan adalah demi manfaat pihak Kompeni dan golongan kapitalis sektor perladangan bagi pengembangan sistem ekonomi.

Clearly (1992) pula lebih menekankan tentang hubungkait antara sistem sosial, perundangan dan ekonomi terhadap implikasi pewujudan tanah milikan anak negeri di negeri ini. Salah satu kesan ketara perkembangan sektor perladangan getah dan tembakau di Sabah adalah dengan pewujudan pelbagai dasar tanah melibatkan hak tanah milikan peribumi yang antaranya membolehkan aspek penyukatan, persempadanan, pengasingan dan penjualan tanah kepada pihak asing dilaksanakan oleh pihak Kompeni. Sistem Ordinan Tanah turut mengklasifikasikan tanah di negeri ini kepada beberapa kategori iaitu tanah milikan anak negeri, tanah awam negeri dan tanah pajakan atau sewaan kepada pelabur khususnya dalam sektor perladangan getah dan tembakau.

Dapat diketahui bahawa dasar tanah pihak Kompeni di Sabah telah mengakibatkan timbulnya pelbagai reaksi penentangan oleh masyarakat peribumi di Sabah. Kajian oleh Marilyn Johnny, Mohd. Shauki Mohd Radzi dan Mosli Tarsat (2015) telah mengupas aspek penentangan oleh masyarakat peribumi terhadap pihak kerajaan berkaitan isu tanah di Sabah. Bagi masyarakat peribumi, sistem pengurusan tanah oleh pihak kerajaan telah banyak menimbulkan kesan negatif kepada pihak peribumi. Di antaranya yang sangat menyentuh sensitiviti masyarakat peribumi ialah pelaksanaan cukai tanah dan persempadanan kekal kawasan tanah adat. Situasi ini menyebabkan sistem pemilikan dan pewarisan tanah secara tradisional oleh peribumi telah terancam dengan sistem moden ini. Kesannya menyebabkan penentangan oleh ketua-ketua peribumi terhadap pihak kolonial British. Manakala Wong (2012) pula telah memaparkan tindakan secara perundangan berkaitan isu tanah adat oleh peribumi Dusun di Papar terhadap pihak Kompeni. Artikel ini mengutarakan isu peribumi Dusun di Papar, Sabah yang membawa kes pemilikan dan pencerobohan tanah adat mereka oleh golongan kapitalis Eropah bagi tujuan pembinaan landasan kereta api ke mahkamah untuk pengadilan sewajarnya. Kes ini berlaku setelah hampir 30 tahun wujudnya hubungan pertama masyarakat Dusun dengan tamadun Eropah. Penelitian adalah terhadap

sifat kes ini dan peranan peribumi Dusun dalam menentang pihak Kompeni secara perundangan. Perbincangan juga menyentuh peranan peguam Inggeris yang mewakili masyarakat Dusun untuk kes ini dan peranan yang dimainkan oleh pihak gereja Roman Katolik dalam memperjuangkan kes yang dihadapi oleh peribumi Dusun di daerah Papar ini.

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu didapati bahawa isu tanah membabitkan masyarakat Murut masih belum diberikan penekanan yang jelas. Maka kajian ini akan meneliti lanjut bagaimana sistem pengurusan tanah moden oleh pihak Kompeni telah membawa beberapa pertikaian dalam kalangan peribumi Murut. Fokus perbincangan mengupas tentang timbulnya konflik yang melibatkan peribumi Murut dengan pihak Kompeni berkaitan isu pemilikan dan pengusahaan tanah adat mereka. Kupasan kajian ini juga menyentuh aspek tindakan peribumi Murut yang telah memohon hak pemilikan tanah adat mereka secara sah dan kes mengemukakan rayuan ke atas permohonan pemilikan geran tanah yang tidak diluluskan oleh pihak Kompeni.

Metodologi

Kajian historiografi ini didasarkan kepada penelitian terhadap sumber-sumber sejarah sama ada berbentuk primer mahupun sekunder. Teknik penelitian secara heuristik merangkumi dokumen primer seperti *British North Borneo Herald and Official Gazette (Herald and Gazette)* dan *North Borneo Secretariat File (NBSF)* serta sumber sekunder dalam bentuk buku dan artikel. Kajian ini dilakukan dengan menumpukan kepada pendekatan 'Sejarah dari Bawah' yang memaparkan implikasi perkembangan dan peristiwa daripada kalangan peribumi Murut di Sabah atas sebab pelaksanaan dasar tanah moden oleh pihak Kompeni. Kajian adalah bersifat kualitatif atau lebih khususnya menekankan kaedah pensejarahan secara kritikal. Dalam menghasilkan kajian historiografi ini, pengumpulan data-data primer dan sekunder telah dilakukan khususnya di Pusat Sumber Cowie, Arkib Negeri Sabah (ANS), perpustakaan Universiti Malaya (UM) dan Perpustakaan Penyelidikan Borneo Tun Haji Mohd Fuad Stephens.

Dapatan dan Perbincangan

Perkembangan pertikaian isu tanah adat melibatkan peribumi antaranya dapat diketengahkan seperti yang berlaku di Wilayah Dent dalam satu Proklamasi melalui pengisytiharan Gabenor pada 26 September 1886. Proklamasi ini diisytiharkan oleh pihak Kompeni disebabkan berlakunya beberapa pertikaian membabitkan isu tanah di kawasan pedalaman yang disuarakan oleh kalangan ketua peribumi terutamanya dari sekitar Sungai Padas. Melalui Proklamasi ini telah menjelaskan bahawa pihak kerajaan sebenarnya belum lagi mengenakan sebarang cukai tanah terhadap peribumi di kawasan ini (Herald, 1 Disember 1886). Kegusaran kalangan pemimpin peribumi terhadap pelaksanaan cukai tanah telah timbul sebagai respons kepada dasar-dasar tanah moden yang sudah mula diperkenalkan oleh pihak kerajaan.

Isu pertikaian tanah yang membabitkan tanah adat peribumi adalah kerana pihak kerajaan mulai melakukan persempadanan tanah bagi mengabsahkan pemilikan kawasan tanah mengikut keperluan individu, syarikat dan pihak kerajaan. Dalam pada itu, kaedah persempadanan tradisional adalah merupakan salah satu ciri pemilikan tanah adat dalam kalangan peribumi di Sabah. Di daerah Sipitang, ketua peribumi Murut dan Kedayan dinasihatkan agar melakukan persempadanan kawasan tanah yang berdekatan dengan pusat perkampungan masing-masing terutamanya bagi kawasan tanah yang diusahakan untuk aktiviti pertanian (Herald, 16 Ogos 1900). Langkah yang digalakkan oleh pihak kerajaan ini dilihat sebagai inisiatif untuk menentukan keabsahan pemilikan tanah adat mereka mengikut kepada penetapan secara tradisional bagi sempadan kawasan tanah masing-masing.

Transformasi moden dalam pemilikan tanah adat peribumi yang begitu ketara ialah melalui penguatkuasaan Undang-undang Tanah 1913. Undang-undang tanah ini jelas menerangkan bahawa tanah yang telah disukat serta didaftarkan akan diberikan sijil perakuan pemilikan atau geran tanah milikan peribumi dengan hak pemilikan kekal. Namun demikian, jaminan hak peribumi terhadap pemilikan tanah adat mereka yang telah dikeluarkan geran tanah oleh pihak kerajaan kemudiannya telah membawa pula kepada bayaran cukai mengikut keluasan tanah yang dimiliki. Bayaran secara tahunan yang dikenakan ialah sebanyak $1.00 bagi pemilikan tanah berkeluasan satu ekar ke bawah serta bayaran cukai sebanyak $2.00 pula bagi pemilikan tanah yang melebihi satu ekar. Bagi pihak kerajaan, tujuan mengenakan bayaran ke atas

tanah yang dimiliki oleh peribumi adalah bagi menampung kos penyukatan dan penyediaan serta pendaftaran geran tanah (Gazette, 16 Oktober 1913). Dalam aspek ini, setiap peribumi yang memohon pemilikan tanah serta seterusnya memiliki geran tanah telah berhadapan dengan satu lagi sistem percukaian baharu kerajaan. Maka hal ini tentunya diandaikan sebagai suatu bentuk bebanan terhadap peribumi dari segi kemampuan dalam pembayaran cukai bagi setiap keluasan tanah milikan mereka.

Melalui dasar tanah yang digubal, pihak kerajaan telah mewajibkan agar setiap individu peribumi yang menuntut untuk memiliki tanah adat mereka perlulah mendaftarkannya dalam masa yang ditetapkan oleh kerajaan. Sekiranya kalangan peribumi tidak berbuat demikian maka pemilikan tanah adat mereka adalah tidak sah serta boleh dikenakan hukuman kerana menduduki Tanah Kerajaan (NBSF, No. 1356).

Sebenarnya pelaksanaan undang-undang tanah di negeri Sabah secara tidak langsung telah meminggirkan penguasaan secara bebas, meluas dan tanpa sebarang bayaran atau cukai bagi pemilikan tanah adat oleh peribumi Murut. Penguatkuasaan undang-undang tanah moden juga meminggirkan pemilikan tanah adat dalam masyarakat Murut mengikut sistem pemilikan dan pewarisan adat tradisionalnya. Selanjutnya kelemahan ketara berkaitan dengan perlaksanaan undang-undang tanah moden yang telah diperkenalkan pada peringkat awalnya seperti Undang-undang Tanah 1903 ialah tidak mewajibkan hak pemilikan tanah adat secara bergeran. Manakala pelaksanaan undang-undang tanah pada tahun 1913 yang mewajibkan penyukatan dan pendaftaran tanah adat peribumi akhirnya membawa kepada komitmen bayaran bagi penyukatan tanah dan pendaftaran geran tanah serta cukai sewaan tanah secara tahunan mengikut setiap ekar tanah yang mempunyai geran sah.

Sesungguhnya implementasi dasar tanah moden di negeri ini terutamanya berhubung dengan aspek penyukatan tanah telah menimbulkan manifestasi dan reaksi bersifat penentangan pasif dalam kalangan suku Murut. Pada tahun 1912, kerja-kerja penyukatan tanah oleh pihak kerajaan di daerah Keningau telah menyebabkan sebilangan peribumi Murut di daerah ini telah melarikan diri ke kawasan hutan apabila kawasan tanah mereka terlibat dengan persempadanan (Tregonning, 1956). Kerja persempadanan kawasan tanah yang

dilakukan oleh pihak kerajaan rata-ratanya telah ditolak oleh peribumi Murut di kawasan pedalaman. Memetik laporan yang menyatakan *"...that both the Tenom and Keningau Muruts shift their padi patches practically every year thereby defeating the ends of the proposed survey."* (NBSF, No. 1356: 30)

Dikatakan juga bahawa masyarakat peribumi di Keningau sangat membantah dasar tanah yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan. Sehinggakan ada kalangan peribumi yang sanggup mempertaruhkan nyawa mereka sekiranya menyerahkan tanah milikan adat mereka kepada pihak kerajaan. Kata-kata berbaur ugutan dalam kalangan mereka dinyatakan *"they say that they will surrender all their lands and die of starvation or eat 'tuba'."* (NBSF, No. 1356: 2) Keadaan ini sebenarnya mencerminkan naluri peribumi untuk kekal dengan kaedah pemilikan tanah adat leluhur mereka secara tradisional. Komuniti peribumi juga menentang kerja-kerja penyukatan atau persempadanan kawasan tanah oleh pihak kerajaan yang melibatkan tanah milikan adat mereka.

Seperti mana juga yang disuarakan oleh peribumi di kawasan Tenom yang sanggup dikenakan hukuman oleh pihak kerajaan demi untuk mempertahankan hak ke atas pemilikan tanah adat mereka. Dipetik luahan hati mereka yang berbunyi, "baik la tuan, jikalau Prentah kami masok jail tidapa, kalu mati, tidapa juga" (Baiklah Tuan, kami bersedia dikenakan hukuman penjara dan sanggup mati). Tindakan peribumi yang terkait dengan hal ini adalah berlaku di Kpg. Mansilima dan Kpg. Pensalaan, Tenom. Mereka telah melakukan persempadanan tanah milikan adat masing-masing melebihi 100 ekar yang mana bertentangan dengan peruntukan dalam undang-undang tanah. Pegawai Daerah telah berbincang dengan peribumi terbabit agar tidak meneruskan kerja-kerja persempadanan tanah yang melebihi had keluasan yang dibenarkan serta menasihati mereka bahawa tindakan mengingkari arahan akan diambil hukuman (NBSF, No. 1356: 37).

Kesatuan dan kejituan para pemimpin suku yang dilantik kerajaan dapat dilihat dalam memelihara dan membangunkan prinsip hak mereka berkaitan dengan isu tanah adat. Mengenai perkara ini, berlangsung satu perjumpaan di Keningau dalam usaha mereka untuk menggerakkan hala pemikiran bersifat penentangan pasif terhadap pihak kerajaan. Perjumpaan yang tidak mendapat kebenaran daripada pihak kerajaan ini dihadiri oleh kalangan ketua-ketua peribumi dari

Tenom dan Melalap serta dipengerusikan oleh Gunsanad (Ketua Suku Kwijau di Keningau) (NBSF, No. 1356).

Selanjutnya peribumi Murut telah menerima bebanan, tekanan dan ancaman secara langsung dalam aktiviti kelaziman mereka setiap tahun iaitu berkaitan penerokaan kawasan hutan. Kerja-kerja penebangan pokok dan pembersihan kawasan hutan yang diterokai di sekitar berhampiran kawasan penempatan mereka adalah bertujuan khususnya dijadikan kawasan bagi penanaman padi huma atau padi sawah. Namun demikian, langkah pihak kerajaan dalam memperkenalkan satu lagi dasar berkaitan dengan pengurusan tanah dan sumber hutan telah membawa beberapa implikasi ke atas peribumi Murut. Proklamasi VI 1913 atau lebih dikenali sebagai Ordinan Ladang 1913 merupakan satu lagi dasar baharu kerajaan yang dilihat membebankan serta mengubah corak kehidupan primitif masyarakat Murut yang berkaitan dengan pengamalan aktiviti pertanian pindah. Ordinan atau dasar pertanian pindah ini telah menghadkan aktiviti penerokaan hutan serta pengusahaan kawasan tanah untuk dijadikan *tebasan* (ladang) bagi tujuan aktiviti pertanian pindah khususnya dengan penanaman padi huma ataupun padi sawah.

Ordinan Ladang 1913 telah menetapkan bahawa setiap kawasan hutan adalah tidak dibenarkan untuk diterokai melainkan hanya yang membabitkan hutan sekunder. Selain itu, setiap tanah yang diusahakan oleh peribumi yang belum melebihi tempoh lima atau enam tahun akan terangkum dalam ordinan ini. Begitu juga dengan tanah yang diusahakan secara kaedah tradisional akan turut berada di bawah penguatkuasaan ordinan ini. Dalam ordinan ini, setiap ekar tanah mahupun sebahagian daripadanya yang diterokai untuk tujuan aktiviti pertanian pindah akan dikenakan bayaran permit tidak kurang daripada 50 sen. Pegawai Daerah dengan budi bicaranya mengikut kelulusan Residen adalah bertanggungjawab mengesahkan, memeriksa dan mengenakan kadar cukai bagi kawasan yang diterokai setelah diperiksa oleh OT/KK, yang mana bayaran permit tidak kurang daripada 50 sen atau tidak melebihi $3.00 setahun yang dikenakan mengikut situasi dan keluasan penerokaan tanah bagi setiap ekar. Ordinan ini turut memperuntukkan bahawa setiap peribumi yang didapati melanggar terma dalam Ordinan Ladang 1913 akan berhadapan dengan denda yang tidak melebihi daripada $25.00 bagi setiap ekar tanah yang telah diterokai atau diusahakan dengan aktiviti pertanian (Gazette, 1 Oktober 1913)

Matlamat dan sebab bagi pihak kerajaan dalam memperkenalkan Ordinan Ladang ini adalah agar dapat memantau aktiviti pertanian pindah di kawasan tanah milikan negeri, tanah rizab peribumi dan tanah yang masih dalam isu pertikaian pemilikan. Ia juga bertujuan untuk melindungi pemusnahan kayu kayan yang bernilai serta menggalakkan lebih banyak aktiviti penanaman bersifat kekal (*Gazette,* 1 Oktober 1913).

Ordinan Ladang 1913 sememangnya membawa implikasi langsung terhadap peribumi Murut. Cook dalam buku memoirnya menerangkan bahawa dasar ini sangat mendapat perhatian langsung dalam kalangan peribumi Murut yang ditunjukkan melalui kekerapan perjumpaan yang dilakukan bagi membincangkan hal ini. Peribumi Murut dilihat telah menolak dan membantah dasar baharu kerajaan ini disebabkan oleh arahan pihak kerajaan yang menghendaki para peribumi membayar sepenuhnya cukai tanah walaupun hanya mengusahakan kurang daripada suku keluasan tanah mereka setiap tahun. Walau bagaimanapun, Cook mempunyai pandangan peribadinya sendiri apabila menyatakan ia hanya merupakan alasan oleh peribumi yang disifatkan malas dan tidak ingin untuk mengusahakan sepenuhnya tanah milikan mereka (Oscar Cook, 2007).

Akan tetapi pengenaan cukai sebanyak $0.50 ke atas setiap ekar tanah yang ingin diterokai sudah tentu membebankan peribumi Murut. Tambahan pula, sesiapa yang tidak mendapatkan permit untuk membuka tanah baharu akan dipenjarakan selama enam bulan. Melalui persepsi peribumi Murut, cukai ini adalah satu ancaman kepada penerusan hidup mereka (Marilyn Johny, Mohamad Shaukhi Mohd. Radzi dan Mosli Tarsat, 2015: 90). Penguatkuasaan Ordinan Ladang telah membawa implikasi ketara seperti migrasi oleh suku Murut ke wilayah lain. Pada penghujung tahun 1915, terdapat kes penghijrahan oleh Ketua Anak Negeri (KAN) Bulus dan Ansokul dari Tomani bersama-sama hampir 100 peribumi suku mereka yang melakukan migrasi ke negeri Sarawak (NBSF, No. 284). Berlakunya tindakan penghijrahan oleh peribumi Murut ini berpunca daripada dua sebab utama iaitu berkait langsung dengan pengehadan aktiviti penerokaan hutan dan pembayaran cukai permit ladang yang ingin dihindari oleh komuniti mereka (NBSF, No. 284). Tindakan peribumi Murut ini dianggap sebagai suatu bentuk manifestasi penolakan terhadap dasar kerajaan yang bersifat pasif.

Selain itu, berlaku tindakan oleh peribumi Murut untuk cuba berhijrah keluar dari daerah Rundum ke wilayah Kalimantan Belanda yang berpunca daripada pelaksanaan cukai tanah yang baharu. Sebagai contoh terdapat kes melibatkan salah seorang Ketua Kampung (KK) di Siliu iaitu Ganit yang telah membawa sebilangan penduduk kampungnya iaitu hampir 40 orang ke Kuala Longgonggon untuk cuba ke kawasan wilayah Kalimantan melalui laluan sungai. Namun Ganit dan pengikutnya telah berasa bersalah atas tindakan mereka serta kemudiannya tinggal menetap semula di kampung mereka (NBSF, No. 1356). Reaksi penentangan bersifat pasif terhadap penguatkuasaan cukai tanah kerajaan juga telah ditunjukkan oleh KK di salah sebuah perkampungan dalam kawasan Tagul. Dalam hal ini, Bentangan bersama-sama dengan pengikutnya telah nekad melarikan diri ke Lumbis (Kalimantan) (NBSF, No. 1356).

Berkaitan dengan situasi yang timbul ini, pihak kerajaan menyedari bahawa pelaksanaan Ordinan Ladang sememangnya tidak disambut baik oleh sebilangan suku Murut. Atas sebab itu, Gabenor telah mempersetujui saranan daripada Residen Pedalaman untuk memberikan kelonggaran terhadap pelaksanaan dasar ini. Kelonggaran kemudiannya diberikan kepada peribumi untuk meneroka dan membersihkan kawasan hutan dalam skala yang terbatas bagi tujuan pertanian pindah. Namun syaratnya ialah sekiranya tidak terdapat kawasan penanaman di hutan sekunder serta ketetapan agar kalangan peribumi dikehendaki untuk melakukan sedikit bayaran yang sewajarnya. Gabenor juga telah memutuskan pada tahun 1915 agar pelaksanaan Ordinan Ladang di daerah Rundum ditangguhkan kerana penguatkuasaannya adalah tidak begitu praktikal pada ketika itu (NBSF, No. 284).

Sememangnya dasar tanah moden oleh pihak kerajaan tidak lari daripada matlamat untuk menarik minat pelaburan luar dan pertumbuhan ekonomi. Dalam pada itu, aspek pendaftaran dan terma yang diguna pakai berkaitan pengurusan tanah melibatkan peribumi meliputi 'pemilikan adat' *(customary tenure),* 'pemilikan komunal' *(communal tenure)* dan 'pemilikan individu peribumi' *(native title)* yang mencerminkan perkaitannya dengan aspek perkembangan ekonomi di Sabah. Tatacara sistem pengurusan tanah oleh pihak kerajaan merangkumi terma, pendaftaran dan pengeluaran geran membawa perubahan landskap dan implikasi jangka panjang kepada nasib peribumi. Dasar tanah moden kerajaan ini didapati memakan masa yang

agak lama dalam proses mengiktiraf hak pemilikan tanah peribumi secara sah. Manakala implikasinya ialah telah berupaya mengembangkan landskap kolonial dan meningkatkan kawalan ke atas peribumi (Mark Cleary, 2002).

Secara umumnya, kebanyakan pegawai Kompeni telah mengambil usaha dalam mengiktiraf pemilikan tanah adat dan sumber-sumbernya dalam kalangan peribumi, namun sebilangan Gabenor dilihat telah menafikan hak dalam aspek ini melalui pekeliling, pemberitahuan dan memorandum yang dikeluarkan. Dalam aspek pengurusan tanah di Sabah oleh pihak Kompeni, kenyataan berikut dapat merumuskan tentang matlamat tersirat yang menyebelahi pihak kerajaan. Dirumuskan iaitu, *"Governor Pearson's attempt to abolish Native Titles, Governor Humphrey's termination of the Native Reserves in Tenom, and the introduction of the Ladang Ordinance all aimed at restricting native shifting cultivation while protecting European tobacco estates."* (Amity Doolittle, 2003: 122) Hal ini cukup jelas menampakkan betapa prinsip hak peribumi dalam isu milikan tanah adat di negeri ini telah tertindas secara tanpa disedari. Maka timbulnya situasi seperti inilah yang telah mencetuskan manifestasi penolakan dan reaksi bersifat pasif oleh peribumi Murut terhadap pelaksanaan dasar tanah oleh pihak Kompeni. Namun demikian timbul kesedaran dalam kalangan peribumi Murut khususnya di daerah Tenom untuk mengabsahkan hak pemilikan tanah adat mereka melalui pemilikan geran tanah yang mulai ketara sekitar penghujung tahun 1920-an. Mengenai situasi ini, kalangan peribumi setempat di kawasan Melalap telah melakukan permohonan geran tanah dalam kategori individu dan kategori secara bersama daripada pihak kerajaan. Laporan oleh Pesuruhjaya Tanah menunjukkan terdapat sebanyak 102 permohonan geran tanah secara individu serta sembilan permohonan melalui komuniti dengan jumlah keseluruhan permohonan geran tanah iaitu sebanyak 111. Meskipun begitu hanya sebanyak enam permohonan geran tanah bagi pemilikan peribumi berstatus individu yang diluluskan oleh Jabatan Tanah. Manakala sebanyak sembilan lot tanah pula telah diluluskan sebagai rizab perkampungan peribumi (NBSF, No. 1260).

Kawasan rizab perkampungan peribumi di Melalap yang diluluskan oleh Jabatan Tanah adalah kerana telah memenuhi syarat ditetapkan. Ia diisytiharkan oleh Pegawai Sukat sebagai rizab tanah peribumi atas faktor mempunyai tanaman buah-buahan serta perkuburan lama di kawasan tanah milikan adat yang dimohon serta bertujuan mewujudkan tanah rizab peribumi bagi kawasan

perkampungan dan kawasan tanah perkuburan peribumi. Kawasan tanah yang terlibat adalah terletak di Kpg. Babalang, Sawang, Binuang dan Napuan (NBSF, No. 1260). Dari aspek positifnya, hak peribumi ke atas pemilikan tanah yang diwarisi dan dimiliki secara leluhur oleh mereka telah diiktiraf oleh pihak kerajaan. Ini dapat dilihat dengan kelulusan permohonan tanah milikan adat mereka yang mempunyai tanaman buah-buahan dan perkuburan lama telah dijadikan sebagai lot rizab peribumi berstatus kawasan perkampungan.

Bagaimanapun terdapat sudut negatifnya apabila pihak Jabatan Tanah hanya meluluskan pemberian geran tanah individu dengan bilangan yang amat sedikit berbanding dengan jumlah keseluruhan permohonan yang agak banyak. Pihak Jabatan Tanah dilihat agak lambat atau masih belum membuka peluang sepenuhnya dalam mengiktiraf hak pemilikan tanah adat bagi peribumi setempat. Untuk itu, perkembangan lanjut menyaksikan timbul isu pertikaian dalam kalangan peribumi di kawasan Melalap terhadap keputusan oleh pihak Jabatan Tanah ini. Dalam hal ini, sebanyak 43 kes rayuan oleh peribumi di Melalap telah dikemukakan berhubung aspek permohonan geran tanah yang ditolak. Namun begitu, pihak kerajaan hanya meluluskan sebanyak 13 kes rayuan ke atas pemilikan lot tanah individu daripada kalangan peribumi terlibat sebagai rizab pertanian untuk penanaman padi sawah dan padi huma (NBSF, No. 1260). Bagi pihak kerajaan, permohonan tanah yang ditolak adalah kerana kebanyakan pemohon gagal membuktikan sebab munasabah bagi kes rayuan dan didapati tidak menduduki atau mengusahakan tanah yang dipohon setelah ditinjau oleh Pegawai Sukat (NBSF, No. 1260).

Seterusnya perkembangan aspek pemilikan tanah peribumi menyaksikan pihak kerajaan turut meluluskan permohonan tanah oleh seorang Ketua Kampung bernama Galok untuk tujuan dijadikan sebagai kawasan penanaman padi dan kawasan ragut bagi haiwan ternakan kerbau. Kawasan keseluruhan tanah yang dimohon serta diluluskan pemilikan secara sah adalah seluas 80 ekar melibatkan tiga kawasan iaitu Kasiai, Telutu dan Lantabakan dalam daerah Tenom. Dalam kes ini, pihak kerajaan bersetuju menjadikan kawasan tanah tersebut sebagai kawasan ragut haiwan ternakan dan boleh diusahakan atau dikekalkan sebagai kawasan pertanian pada masa hadapan (NBSF, No. 1260). Situasi ini menunjukkan bahawa permintaan oleh ketua peribumi tempatan untuk mengiktiraf pemilikan tanah mereka melalui

permohonan yang terangkum dalam hak-hak tanah adat peribumi berdasarkan ordinan tanah mendapat sokongan oleh pihak kerajaan. Di Lagud pula terdapat sebanyak 58 permohonan geran tanah oleh kalangan peribumi yang diajukan kepada Jabatan Tanah. Keputusan oleh Jabatan Tanah menyaksikan hanya tujuh lot tanah individu diluluskan serta tujuh kawasan tanah pula diluluskan sebagai tanah rizab peribumi. Lot tanah yang diberikan geran pemilikan adalah untuk rizab perkampungan, kawasan penanaman buah-buahan, tanah perkuburan serta termasuk juga tanah milikan adat peribumi yang sedang diusahakan sebagai *tebasan* (ladang) bagi tujuan pertanian. Dalam pada itu, sebanyak 44 daripada keseluruhan 58 permohonan geran tanah oleh peribumi di kawasan Lagud ini adalah tidak diluluskan oleh Jabatan Tanah (NBSF, No. 1159). Peratusan permohonan tanah oleh peribumi di kawasan Lagud yang ditolak oleh pihak kerajaan mencecah sebanyak 76%. Keadaan ini mencerminkan betapa pihak kerajaan masih menolak begitu banyak permohonan geran tanah daripada kalangan peribumi setempat khususnya di kawasan Lagud.

Walaupun masih tidak banyak kawasan tanah yang dirizabkan untuk peribumi namun sekurang-kurangnya hak peribumi telah terjamin dengan pemberian geran tanah yang telah diluluskan. Pada tahun 1941, beberapa lot rizab tanah peribumi secara milikan bersama pula khususnya di mukim Melalap Selatan dan Serago, Tenom telah diluluskan di bawah Seksyen 79, Ordinan Tanah 1930 yang terletak di empat buah kampung meliputi Kpg. Entabuan, Kpg. Mantalek, Kpg. Medalom dan Kpg. Pantongan. Kesemua lot rizab komunal peribumi ini bertujuan untuk dibangunkan pada masa hadapan sebagai tapak rumah kediaman kekal dalam kawasan perkampungan (NBSF, No. 161).

Kesimpulan

Pelaksanaan dasar tanah moden oleh pihak Kompeni adalah merupakan pembaharuan dalam aspek menentukan keabsahan hak pemilikan kawasan tanah di Sabah. Dapat ditafsirkan bahawa sebilangan peribumi Murut dilihat terpaksa menerima tatacara moden dalam aspek hak pemilikan tanah adat mereka. Hal ini jelas apabila tercetusnya pelbagai pertikaian dalam kalangan peribumi Murut berkaitan aspek pemilikan tanah adat mereka. Keadaan ini berlaku kerana sistem pemilikan tanah adat mereka secara tradisional telah terancam dengan pelaksanaan dasar tanah moden. Maka kalangan peribumi Murut telah menolak mahupun menentang pelaksanaan beberapa dasar pengurusan tanah

moden oleh pihak Kompeni. Selain itu, peribumi Murut juga dapat ditanggapi tidak berpuas hati dengan keputusan pihak Kompeni yang tidak meluluskan permohonan geran tanah mereka. Maka kalangan peribumi Murut yang terlibat ini telah mengemukakan rayuan terhadap permohonan geran tanah mereka yang telah ditolak. Walaupun terdapat rayuan permohonan geran tanah yang diluluskan, namun jumlahnya adalah sedikit jika dibandingkan dengan bilangan permohonan geran tanah yang dikemukakan kepada pihak Kompeni. Akhir sekali, perkembangan aspek pemilikan tanah adat dalam kalangan peribumi Murut mulai menunjukkan kepekaan mereka dalam mendapatkan geran tanah yang sah iaitu bermula sekitar penghujung tahun 1920-an.

Senarai Rujukan

Dokumen Arkib

British North Borneo Herald, 1 Disember 1886.

British North Borneo Herald, 16 Ogos 1900.

North Borneo Secretariat, No. 1159 - Settlement of Lagud Reserve at Tenom.

North Borneo Secretariat, No. 1260 - Reserve Settlement of Melalap.

North Borneo Secretariat, No. 1356 - Settlements of Native Lands.

North Borneo Secretariat, No. 161 - Native Reserve Tenom.

North Borneo Secretariat, No. 284 - Shifting Cultivation and Ladang Ordinance.

Official Gazette, 1 Oktober 1913.

Official Gazette, 16 Oktober 1913.

Buku dan Jurnal

Black, Ian. (1983). *A Gambling Style of Government: The Establishment of the Chartered Company's Rule in Sabah, 1878-1915.* Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Clearly, M.C. (1992). Plantation Agriculture and the Formulation of Native Land Rights in British North Borneo, 1880-1930*. Geographical Journal:* 170-181.

Cook, Oscar. (2007). *Borneo: The Stealer of Hearts,* Kota Kinabalu: Opus Publications. First published 1924 by Hurst and Blackett Ltd., London.

Doolittle, Amity A. (2003, February). Colliding Discources: Western Land Laws and Native Customary Rights in North Borneo, 1881-1918. *Journal of Southeast Asian Studies (JSEAS)*. 34 (1): 97-126.

Doolittle, Amity A. (2005). *Property and Politics in Sabah, Malaysia: Native Struggles Over Land Rights.* Washington: University of Washington Press.

Johnny, Marilyn, Mohd. Shauki Mohd Radzi dan Mosli Tarsat. (2015). Penentangan Pemimpin Tempatan terhadap Pelaksanaan Dasar Tanah British North Borneo Chartered Company (BNBCC) di Borneo Utara: 1881-1941. *Jurnal Kinabalu.* Vol. 21: 78-95.

Land Regulations, North Borneo. (1 August 1885). *Journal of Straits Branch of the Royal Asiatic Society (JSBRAS)*. No. 15 (1885): 158-163.

Ranjit Singh, D.S. (2011). *The Making of Sabah 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society.* Kota Kinabalu: Pencetak Kerajaan Negeri Sabah.

Tregonning, K.G. (1958). *Under Chartered Company Rule: North Borneo 1881-1946.* Singapore: University of Malaya Press.

Wong Tze Ken, Danny. (2012, October). The Papar Land Protest, 1910-11*, Journal of Southeast Asian Studies (JSEAS).* Vol. 43. Issue 03: 422-440.

Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2022, Vol.7 (1), hlm. 59-72
e-ISSN: 2600-8726© Nur Fardha Ayu Jusnih
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

SEJARAH PERKHIDMATAN KESIHATAN DI ELOPURA (SANDAKAN) TAHUN 1881 SEHINGGA TAHUN 1942

History of Health Services in Elopura (Sandakan) from 1881 to 1942

Nur Fardha Ayu Binti Jusnih[1]
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
[1]*fardhaayu@gmail.com*
Dihantar:24 Mac 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023

Abstrak

Makalah ini berfokus untuk menilai sejarah perkhidmatan kesihatan di Elopura (Sandakan) bermula pada tahun 1881 sehingga tahun 1942 iaitu. Sebelum pentadbiran British, penggunaan perubatan moden masih belum wujud di Borneo Utara. Masyarakat tempatan yang menetap di Borneo Utara rata-ratanya hanya menggunakan perubatan tradisional bagi mengatasi penyakit yang dihadapi. Di dalam penulisan ini, kajian ini akan menilai perkembangan perkhidmatan kesihatan di Elopura (Sandakan) dari tahun 1881 sehingga tahun 1942 dengan memfokuskan kepada mengenalpasti dan menganalisis perkembangan perkhidmatan kesihatan di Elopura (Sandakan). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, dengan merujuk kepada sumber primer seperti dokumen-dokumen kerajaan dan juga sumber-sumber sekunder. Kajian ini mendapati bahawa selepas British mentadbir Borneo Utara, kadar penyakit berjangkit merebak dengan pantas disebabkan oleh beberapa faktor dalaman dan luaran. Maka bagi mengelakkan lebih banyak kerugian, pihak mereka telah mengambil inisiatif dalam memperkenalkan perubatan moden. Walaupun pada awalnya perkhidmatan kesihatan ini dibekalkan kepada pegawai British dan buruh sahaja, namun begitu perkhidmatan ini telah diberikan kepada semua penduduk untuk mengurangkan kadar kematian dan meningkatkan kadar kelahiran. Perubahan yang laksanakan ini telah membawa kepada perubahan dan perkembangan dalam landskap sosioekonomi di Elopura.

Kata Kunci: Sandakan, Perkhidmatan, Kesihatan, Perubatan, British

Abstract

This paper aims to evaluate the history of health services in Elopura (Sandakan) starting in 1881 until 1942. Before the British administration, the use of modern medicine did not yet exist in North Borneo. Local communities living in North Borneo on average only use traditional medicine to overcome the diseases they face. In this paper, this study will evaluate the development of health services in Elopura (Sandakan) from 1881 until 1942 by focusing on identifying and analyzing the development of health services in Elopura (Sandakan). This study uses qualitative methods, with reference to primary sources such as government documents and also secondary sources. This study found that after the British administered North Borneo, the rate of infectious diseases spread rapidly due to several internal and external factors. So to avoid more losses, they have taken the initiative in introducing modern medicine. Although initially this health service was provided to British officers and laborers only, however this service was provided to all residents to reduce the death rate and increase the birth rate. These changes have led to changes and developments in the socioeconomic landscape in Elopura.

Keywords: *Sandakan, Services, Health, Medicine, British*

Pengenalan

Sebelum pentadbiran British di Elopura, kawasan ini hanya dikenali sebagai sebuah pelabuhan entreport kecil dan dilihat tidak memberikan keuntungan kerana berhadapan dengan ancaman penculikan dan lanun. Namun, setelah British mentadbir Elopura (digantikan kepada Sandakan), pihak British telah membangunkan Sandakan dan membawa kemodenan sehingga ia menjadi pelabuhan yang dikenali umum sebagai pusat perdagangan tembakau, kayu balak dan getah. Di samping membawa perubahan bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi di Sandakan, pihak British juga telah membawa beberapa perubahan dalam perkhidmatan kesihatan di sana. Selepas penubuhan *School for Tropical Medicine* di London, Joseph Chamberlain iaitu Menteri Kolonial telah mengarahkan semua jajahan British termasuk Borneo Utara untuk mengambil langkah yang sewajarnya bagi mengatasi masalah kesihatan yang mengugat kesihatan penduduk Borneo Utara (Tregonning, 1967).

Sebelum kedatangan British, membawa perubatan barat ke Borneo Utara khususnya Sandakan, masyarakat tempatan di Sandakan majoritinya mengamalkan perubatan tradisional yang dipengaruhi dengan kepercayaan masing-masing dan pengunaan tumbuh-tumbuhan herba. Kaedah perubatan tradisional ini juga turut menggunakan jampi serapah untuk mengubati sesuatu jenis penyakit Meskipun perubatan tradisional dipercayai mempunyai kebaikan dalam mengubati penyakit, namun begitu sesetengah herba yang digunakan dalam perubatan tradisional ini mempunyai risiko untuk membawa kepada tindakan alergi dan risiko keracunan (Chan ESY, et, al., 2018). Di samping itu, perubatan tradisional yang berunsur animisme pula sudah tidak relevan seiring dengan perubahan masa kerana majoriti daripada kaum Suluk dan Bajau di Sandakan telah menganuti agama Islam.

Metodologi

Kajian ini dijalankan mengikut kaedah analisis data kualitatif bersandarkan kepada disiplin sejarah. Kajian ini menggunakan sumber primer sebagai data utama dan dikumpul melalui penyelidikan di arkib dan kaedah kepustakaan. Sumber daripada arkib negeri adalah dirujuk berdasarkan fail-fail kerajaan dan rekod semasa pentadbiran British menerusi *British North Borneo Herald,* laporan tahunan Jabatan Perubatan dan laporan tahunan daripada pegawai perubatan utama British. Di samping itu, kajian ini juga menggunakan sumber sekunder bagi kaedah kepustakaan. Penelitian ke atas buku dan artikel jurnal penting bagi mendapatkan maklumat tambahan dan juga memberikan kepelbagaian dalam memenuhi intipati kajian ini.

Dapatan dan Perbincangan

Penyakit Lazim di Sandakan

Semasa tahun 1890, kadar kematian dalam kalangan buruh tempatan dan buruh Cina adalah sangat tinggi terutama sekali di ladang tembakau (Tregonning, 1967: 156). Kadar kematian yang tinggi ini adalah majoritinya berpunca daripada malaria dan beri-beri.

Malaria adalah penyakit yang sering dilaporkan menyumbang kepada kematian di Borneo Utara. Penyakit ini bukan sahaja dalam kalangan buruh malah tersebar dalam kalangan pegawai Eropah dan juga penduduk tempatan. Kes malaria adalah disebabkan jangkitan kuman

yang dibawa oleh nyamuk dan lazimnya dalam bentuk variasi *sub-tertian*. Kecenderungan jangkitan malaria terjadi selalunya di kawasan sungai-sungai yang besar dan kawasan yang sering berlaku banjir (Handbook of The State of Britih North Borneo, 1921: 49). Pada tahun 1896, tahap kesihatan penduduk di Sandakan adalah dalam keadaan memuaskan namun begitu seramai dua orang pegawai Eropah telah meninggal disebabkan oleh malaria dan penyakit kelamin merebak dengan teruk dalam kalangan kaum Cina (BNBH, 1897). Namun begitu penyakit kelamin bukan penyakit yang serius dalam kalangan penduduk tempatan.

Penyakit beri-beri pula dipengaruhi oleh faktor lokasi dimana kes keracunan beri-beri adalah lebih tinggi di kawasan yang sering mengalami banjir dan kawasan tanah rendah (Tregonning, 1967). Majoriti kes beri-beri yang dilaporkan di Sandakan adalah daripada buruh di kem pembalakan dan rumah penginapan. Selain daripada itu, kes beri-beri juga banyak dilaporkan di konstabulari (Medical Department, 1936). Kes yang berlaku di konstabulari adalah beri-beri jenis ringan dan pesakit yang menghidap beri-beri akan mengalami kelemahan otot betis.

Pada tahun 1905, wabak cacar telah merebak di Borneo Utara dan menyebabkan kematian sehingga 2,773 orang di mana seramai 1,000 orang adalah daripada daerah Papar. Penyakit ini kemudiaanya merebak ke kawasan lain di Borneo Utara. Pada 16 sehingga 30 April 1908, sebanyak 6 kes cacar dilaporkan di Sandakan, namun tiada kematian dilaporkan (Public Health Reports a, 1908). Namun begitu, jumlah kes cacar yang dilaporkan meningkat mendadak pada bulan Mei kepada 43 kes dengan 7 kematian dan 15 kematian pada bulan Jun (Public Health Reports b, 1908).

Selain daripada itu, penyakit taun juga merupakan wabak yang wujud di Borneo Utara. Semasa awal tahun 1882, wabak taun menyerang Borneo Utara sehingga menyebabkan kematian lebih 1,000 orang rakyat tempatan. Pada tahun 1913, pegawai perubatan utama telah melaporkan bahawa sebanyak 150 kematian di pantai timur Borneo Utara adalah disebabkan oleh wabak taun (Handbook of The State of British North Borneo, 1921: 50). Pada tahun 1883, pegawai perubatan utama James H. Walker telah melapporkan bahawa penyakit taun telah merebak di Sandakan pada 27 Jun dan telah berakhir pada 8 Ogos meskipun begitu, masih ada beberapa kes taun dikesan selepas tarikh tersebut akan tetapi tidak serius. (BNBH, 1883) Jangkitan pertama penyakit ni dikesan dibawa daripada Sulu dan kes yang teruk

diaporkan adalah di Kinabatangan. Seramai 65 kes taun telah dikesan dengan kadar kematian seramai 8 orang. Pada penghujung 28 Ogos 1915, sebanyak 8 kes taun dengan 4 kematian telah disahkan di Teluk Sandakan. Kehadiran wabak taun yang merebak adalah daripada Banjarmasin yang mana telah dikesan pada 3 Ogos 1915. (Public Health Reports, 1915). Tambahan lagi, cacing cangkuk (ankylostomiasis) juga merupakan salah satu penyakit yang merebak di Sandakan. Jangkitan cacing cangkuk ini telah dijumpai oleh Dr. Dingle pada tahun 1913. Beliau telah merekodkan sebanyak 300 kes yang dirawat di hospital kerajaan adalah majoritinya dalam kalangan penjawat awam, polis dan banduan.

Perkembangan Perkhidmatan Kesihatan Moden di Sandakan

Semasa awal pentadbiran SBUB, laporan kepada jumlah pesakit di Elopura adalah tidak lengkap. Hal ini kerana pegawai perubatan yang ditugaskan di Elopura kadang kala akan melakukan lawatan ke daerah lain untuk merawat pesakit di sana. Maka dengan itu, ketiadaan pegawai perubatan menyebabkan senarai pesakit tidak ada direkodkan semasa pegawai perubatan tersebut tidak berada di Sandakan (BNBH, 1883).

Infrastruktur Kesihatan

Semasa pentadbiran SBUB di Sandakan, pihak British telah menyediakan beberapa infrastruktur kesihatan untuk kakitangan Eropah dan penduduk tempatan. Antara yang utama adalah hospital kerajaan iaitu *Sandakan Civil Hospital*, klinik penyakit kelamin (Venereal Clinic), hospital mental Sandakan (Sandakan Lunatic Asylum) serta hospital kusta.

Hospital Kerajaan Sandakan

Hospital kerajaan Sandakan ini mempunyai dua wad iaitu wad Eropah dan wad kelas kedua. Para pegawai Eropah akan ditempatkan di wad Eropah untuk mendapatkan rawatan manakala penduduk tempatan akan diberikan rawatan di wad kelas kedua. Bekalan air yang disalurkan kepada hospital ini adalah daripada takungan yang terletak empat batu

daripada bandar (Handbook of The State of Britih North Borneo, 1921: 111).

Rajah 1: Hospital Kerajaan Sandakan
Sumber: BMA B-30.41.020, Sandakan, The Civil Hospital, 1900.

Klinik Kelamin (*Venereal clinic)*

Klinik Kelamin ini telah dibuka di Sandakan pada tahun 1927. Majoriti pesakit yang mendapatkan rawatan di klinik ini adalah daripada kalangan pelacur Cina. Sebanyak 92 kes baharu telah diberikan rawatan pada tahun 1937 berbanding tahun 1936 iaitu sebanyak 63 kes. Jumlah rawatan yang telah diberikan meningkat daripada 271 pada tahun 1936 kepada 352 pada tahun 1937 (Medical Department, 1937: 15). Antara kes berkaitan penyakit kelamin yang dirawat di klinik ini adalah penyakit sifilis primer, sekunder dan tertier, gonorea, orkitis dan bubo. Manakala rawatan yang diberikan di klinik ini adalah suntikan *Novarsenobillon, Gonargin, Gono-yatren dan suntikan Collosal Iodine.*

Hospital Mental

Pada tahun 1937, empat bilik isolasi untuk penempatan pesakit mental yang berada di bawah pantauan telah disiapkan. Pesakit mental yang mampu untuk bekerja telah diambil bekerja untuk membina jalan raya antara hospital mental dan berek utama. Di samping itu, pesakit yang

mampu bekerja ini juga akan diambil bekerja untuk mengepam dan mengangkat air, membersihkan dan mengais kawasan hospital, berkebun serta memasak (Medical Department, 1937).
Rawatan yang diberikan kepada pesakit mental adalah melalui suntikan intramuskular minyak hydnocarpus tulen dengan *creasote*. Suntikan akan diberikan setiap minggu dan jumlah yang disuntik meningkat secara beransur-ansur daripada 2 c.c. hingga 20 c.c (Medical Department, 1937).

Hospital Kusta

Pada tahun 1891, seramai 9 orang pesakit kusta dalam kalangan kaum cina kecuali seorang. Para pesakit ini telah ditempatkan di Pulau Berhala khas untuk penempatan pesakit kusta. Pada tahun 1983, para pesakit kusta daripada kaum cina telah dihantar pulang ke hospital kusta Canton. Namun pesakit ini tidak memasuki hospital malah mereka melarikan diri. Rentetan daripada perkara ini, penghantaran pesakit kusta ke Canton telah dihentikan pada tahun 1898 kemudian kerajaan British telah membeli Pulau Copuan sebagai penempatan peskit kusta. Pada tahun 1913, sebuah penempatan untuk para pesakit kusta telah dibina di Pulau Copuan. Akan tetapi, penempatan ini telah ditutup disebabkan oleh kebakaran yang berlaku. Para pesakit kusta yang menetap di sana kemudiaannya dipindahkan ke Pulau Berhala untuk membuka penempatan baharu. Menjelang tahun 1940, seramai 70 orang pesakit kusta telah dilaporkan di mana 45 daripada mereka adalah kaum cina (Tregonning, 1967: 172).
Pesakit telah dirawat menggunakan Minyak *Hydnocarpus* dan *Creosote* melalui suntikan ke dalam otot (Medical Department, 1939: 2). 4 c.c. minyak hydnocarpus tulen dan creasote disuntik sehingga 100 c.c. Suntikan diberikan setiap minggu dan jumlah yang disuntik meningkat secara beransur-ansur daripada 2 c.c. hingga 20 c.c. (Medical Department, 1937: 14).

Tenaga Kerja Perkhidmatan Kesihatan

Pihak British juga telah membawa masuk pegawai perubatan iaitu doktor pakar, bidan (midwives), inspektor kebersihan kampung dan *dresser* untuk memberikan perkhidmatan kesihatan kepada penduduk Sandakan.

Pegawai Perubatan

Semasa pentadbiran British, seramai tiga orang pegawai perubatan telah di bawa daripada Eropah untuk memberikan perkhidmatan mereka. Pegawai perubatan ini ditempatkan di hospital-hospital kerajaan dan salah seorang ditempatkan di hospital kerajaan Sandakan. Di samping memberikan rawatan di hospital kerajaan, para pegawai perubatan ini akan melawati institusi kesihatan di estet dan kem balak setiap sebulan atau setiap suku sebulan untuk memberikan rawatan kepada para buruh (North Borneo Central Archives, 1929-1940: 41-42). Mereka akan ditemankan oleh seorang *dresser* bagi memberikan rawatan kepada buruh di estet dan kem balak.

Inspektor Kebersihan Kampung (Village Sanitary Inspector)

Jawatan ini pertama kali diperkenalkan selepas sebuah skim latihan telah dilaksanakan pada tahun 1937. Para pelajar yang mengikuti skim ini adalah daripada kalangan lelaki muda. Mereka akan mempelajari ilmu asas kebersihan dan mengenali penyakit bagi memudahkan mereka untuk berikan perkhidmatan kesihatan yang asas. Selepas mereka selesai menjalani latihan, mereka akan ditempatkan di hospital kerajaan (A. Sullivan dan C. Leong, 1981:376). Namun begitu, latihan bagi kursus ini hanya berjaya dilaksanakan sebanyak tiga kali sebelum pentadbiran Jepun.

Dresser

Dresser terawal memberikan perkhidmatan kesihatan di Sandakan adalah Dr. Kong Yih Wah iaitu seorang pengamal perubatan dari Hong Kong. Beliau telah bekerja di sebuah dispensari yang terletak di pendalaman Sandakan. Perkhidmatan yang diberikan oleh para *dresser* adalah penting untuk mengekalkan sanitasi dan penjagaan kesihatan di seluruh Borneo Utara. Bagi memastikan para *dresser* dilatih dan mempunyai lesen, sebuah ordinan iaitu *Hospital Dresser (Licensing) Ordinance* telah diseragamkan pada tahun 1928 untuk menyediakan *dresser* yang memberikan perkhidmatan dengan kualiti terbaik (Wong TZD, 2004: 107). Peperiksaan untuk menaikkan gred *dresser* dijalankan di Sandakan dan Jesselton setiap bulan Jun dan Disember (Medical Department, 1936: 19).

Bidan

Pihak kerajaan British telah memperkenalkan skim perbidanan iaitu skim yang melatih bidan dalam kalangan penduduk tempatan untuk menjadi bidan. Selepas jururawat ini menamatkan latihan mereka melalui skim ini, mereka akan dihantar pulang ke kampung mereka untuk memberikan rawatan kepada ibu bersalin dan bayi di kampung mereka (Medical Department, 1938: 14). Skim perbidanan ini dikukuhkan lagi dengan pengenalan ordinan perbidanan pada tahun 1931 dan memperkenalkan peraturan perbidanan.

Pada awal tahun 1936, seramai 10 orang bidan bertauliah telah dilatih di Singapura. Mereka kemudiannya ditempatkan di hospital kerajaan di mana salah seorang daripada mereka memberikan perkhidmatannya di hospital kerajaan di Sandakan (Medical Department, 1936: 16). Menjelang tahun 1940, seramai 37 orang bidan bertauliah yang berdaftar dan seramai 3 orang ditempatkan di Sandakan. Kehadiran bidan-bidan ini telah menurunkan kadar kematian bayi kepada 180.8 per 1000.

Kawalan Penyakit
Vaksinasi Untuk Mengatasi Cacar

Selepas Borneo Utara diserang dengan wabak cacar pada tahun 1905, pihak British telah mengambil langkah mengatasi wabak ini melalui pemberian vaksin kepada penduduk tempatan. Pada tahun 1914, program vaksinasi telah dilaksanakan. Seramai 46,000 orang telah diberikan vaksin di Sandakan dan menjelang tahun 1920 terdapat tiga pegawai vaksin yang memberikan vaksinasi di setiap pelabuhan utama (Tregonning, 1967: 165). Pegawai yang memberikan vaksinasi di Sandakan adalah Akang dan Mohamed Daud, yang mana telah dilatih di Sandakan (Medical Department, 1936: 16). Sebanyak 13,742 penduduk telah divaksinasi menjelang tahun 1938.

Kawalan Cacing Cangkuk

Kawalan jangkitan cacing cangkuk (ankylostomiasis) yang dimulakan pada tahun 1921 oleh Institut Rockefeller di bawah pengawasan Dr. Clark H. Yeager telah diteruskan sehingga tahun 1942 sebelum pentadbiran Jepun. Kerja-kerja kawalan ini dijalankan oleh kakitangan

khas di Sandakan dan Jesselton. Kesemua kakitangan kerajaan, kanak-kanak yang bersekolah, serta buruh yang bekerja di ladang-ladang kecil di sekitar bandar ini akan menjalani pemeriksaan sebanyak dua kali setahun untuk jangkitan cacing cangkuk kemudian diberikan rawatan sekiranya perlu.

Jadual 1: Kadar keberjangkitan Cacing Cangkuk (Ankylostomiasis) sepanjang 15 tahun

Tahun	**1924**	**1927**	**1930**	**1933**	**1936**	**1939**
Kadar Keberjangkitan (%)	71.0	17.0	4.7	4.9	5.7	7.3

Sumber: *Annual Report Medical Department*, 1938

Berdasarkan jadual diatas, langkah yang diambil bagi mengawal jangkitan cacing cangkuk ini menunjukkan kadar keberjangkitan yang menurun secara berterusan. Penurunan ini memperlihatkan bahawa langkah yang diambil ini memberikan kesan positif kepada tahap kesihatan penduduk.

Kawalan Malaria

Langkah-langkah antimalaria yang dimulakan di Sandakan pada tahun 1929 diteruskan sehingga tahun 1942 iaitu sebelum perang. Sebanyak £5,000 geran daripada Dana Pembangunan Kolonial telah diberikan pada tahun 1938 untuk menjalankan penyelidikan mengenai kawalan malaria. Unit penyelidikan malaria telah ditubuhkan di Tambunan dan Dr. J. N. McArthur tiba di Borneo Utara pada Februari untuk dilantik sebagai Pegawai Penyelidik Malaria selepas kajian awal Malaria di Ceylon, Malaya dan Jawa. Kerja telah dijalankan selama empat setengah bulan di Jesselton dan kawasan sekitarnya di pantai dan baki enam bulan dalam setahun di unit penyelidikan di Tambunan (Medical Department, 1939: 3). Beberapa buruh telah diambil bekerja di bawah pengawasan seorang Pembantu Pemantau Lapangan (Medical Department, 1936: 17).

Antara kawasan yang terlibat dibawah kawalan antimalaria di Sandakan terdiri daripada anak sungai dan saluran air di tujuh saluran di kawasan Sanitary Board dan longkang, kawasan tempat pembiakan lain yang berpotensi di Jalan Utara, Jalan Ernestina, Jalan Beatrice, Jalan Hospital, Jalan Darby, Jalan Humphreys, Jalan Guillemard, Jalan Gereja, Jalan Labuk, Jalan Anam dan Jalan Leila, Berek Utama, Penjara dan

sekitar Hospital Mental (Medical Department, 1938: 16). Penyemburan minyak antimalaria dilakukan dengan menggunakan alat penyembur ransel pneumatik dan sebanyak 2,176 gelen campuran anti-malaria telah digunakan untuk disembur. Di samping itu, pihak British juga telah menyediakan jaring nyamuk di kesemua hospital kerajaan selain daripada menyembur minyak antimalaria sebagai langkah kawalan malaria (Medical Department, 1937: 8).

Kawalan Beri-beri

Pada tahun 1890, Dr. Charles Hose dan W. McDougall mendapati bahawa penyakit beri-beri ini adalah berkaitan dengan diet pemakanan dan meneruskan kajian ke atas beras (C. Hose dan W. McDougall, 1912). Penyelidikan beliau diteruskan pada tahun 1911 oleh De Haan, Chamberlain dan Eijkmann. Pemerhatian yang dijalankan oleh De Haan ini mendapati bahawa ketiadaan vitamin B di dalam beras yang disosoh adalah penyebab kepada keracunan beri-beri dan vitamin ini sangat penting dalam diet pemakanan seseorang individu.

Skala diet pemakanan telah diperkenalkan pada 1 Jun 1936 di pejabat polis melalui pemerhatian daripada Institut Penyelidikan Perubatan. Beri-beri adalah disebabkan oleh kekurangan vitamin B daripada pengambilan beras yang disosoh. Maka dengan itu, mereka menyarankan kerajaan untuk mengurangkan pemberian beras daripada 20 tahil kepada 16 tahil. Mereka juga menyarankan agar catuan daging ditambah daripada 3 tahil kepada 5½ tahil, ikan segar daripada 3 tahil kepada 6¼ tahil. Tambahan lagi, mereka mencadangkan penambahan kacang soya ke dalam diet pemanakan sebanyak 3 tahil dan 1 tahil minyak kacang atau lemak haiwan ke dalam catuan harian. Selepas skala diet ini diperkenalkan, tidak ada lagi kes beri-beri di dalam konstabulari dilaporkan (Medical Department, 1936: 9).

Namun begitu, kes beri-beri di kawasan kampung tidak menurun kerana penduduk tempatan tidak mahu membuang beras mereka. Maka dengan itu, terdapat sebanyak 200 kes beri-beri dilaporkan setiap tahun dan sebanyak 190 kes dilaporkan pada penghujung tahun 1940 telah dimasukkan di hospital kerajaan.

Kuarantin

Untuk mengelakkan Borneo Utara dari diserang oleh wabak di masa hadapan, pihak kerajaan British telah mengadaptasi Peraturan Kuarantin London dengan melakukan pemeriksaan ke atas kapal-kapal dagang dan kuarantin (Handbook of The State of Britih North Borneo, 1890: 57).

Stesen kuarantin terletak di Pulau Berhala iaitu tiga batu daripada Sandakan. Kapal-kapal daripada negara luar seperti Hong Kong, Shanghai, Yokohama dan Singapura akan diminta untuk bersinggah ke pusat kuarantin untuk diperiksa oleh pegawai kesihatan pelabuhan. Pemeriksaan ini dijalankan untuk mengelakkan wabak berbahaya dibawa masuk oleh tikus dan juga disebarkan melalui jangkitan daripada anak kapal. Aktiviti pemeriksaan kapal-kapal luar dan kuarantin dijalankan berdasarkan ordinan. Sekiranya terdapat kapal yang disyaki dan didapati membawa penyakit, anak kapal akan dipindahkan ke pusat kuarantin di Sandakan dan diletakkan dibawah pemerhatian. Manakala tikus yang ditangkap akan dihapuskan dengan pengasapan melalui pembakaran sulfur (Medical Department, 1937: 18).

Rawatan Kesihatan di Sekolah

Penyeliaan rawatan kesihatan sekolah di Sandakan dan Jesselton dijalankan oleh Pakar Bedah Daerah. Pegawai perubatan yang bertugas untuk memberikan rawatan kepada para pelajar di sekolah akan melakukan pemeriksaan ke atas najis untuk memeriksa sekiranya pelajar tersebut mendapat serangan cacing ataupun tidak. Pemeriksaan ini akan dijalankan selama dua kali sepanjang tahun dan rawatan akan diberikan diberikan apabila perlu.

Selain daripada itu, para pelajar di sekolah akan diberikan susu kotak setiap hari untuk menggalakkan para pelajar meminum susu dan mengelakkan mereka daripada kekurangan zat makanan (Medical Department, 1938: 15). Susu disediakan mengikut formular yang disyorkan oleh Nestle dan Anglo-Swiss Milk Products Ltd. Empat tin susu penuh krim "Ideal" (16-oz. tin) dan satu tin susu pekat "Alpine" (14- oz. tin) telah dicairkan dengan air kemudian menghasilkan 30 cawan. Esen raspberi telah ditambah untuk memberikan rasa raspberi kepada susu dan lima paun ais ditambah untuk menyejukkan susu selepas setengah jam sebelum susu dikeluarkan (Medical Department, 1937: 16). Susu ini

kemudiannya disediakan dalam bekas besi enamel putih yang besar dan dihidangkan dalam cawan 'Milkmaid'.

Kesimpulan

Perkhidmatan kesihatan bermula sebagai satu cara untuk menyediakan penjagaan kesihatan kepada kakitangan Eropah dan penduduk tempatan. Kemudian berkembang daripada hanya sebuah hospital di Sandakan kepada beberapa siri hospital, klinik dan dispensari yang terletak di seluruh Borneo Utara. Selepas pengenalan perubatan moden oleh pihak British, penduduk tempatan Borneo Utara mula membuka hati untuk menerima rawatan perubatan moden serta datang ke hospital untuk merawat penyakit mereka. Menurut Birch (1903), *The natives of North Borneo are ever ready to come to Hospital and to ask for English medicines as out-door patients*. Kenyataan ini menyatakan bahawa pegawai perubatan Borneo Utara ini disokong dengan angka peningkatan dalam jumlah pesakit luar yang telah dirawat di hospital kerajaan.Pada tahun 1935, seramai 198,398 pesakit luar telah dirawat secara keseluruhannya di Borneo Utara manakala pada tahun 1939 pula, jumlah pesakit luar yang telah dirawat meningkat kepada 341,563 orang (Medical Department, 1939: 2). Peningkatan berterusan dalam bilangan rawatan yang diberikan menunjukkan tentang keyakinan yang semakin meningkat dalam perubatan Barat di kalangan orang Cina dan penduduk tempatan dalam tempoh lima tahun.

Walaupun terdapat perubahan dalam perpektif perubatan di Sandakan, perubahan yang dibawa oleh pihak British adalah perlahan meskipun langkah yang diambil untuk meningkatkannya adalah berterusan. Hal ini jabatan perubatan mengalami kekurangan kakitangan dan lambakan kerja kepada beberapa orang kakitangan menyebabkan kerja-kerja pemberian perkhidmatan kesihatan ini terbantut. Di samping itu, masih terdapat beberapa kawasan kampung-kampung terpencil masih tidak mendapat rawatan perubatan yang sewajarnya.

Senarai Rujukan

Dokumen Arkib
Annual Report of Medical Department. 1936.

Annual Report of Medical Department. 1937.
Annual Report of Medical Department. 1938.
Annual Report of Medical Department. 1939.
British North Borneo Herald. 1883. Medical Department Report.
British North Borneo Herald. 1890. Medical Department Report.
Handbook of British North Borneo. 1886. London: W. Clowes
Handbook of British North Borneo. 1890. London: W. Clowes
Handbook of British North Borneo. 1921. London: W. Clowes

Buku dan Jurnal

A. Sullian dan C. Leong. 1981. Commemorative History of Sabah:1881-1981. Sabah: The Sabah State Government Centenary Publication Committee.

BMA B-30.41.020. *Sandakan, The Civil Hospital. British North Borneo.* Sandakan: N Philippe & Sons. DOI: https://www.bmarchives.org/items/show/52490.

C. Hose dan W. McDougall. 1912. *The Pagan Tribes of Borneo.* London: Macmillan and Co. Ltd.

D. Wong Tze Ken. 2004. *Community and Society.* Kota Kinabalu: Natural History Publication (Borneo).

E. W. Birch. 1903. *A Report Upon British North Borneo.* Sandakan: Government Printing Office.

K. G. Tregonning. 1967. *A History of Modern Sabah*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

North Borneo Central Archives. Fail 1114. Medical Supervision of Estates 1929-1940. Arkib Negeri Sabah.

The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (Weekly). *BNBH.* 3 Ogos1897. Hlm. 9.

United States. 1908a. Cholera, Yellow Fever, Plague, and Smallpox, from June 26 to July 31, 1908. *Public Health Reports (1896-1970).* **Vol. 23** (No. 31): 1120-1123. DOI: https://www.jstor.org/stable/4561546.

United States. 1908b. Cholera, Yellow Fever, Plague, and Smallpox, from June 26 to August 7, 1908. *Public Health Reports (1896-1970).* **Vol. 23** (No. 32): 1152-1155. DOI: https://www.jstor.org/stable/4561585

United States. 1908c. Cholera, Yellow Fever, Plague, and Smallpox, from June 26 to August 21, 1908. *Public Health Reports (1896-1970).* **Vol. 23** (No. 34): 1218-1221. DOI: https://www.jstor.org/stable/4561673

United States. 1915. Foreign Reports*. Public Health Reports (1896-1970)*. **Vol. 30** (No. 43): 3165-3174. DOI:https://www.jstor.org/stable/4572936.

Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2023, Vol.8 (1), hlm. 73-90
e-ISSN: 2600-8726© Allan Leonard Kho
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

IDEA DAN DILEMA DI SEBALIK PEMINDAHAN KEDAULATAN WILAYAH BORNEO DALAM *GREATER MALAYSIA*

The Idea and Dilemma Behind The Transfer of Sovereignty of Borneo Territories in Greater Malaysia

Allan Leonard Kho[1]
[1]*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*
[1]alleonkho20@yahoo.com
Dihantar:24 Mac 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023

Abstrak

Kertas kerja mengupas tentang idea dan dilema pemindahan kedaulatan wilayah Borneo (Sarawak dan Borneo Utara) semasa proses pembentukan *The Greater Malaysia*. Persoalan kedaulatan wilayah Borneo telah menjadi tema utama dan konflik sepanjang perbincangan antara Kerajaan British dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Aspek dilema pengalihan kedaulatan wilayah menyaksikan proses rundingan antara Kerajaan British dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu untuk merangka jaminan perlindungan yang memuaskan bagi wilayah Borneo sebelum kedua-dua wilayah tersebut menjadi sebahagian daripada rancangan *The Greater Malaysia*. Sehubungan dengan itu, Kerajaan British berhasrat mencadangkan keperluan sebuah alternatif "kondominium" kepada Tunku Abdul Rahman bagi bersama-sama mengendalikan urusan pentadbiran Sarawak dan Borneo Utara dan sebagai persediaan awal sebelum pengalihan kedaulatan dilaksanakan sepenuhnya. Kajian kualitatif ini berpandukan penyelidikan sumber primer Dapatan kajian penting untuk menjelaskan kesinambungan isu pengalihan kedaulatan wilayah yang pada akhirnya akan membawa kepada naratif penawaran perlindungan wilayah Borneo kemudiannya akan diimplimentasikan menjadi idea hak autonomi dalam Perjanjian Malaysia 1963.

Kata Kunci: Wilayah Borneo, Kedaulatan, Idea autonomi

Abstract

The paper examines the idea and dilemma of transferring the sovereignty of the Borneo region (Sarawak and North Borneo) during the process of forming The Greater Malaysia. The question of the sovereignty of the Borneo region has become the main theme and conflict throughout the discussions between the British Government and the Federal Government of Malaya. In the context of this study, the dilemma aspect of the transfer of territorial sovereignty will witness the negotiation process between the British Government and the Federal Government of Malaya to draft a satisfactory protection guarantee for the Borneo region before the two regions become part of The Greater Malaysia plan. Concerning that, the British Government intends to propose the need for an alternative so-called condominium alternative to Tunku Abdul Rahman to jointly handle the administrative affairs of Sarawak and North Borneo as an initial preparation before the transfer of sovereignty is fully implemented. This qualitative study is based on primary source research. The findings of the study are important to explain the continuation of the issue of the transfer of territorial sovereignty which will eventually lead to the narrative of the protection of the Borneo region which will then be implemented into the idea of autonomy rights in the Malaysia Agreement 1963.

Keywords*: Borneo Region, sovereignty, idea of autonomi*

Pengenalan

Sejak idea pembentukan *The Greater Malaysia* dibincangkan secara meluas, persoalan pengagihan dan pengalihan kedaulatan wilayah Borneo telah menjadi tema utama dan konflik sepanjang proses rundingan antara Kerajaan British dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dalam merealisasikan rancangan pembentukan *The Greater Malaysia*. Dalam menganalisis perkara ini, aspek kedudukan kedaulatan wilayah Borneo yang dibincangkan hanyalah tertakluk kepada Sarawak dan Borneo Utara sahaja. Brunei tidak terlibat dalam dilema kedaulatan wilayah kerana statusnya adalah negeri protektorat dan kedaulatan Brunei terletak pada kuasa Sultan Brunei dengan perlindungan Kerajaan Baginda Queen. Signifikan kedaulatan wilayah Borneo dibincangkan adalah untuk menjawab persoalan mengenai bagaimana pengkonseptualan idea hak autonomi wilayah Sabah dan Sarawak berlaku. Setelah isu pengalihan kedaulatan wilayah dibincangkan secara

menyeluruh, pada akhirnya barulah persoalan ini membawa kepada naratif penawaran perlindungan wilayah Borneo dan seterusnya diaplikasikan dalam Perjanjian Malaysia 1963.

Persoalan pengalihan kedaulatan wilayah boleh dikatakan merupakan permasalahan asas yang wajib diselesaikan terlebih dahulu sebelum rancangan *The Greater Malaysia* direalisasikan, dan ia juga merupakan titik tolak untuk menentukan perlindungan sewajarnya yang seharusnya diberikan kepada wilayah Borneo selepas pengalihan tanggungjawab kedaulatan wilayah. Umum mengetahui bahawa sebelum pembentukan *The Greater Malaysia*, Sarawak dan Borneo Utara merupakan wilayah kolonial British maka apabila selesainya proses pengalihan kedaulatan wilayah berlaku, segala tanggungjawab Kerajaan British sebelum ini terhadap wilayah Borneo akan diserahkan sepenuhnya kepada Kerajaan Persekutuan Malaysia dan akan membimbing kemajuan wilayah Borneo. Demikianlah gambaran yang jelas mengenai bagaimana proses pengalihan tanggungjawab kedaulatan wilayah Borneo yang akan berlaku daripada kuasa Kerajaan British kepada kerajaan persekutuan *Greater Malaysia* kelak.

Kerajaan British akan bersetuju untuk mewujudkan *The Greater Malaysia* tetapi mereka menekankan keperluan untuk merangka satu pengaturan yang munasabah untuk wilayah Borneo terlebih dahulu dan pengaturan itu perlulah memenuhi keperluan pertahanan British di rantau itu (CAB 131/25, D 14(61)6, 25 October 1961). Oleh hal yang sedemikian, semasa proses persetujuan pengalihan kedaulatan wilayah Borneo, Kerajaan British telah merangka jenis-jenis perlindungan yang difikirkan perlu untuk terus berfungsi sebagai perlindungan kepentingan wilayah Borneo. Faktor ini secara tidak langsung juga telah membawa kepada naratif pengkonseptulan hak autonomi untuk wilayah Borneo dari perspektif Kerajaan British. Sebagai permulaan kepada proses pengalihan kedaulatan wilayah Borneo, idea alternatif *condominium* telah dicadangkan untuk diadakan bagi wilayah Borneo.

Persoalan tentang kedudukan wilayah Borneo terutamanya isu kedaulatan wilayah sememangnya saling berkait rapat dengan aspek pengkonseptualan idea hak autonomi wilayah Borneo dalam proses pembentukan *The Greater Malaysia*. Bagi memahami persoalan kedaulatan wilayah Borneo dengan lebih menyeluruh maka penting untuk mencerakinkan persoalan ini kepada dua aspek perbincangan utama iaitu pertama, idea alternatif *condominium* dan yang kedua,

dilema pengalihan kedaulatan wilayah Borneo dalam rancangan *The Greater Malaysia.*

Idea Alternatif *Condominium*

Lord Selkirk, Pesuruhjaya Tinggi British di Singapura merupakan individu penting yang mengemukakan idea alternatif *condominium* kepada Kerajaan British. Takrifan istilah *condominium* yang digunakan adalah merujuk kepada kedaulatan bersama dalam tempoh peralihan kedaulatan (Samuels, 2007: 731).[1] Sebaik sahaja Tunku membuat pengumuman untuk melaksanakan *The Greater Malaysia*, Lord Selkirk berhasrat mencadangkan kepada Tunku untuk mengadakan alternatif *condominium* bagi bersama-sama mengendalikan urusan pentadbiran Sarawak dan Borneo Utara. Alternatif *condominium* bertindak sebagai pelan persediaan sebelum pengalihan kedaulatan dilaksanakan sepenuhnya. *Condominium* hubungan Anglo-Malaya yang pernah dilaksanakan suatu ketika dahulu telah dirujuk oleh Lord Selkirk bagi memperlihatkan keberkesanan idea alternatif *condominium* wilayah Borneo. Reka bentuk dan rangka kerja *condominium* hubungan Anglo-Malaya akan diadaptasikan ke dalam idea alternatif *condominium* Lord Selkirk dengan sedikit perubahan pada tanggungjawab Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Kerajaan British.

Idea alternatif *condominium* ini dilihat berkemampuan untuk memberikan kelebihan bagi menyakinkan penduduk wilayah Borneo bahawa Kerajaan British tidak melepaskan tanggungjawab mereka terhadap wilayah Borneo sebaik sahaja pembentukan *The Greater Malaysia*. Meskipun dalam program intensif atau "*Crash programme*"[2] Lord Selkirk lebih terbuka dan membenarkan Tunku mengambil alih kedaulatan Singapura malah mengakui adalah munasabah sekiranya Tunku ingin mengambil alih kedaulatan wilayah Borneo melalui penyatuan wilayah atas asas yang sama. Beliau mengakui bahawa keadaan akan menjadi janggal sekiranya Kerajaan British akan terus berkongsi kedaulatan wilayah Borneo dengan kerajaan Persekutuan (CO 1030/982 No 498C, 24 August 1961; CO 1030/983 No. 615, 1 September 1961). Tindakan tersebut pastinya akan menyakinkan dakwaan bahawa rancangan *The Greater Malaysia* merupakan strategi untuk Kerajaan British terus memelihara kuasa imperialisme (CO 1030/983 No. 615, 16 September 1961). Dalam erti kata lain, Lord Selkirk mula menunjukkan perubahan sikap terhadap kedaulatan bersama. Namun beliau tetap teguh dengan saranannya dalam idea

alternatif *condominium* iaitu Kerajaan British hendaklah meneruskan fungsi mereka untuk melatih penduduk wilayah Borneo untuk persediaan ke arah pemerintahan sendiri (CO 1030/983 No. 615, 16 September 1961).[3]

Oleh kerana permasalahan asas perkara ini adalah berkaitan dengan soal kedudukan perlembagaan maka pengaturan yang bakal dilaksanakan bagi persediaan berkerajaan sendiri adalah dengan melakukan beberapa perubahan peruntukan perlembagaan negeri untuk wilayah Borneo (CO 1030/983 No. 615, 16 September 1961). Lord Selkrik menyarankan Kerajaan British menyegerakan perbincangan pengaturan perlembagaan untuk wilayah Borneo. Sehubungan dengan itu, perlembagaan yang bakal dirangka hendaklah meliputi perkara seperti keistimewaan autonomi negeri wilayah Borneo, peruntukan kewangan, perwakilan kerajaan, kedudukan Gabenor dan perkara lain yang difikirkan sesuai dengan rancangan *Greater Malaysia* (CO 1030/983 No. 615, 16 September 1961). Penggubalan perlembagaan ini juga akan disesuaikan dengan tindakan perundangan di Britain dan Persekutuan Tanah Melayu. Segala perkembangan perlembagaan yang berlaku akan dilaksanakan secara berperingkat agar dapat disesuaikan dan diadaptasikan oleh wilayah Borneo. Bagi proses pindaan perlembagaan pula, segala peruntukan perlembagaan (pada masa hadapan) akan dipinda mengikut cara yang sama seperti proses pindaan perlembagaan di peringkat federal (CO 1030/983 No. 615, 16 September 1961).

Selain itu, Lord Selkrik turut memberikan cadangan mengenai peranan Gabenor yang akan dilantik dalam tempoh peralihan kedaulatan. Tugas utama Gabenor yang dilantik adalah bertanggungjawab terhadap pentadbiran wilayah Borneo di peringkat negeri. Berdasarkan idea ini, kedudukan Gabenor bagi Borneo Utara dan Sarawak adalah berada dalam kedudukan yang serupa dengan kedudukan Gabenor Pulau Pinang dan Melaka. Peranan Gabenor masih sama seperti sebelum ini cumanya mereka akan menjalankan tanggungjawab sehingga wilayah Borneo bersedia sepenuhnya untuk mentadbir sendiri (sebelum *The Greater Malaysia*). Selepas daripada itu, segala kuasa Gabenor akan diserahkan kepada pentadbiran tempatan. Sehubungan dengan perkara tersebut, penguatkuasaan segala peruntukan baharu dalam perlembagaan negeri juga penting untuk dibincangkan. Penentuan kaedah yang sesuai untuk perlembagaan negeri dilaksanakan akan seiring dengan fungsi Gabenor sebagai ketua

wilayah. Terdapat tiga kaedah dicadangkan oleh Lord Selkirk untuk memutuskan pelaksanaan perlembagaan baharu dan tanggungjawab Gabenor.

Pertama ialah memberikan kepercayaan kepada kerajaan Tunku. Gabenor yang bakal dilantik akan bertanggungjawab terus kepada kerajaan Persekutuan. Ini bermakna segala keputusan akan melalui perbincangan dua hala antara kerajaan Persekutuan dan para Gabenor wilayah Borneo. Persoalan bilakah masa yang sesuai untuk pelaksanaan perlembagaan negeri (Sarawak dan Borneo Utara) akan diserahkan sepenuhnya kepada kerajaan persekutuan untuk menentukan. Berdasarkan kaedah pertama ini, peranan Kerajaan Baginda Queen tidak ditunjukkan oleh Lord Selkrik maka Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu secara tidak langsung yang akan menggalas tanggungjawab terhadap wilayah Borneo. Dari perspektif yang Tunku, pengaturan sedemikian tidak akan diterima oleh Tunku kerana kaedah ini dicadangkan hanya untuk dilaksanakan dalam tempoh pengalihan kedaulatan sahaja.

Tunku cuba untuk mengelakkan wujud dakwaan bahawa Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akan mengambil alih peranan Kerajaan British sebagai kolonial. Pengalihan peranan antara Kerajaan British dengan Kerajaan Tunku akan lebih menyakinkan dakwaan tempatan bahawa ia hanya sekadar pertukaran watak pemerintah kolonial. Tunku sedar yang kaedah pertama ini juga tidak diingini oleh penduduk wilayah Borneo. Terdapat isu yang timbul di mana kaum Iban misalnya enggan ditadbir oleh orang Melayu atas faktor perbezaan agama. Maka, langkah ini dilihat langsung tidak menguntungkan kepentingan Tunku terhadap wilayah Borneo (CO 1030/983 No. 615, 16 September 1961).[4] Kaedah kedua ialah Gabenor akan bertanggungjawab terus kepada Kerajaan Baginda Queen. Walaupun Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu turut berperanan dalam tempoh peralihan kedaulatan namun, segala urusan pentadbiran wilayah Borneo akan diserahkan sepenuhnya kepada Kerajaan Baginda Queen. Bagi Lord Selkirk kaedah kedua ini dilihat akan lebih menyakinkan penduduk tempatan dan para pegawai Kolonial British berbanding kaedah pertama kerana memandangkan kaedah ini tidak banyak perubahan dengan keadaan sedia ada. Aspek penerimaan wilayah Borneo dan pegawai Kolonial British penting diambil kira dalam konteks penentuan kaedah yang sesuai untuk dilaksanakan dalam idea alternatif *condominium.*

Seterusnya, kaedah ketiga merupakan gabungan kaedah pertama dan kedua iaitu tanggungjawab bersama antara Tunku dan Kerajaan British. Kemungkinan sebuah perjanjian sementara diperlukan. Cadangan Lord Selkirk adalah melalui menubuhkan Majlis Amanah Bersama atau "*Joint Trust Council*" untuk kedua-dua pihak agar bersama-sama membimbing wilayah Borneo dalam tempoh peralihan. Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akan berperanan sebagai Pengerusi dalam "*Joint Trust Council*" dan ahli-ahli majlis tersebut akan dianggotai oleh perwakilan-perwakilan dari kedua-dua kerajaan. Fungsi utama "*Joint Trust Council*" akan merangkumi pemilihan dan pelantikan Gabenor, menentukan perkara-perkara berkaitan perlembagaan, hal ehwal wilayah Borneo serta hak istimewa wilayah Borneo kelak.

Sejajar dengan fungsi "*Joint Trust Council*", Lord Selkrik turut menekankan peranan "*Joint Trust Council*" hendaklah bebas sifatnya dan tidak mengawal fungsi Gabenor untuk menjalankan tugasnya dalam pentadbiran. Oleh hal demikian, pengaturan untuk perlembagaan memperuntukan penubuhan segera Suruhanjaya Perkhidmatan Awam yang akan berkuasa memberi cadangan kepada Gabenor untuk menjalankan tanggungjawabnya serta bersetuju bahawa Gabenor akan bertindak mengikut budi-bicaranya dalam perkara yang melibatkan perkhidmatan awam. Dengan berbuat demikian, difikirkan keperluan untuk memperkenalkan skim pampasan untuk pegawai ekspatriat di bawah Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

Idea memperkenalkan skim pampasan adalah persediaan untuk menghadapi proses Borneonisasi yang akan berlaku menjelang pembentukan *The Greater Malaysia* (CO 1030/983 No. 615, 16 September 1961). Walaupun idea alternatif *condominium* masih di peringkat perbincangan tidak rasmi Kerajaan British dan belum dikemukakan kepada Tunku. Keadaan mula berubah apabila Tunku bersifat tegas terhadap pengalihan kedaulatan mutlak wilayah Borneo iaitu enggan melibatkan peranan Kerajaan British dalam persoalan pengalihan kedaulatan sehinggakan Kerajaan British mempertimbangkan idea alternatif *condominium* dan akhirnya telah membawa kepada pengubahsuaian idea alternatif tersebut.

Perkara-perkara berhubung dengan idea alternatif *condominium* kemudiannya telah diusulkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Greater Malaysia 1961 (*Greater Malaysia (Official) Committee 1961*) untuk dibahaskan. Hasil daripada mesyuarat tersebut, ahli jawatankuasa

Greater Malaysia sendiri mengakui bahawa penyusunan idea dan kaedah alternatif *condominium* pastinya tidak diterima oleh Tunku. Hal ini melihat kepada ketegasan Tunku menuntut kedaulatan mutlak ke atas wilayah Borneo dan pengagihan peranan pentadbiran yang tidak adil dalam idea alternatif *condominium* yang dicadangkan. Pada masa yang sama, dari sudut perundangan, idea alternatif *condominium* turut dilihat tidak menepati prinsip penyatuan wilayah untuk ke arah pembinaan Persekutuan Malaysia dan secara tidak langsung boleh dianggap memberi kesan terhadap kedudukan Persekutuan Malaysia di peringkat antarabangsa. Maka, berdasarkan penilaian yang telah dilakukan dalam Jawatankuasa Greater Malaysia 1961, idea untuk melaksanakan alternatif *condominium* terpaksa digugurkan (CAB 134/1949, GM(61)11(Final), 20 October 1961).

Walaupun pada asasnya pelaksanaan alternatif *condominium* tidak dijalankan, namun idea-idea disebalik alternatif *condominium* telah dilakukan penyusunan semula bagi memenuhi kehendak Tunku. Pengubahsuaian ini secara tidak langsung telah mewujudkan alternatif baharu yang bersesuaian untuk semua pihak yang terlibat bersama. Jika dianalisiskan idea disebalik alternatif *condominium*, sebenarnya cadangan Lord Selkirk hanyalah menginginkan kerajaan British mengekalkan para pegawainya yang sedia ada di wilayah Borneo untuk terus kekal menjalankan perkhidmatan pentadbiran sehinggakan proses Borneonisasi selesai dilaksanakan. Oleh itu, Jawatankuasa *Greater Malaysia* 1961 berpendapat bahawa sekiranya terdapat pengaturan baharu yang memuaskan dan tidak berat sebelah, Tunku akan bersetuju dan membenarkan pegawai-pegawai British untuk terus berkhidmat di wilayah Borneo. Pertimbangan alternatif baharu untuk menggantikan alternatif *condominium* telah dilakukan dengan mengambil kira aspek situasi menang-menang untuk pihak kerajaan British dan Tunku.

Cadangan alternatif baharu dan sesuai dengan semua pihak adalah jawatan Gabenor British akan digantikan dengan Gabenor Melayu (tempatan) dengan syarat para pegawai British dibenarkan untuk terus berkhidmat di wilayah Borneo untuk sementara waktu bagi menyediakan pegawai-pegawai tempatan untuk menjalankan pentadbiran wilayah Borneo kelak (Borneonisasi). Sementara itu, Gabenor Melayu (tempatan) akan dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong Persekutuan Tanah Melayu dan persetujuan tersebut akan dilakukan atas nasihat kerajaan British (CAB 134/1949, GM(61)11(Final), 20 October 1961). Walaupun alternatif baharu ini sangat berbeza dengan idea alternatif *condominium* yang asal namun sekurang-kurangnya

pengaturan baharu ini dianggap boleh diterima oleh Tunku dan juga wilayah Borneo. Kepentingan untuk menjelaskan idea alternatif *condominium* adalah ia akan relevan dengan aspek Borneonisasi yang kemudiannya dituntut oleh delegasi wilayah Borneo dalam senarai 20 Perkara semasa rundingan Perjanjian Malaysia 1963.

Dilema Pengalihan Kedaulatan Wilayah

Dilema pengalihan kedaulatan merupakan aspek kedua dalam meneliti isu kedaulatan wilayah. Walaupun idea alternatif *condominium* tidak berjaya dilaksanakan dan boleh dilihat bahawa idea disebalik alternatif tersebut menunjukkan adanya usaha Kerajaan British mengekalkan para pegawai kolonial British di wilayah Borneo dan memberikan bayangan Kerajaan British langsung tidak bercadang untuk menyerahkan kedaulatan mutlak wilayah Borneo. Bagi memperkukuhkan perkara ini, Kerajaan British khususnya para pegawai kolonial British wilayah Borneo mendakwa keperluan kehadiran mereka di wilayah Borneo untuk menyediakan proses Borneonisasi terlebih dahulu sebelum bersedia melepaskan wilayah Borneo sepenuhnya. Dalam konteks ini, sebenarnya perasaan dilema untuk melepaskan wilayah Borneo lebih dominan dalam kalangan para pegawai kolonial British sama ada yang berada di dalam atau di luar wilayah Borneo berbanding Kerajaan Baginda Queen di London.

Tema kedaulatan wilayah mula menjadi perbincangan utama dua hala antara Kerajaan British dan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu apabila Tunku mula mendesak Kerajaan British menyegerakan memindahkan kedaulatan wilayah Borneo dan tekad untuk memasukan wilayah Borneo ke dalam rancangannya bagi mempercepatkan proses pembentukan *The Greater Malaysia* (PREM 11/3418, 3 Jun 1961; PREM 11/3422, 26 September 1961). Sebelum ini, Kerajaan Baginda Queen sememangnya telah mempunyai rancangan untuk penyatuan wilayah Borneo, Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura namun timbul persoalan bagaimana jenis bentuk penggabungan yang sesuai dengan keadaan ketiga-tiga wilayah tersebut.

Kerajaan Baginda Queen masih tidak dapat menentukan sama ada penggabungan akan berbentuk federal ataupun konfederal (CO 1030/1079 No 2, 2 Mei 1961). Oleh kerana hal demikian, tidak ada sebarang inisiatif dan komitmen ditawarkan oleh kerajaan Baginda

Queen untuk menggerakkan rancangan *The Greater Malaysia* pada ketika itu. Bukan itu sahaja, sikap para pegawai Kolonial British wilayah Borneo turut mempengaruhi persoalan rancangan penyatuan wilayah dan sering kali membangkitkan persoalan menunggu "masa" yang sesuai dan keperluan menyediakan persiapan untuk wilayah Borneo dari segi pentadbiran dan pendidikan agar Kerajaan British bersedia sepenuhnya untuk melaksanakan rancangan tersebut.

Bantahan daripada para pegawai Kolonial British khususnya para Gabenor di wilayah Borneo juga menunjukkan dilema pengalihan kedaulatan wilayah. Mereka menolak usaha Tunku untuk menyegerakan pembentukan *The Greater Malaysia* disebabkan ingin menumpukan perhatian kepada rancangan hubungan lebih rapat (*closer association*) antara ketiga-tiga wilayah Borneo. Para Gabenor wilayah Borneo masih mengharapkan pembentukan Persekutuan Borneo sebelum *Greater Malaysia* dilaksanakan. Sekiranya idea pembentukan Persekutuan Borneo berjaya direalisasikan, penyusunan ini akan membentuk sebuah konfederasi sekaligus Persekutuan Borneo akan mempunyai lebih banyak kuasa autonomi.

> *The Governor's latest advice is that merger with Malaya cannot be rushed; it must follow a federation of the Borneo territories and then allow for a larger measure of self-government in Borneo. He thinks that the Borneo territories would be advised to wait and see the sort of Governments in power in Malaya and Singapore in 1964* (CAB 134/1949, GM(61)11(Final) 20 October 1961).

Berdasarkan petikan tersebut, para Gabenor masih tidak bersedia untuk menyerahkan kedaulatan mutlak wilayah Borneo sehingga tahun 1964. Sebaliknya dakwaan para pegawai Kolonial British menyatakan kemerdekaan masih lagi bukan satu tema yang menarik di wilayah Borneo dan penduduk tempatan masih tidak menunjukkan sebarang tuntutan kemerdekaan. Perkara paling penting adalah mengelakkan memberi gambaran bahawa Kerajaan British bersedia untuk mengabaikan penduduk wilayah Borneo serta kepercayaan mereka bagi kesejahteraan wilayah Borneo sebelum mereka benar-benar bersedia sepenuhnya (CO 1030/1079 No 11, 14 Jun 1961).

Keadaan ini secara tidak langsung menyebabkan Kerajaan British membuat penilaian semula keperluan untuk melepaskan kedaulatan wilayah Borneo kepada Kerajaan Tunku. Keperluan yang

harus ditunjukan oleh Kerajaan British adalah tidak akan menyerahkan rakyat kolonial mereka (penduduk wilayah Borneo) kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tanpa mengambil kira kehendak mereka sendiri dan perkara-perkara yang lain termasuklah penerusan rancangan ke arah hubungan lebih rapat antara wilayah Sabah dan Sarawak (CAB 134/1949, GM(61)11(Final), 20 October 1961).

Pada waktu yang sama, tidak dinafikan juga bahawa para pegawai Kolonial British turut menggunakan "*Nine Cardinal Principles*" sebagai faktor pengikat dilema mereka terhadap kedaulatan wilayah Borneo terutamanya di Sarawak. Prinsip kelapan dalam "*Nine Cardinal Principles*" tersebut mengandungi klausa penting di mana menyatakan tanggungjawab Kerajaan Kolonial terhadap penduduk Sarawak.

> *8. That the goal of self-government shall always be kept in mind, which the people of Sarawak shall be entrusted in due course with the governance of themselves, and that continuous efforts shall be made to hasten the reaching of this goal by educating them in the obligations, the responsibilities, and the privileges of citizenship.* (A/AC.109/PET.51, 4 Mac 1963).

Berdasarkan klausa kelapan, Kerajaan Kolonial akan terus bertanggungjawab terhadap Sarawak sehingga penduduk tempatan bersedia sepenuhnya untuk berkerajaan sendiri dan akan memberi jaminan bahawa segala sumber Sarawak akan dikembangkan untuk kegunaan serta kepentingan penduduk Sarawak sahaja. Namun, bagi mencapai matlamat untuk berkerajaan sendiri pastinya perkara tersebut akan mengambil jangka masa yang lama kerana tahap politik dan pendidikan penduduk Sarawak masih di peringkat yang rendah.

Oleh itu, berdasarkan limitasi kemampuan tersebut adalah mustahil untuk mencapai matlamat berkerajaan sendiri dalam masa yang singkat maka langkah yang paling relevan difikirkan adalah dengan menangguhkan terlebih dahulu rancangan untuk membentuk *Greater Malaysia* (CAB 130/179, GEN 754/1st Meeting, 9 November 1961; DO 35/10019, No E/195, 2 December 1959). Pada perspektif yang lain pula, sekiranya rancangan pembentukan *Greater Malaysia* ditangguhkan, Singapura akan menghadapi masalah yang lebih serius. Ancaman komunis yang semakin kritikal di Singapura menyebabkan dilema Kerajaan British untuk penangguhan rancangan penyatuan wilayah.

Meskipun terdapat bantahan kuat terhadap pengalihan kedaulatan, Tunku tetap nekad untuk menyegerakan pelaksanaan idea *The Greater Malaysia.* Berdasarkan hujah beliau, pada tiba masanya rancangan *The Greater Malaysia* tercapai kelak, semua wilayah yang bergantung dengan Kerajaan British akan memperoleh status berdaulat dan bebas. Justeru, masa depan wilayah Borneo hendaklah dipertimbangkan dengan kadar yang segera untuk jaminan jangka masa Panjang (PREM 11/3418, 26 June 1961; Ghazali, 2015: 142).[5] MacMillan telah memberikan jawapan positif kepada Tunku bahawa tanggapan Kerajaan British terhadap idea untuk mencarikan wilayah Borneo sebuah masa depan politik dalam hubungan dengan Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mula kelihatan ada harapan apabila melihat kesungguhan Tunku mencapai rancangan *The Greater Malaysia.* Sekiranya pelaksanaan rancangan ini dirancang dengan baik, wilayah Borneo akan bersedia menjadi anggota sah dalam rancangan *The Greater Malaysia*. Sungguhpun demikian, Tunku belum menerima keputusan yang jelas mengenai kedaulatan Singapura daripada London dan menyebabkan usahanya ditangguhkan (Ghazali, 2015: 98).[6]

Sehubungan dengan itu, MacMillan telah menjemput Tunku dan Lee Kuan Yew ke London untuk membincangkan aspek kedaulatan wilayah dengan lebih terperinci (PREM 11/3418, 3 August 1961). Namun begitu, Tunku merasakan tidak ada keperluan untuk rombongan kerajaannya dan Kerajaan Singapura berjumpa MacMilian di London untuk berbincang soal kedaulatan wilayah sekiranya permasalahan asas iaitu pengalihan kedaulatan wilayah Borneo masih belum diputuskan. Sekiranya Kerajaan British tidak memberikan keputusan dan pendirian tegas mengenai pengalihan kedaulatan wilayah Borneo maka, Tunku akan menangguhkan mesyuarat bersama MacMillan di London (Parliamentary Debates, Dewan Rakyat, Volume III, No. 16, 16 October 1961; Ghazali Shafie, 2015: 146-166). Tunku mempersoalkan adakah Kerajaan Baginda Queen yang diwakili oleh pegawai Kolonial British akan bersetuju untuk melepaskan kedaulatan mereka ke atas wilayah Borneo dan Singapura dalam masa terdekat bagi membolehkan mereka (wilayah Borneo dan Singapura) menjadi negara anggota dalam rancangan *The Greater Malaysia* (PREM 11/3418, 4 September 1961).

Sir Geofroy Tory, Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu antara individu yang mempersoalkan tindakan Tunku menuntut pengalihan kedaulatan wilayah Borneo. Beliau memberi amaran kepada Tunku atas tindakan yang terlalu mendesak dan memaksa wilayah Borneo dimasukan dalam rancangan *The Greater Malaysia* tanpa

memberikan tempoh masa yang mencukupi untuk dipertimbangkan dan menentukan langkah seterusnya untuk wilayah Borneo (PREM 11/3418, 3 June 1961; CO 1030/1011, No E/280(iii), 16 Jan 1962). Penilaian Sir Geofroy Tory banyak mengambil kira pertimbangan daripada para pegawai Kolonial British yang berkhidmat di wilayah Borneo.

Oleh itu, tidak dinafikan bahawa kritikan beliau juga menggunakan hujah yang sama iaitu menasihatkan Kerajaan Baginda Queen sebaiknya berunding terlebih dahulu dengan penduduk wilayah Borneo sekiranya penduduk tempatan benar-benar menginginkan rancangan *The Greater Malaysia* atau sebaliknya. Seandainya terdapat reaksi positif daripada penduduk wilayah Borneo maka Kerajaan British boleh menjanjikan pengalihan kedaulatan wilayah kepada Tunku. Antara kritikan Sir Geofroy Tory terhadap Tunku ialah Tunku sepatutnya memikirkan persoalan mengenai bagaimana pengalihan kedaulatan wilayah dipraktikkan terdahulu bukannya sekadar mengemukakan hujah tentang prinsip pengalihan kedaulatan wilayah. Kedua-duanya adalah perkara yang berbeza dan seharusnya difahamkan oleh Tunku (PREM 11/3422, 26 September 1961). Pada pandangan Sir Geofroy Tory, Tunku gagal mengemukakan satu alternatif penyelesaian pengalihan kedaulatan yang sesuai dan tidak ada langsung langkah pengalihan yang dicadangkan.

Dalam pada itu, Kerajaan British tetap berusaha mencari inisiatif memujuk Tunku untuk segera pergi ke London bagi membincangkan perkara ini bersama Kerajaan British. Oleh itu, Sir Geofroy Tory telah memberikan tiga jaminan awal yang tidak rasmi kepada perwakilan Tunku, Ghazali Shafie iaitu (a) Kerajaan Baginda Queen menerima prinsip rancangan *Greater Malaysia*; (b) Kerajaan British akan mengiktiarkan rancangan kemajuan kepada penduduk wilayah Borneo dengan harapan *Greater Malaysia* akan dicapai pada tahun 1963 setelah memperoleh persetujuan wilayah Borneo; dan (c) Kerajaan Baginda Queen berjanji akan memindahkan kedaulatan wilayah Borneo kepada kerajaan Persekutuan Malaysia pada masa yang sama atau sebelum pengalihan kedaulatan Singapura. Namun perkara ini adalah tertakluk kepada tahap kesediaan penduduk wilayah Borneo untuk menyertai penyatuan tersebut. Ketiga-tiga jaminan ini merupakan bayangan awal untuk proses pengalihan kedaulatan ke atas wilayah Borneo kepada Kerajaan Persekutuan Malaysia dan kemudiannya dibawa ke persidangan Jawatankuasa Greater Malaysia 1961 untuk dimesyuaratkan (PREM 11/3422, 28 September 1961).

Meskipun terdapat bantahan mengenai pengalihan kedaulatan wilayah Borneo namun perbincangan mengenai rancangan *Greater Malaysia* tetap diteruskan oleh Kerajaan British di London. Segala bantahan dan penilaian yang telah dikemukakan oleh para pegawai Kolonial British mengenai wilayah Borneo tetap diambil kira dan telah dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Greater Malaysia 1961 sebelum mesyuarat *London Talk* diadakan pada bulan November 1961. Oleh itu, berdasarkan dilema pengalihan kedaulatan wilayah ini, permasalahan asas yang harus difikirkan oleh Kerajaan British ialah bagaimana memastikan kedudukan perlembagaan wilayah Borneo akan dirangka dengan sebaik mungkin dan dipersetujui oleh penduduk wilayah Borneo sekaligus menjamin peruntukan perlembagaan tersebut akan dipenuhi kelak (PREM 11/3422, 3 October 1961). Maka langkah penyelesaiannya adalah melalui penubuhan sebuah suruhanjaya khas yang akan bertanggungjawab untuk menilai sejauh mana dilemma British ini di lapangan wilayah Borneo (CAB 130/179, GEN 754/1st Meeting, 9 November 1961).

Sungguhpun MacMillan dalam surat balasnya kepada Tunku menjelaskan bahawa Kerajaan British menyambut baik dan menerima konsep *The Greater Malaysia.* Namun, para pegawai Kolonial British di wilayah Borneo merasakan rancangan *Greater Malaysia* akan membawa implikasi serius serta kemungkinan reaksi bahaya kepada Kerajaan British dan wilayah Borneo. Walaupun pelbagai pihak bersetuju bahawa rancangan *The Greater Malaysia* dikatakan mampu menjamin masa depan wilayah Borneo, tetapi para pegawai Kolonial British tetap tidak bersedia untuk menerima rancangan tersebut di wilayah Borneo malah penekanan diberikan terhadap tanggungjawab mereka sebagai kolonial untuk terus melindungi kepentingan penduduk wilayah Borneo dan kemustahilan politik semasa wilayah Borneo untuk diserahkan kepada kuasa yang lain (PREM 11/3422, 26 September 1961). Ketidaksediaan para pegawai kolonial British untuk melepaskan kedaulatan wilayah Borneo tidak bermakna mereka enggan untuk melepaskan wilayah Borneo selama-lamanya sebaliknya masih membimbangkan soal masa yang sesuai dan apakah bentuk penyatuan yang bakal dibentuk dalam rancangan *The Greater Malaysia* (PREM 11/3422, 3 October 1961).

Kesimpulan

Persoalan pengalihan kedaulatan wilayah Borneo dari pentadbiran kolonial British kepada Kerajaan Persekutuan penting untuk difahamkan terlebih dahulu sebelum meneliti proses pembentukan idea hak autonomi yang seterusnya. Ketika isu pengalihan kedaulatan dibincangkan antara Tunku dengan Kerajaan British, sedikit banyak proses penawaran perlindungan untuk wilayah Borneo telah berlaku. Idea mengenai alternatif *condominium* yang dikemukakan oleh Kerajaan British juga telah memperlihatkan bagaimana cadangan awal penyusunan pentadbiran wilayah Borneo sebagai Langkah pemula ke arah berkerajaan sendiri. Kedua-dua Gabenor Sarawak dan Borneo Utara turut menawarkan idea tentang perlindungan terhadap wilayah Borneo demi memelihara kesejahteraan wilayah tersebut disamping mengekalkan kedudukan mereka sebagai Gabenor. Akan tetapi, pandangan para Gabenor bukanlah keputusan muktamad yang akan dilaksanakan dalam pembentukan Greater Malaysia.

Senarai Rujukan

Dokumen Arkib

A/AC.109/PET.51, Petition From The Secretary-General, Sarawak United Peoples' Party Concerning Sarawak to United Nations Special Committee, Annex A: Cardinal Principle of The Rule of The English Rajahs, 4 March 1963.

CAB 130/179, GEN 754/1st Meeting, Preparations for the London Talks: Minutes of the Frist Meeting of the Cabinet Greater Malaysia Committee, 9 November 1961. DO 35/10019, No E/195, Closer Association of Borneo territories: Letter from Sir A Abell to F D Jakeway, 2 December 1959.

CAB 134/1949, GM(61)11(Final), 'Greater Malaysia: Report by the Chairman of the Official Committee': Report for Ministers by Sir A Cluttterbuck. Appendices B and C, 20 October 1961.

CO 1030/1011, No E/280(iii), Sir J Martin's Mission: Note of a Meeting of British Officials with Lee Kuan Yew, 16 January 1962.

CO 1030/1079 No 11, North Borneo and the 'Grand Design': Letter From Sir W Goode to E Melville, 14 June 1961.

CO 1030/1079 No 2, Closer Association of the Borneo Territories: Letter from Lord Selkirk to Mr. Macleod, Reporting on the 13th Inter-

Territorial Conference of Borneo Territories in Jesselton, 2 May 1961.
CO 1030/982 No 498C, Crash Programme for 'Greater Malaysia': Letter from Lord Selkirk to Mr. Macleod, Urging 'A Crash Programme' on Merger to Ensure Survival of Lee Kuan Yew's Government, 24 August 1961.
CO 1030/983 No. 615, Crash Programme for 'Greater Malaysia': Letter from Lord Selkirk to Mr. Macleod, amplifying the case put in Document 55, 16 September 1961.
Parliamentary Debates, Dewan Rakyat, Volume III, No. 16, 16th October 1961, hlm. 1590-1613.
PREM 11/3418 Proposal for talks in London: Letter from Tunku Abdul Rahman to Mr. Macmillan, 4 September 1961.
PREM 11/3418 Proposal to hold talks in London: Letter from Mr. Macmillan to Tunku Abdul Rahman, replying to document 46, 3 August 1961.
PREM 11/3418, 'Grand Design': Inward telegram no 399 from Sir G Tory to Mr. Sandys, Reporting A Talk with the Tunku on Reactions to His Speech of 27 May, 3 June 1961.
PREM 11/3418, The Grand Design: Letter from Tunku Abdul Rahman to Mr. Macmillan. Enclosure: 'Integration of British North Borneo Territories and Singapore with the Federation of Malaya, 26 June 1961.
PREM 11/3422 'Greater Malaysia': Inward telegram No. 705 From Sir G Tory to Mr. Sandys, Reporting the Tunku's reaction to Mr. Macmillan's latest message, 26 September 1961.
PREM 11/3422 'Greater Malaysia': Inward telegram No. 715 From Sir G Tory to Mr. Sandys, Reporting further on the Tunk's reaction to Mr. Macmillan's latest message, 28 September 1961.
PREM 11/3422 Rescuing the London Talks: Outward telegram No. 1478 from Mr. Sandys to Sir G Tory, forwarding a message from Mr. Macmillan to Tunku Abdul Rahman, 3 October 1961.

Buku dan Jurnal

Abdullah, A. R. T, & Alih, Saidah (2017). Proses Kemerdekaan Sabah Dan Sarawak (1961-1963): Tinjauan Kembali Aplikasian Perundangan Dalam Penubuhan Malaysia. Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy.
Abdullah, A. R. T., & Hassan, W. S. W. (2015). Elemen Sejarah dalam Pembentukan Negara: Kemunculan Negara Bangsa di Eropah dan Proses Kolonialisasi dan Dekolonialisasi dalam Konteks Malaysia. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*. 7(1).

Abdullah, A. R. T., Bala. B., & Mulia, P. A. H. (2018). MA63: Perjanjian Malaysia 1963 Sebagai Dokumen Sejarah dan Kedudukan Perundangannya dalam Konteks Masa Kini. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 3(2).

Abdullah, A. R. T., Bala. B., & Mulia, P. A. H. (2019). Perjanjian Malaysia 1963: Kerangka Perundangan dalam Gagasan Malaysia dan Proses Dekolonialisasi Sabah dan Sarawak. Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History), 4(1).

Ajamain, Zainal. (2015). *The Queen's Obligation and Inter-government Committee Report*. Kota Kinabalu: BruConn Sdn. Bhd.

Bala, B. (2018). Satu daripada Tiga Belas: Sabah dan Sarawak dalam Pembentukan Malaysia, 1961-1963. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 3(2).

Hassan, Rozeman. (2016). *Dasar British Terhadap Hubungan Singapura-Malaysia 1959-1969*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kho, A. L. (2022). The Idea of Grand Design and Super Federation in The Formation of The Greater Malaysia. *Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History)*, 7(1), 13-24.

Samuels, J. H. (2007). Condominium Arrangements in International Practice: Reviving an Abandoned Concept of Boundary Dispute Resolution. Mich. J. Int'l L., 29, 727.

Shafie, Ghazali. (2015). *Memoir Ghazali Shafie: Penubuhan Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Stockwell, A.J. (2004). *Malaysia: British Documents on the End of Empire. Series B.* Vol. 8. London: Stationery Office.

Tan. T. Y. (2008). *Creating "Greater Malaysia": Decolonization And The Politics Of Merger*. Institute of Southeast Asian Studies.

Nota

[1] Dalam undang-undang antarabangsa, istilah kondominium yang digunakan adalah merujuk pelbagai kuasa (negara) berdaulat secara rasminya bersetuju untuk berkongsi kedaulatan dan melaksanakan hak mereka di sesebuah wilayah politik. Kesediaan sesebuah negara untuk menyerahkan kedaulatan kepada kuasa lain (negara). Ini menunjukkan bahawa kondominium boleh berfungsi sebagai mekanisme jangka panjang yang berdaya maju untuk menyelesaikan pertikaian sempadan. Dalam erti kata lain, kondominium juga merupakan satu keadaan kedaulatan bersama ke atas sesuatu wilayah dan hak sah bagi kedua-dua kerajaan.

[2] Selain alternatif *condominium*, Lord Selkirk juga mencadangkan program intensif (*Crash programme*) untuk ke arah penyatuan wilayah. Situasi politik Singapura yang semakin agresif telah mendorong Lord Selkirk mendesak Macleod dan MacMillan untuk mengadakan "*Crash programme*" bagi menyelamatkan

rancangan *The Greater Malaysia*. Matlamat "*Crash programme*" adalah menggesa Kerajaan British segera melaksanakan inisiatif untuk wilayah Borneo bagi mempercepatkan proses rancangan *The Greater Malaysia.* Perbincangan tentang kedaulatan wilayah juga tidak terkecuali dalam "*Crash programme*".

[3] Berdasarkan saranan tersebut, beliau mengharapkan dengan adanya usaha pengekalan pegawai British, mereka mampu memberikan sumbangan kepada wilayah Borneo dalam bidang pentadbiran, pendidikan, ekonomi, komunikasi, pertanian dan kemajuan tanah.

[4] Sepanjang tempoh pengalihan kedaulatan, wilayah Borneo masih mengekalkan berstatus koloni mereka sehingga kedaulatan diserahkan sepenuhnya kepada Kerajaan Persekutuan barulah status koloni digugurkan. Maka, wilayah Borneo akan kelihatan seolah-olah menjadi koloni kepada Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sekiranya kaedah pertama ini digunakan dan keadaan ini akan menjadi modal penentangan wilayah Borneo terhadap rancangan Greater Malaysia.

[5] Satu lagi perkara berkaitan isu pengalihan kedaulatan adalah sikap kerajaan Tanah Melayu terhadap kolonialisme. Teori "*Brown Men's Burden*" mungkin sesuai untuk memperlihatkan sifat Tunku yang meletakkan tanggungjawab sosial ke atas kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dalam usaha mendekolonisasikan wilayah Borneo. Tunku sendiri mengakui bahawa adalah menjadi tanggungjawab kerajaan Persekutuan Tanah Melayu untuk menamatkan sebarang bentuk kolonialisme. Oleh itu konsep rancangan Greater Malaysia adalah suatu usaha untuk mengakhiri kolonialisme dengan cara yang aman dan membina. Beliau menggunakan Tanah Melayu sebagai contoh bagaimana mereka bebas dari cengkaman kolonialisme dengan cara yang aman dan merdeka. Tunku percaya bahawa penduduk wilayah Borneo juga menginginkan status kolonial mereka digugurkan serta merdeka dengan cara yang sama. Dalam erti kata lain, Tunku ingin mengambil alih kedaulatan wilayah Borneo atas dasar keinginan beliau membebaskan serta membawa wilayah Borneo ke arah kemerdekaan wilayah. Impiannya terhadap wilayah Borneo adalah kemerdekaan mutlak secara serentak dalam Malaysia.

[6] Dalam rancangan *The Greater Malaysia*, masalah utama penggabungan adalah Singapura. Lee Kuan Yew mendesak supaya dipercepatkan penggabungan wilayah namun Tunku telah menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu tidak akan membenarkan penggabungan Singapura lebih awal dan adalah lebih baik digabungkan setidak-tidaknya serentak dengan penyatuan wilayah Borneo. Perkara ini yang menjadi masalah utama penggabungan. Di samping itu, meskipun kerajaan British di London yang diwakili oleh Perdana Menterinya MacMillan telah memberikan maklum balas yang positif namun Kerajaan British tidak memberikan jawapan yang jelas mengenai kedaulatan wilayah Borneo dan Singapura.

Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2023, Vol.8 (1), hlm. 91-104
e-ISSN: 2600-8726© Nurul Adawiya Binti Animbok
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

ADAT SOGIT: SEBUAH AMALAN KAUM KADAZANDUSUN

Sogit Custom: A Practice of The Kadazandusun People

Nurul Adawiya Binti Animbok[1]

[1]Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
[1]nuruladawiya6@gmail.com
Dihantar:24 Mac 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023

Abstrak

Adat sogit berbentuk warisan tak ketara kerana ia dapat diamati sebagai sebuah ilmu dan kepakaran yang ditafsir melalui nilai-nilai adat serta budaya. Warisan itu sendiri dari segi istilah dapat difahami sebagai sesuatu yang berharga serta bernilai dan ia akan diwarisi oleh generasi terkemudian agar diamalkan secara berterusan. Hakikatnya, adat sogit merupakan sebuah adat yang sinonim bagi kaum Kadazandusun. Ia telah diamalkan sejak zaman pra-kolonial di Sabah dan sehingga kini adat ini masih diadaptasi dalam kehidupan mereka. Adat sogit membolehkan sebuah kesejahteraan bermasyarakat dapat diwujudkan selaras dengan fungsinya iaitu membentuk kawalan atau batas tingkah laku individu. Artikel ini bertujuan untuk mengetengahkan amalan warisan adat ini kepada masyarakat luar. Kajian ini turut memperlihatkan isu serta cabaran yang timbul dalam pengamalan adat ini pada masa kini. Sebagai usaha penambaikan amalan adat ini di masa hadapan, beberapa cadangan bagi tujuan pemantapan pengurusan sumber warisan ini juga dinyatakan.

Kata Kunci: Warisan, Adat Sogit, Kadazandusun

Abstract

Sogit custom is an intangible heritage because it can be observed as a knowledge and expertise interpreted through traditional and cultural values. The heritage itself in terms can be understood as something valuable and it will be inherited by future generations to be practiced continuously. In fact, the sogit custom synonymous custom for the Kadazandusun people. It has been practiced since pre-colonial times in

Sabah and until now this custom still adapted in their lives. The custom of sogit allows a social well-being to created in accordance with its function which is to form control or limits of individual behavior (Feaddora,2018:6). This article simd to highlight this traditional heritage practice to the community. This study also shows the issues and challenges that arise in the practice of this custom nowadays. As and effort to improve this traditional practice in future, some suggestions to strengthening the management of this heritage resources are also stated.

Keywords: *Heritage, Sogit custom, Kadazandusun*

Pengenalan

Adat sogit diiktiraf sebagai sebuah kod adat dan ia juga turut dikanunkan di bawah Mahkamah Anak Negeri (Syamsul Azizul, 2020: 623). Sebuah bentuk pampasan akan dikenakan kepada individu (Anak Negeri) berdasarkan peruntukan yang termaktub di dalam Kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-Undang Adat Anak Negeri Sabah) 1995 (Pg. Ismail, 2018: 1). Keterikatan terhadap pengamalan adat ini dapat dilihat dalam kehidupan masyarakat kaum Kadazandusun itu sendiri. Oleh yang demikian, artikel ini mengupas mengenai pengamalan adat sogit bagi kaum ini disamping mengkaji sejauh mana kerelevanannya dapat turut diadaptasi oleh Anak Negeri yang lain di Sabah. Artikel ini juga bertujuan untuk mengangkat pengamalan adat sogit untuk dipromosikan kepada masyarakat lain bagi kelestarian kehidupan secara bersama (Syamsul Azizul, 2020: 623).

Adat Sogit dan Kadazandusun

Adat merupakan satu amalan lama yang disebarkan melalui lisan kepada satu generasi ke satu generasi seterusnya. Ia mula disampaikan melalui penceritaan lalu berkembang menjadi sebuah peraturan dan amalan dalam masyarakat, sekaligus telah mencorak cara hidup kumpulan peribumi. Adat akan dijadikan sebagai panduan bagi mengurus segala konflik yang berkaitan khususnya hubungan manusia dengan alam sekitar yang dianggap mempunyai kuasa ghaib (Jikat, 2021: 190).

Kadazandusun adalah merupakan kumpulan etnik peribumi Sabah yang terbesar dan kaya dengan khazanah warisan silam sama ada berbentuk legasi kebendaan ataupun yang bukan berbentuk kebendaan. Penempatan awal kaum ini dpercayai bermula dari sebuah kawasan yang dikenali sebagai *Nunuk Ragang* (Syamsul Azizul Marinsah et. al., 2021: 62). Pada masa kini, mereka hidup secara berselerak di Sabah tetapi kawasan petempatan utama mereka adalah Telupid, Ranau, Kota Belud, Kudat, Kota Kinabalu, Papar, Keningau, Penampang, Beaufort, Tuaran, Kiulu dan juga Tamparuli. Kadazandusun terkenal dengan nilai dan amalan tradisinya yang sehingga kini masih dipertahankan dan dilestarikan (Budi Anto Mohd Tamring, 2018: 94).

Hakikatnya, istilah penggunaan Kadazandusun telah menjadi satu isu politik dan menimbulkan permasalahan pada tahun 1970. Tokoh-tokoh politik dan sosial kaum masing-masing ingin mengekalkan samaada istilah Dusun atau Kadazan sahaja digunapakai (Haji Awg Asbol, 2011: 155). Dusun lebih sinonim sebagai masyarakat yang tinggal di kawasan pedalaman terutamanya Ranau dan Tambunan manakala Kadazan tertumpu di pinggir bandar terutamanya di Penampang dan Papar (Suraya Sintang, 2003: 60-62). Polemik istilah ini memakan masa lebih kurang 30 tahun tanpa penyelesaian namun tahun 1995 akhirnya membawa kepada persetujuan bahawa Kadazandusun adalah rujukan rasmi kaum mereka (Suraya Sintang, 2003: 61; Haji Awg Asbol, 2011).

Kehidupan awal kepercayaan kaum Kadazandusun adalah animisme dan Kinorohingan diakui sebagai Tuhan. Kepercayaan animisme menyebabkan mereka terikat dalam dua situasi kehidupan yang bertentangan. Pertama, Kadazandusun percaya bahawa Kinorohingan akan memberi keamanan hidup melalui nikmat rezeki pemberian alam. Kedua, Kadazandusun percaya bahawa makhluk jahat sentiasa mencari peluang untuk menimpakan malapetaka maka mereka sering ketakutan dan bimbang. Kadazandusun kemudiannya berusaha mematuhi segala pantang-larang serta adat-istiadat disamping mewujudkan hubungan baik dengan alam ghaib. Sehingga kini, konsep kepercayaan ini masih wujud dalam kehidupan masyarakat ini yang masih pagans serta sebahagian yang telah menganut Kristian mahupun Islam (Suraya Sintang, 2003: 63-64).

Sogit merupakan sebuah amalan masyarakat kaum Kadazandusun yang telah diwarisi secara turun temurun. Amalan ini sinonim dengan Kadazandusun kerana mereka dilihat lebih banyak terlibat dalam adat ini berbanding kaum lain. Ia telah diamalkan di negeri ini sejak sebelum kedatangan pengaruh Islam dan Kristian lagi. Oleh itu, ia umumnya dikenali sebagai salah satu kepercayaan dan pegangan masyarakat pagans di Sabah. Hukuman yang dikenakan kepada pelaku tidak boleh diingkari kerana dikatakan akan menyebabkan kemarahan kuasa ghaib pada alam yang akhirnya menyebabkan malapetaka (Syamsul Azizul, 2020: 9387-9388).

Tujuan utama adat ini adalah menenangkan keadaan selepas sesuatu yang tidak baik berlaku dalam masyarakat. Ia bukan sahaja membawa kepada kesejahteraan sesama manusia tetapi juga kepada alam ghaib (Sharifah Darmia, 2020:65). Denda adat serta penalti berdarah dianggap mampu mewujudkan batas perlakuan individu dalam kawalan tingkah laku dalam masyarakat. Oleh itu, mereka mengaplikasikan adat ini dalam setiap aspek kehidupan sejak dahulu lagi terutamanya yang tinggal di perkampungan.

Foto 1: Kerbau yang sering dijadikan *sogit*
Sumber: Daily Express (2014)

Sogit berasal daripada bahasa Kadazandusun yang bermaksud "sejuk". Konsep *sogit* ini dipercayai mula digunapakai setelah wujud hubungan yang erat diantara kaum ini dengan alam yang dianggap mempunyai kuasa ghaib. Kadazandusun menganggap kuasa ghaib itu

sebagai pelindung maka ia perlu dihormati. Sekiranya kuasa ghaib tersebut sedang *alasu* (panas) disebabkan berlakunya perlanggaran adat maka ritual *sogit* (sembelihan) perlu dilaksanakan untuk menyejukkannya. Binatang korban akan dipersembahkan kepada kuasa ghaib untuk mengembalikan keseimbangan alam. Haiwan yang sering dijadikan sogit bagi Kadazandusun Muslim adalah kerbau, lembu, sapi serta kambing manakala yang beragama Kristian kadangkala melibatkan babi (Mohammad Firdaus, 2022: 221-222). Perlaksanaan sogit secara tradisi melalui upacara yang khusus memperlihatkan peranan bobolian selaku individu yang arif dalam ilmu kerohanian untuk mengetuainya (Syamsul Azizul Marinsah et. al., 2021: 63).

Foto 2: Bobolian
Sumber: Borneo Post (1999)

Pada tahun 1881, Syarikat Berpiagam Borneo Utara British (SBBUB) telah menubuhkan Sistem Kehakiman Anak Negeri namun ketika itu secara tidak rasmi. Berdasarkan Perkara 9 Piagam Diraja, pihak SBBUB telah mengiktiraf setiap adat yang diamalkan oleh kumpulan etnik dan dianggap sebagai undang-undang. Menjelang tahun 1891, ketua-ketua kampung telah diiktiraf dan diperakui oleh SBBUB melalui pengisytiharan Undang-undang Pentadbiran Kampung yang akhirnya membawa kepada pelantikan Ketua Anak Negeri. Ketua Anak Negeri kemudiannya akan bertanggungjawab mengurus Mahkamah Anak Negeri Sabah (MAN) dengan bantuan ketua kampung di setiap daerah Sabah. *Sogit* yang diperuntukkan dalam Kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-Undang Adat Negeri Sabah) 1995

adalah berbentuk pampasan dan ia dikenakan kepada pelaku sekiranya berlaku perlanggaran adat.

Selepas pembentukan Malaysia pada tahun 1963, peranan sistem kehakiman Anak Negeri Sabah tetap dikekalkan dan menjadi sebahagian sistem perundangan negeri. Ia mendapat pengiktirafan Perlembagaan Persekutuan melalui Perkara 16A yang membenarkan penggunaan dan perlaksanaan undang-undang adat anak negeri dan penubuhan MAN bagi Sabah dan Sarawak. Maka ia secara jelas menunjukkan bidang kuasa MAN jatuh dibawah bidang kuasa negeri. Kerajaan negeri Sabah mempunyai kuasa untuk menggubal dan melaksana segala undang-undang adat terhadap masyarakat peribumi di Sabah.

Kini, adat sogit masih dipraktikkan secara berterusan terutamanya di kalangan kaum Kadazandusun ini sendiri. Namun begitu, perkembangan kehidupan seperti hidup beragama telah membawa kepada perubahan dalam upacara sogit secara tradisional. Amalan ini telah dilaksanakan oleh ketua kampung dan denda adat yang dikenakan kepada pelaku adalah berbeza-beza berdasarkan jenis perlanggaran yang dilakukan. Sekiranya terdapat kes yang ingin dikendalikan di peringkat yang lebih tinggi maka ia akan dibawa ke Mahkamah Anak Negeri.

Berdasarkan peruntukkan dalam Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992, terdapat tiga peringkat dalam MAN iaitu Mahkamah Anak Negeri (paling rendah), Mahkamah Anak Negeri Daerah dan Mahkamah Rayuan Anak Negeri. Seksyen 6 Enakmen Mahkamah Anak Negeri Sabah 1992 telah memperuntukkan bidang kuasa MAN. Ia meliputi kes undang-undang atau adat anak negeri dari aspek agama, perkahwinan atau seksual, kes undang-undang atau adat berhubung pertunangan, perkahwinan, perceraian, pembatalan perkahwinan, pengambilan anak angkat, penjagaan dan jagaan budak, nafkah tanggungan, hadiah dan perwarisan. Oleh itu, MAN mempunya kuasa untuk mengenakan denda, menjatuhkan hukuman penjara atau kedua-duanya sekali kepada pesalah kes. Namun begitu, Undang-Undang ini hanya boleh terpakai terhadap masyarakat peribumi Sabah sahaja (Rafidah, 2019: 10-13).

Satu-satu kesalahan yang dikenakan *sogit* adalah berlainan dari segi kadar yang dikenakan. Semakin tinggi perlanggaran maka semakin tinggi kadar *sogit* yang dikenakan. Serendah-rendah *sogit*

yang dikenakan adalah seekor ayam ataupun garam manakala seberat-berat *sogit* adalah 20 ekor kerbau. Seksyen (9) Enakmen Mahkamah Anak Negeri (1995) telah menghadkan bidang kuasa MAN dengan tidak membenarkan amaun denda yang dikenakan melebihi pengenaan amaun dalam undang-undang persekutuan. Sebagai contoh, terdapat beberapa jenis *Sogit* yang diamalkan oleh masyarakat kaum Kadazandusun di Ranau pada peringkat kampung dan MAN. Ia termasuklah *sogit* sumbang, *sogit* kemaluan, *sogit* Koimanan, *sogit* Kosoguluanan, *sogit* Lapau dan *sogit* mencemarkan sumber air (Syamsul Azizul Marinsah et. al., 2022: 109-114).

Jenis Sogit	Penerangan
Sogit **Sumbang**	● Dikenakan kepada individu yang melakukan persetubuhan tanpa ikatan yang sah. ● Sogit ini adalah yang paling berat (Menyalahi norma semua agama dan memberi impak buruk terhadap komuniti masyarakat) ● Peruntukan asal sogit ini adalah pelaku akan dihalau dari kampung dengan diikat dan dihanyutkan di sungai dengan sebuah rakit tanpa pendayung. Anak daripada perbuatan sumbang itu juga akan wajib dibunuh. ● Dalam konteks kini, Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri (1995) memperuntukkan (Bahagian III) Kesalahan Seksual, (No.10) (1): Pelaku dikenakan dua ekor sogit kepada pihak terkilan; membayar satu ekor *sogit* kepanasan kampung; denda RM1,500 **ATAU** penjara enam bulan
Sogit **Kemaluan**	● Denda malu yang dikenakan kepada individu yang memalukan individu lain disebabkan ucapan, tindakan atau seumpamanya. ● Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri (1992) memperuntukkan (Bahagian VI) Salah Tingkah Laku, (No.35): Pelaku dikenakan satu ekor ternakan atau benda lain yang senilai dengannya mengikut adat.
Sogit **Koimanan**	● Denda yang dikenakan kepada individu yang tidak menepati janji atau perjanjian yang pada awalnya telah bersetujui secara saksama. ● Sekiranya individu yang melanggar melanggar perjanjian tersebut melakukannya tanpa sebab yang munasabah dan tidak dipersetujui pihak yang dimungkiri maka dia akan dikenakan sogit dibawah

	jenis ini. ● Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri (1992) memperuntukkan (Bahagian VII) (No.53): Pelaku dikenakan pembayaran *sogit* dalam bentuk pampasan iaitu 20 peratus daripada jumlah nilai yang telah dipersetujui sejak awal.
***Sogit* Kosoguluanan**	● Denda yang dikenakan kepada pihak pengantin lelaki yang mengawini perempuan yang telah langkah bendul. ● Tujuannya adalah untuk menjaga air muka kakak atau abang pengantin perempuan yang masih belum berkahwin. ● Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri (1992) memperuntukkan (Bahagian IV) (No.23): Pelaku dikenakan satu ekor *sogit* yang perlu diberikan kepada setiap saudara kandung pihak perempuan yang belum lagi berkahwin.
***Sogit* Lapau**	● Denda yang dikenakan kepada individu melakukan poligami dalam perkahwinan (kahwin besar). ● Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri (1992) menyatakan bahawa ia adalah satu amalan yang melanggar adat istiadat anak negeri maka sogit yang dikenakan bagi kesalahan ini adalah agak berat. a) Satu sekor ternakan sebagai *sogit* kepada isteri pertama. b) Satu ekor ternakan sebagai *sogit* kepada setiap seorang anak hasil daripada perkahwinan dengan isteri pertama (anak angkat tidak termasuk). c) Sekiranya poligami berulang, kadar *sogit* lapau akan digandakan sebanyak dua kali nilai daripada sogit lapau yang pertama kepada isteri dan anak-anaknya.
***Sogit* Mencemarkan sumber air**	● Denda yang dikenakan kepada individu yang melakukan pencemaran alam sekitar. ● Kadazandusun sinonim dengan alam sekitar maka pencemaran yang dilakukan oleh individu lain dianggap tidak bersyukur dengan pengorbanan Dewi Huminodun (Penyelamat nyawa nenek moyang masyarakat Kadazandusun daripada musim kemarau yang sangat teruk). ● Kaedah Undang-Undang Adat Anak Negeri (1992) memperuntukkan (Bahagian VI) (No.40): a) Pelaku dikenakan satu ekor sogit kepada setiap kampung yang terjejas (sekiranya ada 10

	kampung maka 10 ekor perlu dibayar) b) Setiap sogit tersebut perlu diserahkan kepada ketua kampung bagi kampung yang terlibat. Ia akan disembelih oleh ketua kampung dan dagingnya akan diagihkan kepada setiap ketua keluarga yang menetap di kampung tersebut.

Masyarakat kaum Kadazandusun percaya bahawa denda yang tidak dilunaskan menyebabkan pelaku hidup dengan tidak tenteram. *Sogit* adalah sebuah bentuk tanda maaf kepada penduduk kampung serta semangat atau roh-roh padi. Hakikatnya, *sogit* bukan dikenakan untuk mengaut keuntungan namun ia lebih berbentuk ganti rugi. Berbeza dengan sistem kehakiman sivil, denda adat yang dikenakan perlulah diberi kepada pihak yang terkilan atau yang wajar dan bukannya kepada pihak kerajaan. Hukuman adat ini dilihat sebagai sebuah instrumen perdamaian terhadap pihak yang terkilan dengan pemberian pampasan (Rafidah, 2019: 16-17).

Isu dan Cabaran Adat Sogit

Antara isu dan cabaran adat sogit adalah timbulnya tanggapan yang meragui kerelevannya terutamanya dari segi perspektif islam. Ia tertumpu kepada Kaedah Undang-Undang Adat Mahkamah Anak Negeri (1995) yang melibatkan penalti adat berdarah yang diadaptasi dalam amalan sogit seperti *sogit* kepanasan kampung (Mohammad Firdaus, 2022: 221-222). Ia adalah satu kesalahan yang serius kerana melibatkan kes zina dan sumbang. Kesalahan itu dianggap telah mencemarkan sesebuah kampung yang akan menyebabkan berlakunya malapetaka seperti banjir, kemarau, ketidaksuburan tanaman serta penyebaran wabak berjangkit (Salbiya, 2016: 186-187). Menurut perspektif hukum Islam, tindakan sogit (sembelihan) yang dilakukan selain kerana Allah dianggap khurafat dan dilaknat. Oleh itu, perkara ini menimbulkan isu terutamanya apabila ia diaplikasikan kepada anak negeri beragama islam. Amalan ini dianggap berlanggaran dengan akidah islam dan tergolong dalam antara perbuatan syirik. Maka, ia dianggap adat fasid yang tidak boleh dijadikan sumber hukum (Pg Ismail, 2018: 12-15).

Seterusnya, isu dan cabaran yang dihadapi adalah perubahan pandangan mengenai kesesuaian amalan adat sogit ini untuk diadaptasikan. Hakikatnya, manusia tidak mampu lari dari kenyataan bahawa proses kemajuan mempengaruhi mobiliti hidup masyarakat setempat. Maka, masyarakat telah menghasilkan tanggapan baru terutamanya selepas mereka menganut agama seperti Kristian dan Islam. Apabila berlaku percanggahan terhadap kepercayaan lama dengan agama anutan baru maka akan timbul sebuah persepsi baru untuk merubah amalan sebelum ini.

Kurangnya pengamatan dan minat generasi muda terhadap amalan adat sogit juga adalah antara isu dan cabaran yang dihadapi. Punca perkara ini berlaku disebabkan tumpuan minat generasi muda kini lebih terarah kepada pengaruh budaya luar berbanding budaya tradisi tempatan mereka sendiri. Kawasan petempatan juga tidak dinafikan antara punca yang membawa kepada permasalahan ini berlaku. Penduduk yang menetap di kawasan bandar dilihat lebih mudah untuk meninggalkan dan melupakan pengamalan adat ini berbanding penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar. Sekiranya perkara ini tidak dikawal maka adat yang diwarisi sejak dahulu ini berkemungkinan besar akan ditelan zaman (Feaddora, 2018: 3-4)

Pengekalan Warisan Sogit

Selepas *Village Administration Ordinance 1913* diperkenal, banyak MAN telah ditubuhkan di setiap daerah melalui pengendalian Ketua Anak Negeri dengan bantuan ketua-ketua kampung. Tujuan penubuhannya adalah untuk membicarakan dan memutuskan segala perkara yang berkaitan undang-undang adat seperti sogit. Pengurusan adat sogit ini juga dapat dilihat melalui tindakan mewujudkan jawatan Ketua Anak Negeri sebagai ketua masyarakat peribumi yang berpengaruh. Usaha tersebut membolehkan usaha pengurusan adat peribumi ini dijaga dan dipelihara demi keharmonian sejagat. Tidak dinafikan, sehingga kini peribumi Sabah masih lagi mengamalkan adat yang diwarisi oleh nenek moyang mereka. Sekiranya berlaku perlanggaran adat maka kes itu akan dibicarakan di MAN dengan berpandukan bidang kuasa yang dimilikinya (Rafidah, 2019: 10, Mosli Tarsat, 2009).

Dalam pengamalan adat sogit bagi kaum Kadazandusun, kaedah pengurusan yang telah dilaksanakan juga adalah melalui pembahagian pengendalian adat tersebut seperti peringkat kampung dan peringkat

MAN. Ia adalah sebagai satu usaha untuk memastikan pengamalan adat sogit dapat terus dilestarikan di kalangan Anak Negeri Sabah terutamanya bagi kaum Kadazandusun. Dari segi perlaksanaan adat sogit, ia dibahagikan kepada dua pengendalian iaitu melalui ketua kampung di peringkat kampung/rendah dan MAN di peringkat lebih tinggi. Oleh yang demikian, segala penentuan denda atau sogit yang dikenakan akan disesuaikan mengikut jenis perlanggaran yang dilakukan pelaku (Feaddora, 2018: 7).

Cadangan dan Langkah

Berdasarkan perbincangan, terdapat beberapa cadangan dan langkah yang ingin dikemukakan bagi memastikan amalan adat sogit ini tetap dapat dipelihara di masa akan datang. Dengan mengambil kira terhadap faktor-faktor atau punca yang membawa kepada isu dan cabaran dalam adat sogit maka beberapa pendekatan pengurusan sumber warisan bagi adat ini perlu dilakukan. Ia meliputi langkah yang tertumpu kepada perlindungan dan pemuliharaan adat sogit.

Melalui langkah perlindungan, pendekatan kerja yang dapat diusahakan dalam langkah ini adalah dengan penyelidikan dan pendokumentasian. Pihak bekerpentingan yang terlibat dan menerima kesan terhadap sebarang pelaksanaan proses tindakan pengurusan sumber warisan ini adalah institusi penyelidikan. Pihak ini bukan sahaja berperanan penting untuk menyebarkan maklumat berkaitan pengetahuan amalan adat sogit namun juga akan turut sama terlibat dalam usaha penyelidikan terhadap warisan ini. Hasilnya, sebuah penerangan yang lebih jelas terhadap amalan adat ini pada peringkat akademik dan awam dapat dikecapi. Pada tahun 2015, satu kejadian gempa bumi berlaku di Sabah dan ia berpusat di Gunung Kinabalu. Masyarakat kaum Kadazandusun percaya bahawa kejadian tersebut merupakan reaksi kemarahan semangat atau dewa penjaga Gunung Kinabalu. Hal ini berikutan berlakunya tindakan tidak senonoh sekumpulan pelancong asing di atas Gunung Kinabalu iaitu berbogel. Beberapa minggu selepas itu, sekumpulan pemimpin adat masyarakat telah melakukan upacara "menenangkan" semangat dengan menyembelih beberapa ekor haiwan ternakan untuk dijadikan korban. Lantaran itu, upacara yang dijalankan tersebut menimbulkan persoalan dan pelbagai reaksi di laman sosial mengenai kewajarannya yang dirasakan bertentangan dengan syariat islam. Namun begitu, Tan Sri

Pairin Kitingan yang ketika itu selaku Timbalan Ketua Menteri Sabah telah menjelaskan bahawa ia adalah satu adat dan kepercayaan tradisi masyarakat pagan Kadazandusun iaitu adat sogit (Pg Ismail Pg Musa, 2018: 2). Melalui penyelidikan dan pendokumentasian, sesuatu budaya tetap dapat diperkembangkan sekaligus identiti pengamal adat ini tetap dapat diterima oleh masyarakat luar yang mungkin belum memahami atau terdedah dengan amalan adat masyarakat Kadazandusun ini.

Cadangan dan langkah yang seterusnya adalah melalui pemuliharaan, iaitu melalui pendekatan penyesuaigunaan semula. Dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Anak Negeri (Undang-Undang Anak Negeri) 1995, terdapat pelbagai jenis denda yang dikenakan kepada pelaku mengikut perlanggaran adat yang telah diperuntukkan. Melihat dalam konteks penganutan agama penduduk di Sabah, islam adalah agama majoriti negeri. Tambahan lagi, masyarakat kaum Kadazandusun juga adalah antara penyumbang terhadap populasi muslim tersebut. Denda adat yang dilihat masih jelas kukuh elemen spiritualnya berbanding denda adat lain adalah sogit kepanasan kampung. Pelaku yang dikenakan jenis denda ini perlu memberikan binatang sogit kepada ketua kampung untuk disembelih dan seterusnya diagihkan dalam majlis khas. Tujuannya untuk menjauhkan malapetaka terhadap penduduk kampung dan menyejukkan kampung tersebut. Jelasnya, penyembelihan tersebut dilakukan bukan kerana Allah ataupun bagi tujuan ibadah. Maka, sogit kepanasan kampung tidak bertepatan dengan akidah islam kerana mengandungi elemen syirik dan dianggap sebagai adat fasid. Pejabat Mufti Negeri Sabah perlu menjelaskan kepada masyarakat mengenai pengamalan adat ini di MAN dan hukumnya jika dikenakan kepada anak negeri yang beragama islam. Oleh itu, cadangan terhadap permasalahan ini adalah MAN perlu mewujudkan satu Kaedah yang khusus bagi pelaku yang beragama islam yang bersesuaian dan tidak bertentangan dengan akidah islam.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pengamalan adat sogit bagi kaum Kadazandusun merupakan sebuah peraturan hidup yang telah menjadi kebiasaan dalam cara hidup mereka. Ia diwarisi daripada nenek moyang terdahulu lagi sehingga ia diturunkan kepada generasi yang seterusnya. Tujuannya adalah untuk memastikan adat sogit tetap terus diamalkan dan tidak tidak ditelan zaman. Kesannya, adat sogit yang dipegang tersebut telah membentuk sebuah identiti budaya bagi kaum

Kadazandusun itu sendiri. Namun begitu, peredaran masa telah mengakibatkan perubahan dari segi amalan yang dipegang. Meskipun berlaku perubahan dari segi cara amalannya pada masa kini namun ia bukanlah bermaksud pengkhianatan terhadap warisan nenek moyang. Pengamalan adat sogit masih dapat diterapkan dalam cara hidup masyarakat terutamanya Kadazandusun sekiranya ia tidak bertentangan dengan ajaran agama yang mereka anuti pada masa kini (Afiratul Adawiyah, 2020: 163-171). Dalam konteks pengamalannya dalam masyarakat moden di Sabah pada masa kini, sogit dianggap sebagai satu instrumen perdamaian (Pg Ismail, 2018: 6). Oleh itu, ia tidak dinafikan merupakan salah satu cara untuk menjaga kemaslahatan dan keharmonian Anak Negeri di Sabah terutamanya bagi kaum Kadazandusun.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

Budi Anto Mohd Tamring. (2018). Mikorot Dalam Konteks Kebudayaan Etnik Dusun di Sabah: Sebuah Analisis Dari Perspektif Hubungan Etnik. *MANU*, (27), 93-120.

Darimbang, J.B. (2021). Pendekatan Keseimbangan dan Keadilan dalam Undang- Undang Adat Masyarakat Kimaragang di Sabah, Malaysia. *Journal of Borneo Social Transformation Studies* (JOBSTS),7(1),187-210.

Haji Awg Asbol bin Haji Mail. (2011). Kesultanan Brunei Abad Kesembilan Belas: Sistem Politik dan Struktur Pentadbiran. (Tesis Doktor Falsafah) Universiti Malaya.

Jamaluddin, J. (2016). Penubuhan Mahkamah Anak Negeri Sabah: Bidang Kuasa dan Sumbangannya kepada Anak Negeri 1884-2009. (Tesis Sarjana) Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohammad Firdaus Hasmin., Syamsul Azizul Marinsah., & Suraya Sintang. (2022). Amalan Sogit Masyarakat Dusun di Sabah Dalam Menghadapi Musibah Kematian: Analisis Perspektif Islam. *Journal of Islamic*, 7(47), 220-233.

Mosli Tarsat. (2009). Kerelevanan dan Prospek Jawatan Ketua Anak Negeri di Sabah: Satu Perspektif Sejarah. *SOSIOHUMANIKA*, 2(2), 227-252.

Pg Ismail Pg Musa. (2018). Amalan Sogit Ke Atas Negeri Sabah yang Beragama Islam di Mahkamah Anak Negeri: Kajian Dari

Perspektif Hukum. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari,* (19), 1-17.

Suraya Sintang. (2003). Penganutan Agama Islam dan Kristian di Kalangan Masyarakat Kadazandusun di Sabah. *Jurnal Usuluddin*, (18), 59-80.

Syamsul Azizul Marinsah., Abdul Hair Beddu Asis., & Mohammad Firdaus Bin Hasmin. (2022). Amalan Sogit Dalam Kalangan Masyarakat Dusun di Ranau, Sabah: Analisis Dari Perspektif Sosiobudaya dan Hukum Islam. *MANU,* 33(2), 105-128.

Syamsul Azizul Marinsah., Mohd Nur Hidayat Hasbollah Hajimin., Abang Mohd Razif Abang Muis., & Irma Wani Othman. (2021). Amalan Sogit Dalam Masyarakat Kadazandusun di Kampung Tuarid Liawan Keningau Sabah: Analisis Terhadap Perubahan Pengamalan Ritual. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED),* 6(40), 61-72.

Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2023, Vol.8 (1), hlm. 105-118
e-ISSN: 2600-8726© Anita binti Junaidi & Wan Noorlizawati binti Wan Mat Ali
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

PENDIDIKAN TRADISIONAL WANITA DI SARAWAK SEBELUM KEMUNCULAN PENDIDIKAN FORMAL

Women's traditional education in Sarawak before the emergence of formal education

Anita binti Junaidi[1]
Wan Noorlizawati binti Wan Mat Ali[2]

[1]Calon Pelajar Sarjana, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia.
[2]Pensyarah Kanan, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia.
[1] anitajunaidi_94@yahoo.com
[2]noorlizawati@fsk.upsi.edu.my,
Dihantar:24 Mac 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023

Abstrak

Sebelum wujudnya sekolah perempuan, kaum wanita di Sarawak tidak dibenarkan belajar seperti anak lelaki. Hal ini disebabkan kurangnya kesedaran masyarakat ketika itu tentang kepentingan pendidikan kepada kaum wanita. Namun begitu, pada masa yang sama kaum wanita turut diberi didikan yang sewajarnya. Justeru, kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk membincangkan jenis pendidikan dan pembelajaran yang diterima oleh kaum wanita ketika itu. Sehubungan dengan itu, penyelidikan kualitatif telah dilakukan dengan menganalisis sumber-sumber yang terpilih. Hasil kajian mendapati, kaum wanita di Sarawak mendapat pendidikan melalui proses sosialisasi dengan penekanan kepada pengetahuan asas pengurusan rumah tangga. Selain itu, mereka juga dididik dengan kemahiran-kemahiran lain seperti mengayam, menenun, menari, bermain gendang dan sebagainya. Di sini jelaslah dilihat bahawa kaum wanita sebenarnya mendapat pendidikan tetapi dalam bentuk dan kaedah yang berbeza dengan pendidikan kaum lelaki.

Kata Kunci: Wanita, Pendidikan, Tradisional, Sarawak

Abstract

Before the existence of girl's schools, women in Sarawak were not allowed to study like men. This is due to the lack of community awareness at that time about the importance of education for women. However, at the same time, women were also given proper education. Thus, this study was conducted with the aim of discussing the type of education and learning received by women during that time. In relation to that, qualitative research has been carried out by analyzing the selected sources. The results of the study found that women in Sarawak receive education through the socialization process with an emphasis on basic household management knowledge. In addition, they are also educated with other skills such as weaving, plaiting, dancing, playing gendang and so on. With that it is clearly seen that women actually get education but in a different form and method than men's education.

Keywords: *Women, Education, Traditional, Sarawak*

Pengenalan

Sarawak merupakan negeri yang terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum seperti Melayu, Cina dan Dayak. Kelompok Melayu merupakan masyarakat beragama Islam yang teriri daripada orang Melayu, Melanau dan Kedayan, manakala kelompok Dayak pula terdiri daripada orang Iban, Bidayuh dan komuniti orang Ulu (Leigh, 1974: 1-2). Pada akhir abad ke-19, mentaliti masyarakat di Sarawak masih lagi kurang menekankan kepentingan menuntut ilmu kepada anak perempuan mereka. Hal ini kerana mereka masih dibelenggu dengan adat dan tradisi lama sehingga menyebabkan mereka berpandangan negatif terhadap wanita pandai. Masyarakat Melayu dan Cina mementingkan pendidikan anak lelaki namun mengabaikan pendidikan anak perempuan. Manakala, masyarakat Dayak pula sememangnya tidak mementingkan pendidikan anak-anak mereka. Sikap masyarakat terhadap pendidikan wanita boleh dinilai menerusi kenyataan Datu Isa, berikut;

> *Writing amongst women is a bad habit, a pernicious custom. Malay girls would be writing love letters to clandestine lovers, and undesirable men might come into contact with the daughters of our house. I do not agree,*

> *Rajah Ranee, with the idea, and I hope it will never come to pass* (Brooke, 1913: 159).

Kenyatan Datu Isa tersebut jelas memperlihatkan persepsi negatif masyarakat ketika itu terhadap wanita pandai. Mereka beranggapan wanita yang pandai pasti akan menulis surat cinta kepada kaum lelaki. Secara tidak langsung, tindakan tersebut akan memburukkan nama keluarga dan wanita itu sendiri. Wanita yang mempunyai reputasi kurang baik akan menyukarkannya untuk mendapatkan jodoh. Bagi masyarakat ketika itu, mempunyai anak perempuan yang tidak berkahwin adalah sesuatu yang memalukan kerana keluarga mereka akan dipandang serong oleh masyarakat lain (Ooi, 1996: 4). Oleh sebab itu, pergaulan dan pergerakan anak perempuan dikawal rapi. Susulan itu juga, ramai ibu bapa yang tidak mahu menghantar anak perempuan mereka bersekolah seperti anak lelaki. Ini bagi mengelakkan anak perempuan mereka bercampur dengan pelajar lelaki atau dididik oleh orang luar

Namun begitu, perkara tersebut tidak bermakna kaum wanita tidak mendapat pendidikan langsung sebaliknya pelajaran yang diterima oleh wanita berbeza dengan pendidikan kaum lelaki. Oleh kerana peranan wanita hanya sebatas isteri dan suri rumah, maka pendidikan mereka ketika itu juga lebih berfokus kepada ilmu tentang rumah tangga

Pendidikan tradisional wanita Sarawak

Meskipun wanita tidak dibenarkan belajar membaca dan menulis, namun mereka tetap diberikan pendidikan tetapi dalam bentuk dan kaedah yang berbeza dengan pendidikan kaum lelaki. Lazimnya, kaum wanita mendapat pendidikan secara tidak formal iaitu melalui proses sosialisasi. Proses pendidikan tersebut menggunakan kaedah lisan, pemerhatian dan tunjuk ajar terus oleh ibu bapa. Berikut merupakan pendidikan dan pelajaran tradisional yang diterima oleh kaum wanita Sarawak sebelum kemunculan pendidikan formal untuk wanita.

Pendidikan wanita Melayu

Salah satu cara pendidikan wanita Melayu ialah menerusi cerita-cerita rakyat yang disampaikan oleh penglipur lara. Menurut Ranee Margaret, isteri-isteri Datu dan anak gadis mereka gemar menjemput penglipur lara untuk datang ke Astana ataupun di rumah mereka sendiri bagi mendengarkan cerita hikayat raja-raja, kisah putera puteri dan cerita rakyat yang lainnya (Brooke, 1913: 158). Cerita-cerita rakyat yang disampaikan tersebut mengandungi banyak pengajaran, sekaligus membantu ibu bapa dalam mengajar dan memperadabkan anak-anak mereka. Misalnya, cerita rakyat yang disampaikan berkisar tentang adab budaya, tatasusila dan cara bekerja di ladang, sawah dan laut. Dari situ, anak-anak Melayu belajar untuk menjaga kehormatan diri, berkelakuan baik, menghormati orang tua, berbudi bahasa dan bersopan santun.

Seterusnya, orang Melayu juga diberi didikan agama Islam sejak dari kecil seperti mengaji dan menghafaz al-Quran. Hugh low pernah mengulas tentang perkara mengaji al-Quran tersebut dalam buku catatannya. Tulis Hugh Low;

> *The children are not supposed to understand a single word of the book, nor could their teachers translate it; and as it cannot be translated into any language and remain pure, according to the instructions of the prophet, the forms of the religion are preserved by the oral precepts of the hadjis who have visited the holy city. The children in the schools are only taught to give it in reading the proper intonation, and to repeat its precepts in the singing, chanting method supposed to be practised in the temple of Mecca. The great use of their learning to read the Koran at all is, that by using a chapter of it they pretend to be able to drive away the spirit which is supposed to possess an insane person, or one in a fit* (Low, 1968: 138-139).

Bagi anak lelaki, kelas agama mereka diadakan di rumah Tok Guru, masjid, surau atau melalui orang Arab yang datang berdagang ke kampung Melayu manakala, pendidikan agama anak perempuan pula dilakukan di rumah oleh ibu bapa atau saudara mara yang terdekat (Sabihah Osman, 1990: 43; Ahmad Nasir Mohd Yusoff, 2016: 6; Ooi, 2001: 49). Sungguhpun begitu, pelajaran agama kaum wanita Melayu adalah setakat pengetahuan asas agama Islam sahaja dan bukannya

untuk menjadikan mereka pandai membaca dan menulis seperti kaum lelaki. Di tambah pula, kaum wanita diajar secara lisan atau menerusi contoh teladan daripada ibu bapa mereka. Natijahnya, ramai di kalangan wanita Melayu yang tidak pandai membaca dan menulis jawi (Brooke, 1913: 157).

Dalam pada itu, pendidikan yang wajib dipelajari oleh semua kaum wanita adalah pengetahuan tentang pengurusan rumah tangga yang berkaitan dengan tanggungjawab sebagai ibu dan isteri (Ooi, 1996: 3; Muhammad Ridzuan Idris, 2016: 57-58; Brooke, 1913: 157). Pengetahuan ini penting supaya kaum wanita dapat menjadi isteri dan suri rumah yang berkebolehan di kemudian hari. Lagi pula, dalam masyarakat Melayu tradisional, setiap anak perempuan dikehendaki belajar melakukan semua pekerjaan rumah tangga. Ini bagi mengelakkan mereka dipandang rendah oleh masyarakat setempat. Oleh itu, anak perempuan akan dilatih melakukan pekerjaan rumah seperti menjahit, mengayam, memasak, menjaga anak dan mengemas rumah sejak dari kecil. Hasilnya, wanita Melayu menjadi mahir dalam pekerjaan rumah. Perkara ini pernah dilaporkan dalam Sarawak Gazette yang mengungkapkan wanita Melayu-Melanau "adept at basket work" (Sarawak Gazette, 1 Mei 1929: 68).

Seterusnya, wanita Melayu juga mempelajari ilmu tenunan dan sulaman kain. Kemahiran tersebut diperolehi daripada ibu atau wanita dewasa di kampung mereka. Kebolehan wanita Melayu dalam menenun dan menyulam kain turut dilaporkan dalam Sarawak Gazette seperti berikut:

> *The Malay women of Sarawak are famous for their skill in handiworks such as weaving sarongs, knitting and trimming* (Sarawak Gazette, 1 Oktober 1931: 211).

Kenyataan *Sarawak Gazette* tersebut selari dengan tulisan Ranee Margaret yang pernah memuji kepakaran wanita Melayu tersebut. Tulisnya;

> *But talking of these sarongs and the wonderful cloths manufactured by the women of Sarawak, it always surprises me when I consider, given the idea that Sarawak was such an uncivilized country when the*

> *first Rajah went there, and that its people were sunk in a state of barbarism, how it was possible that the womenkind of the Malay population living in the place evolved the marvellous embroideries and brocades that nearly all the women of Sarawak are capable of weaving* (Brooke, 1913: 29).

Selain mengagumi kebolehan wanita Melayu tersebut, Ranee Margaret juga berminat untuk belajar menenun daripada Datu Isa. Selanjutnya, wanita Melayu juga mempelajari teknik bermain gendang (rebana) daripada guru gendang yang berpengalaman (Nordi Achie, 1999: 84-86). 'Gendang Melayu' atau 'gendang perempuan' merupakan permainan tradisional masyarakat Melayu yang terkenal di Sarawak. Dalam permainan ini, tukang gendang terdiri daripada empat hingga lima orang perempuan. Mereka akan memukul gendang sambil berbalas pantun dengan kaum lelaki. Gendang yang digunakan lazimnya diperbuat daripada kulit kambing kering. Paluan gendang dan bunyi gesekan biola dan gitar yang dimainkan oleh kaum lelaki hendaklah serasi dan serentak. Kaum wanita akan berselindung di sebalik tabir manakala kaum lelaki akan bertandak (menari) dihadapan. Permainan ini biasanya dilakukan sepanjang malam sehingga menjelang waktu subuh. Menurut Sarawak Gazette wanita Melayu menggemari permainan ini.

> *The native entertainment gendang perempuan is always thought much of by the Malay women of this country. They seldom miss it on such occasions as weddings and engagements, even after escaping from sudden accidents or recovering from serious illnesses. Sometimes a play lasts seven nights, beginning from 8 p.m. till the rising of the sun* (Sarawak Gazette, 1 Oktober 1931: 212; 2 Disember 1935: 225).

Pendidikan wanita Dayak

Pendidikan masyarakat Dayak lazimnya berkaitan dengan pertanian terutamanya kaedah/teknik penanaman padi huma/bukit yang diajar secara tidak formal oleh ibu bapa mereka (Gomes, 1911: 46-47; McDougall, 1882: 74; Noria Tugang, 2014: 29-35). Kerja-kerja penanaman padi dilakukan bersama dimana kaum lelaki melakukan pekerjaan yang lebih berat, sementara kaum wanita melakukan

pekerjaan yang lebih ringan. Misalnya, kerja-kerja pembersihan, penebangan dan pembakaran kawasan hutan dilaksanakan oleh kaum lelaki, tetapi aktiviti 'nugal' dilakukan bersama-sama. Dalam aktiviti ini, kaum lelaki membuat lubang kecil di hadapan dengan menggunakan tongkat kayu, manakala kaum wanita akan mengisi setiap lubang tersebut dengan benih-benih padi.

Setelah itu, tugas mencabut rumput di sekeliling padi akan menjadi tanggungjawab kaum wanita sehingga padi masak dan sedia untuk dituai. Pada musim menuai, kaum lelaki dan wanita akan melakukan tugas tersebut bersama-sama supaya cepat selesai bagi mengelakkan padi dimakan oleh burung. Padi yang dituai biasanya dikeringkan terlebih dahulu agar kerja-kerja 'nungku padi' (aktiviti memisahkan padi daripada tangkainya) mudah dilakukan. Lazimnya, kaum lelaki akan memacak empat tiang kayu yang dipasang dengan ayak/jaring yang dapat menampung beban yang banyak. Kemudian, kaum lelaki akan berdiri di atas jaring tersebut sambil menekan tangkai padi agar terpisah daripada bijinya. Biji-biji padi tersebut akan jatuh di atas tikar yang telah dihamparkan di bawah melalui celah-celah jaring yang direntangkan. Bagi padi yang ingin dimasak, padi tersebut perlu dijemur sehingga betul-betul kering sebelum ditumbuk lalu diayak dan dimasak menjadi nasi.

Berdasarkan rantaian kerja tersebut jelas menyaksikan bahawa proses penanaman padi memerlukan tenaga kerja yang ramai dan mengambil masa yang lama. Ekoran itu, masyarakat Dayak tidak mahu menghantar anak ke sekolah kerana mereka memerlukan bantuan anak-anak di kebun dan dirumah. Gomes pernah menceritakan pengalamannya mengajar seorang kanak-kanak Iban bernama Usat selama lebih kurang dua tahun sahaja kerana ibu bapa Usat memintanya berhenti sekolah bagi membantu mereka di kebun.

> *Territory increasingly meant a safe haven to people who wanted to develop their own way of life and the resources within their borders for their own purposes. The national State therefore considered its territory as the fundamental support of security and well-being. Such a doctrine and frame of mind were bound to give particular importance to the geographical features of the territory and of its frontiers. To other nations the frontier was a peripheral area that generated social and economic change, shaping a*

> *nation and contributing to its political wellbeing* (Gottmann, 1975: 35).

Kisah Usat tersebut merupakan realiti kehidupan masyarakat Dayak ketika itu. Mereka tidak melihat sebarang kepentingan dalam menghantar anak bersekolah, sebaliknya bekerja mencari rezeki adalah jauh lebih penting. Oleh itu, anak-anak diperlukan untuk membantu ibu bapa bekerja di kampung. Selain padi bukit, masyarakat Dayak juga menanam padi paya, sago dan beberapa tanaman lain. H. D. Aplin, Pemangku Residen Bahagian Keempat dalam lawatannya ke perkampungan orang Murut, melihat wanita-wanita Murut sedang menuai padi paya (Sarawak Gazette, 1 Mei 1919: 107).

Selain ilmu pertanian, kaum wanita Dayak juga diajar dengan kemahiran menenun kain. Perkara ini dapat dibuktikan menerusi kenyataan Gomes yang mengatakan "often seen little girls of ten and eleven being taught by their mothers how to weave cloth" (Gomes, 1912: 27). Kenyataan Gomes tersebut memperihalkan kaum wanita Dayak diajar menenun kain oleh ibu mereka ketika berusia sepuluh dan sebelas tahun lagi. Ini kerana, dalam masyarakat Dayak, taraf sosial seseorang wanita boleh ditentukan dengan kemahirannya menenun. Semakin pakar wanita menenun, maka semakin tinggi kedudukannya dalam masyarakat. Mereka juga sentiasa menjadi rebutan kaum lelaki daripaga keluarga berada dan berkedudukan. Oleh sebab itu, kemahiran menenun turut dikenali sebagai kayau indu/women's war (Tinggom, 2012: 7). Kedudukan yang tinggi membolehkan wanita tersebut meminta kaum lelaki untuk mempersembahkan kepala musuh kepadanya sebagai syarat untuk berkahwin (Gomes, 1911: 73; Pringle, 2010: 24-25; Runciman, 1960: 10; Sarawak Gazette, 2 Disember 1922: 298). Sementara itu, wanita itu pula akan menenun 'kain pua' yang nantinya digunakan untuk menyambut dan membungkus kepala musuh yang dibawa oleh pihak lelaki (Noria Tugang, 2014: 19; McDougall, 1882: 8). Lagi pula, dalam memilih calon menantu para ibu mertua akan menitikberatkan kepakaran wanita dalam menenun kain. Contohnya menerusi kenyataan Noria Tugang (2014: 19), *ngiga indu dara ambi ka menantu ia ka tau telepong ka ai ngena tampuk lemba*. Kenyataan ini menyeru kaum ibu untuk mencari menantu di kalangan wanita yang mahir menenun sahaja. Bertitik tolak dariada itu, kaum wanita berlatih menenun sejak dari kecil supaya mereka dapat berkahwin dengan golongan berada.

Sekiranya wanita Iban menenun pua kumbu, wanita Dayak daripada etnik Orang Ulu pual dikehendaki belajar membuat pakaian atau kraftangan daripada manik.

> *The women make beautiful, roughly circular bead-cloths of fine seed beads which are woven into patterns. These mats of beadwork are frequently sewn on to the tops of sun hats as decorative centre pieces. Or they may form the decoration of a wooden cradle for carrying a child on the back, or it may be used to decorate the scabbard of a sword. The designs may be of geometric shapes or the old conventional pattern of re-entrant curves. These seed beads are also used for making bead ropes for necklaces* (Sarawak Gazette, 30 september 1958: 164).

Di samping menenun, masyarakat Dayak juga menyanjung tinggi wanita yang mahir mengayam tikar, bakul dan kraftangan lain. Oleh yang demikian, wanita Dayak diajar mengayam sejak daripada usia tiga belas tahun (Gregory Kiyai, 2017: 90). Lihat juga kenyatan Gomes di bawah;

> *The girls like to help their mothers and learn to become useful at an early age, and to do the different kinds of work a woman is expected to do. When a woman is plaiting a mat of split cane, or of reeds, she often gives the short ends, which she has cut off, to her little girls, who sits by her and tries to make a little mat with them* (Gomes, 2012: 27).

Kemahiran mengayam diketahui hampir seluruh wanita Dayak. Buktinya dapat dilihat dalam catatan Ranee Margaret. Salah satunya adalah sewaktu beliau berkunjung ke rumah panjang orang Kayan, beliau dan rajah dibentangkan dengan tikar yang cantik sebagai alas duduk (Brooke, 1913: 142 & 213-214). Kemudian, semasa melawat pasar Song, beliau melihat banyak tikar dan bakul dijual oleh masyarakat Dayak kepada orang Cina. Di samping itu, beliau juga memuji etnik Penan mahir mengayam tikar, manakala etnik Tanjong, Seduan dan Banyok pandai mengayam bakul.

Selanjutnya, wanita Dayak juga mempelajari ilmu tari menari. Setiap etnik Dayak seperti Iban, Bidayuh dan Orang Ulu mempunyai tarian masing-masing. Tarian Iban dikenali sebagai ngajat, tarian Bidayuh digelar sebagai langgie, manakala salah satu tarian Orang Ulu ialah datun julud. Tarian-tarian tersebut lazimnya dipelajari sewaktu kecil dan dipersembahkan kepada penonton semasa majlis keramaian berlangsung. Misalnya, Ranee Margaret pernah mengisahkan pengalaman beliau menyaksikan tarian wanita Bidayuh ketika melawat perkampungan Bidayuh di Munggo Babi.

Sarawak Gazette turut melaporkan bahawa *Kayan and Kenyah girls are expert dancers* (Sarawak Gazette, 30 September 1958: 163). Sebagaimana wanita Melayu, wanita Dayak juga diwajibkan belajar ilmu berkaitan pengurusan rumah tangga. Mereka akan dilatih dan dibiasakan untuk melakukan pekerjaan rumah bermula daripada umur enam tahun dan ke atas (Jawan, 1991: 171; Gomes, 1911: 103-104; Low, 1968: 198-199). Ini kerana, pada usia 10-11 tahun nanti, mereka sudah dapat ditinggalkan sendirian untuk mengurus rumah ketika ibu bapa mereka keluar bekerja. Justeru itu, mereka hendaklah pandai memasak nasi, mencuci pakaian, mengemas rumah, mengangkut air, menjaga adik-adik yang masih kecil dan beberapa pekerjaan rumah yang lainnya.

Pendidikan wanita Cina

Menelusuri tujuan kedatangan orang Cina ke Sarawak, adalah untuk mencari kekayaan. Lazimnya, setelah mengaut keuntungan di Sarawak, mereka akan balik semula ke negara asal di China. Oleh itu, ramai orang Cina yang datang seorang diri tanpa membawa keluarga atau orang bujang yang belum berkahwin. Ini memandangkan, mereka tidak berniat untuk tinggal terus di Sarawak. Namun demikian, apabila berada di Sarawak, mereka telah berkahwin dengan wanita tempatan seperti wanita Iban dan Bidayuh (Thing, 2004: 28-29). Anak hasil daripada perkahwina mereka dibesarkan sebagai orang Cina serta menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar. Hal ini disebabkan Charles Brooke telah menitahkan anak daripada perkahwinan campur diletakkan bawah tanggungan bapa (Pringle, 2010: 295-296). Perkahwinan campur tersebut mewujudkan komuniti Cina-Bidayuh di Bau. Begitu juga di Simanggang, dimana Charles Brooke melaporkan sebilangan besar kanak-kanak di Simangganga adalah separuh Cina separuh Dayak (Sarawak Gazette, 5 Ogos 1907, hlm. 177-178).

Meskipun orang Cina selalunya kembali semula ke negara asal, namun mereka tetap memberi layanan yang baik kepada isteri dan anak tempatan mereka. Sebagai masyarakat yang mementingkan pendidikan, mereka turut menyediakan pendidikan kepada anak-anak mereka (Craig, 2003: 127; Ho, 2012: 6). Walau bagaimanapun, sepertimana orang Melayu, orang Cina juga mengetepikan pendidikan anak perempuan mereka. Menurut Ooi Keat Gin (1996: 4), pengabaian itu berlaku kerana orang Cina menganggap kaum wanita tidak mempunyai nilai ekonomi seperti anak lelaki yang boleh bekerja membantu keluarga. Tambahan pula, memberi pendidikan kepada anak perempuan adalah perkara yang sia-sia dan membebankan kerana suatu saat nanti anak perempuan akan berkahwin dan berpindah mengikut suaminya. Sehubungan dengan itu, ramai ibu bapa enggan menghantar anak perempuan mereka bersekolah. Susulan itu, pendidikan yang diterima oleh kaum wanita Cina adalah berkaitan pengetahuan asas pengurusan rumah tangga sahaja. Masyarakat Cina mengakui kepentingan wanita dan peranan mereka dalam mengurus rumah. Hal ini kerana, dalam masyarakat Cina, kaum lelaki bertanggungjawab untuk mencari rezeki, manakala kaum wanita ditugaskan untuk mengurus anak-anak dan menjaga rumah. Justeru itu, sepertimana wanita Melayu dan Dayak, wanita Cina juga diajar untuk melakukan pekerjaan rumah sejak dari kecil. Tujuannya adalah untuk menyediakan mereka menjadi isteri dan suri rumah yang cekap di kemudian hari.

Di samping melakukan pekerjaan rumah, wanita Cina juga diajar bekerja bagi membantu suami mereka. Contohnya, pelombong wanita Cina Hakka di Bau akan melakukan pekerjaan ringan seperti mendulang emas (Chew, 2004: 27). Kemudian, apabila tanaman komersial seperti getah dan lada diperkenalkan di Sarawak, kaum wanita Cina juga menolong suami mereka bekerja di kebun lada dan menoreh getah. Misalnya, mereka bangun pada pukul 4-5 pagi bagi menyiapkan bekalan makanan yang akan dibawa ke kebun getah (Chew, 2004: 155). Setelah selesai menoreh dalam pukul 8-9 pagi, tugas wanita Cina diteruskan dengan melakukan pekerjaan rumah seperti mengemas rumah, mencuci, memasak dan menjaga anak. Pada waktu petang pula, mereka lazimnya berkebun dengan menanam sayur, lada atau padi. Tanggungjawab berat yang dipikul oleh wanita Cina menyebabkan mereka perlu dilatih melakukan pekerjaan tersebut sejak dari kecil.

Berdasarkan perbincangan di atas dapatlah dilihat bahawa pendidikan awal wanita Cina di Sarawak lebih banyak berkaitan pengurusan rumah tangga dan melibatkan pekerjaan-pekerjaan yang lebih ringan. Hal ini demikian kerana, sebagai golongan imigran, masyarakat Cina terpaksa bekerja lebih keras kerana mereka tidak mempunyai tanah atau harta di Sarawak. Lantaran itu, para wanita Cina perlu bekerja membantu suami mereka di lombong atau kebun. Secara tidak langsung, anak-anak perempuan mereka dididik untuk melakukan perkara yang sama. Namun selepas kedatangan pihak gereja dan pembukaan sekolah perempuan mubaligh, nasib wanita Cina mula berubah menjadi jauh lebih baik apabila segelintir ibu bapa telah menghantar anak perempuan mereka bersekolah.

Kesimpulan

Konklusinya, masyarakat di Sarawak awalnya menolak pendidikan diberikan kepada kaum wanita. Namun begitu, mereka turut menyediakan pendidikan kepada wanita dalam bentuk dan kaedah yang berbeza dengan pendidikan kaum lelaki. Pendidikan wanita ketika itu lebih bersifat tradisional dengan kaedah pengajaran secara lisan, pemerhatian dan tunjuk ajar secara terus daripada ibu bapa. Manakala, pelajaran yang dipelajari oleh mereka pula lebih kepada ilmu berkaitan pengurusan rumah tangga. Hal ini kerana, peranan wanita ketika itu hanyalah sebatas isteri dan suri rumah sahaja. Di samping itu, mereka juga belajar beberapa kemahiran lain seperti menenun, mengayam dan menyulam kain. Tidak lupa juga, ilmu tentang teknik pertanian bagi wanita Dayak. Sungguhpun demikian, selepas bermulanya pendidikan formal wanita melalui pembukaan sekolah perempuan oleh badan mubaligh, pendidikan wanita mula bertambah baik meskipun berkembang perlahan.

Senarai Rujukan

Dokumen Arkib

Sarawak Gazette. 1 Mei 1919.
Sarawak Gazette. 1 Mei 1929.
Sarawak Gazette. 1 Oktober 1931.
Sarawak Gazette. 2 Disember 1922.
Sarawak Gazette. 2 Disember 1935.
Sarawak Gazette. 30 September 1958.

Sarawak Gazette. 5 Ogos 1907.

Buku dan Jurnal

Ahmad Nasir Mohd Yusoff. (2016). Islam di Sarawak: Sejarah Awal dan Faktor-Faktor Perkembangan Islam di Sarawak. *Jurnal Al-Anwar*. Vol. 1(1): 1-19.

Brooke, Margaret. (1913). *My life in Sarawak*. London: Methuen & CO. LTD.

Chew, Daniel. (2004). *Chinese Pioneers on the Sarawak Frontier 1841-1941*. New York: Oxford University Press.

Craig, A. Lockard. (2003). *Chinese Immigration and Society in Sarawak 1868-1917*. Sibu: Sarawak Chinese Cultural Association.

Gomes, E. H. (1911). *Seventeen Years Among the Sea Dyaks of Borneo*. London: Seeley & CO. Limited.

Gomes, E. H. (1912). *Children of Borneo*. Edinburgh: Oliphant, Anderson & Ferrier.

Gregory Kiyai @ Keai. (2017). Tikai: Fungsi dalam Kehidupan Budaya Masyarakat Iban. *Jurnal Borneo Arkhailogia*. Vol.1(1): 75-82.

Ho Hui Ling. (2012). Orang Cina dan Penglibatan dalam Politik di Negeri Sarawak, 1841-1963. *Jurnal Sejarah.* Vol. 20(20): 1-26.

Jawan, Jayum A. (1991). Political Change and Economic Development among the Ibans of Sarawak, East Malaysia. *Tesis Doktor Falsafah*. Universiti of Hull.

Leigh, Micheal B. (1974). *The Rising Moon: Political Change in Sarawak.* Sydney University Press.

Low, H. (1968). *Sarawak: Its Inhabitans and Productions.* London: Frank Cass and Company Limited.

McDougall, H. (1882). *Sketches of Our Life in Sarawak.* London: Society for promoting Christian knowledge.

Muhammad Ridzuan Idris. (2016). Perkembangan Pendidikan Wanita Melayu di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu 1896-1930. *Tesis Doktor Falsafah*. Fakulti Sastera dan Sains Sosial: Universiti Malaya.

Nordi Achie. (1999). Pemikiran Rakawi Yusuf dengan Rujukan Khusus Terhadap Novel Melati Sarawak 1932: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal Sejarah.* Vol. 7(7): 81-119.

Noria Tugang. (2014). Pua Identiti dan Budaya Masyarakat Iban. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.

Ooi Keat Gin. (1996). *Women Should Be Helpmates and Not Drags Upon Their Husband: Female Education in Brooke Sarawak*, 1841-

1941". Dalam, 6th International Interdisciplinary Congress on Women. Adelaide: Australia. 22-26 April.

Ooi Keat Gin. (2001). *Dunia di Seberang Sungai: Pendidikan di Sarawak dari Zaman Pemerintahan Brooke Hingga ke Pentadbiran Pejabat Tanah, 1841-1963*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.

Pringle, R. (2010). *Rajahs and Rebels: The Ibans of Sarawak Under Brooke Rule, 1841-1941.* Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak.

Runciman, S. (1960). *The White Rajahs: A History of Sarawak from 1841 to 1946*. Cambridge: Cambridge University Press.

Sabihah Osman. (1990). *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Thing, Cindy Richard. (2011). Sejarah Interaksi Orang Cina dan Dayak di Sarawak. *Malaysia Dari Segi Sejarah.* Vol. 39: 91-101.

Tinggom, O'shea. (2012). Promosi seni anyaman masyarakat Iban yang dilaksanakan oleh Majlis Kraf Sarawak. *Tesis Sarjana*. Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif: Universiti Malaysia Sarawak.

Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2023, Vol.8 (1), hlm. 119-136
e-ISSN: 2600-8726© Nur Atirah Binti Hairul Azira
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

Tarian Limbai: Sebuah Warisan Tradisi Kaum Bajau

Limbai Dance: A Legacy of the Bajau Tradition

Nur Atirah Binti Hairul Azira[1]

[1]Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
[1]atirahhairul00@gmail.com,
Dihantar:24 Mac 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023

Abstrak

Sabah merupakan salah satu negeri yang mempunyai kepelbagaian etnik yang menarik di Malaysia. Penduduk di Sabah menunjukkan kepelbagaian etnik, bahasa, budaya dan agama yang hebat. Kepelbagaian etnik ini berlaku sejak zaman dahulu lagi seperti Bajau, Kadazan/Dusun, Bisaya, Murut, Rungus dan sebagainya. Dengan kepelbagaian etnik di Sabah, pastinya wujud pelbagai adat, tradisi, budaya serta sejarah-sejarah berkaitan dengan setiap etnik. Seperti etnik-etnik yang lain, etnik Bajau juga mempunyai tradisi yang menarik untuk diketahui. Masyarakat Bajau kaya dengan warisan adat dan tradisi yang masih diamalkan oleh masyarakat kaum Bajau. Oleh itu, artikel ini mendokumentasikan mengenai salah satu tradisi yang sering diamalkan oleh masyarakat kaum Bajau iaitu Tarian Limbai dimana penulisan ini akan mengetengahkan kepentingan Tarian Limbai, meneliti isu dan cabaran dalam pengurusan warisan tarian Limbai serta mengemukakan cadangan dan langkah untuk perlindungan, pemuliharaan dan pemeliharaan warisan ini.

Kata Kunci: Tarian Limbai, tradisi Bajau, Bajau Pantai Barat

Abstract

Sabah is one of the states with interesting ethnic diversity in Malaysia. The people in Sabah show great ethnic, linguistic, cultural and religious diversity. This ethnic diversity has been happening since ancient times such as Bajau, Kadazan/Dusun, Bisaya, Murut, Rungus and so on. With the diversity of ethnicities in Sabah, there are certainly various customs, traditions, cultures and histories related to each ethnicity. Like other ethnicities, Bajau ethnicities also have interesting traditions to know. The Bajau community is rich in traditional heritage and traditions that are still practiced by the Bajau community. Therefore, this article documents one of the traditions that is often practiced by the Bajau people, namely the Limbai Dance, where this writing will highlight the importance of the Limbai Dance, examine the issues and challenges in the management of the Limbai dance heritage as well as put forward suggestions and measures for the protection, conservation and preservation of this heritage.

Keywords: *Bajau tradition, Limbai dance, West Coast Bajau*

Pengenalan

Negeri Sabah merupakan negeri kedua terbesar di Malaysia dengan kawasan yang menjangkau 72,500 kilometer persegi terletak di bahagian paling utara Borneo (eBroneo, 2014). Walaupun corak masyarakat di Sabah yang mempunyai pelbagai jenis kaum, bangsa dan agama kepercayaan, namun penduduk di Sabah hidup dalam keadaan yang aman dan harmoni dimana masyarakat di Sabah saling hormat-menghormati adat dan tradisi yang berlainan dan unik mengikut kaum. Masyarakat Bajau ini merupakan kaum kedua terbesar di Sabah selepas Kadazan Dusun. Komuniti kaum Bajau ini terbahagi kepada dua iaitu Bajau Pantai Barat Sabah dan Bajau Pantai Timur (Syamsul, Mohd Anuar, 2017: 73). Penempatan Bajau Pantai Barat adalah di kawasan Kota Belud, Tuaran dan Papar manakala Bajau Pantai Timur pula di kawasan Semporna, Lahad Datu dan Kunak.

Walaupun kedua-dua komuniti tersebut secara tradisinya bergantung kepada laut dimana mereka sering dikaitkan dengan kegiatan atau aktiviti kelautan, tetapi komuniti ini mempunyai perbezaan dari segi bahasa, budaya dan sejarah (Hafzan, 2012: 132-140).

Tradisi bagi setiap kaum merupakan satu warisan yang perlu dipelihara bagi setiap generasi muda. Kepentingan tradisi masih dilihat sebagai sesuatu yang penting dalam usaha untuk mengatasi arus pemodenan dan kemajuan negara kita. Tradisi merupakan warisan yang tergolong dalam warisan budaya tidak ketara dimana warisan ini boleh diturunkan secaran turun temurun dan boleh diwarisi dari generasi ke satu generasi (Mohd Yuszaidy, 2018: 143-159). Hal yang demikian kerana tradisi boleh dianggap sebagai satu simbol atau identiti kepada sesuatu kaum. Salah satu tradisi sesuatu kaum yang perlu dipelihara adalah tarian tradisional yang ditarikan oleh satu suku kaum tertentu. Tarian tradisi bagi suku kaum Bajau di Pantai Barat Sabah khususnya di Kota Belud adalah tarian limbai dan tarian runsai. Dalam artikel ini, fokus akan diberikan terhadap salah satu tarian tradisi bagi suku kaum Bajau di Kota Belud iaitu tarian limbai. Tarian limbai adalah tarian yang sering ditarikan semasa majlis perkahwinan sebagai adat dalam perkahwinan orang Bajau di Kota Belud. Tarian ini sering ditarikan sebagai hiburan dalam sesuatu majlis perkahwinan bagi memeriahkan lagi majlis tersebut. Dalam konteks ini, tarian warisan Bajau ini merupakan satu tarian yang penting untuk dipelihara oleh masyarakat dalam memastikan generasi-generasi pada masa akan datang dapat mempraktikkan tradisi tersebut. Oleh itu, artikel ini mengupas tentang tarian tradisi warisan suku kaum Bajau iaitu tarian limbai. Tujuan artikel ini adalah untuk mengangkat tarian limbai yang merupakan tradisi yang wujud dalam kalangan masyarakat di Sabah dan seterusnya mempromosi tarian ini untuk tujuan kelestarian serta memulihara dan memelihara tarian ini agar dapat diwarisi kepada generasi pada masa akan datang.

Bajau dan Tarian Limbai

Orang Bajau dipercayai berasal dari Kepulauan Sulu, khususnya Mindanao dan Basilan. Komuniti ini telah bermigrasi ke Sandakan, Pulau Omadal, Marudu, Inanam, Semporna dan Lahad Datu dimana mereka telah menetap dikawasan-kawasan tersebut (Ranjit Singh, 2000: 14). Orang Bajau ialah penyelam dan nelayan yang tinggal di dalam bot keluarga kecil yang sering bertemu secara berkumpulan. Beberapa kumpulan keluarga ini boleh berkumpul pada satu-satu masa, menghasilkan komuniti lima puluh hingga dua ratus bot keluarga. Suku Bajau terbahagi menjadi dua kelompok iaitu mereka yang tinggal di darat dan mereka yang terus hidup berpindah-pindah dan merantau dengan *Boggo* (sejenis perahu). Kelompok orang Bajau yang hidup nomad ini dikenal sebagai (sea gypsies) atau Pala'u (Asmah, 2016: 33). Di Sabah, orang Bajau telah dibahagikan kepada dua kelompok iaitu Bajau Pantai Barat dan Bajau Pantai Timur. Bajau Pantai Barat ini meliputi kawasan Pantai Barat seperti Tuaran, Kota Kinabalu, Papar dan sebagainya. Bagi Bajau Pantai Timur pula meliputi Sandakan sehinggalah Tawau. Asal-usul Bajau di Sabah sering dikaitkan dengan kegiatan yang berasaskan kelautan. Walaubagaimanapun, kegiatan berterusan mereka adalah pengumpulan hasil laut. Masyarakat Sama-Bajau di Pantai Timur amat berbeza dengan masyarakat Bajau di Pantai Barat, termasuk masyarakat yang tinggal di daerah Kota Belud dan beberapa wilayah lain di Pantai Barat. Ini kerana pengaruh jiran terdekat mereka, Kadazan Dusun, serta kesesuaian tanah dan iklim di wilayah Pantai Barat, Bajau di Pantai Barat dapat melibatkan diri dalam usaha pertanian lebih awal dan dengan lebih mudah di Pantai Timur (Saidatul, 2012: 90).

Dalam konteks masyarakat Bajau ini, ahli sejarah telah menemui banyak idea sejarah tentang asal usul orang Bajau ke Sabah dimana apa yang jelas adalah orang Bajau bukanlah masyarakat awal yang menetap di Sabah. Hal yang demikian kerana, orang Bajau merupakan kelompok masyarakat yang telah berhijrah ke Sabah sejak dahulu lagi. Sejak tahun 1921, etnik

Bajau merupakan penduduk peribumi kedua terbesar selepas Kadazan Dusun di Sabah:

Jadual 1: Populasi Penduduk Sabah Tahun 1921-1991

Kumpulan Etnik						
Tahun	Kadazan-Dusun	Murut	Bajau	Brunei	Suluk	Orang Sungai
1921	99,229	28,400	31,348	8,728	6,637	7,422
1931	102,401	24,444	31,640	10,507	5,766	6,999
1951	117,867	18,724	44,728	22,312	7,866	13,697
1960	145,229	22,138	59,710	23,540	11,080	15,112

Sumber: Ranjit Singh (2000: 27).

Pada asalnya masyarakat Bajau adalah pelaut daripada beberapa kumpulan kerabat seperti Iranun, Obian, Binadan, Suluk dan beberapa lagi yang berkongsi budaya dan adat yang sama. Petempatan Bajau Pantai Barat di kawasan perkampungan dan kadang-kadang bercampur dengan orang Ilanun. Sebagai contoh, kawasan Tempasuk sehinggalah Kota Kinabalu. (Sopher, 1965: hlm 137). Walaupun orang Bajau hidup secara individualistik, tetapi mereka mampu untuk mengekalkan kesepaduan sosial dan identiti bersama yang kukuh. Mereka masih berpegang dengan adat-adat dan tradisi yang telah diwariskan secara turun-temurun. Antaranya adalah adat perkahwinan.

Adat perkahwinan yang terdiri daripada upacara unik tetapi penuh makna dan hanya boleh difahami oleh orang yang benar-benar memahami adat 'Sama' adalah antara yang masih kekal dan dipelihara sehingga kini. Bermula dengan upacara 'Tilau-Tilau Idaan' yang seiras dengan upacara merisik yang dilakukan oleh masyarakat Melayu (Utusan Borneo, 1995). Kemudian, upacara seruan iaitu majlis bertunang. Pihak wanita yang akan menganjurkan majlis seruan di rumahnya, di mana tempoh pertunangan dan tarikh perkahwinan dirundingkan. Seterusnya *norong*, mandi *bedak*, nikah dan sanding serta diakhiri dengan *ngando dan ngendede* iaitu upacara membawa pengantin

perempuan ke tempat pihak lelaki (Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2022). Pada majlis perkahwinan inilah pelbagai acara yang dipenuhi dengan kebudayaan akan dimulai iaitu dengan persembahan *bertitik*. Terdapat juga acara kebudayaan lain seperti *berunsai*, gesek biola, *rasing*, sepak manggis dan sebagainya. Semasa upacara persandingan ini pengantin lelaki akan dihantar ke rumah pengantin dengan menaiki kuda yang dihias berwarna-warni. Sepanjang perjalanan juga gong akan dimainkan dengan irama "*tegunggu*" yang menambahkan lagi kemeriahan perjalanan pengantin lelaki (Harian Metro, 1997).

Foto 1: Suasana persandingan Bajau pengantin lelaki dan perempuan.

Foto 2: Tarian Limbai ditarikan untuk menyambut tetamu di majlis perkahwinan.

Apa yang dilihat menarik, tarian Limbai masih lagi ditarikan semasa majlis perkahwinan berlangsung. Tarian limbai adalah tarian tradisional asli suku kaum Bajau (Tawau Carnival 2007, 2014) Tarian ini biasanya ditarikan semasa majlis perkahwinan berlangsung sebagai tanda keramahan pihak pengantin perempuan dalam menjemput pengantin lelaki untuk masuk ke rumah pengantin perempuan. Sebelum akad nikah, atau majlis perkahwinan, penari akan menari sambil mengiringi pengantin lelaki ke rumah pengantin perempuan dengan muzik dan gerakan yang berirama (Sri Ningsih, 2020: 114). Pergerakan halus pergelangan tangan penari akan menyebabkan selendang mereka bergoyang-goyang sebagai cara menyambut rombongan pengantin lelaki tersebut. Perarakan rombongan pengantin lelaki yang datang akan berhenti seketika lalu tarian ini akan dipersembahkan di hadapan pengantin lelaki sebelum memasuki rumah bagi akad nikah (Rahmah, 2018: 93). Pada awalnya, tarian ini wujud bagi memeriahkan lagi kedatangan tetamu-tetamu yang terhormat tetapi pada masa kini, ia sering digunakan dalam majlis perkahwinan dan majlis-majlis keramaian.

Foto 3: Tarian Limbai sedang ditarikan
Sumber: Irene Benggon-Charuruks, Janette Padasian (1992: 65)

Tarian limbai ini dipersembahkan dengan iringan muzik tradisional yang dimainkan oleh pemain yang mahir dalam alat muzik tersebut. Biasanya muzik akan dimainkan oleh seorang pemain Kulintangan, dua orang pemukul tetawak, Gendang dan Bebandil yang dipalu mengikut irama yang telah ditetapkan dalam

persembahan tersebut (Rahmah, 2018: 93). Kumpulan ini digelar sebagai kumpulan bertitik. Bertitik merupakan persembahan tradisional menggunakan peralatan muzik tradisional (Halina, 2012: 79). Penari harus mengikuti rentak muzik yang dimainkan oleh pemain muzik jika rentak muzik berubah menjadi cepat, penari akan mengikuti rentak tersebut. Alat-alat muzik ini biasanya akan dimainkan oleh golongan tua kerana dianggap lebih berpengalaman dalam memainkan alat muzik tradisional. Hal yang demikian kerana mereka biasa dengan setiap gerakan dan pernah mempelajari tarian tersebut. Tarian ini merupakan tarian yang terkenal dengan keayuan dan kelembutannya. Penari dalam tarian limbai ini terdiri daripada pasangan lelaki dan perempuan dimana perempuan yang akan menari mengikut gerakan tarian melambai-lambai tersebut dan diikuti oleh penari lelaki yang melakukan pergerakan seakan-akan memulaskan atau melenggokkan pergelangan tangan mereka (Jabatan Kebudayaan Kesenian Negara, 2022).

Foto 4: Gerakan tarian melambai-lambai diikuti oleh penari lelaki.

Sumber: Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara (2022).

Foto 5: Pakaian Tradisional Bajau yang dipakai dengan *Sarimpak*
Sumber: Utusan Borneo (2019)

Pakaian yang digunakan oleh penari adalah busana tradisional kaum Bajau dengan *Sarimpak*. Sarimpak adalah hiasan kepala bagi perempuan yang dipakai dengan pakaian tradisional suku kaum Bajau. Sarimpak biasanya dipakai oleh perempuan dalam suku kaum Bajau semasa majlis perkahwinan, persembahan tarian tradisi dan majlis keramaian (Halina, Andreas, Rosmah, 2016: 216).

Kepentingan Warisan

Tarian limbai ini mempunyai taraf nilai estetika dan seni yang tinggi dalam mencerminkan budaya dan cara hidup suku kaum Bajau Pantai Barat atau Bajau di Kota Belud. Keunikannya yang tersendiri membuatkan tarian ini sangat menarik. Kesenian yang ditonjolkan dalam tarian ini menunjukkan ketamadunan sesuatu kaum. Ia membolehkan masyarakat mengajar orang ramai tentang sejarah tradisi mereka dan berkongsi warisan mereka dengan orang lain sekaligus merapatkan hubungan bersama etnik-etnik yang lain. Ini bermaksud, seni tarian tradisi ini juga dapat dijadikan daya tarikan kepada penduduk negara luar dalam mempromosikan pelancongan budaya di negara kita. Apabila dilihat seni tarian ini, penduduk di luar negara akan terpukau dengan keindahan dan keunikan tarian tradisi ini. Perkara ini

sekaligus dapat menunjukkan keunikan Malaysia sebagai sebuah negara yang majmuk dengan kepelbagaian etnik (Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya, 2022).

Dalam konteks ini, tarian Limbai juga mempunyai kepentingan dalam pelancongan yang mana ia dapat menarik minat ramai pelancong tidak kira dari dalam dan luar negara untuk mengunjungi dan menghayatai keunikan warisan budaya masyarakat Bajau ini. Tarian Limbai ini bukan sahaja ditarikan semasa perkahwinan tetapi semasa menyambut tetamu dalam majlis-majlis rasmi. Bukan sahaja di Malaysia, malah di seluruh dunia, pelancongan merupakan salah satu industri yang berkembang pada kadar paling pantas (Zuliskandar, et.al, 2015: 471). Negara Malaysia yang unik, yang merupakan rumah kepada rakyat pelbagai etnik dan latar belakang budaya, sentiasa memanfaatkan sepenuhnya peluang yang diberikan oleh kekayaan warisan semula jadi dan budayanya. Oleh itu, tarian tradisi ini juga mempunyai kepentingan dalam meningkatkan pelancongan warisan budaya di negara kita. Sabah yang terkenal dengan keunikan budaya sudah tentu dapat menarik lebih ramai pelancong untuk melihat warisan budaya kita.

Seterusnya, tarian tradisi ini juga mempunyai nilai-nilai sosial tertentu dimana ia akan membantu dalam mengatur hubungan antara masyarakat. Ia akan menjadi identiti budaya dalam membezakan etnik kita bersama etnik yang lain seperti mencerminkan kepelbagaian perlembagaan etnik negara (Joseph, Imran Syafiq, 2021: 45-46) dan berfungsi dalam meningkatkan semangat bermasyarakat. Dalam pengertian ini, identiti sesebuah negara boleh diperhatikan dalam warisan budaya, seperti tarian tradisional sesuatu kaum di Malaysia. Tambahan pula, tarian tradisional yang banyak mempamerkan perwatakan masyarakat majmuk, khususnya di negara kita yang masyarakatnya terdiri daripada pelbagai kaum. Oleh itu, tarian tradisi ini perlu dipelihara oleh generasi-generasi muda agar tidak ditelan zaman dan tidak hilang pada masa akan datang.

Isu Dan Cabaran

Walaupun tarian limbai merupakan tarian yang mempunyai nilai seni yang tinggi tetapi tarian ini juga menghadapi beberapa isu dan cabaran dalam meniti arus pemodenan kini. Antara isu dan cabaran yang yang dihadapi dalam pengurusan warisan tradisi tarian limbai ialah perubahan gaya hidup dan kepercayaan akibat proses urbanisasi. Tarian limbai di majlis-majlis keramaian dan majlis perkahwinan bagi suku Kaum Bajau adalah semakin kurang dipersembahkan terutamanya oleh generasi muda. Tarian limbai sering ditarikan semasa majlis perkahwinan tetapi terdapat segelintir generasi muda yang tidak mementingkan tradisi tersebut. Hal yang demikian kerana, perpindahan orang ramai dari luar bandar ke bandar dalam mengubah status kewangan daripada pertanian kepada perkilangan dan perindustrian (Joseph, Imran Syafiq, 2021: 49) telah menyebabkan berlaku perubahan gaya hidup masyarakat dimana seni tradisi budaya mereka semakin menghilang. Proses pembandaran juga telah mempengaruhi perubahan dalam rentak dan gerakan daripada tarian yang asal. Perkara ini telah menyebabkan masyarakat semakin menjauhi cara hidup tradisional.

Selain itu, isu dan cabaran dalam pengurusan warisan tradisi tarian limbai adalah kurang didokumentasikan dan dikaji dalam sebuah penyelidikan. Tarian tradisi ini bukan tidak pernah didokumentasikan tetapi tidak banyak dijalankan. Sebagai contoh, kajian-kajian mengenai tarian limbai, kajian mengenai sejarahnya dan sebagainya. Tarian yang sering didokumentasikan adalah tarian tradisi yang mempunyai pergerakan yang menarik dan terkenal sahaja. Dalam era modenisasi ini, adalah perlu untuk penggalakkan penyelidikan dan dokumentasi mengenai seni-seni budaya dan tradisi yang diwariskan bagi pelbagai etnik. Hal yang demikian kerana, masyarakat di zaman moden ini kurang berminat untuk mengikuti amalan-amalan tradisi yang diamalkan (Cultural Survival, 2019). Bilangan penyelidikan dan dokumentasi mengenai tarian limbai ini dilihat tidak banyak menyebabkan tidak ramai yang tahu mengenai tarian limbai yang merupakan tarian tradisi bagi suku kaum Bajau ini.

Seterusnya, isu dan cabaran yang dihadapi dalam pengurusan warisan tradisi tarian limbai ialah pandangan generasi muda terhadap tarian tradisi termasuklah tarian limbai. Disebabkan peredaran masa dan perubahan gaya hidup yang lebih terpengaruh dengan budaya Barat, anggapan golongan muda terhadap tarian tradisi ini adalah tidak relevan kepada mereka disebabkan lebih tertarik kepada tarian K-pop dan genre yang lain (The Star, 2022). Tarian tradisi ini sering dianggap sebagai tarian yang rendah dan tidak serius berbanding dengan tarian-tarian budaya moden yang terkenal seperti tarian ballet, tarian moden dan kontemporari dan tarian hip hop. Hal ini menyebabkan tarian tradisi termasuklah tarian limbai ini ditelan zaman dan semakin dilenyapkan.

Cadangan Dan Langkah

Langkah-langkah dalam melindungi tarian tradisi yang merupakan kebanggaan suku kaum Bajau ini perlu dilakukan bagi memastikan tarian tradisi ini sentiasa dipelihara walaupun di masa hadapan. Antara cadangan dan langkah untuk perlindungan tarian limbai ialah melakukan pendokumentasian dan penyelidikan mengenai tarian limbai. Dalam konteks ini, institusi penyelidikan dan golongan intelektual yang mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai tarian tradisi ini perlu melakukan dokumentasi dan penyelidikan. Ini bertujuan untuk menyebarkan pengetahuan mengenai tarian limbai tidak kira di peringkat akademik mahupun awam. Mendokumentasikan budaya tradisi adalah penting bukan sahaja untuk memastikan kesinambungan budaya, tetapi juga untuk memastikan identiti budaya sesuatu etnik itu dikenali dan diterima oleh orang ramai.

Seterusnya, cadangan dan langkah untuk melindungi tarian ini ialah dengan mewartakan tarian limbai dibawah Akta Warisan Kebangsaan 2005. Dalam memastikan tradisi terus diwarisi dan masih kekal menjadi satu simbol kepada etnik, tarian limbai ini perlu diwartakan agar tidak hilang dan lenyap. Dalam konteks ini, Kerajaan Negeri dan pihak yang berkuasa perlu

memainkan peranan dalam mendaftarkan tarian limbai ini dibawah Daftar Warisan Kebangsaan. Di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005, telah dijelaskan bahawa sebarang warisan seperti warisan kebudayaan, objek warisan, dan lain-lain boleh diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan. Akta ini merupakan akta yang memberi peruntukan untuk memelihara dan memulhara warisan kebudayaan sekaligus memberi dasar, kaedah dan peraturan yang berkaitan dengan perlindungan serta pengurusan warisan dimana salah satu peruntukan ialah Daftar Warisan Kebangsaan yang perlu disenaraikan oleh pihak-pihak berkuasa (Mohd Yuszaidi, 2015: 202-223).

Selain itu, pengusaha komersial juga boleh memainkan peranan dalam melindungi tarian tradisi ini. Pengusaha komersial boleh melibatkan diri secara tidak langsung terhadap usaha dalam memelihara dan memulihara warisan yang ditinggalkan. Sebagai contoh, di Sabah Galeri Chanteek telah diwujudkan atas minat pemiliknya dalam memelihara dan mendokumentasikan bahan budaya khususnya busana tradisional etnik-etnik di Sabah sejak tahun 2014 (Saidatul Nornis, 2019: 6-7). Dalam konteks tarian limbai, pengusaha komersial seperti pengusaha hotel boleh membuat pakej perlancongan yang mempunyai aktiviti yang mempersembahkan tarian ini kepada orang ramai. Langkah ini adalah usaha yang baik dalam memastikan tradisi-tradisi yang diwariskan dapat dikekalkan keasliannya dan dapat ditonjolkan kepada orang ramai.

Cadangan dan langkah yang terakhir adalah dalam aspek pemeliharaan tarian limbai iaitu dengan membentuk pelbagai dasar dan institusi kebudayaan bagi mempromosikan budaya dan amalan tradisi ini. Ini kerana warisan budaya tidak ketara ini boleh dijadikan sebagai produk pelancongan warisan. Hal ini sekaligus dapat menyatukan tradisi-tradisi dari kumpulan etnik yang berbeza. Sebagai contoh, dalam mempromosikan seni, tarian dan budaya Orang Asal di Sabah, Budaya Maju iaitu sebuah kumpulan Seni Persembahan telah ditubuhkan oleh salah seorang Kurator di Muzium Negeri Sabah (Yunci, et al., 2022: 31-32). Tarian limbai yang merupakan tarian tradisi suku kaum Bajau ini dapat

dipersembahkan oleh kumpulan Budaya Maju bagi mempromosikan tarian limbai ini semasa persembahan dalam pelbagai program kesenian budaya. Tarian ini juga boleh ditarikan sebagai persembahan kepada pelancong-pelancong yang datang untuk melihat keindahan seni warisan budaya di Sabah. Dalam konteks ini, media massa juga turut memainkan peranan dalam mempromosikan tarian limbai ini.

Kesimpulan

Kesimpulannya, tarian limbai bukan sekadar tarian biasa tetapi ia adalah tarian tradisi yang diwariskan dan merupakan kebanggan suku kaum Bajau. Tarian yang merupakan warisan budaya tidak ketara telah memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat. Kepelbagaian etnik di negara kita telah menjadikan setiap etnik mempunyai keistimewaan tersendiri. Dapatlah dilihat bahawa kepentingan warisan ini terdiri daripada mempunyai taraf nilai estetika dan seni yang tinggi dalam mencerminkan budaya dan cara hidup suku kaum Bajau Pantai Barat, kepentingan dalam pelancongan yang mana ia dapat menarik minat ramai pelancong tidak kira dari dalam dan luar negara untuk mengunjungi dan menghayatai keunikan warisan budaya masyarakat Bajau ini serta melambangkan identiti budaya negara kita. Pelbagai isu dan cabaran seperti pemodenan dan urbanisasi, kurang didokumentasikan serta tahap kesedaran generasi muda terhadap kepentingan warisan tradisi yang perlu dihadapi bagi mengelakkan tarian limbai yang diwariskan ini tidak dilupakan. Ini kerana seni tarian bersifat tradisional yang mewakili masyarakat komuniti tempatan seharusnya dilindungi, diwarisi dan dimartabatkan agar tidak hilang ditelan arus kemodenan zaman (Jabatan Warisan Negara, 2021).

Pelbagai langkah dan usaha boleh dilakukan bagi memastikan warisan tradisi ini dapat dilindungi dan dipelihara tanpa mengubah elemen tradisi. Dengan Akta yang telah disediakan dan pendokumentasian yang menggalakkan, sudah pasti tarian-tarian tradisi seperti tarian limbai dapat dilestarikan

dan diiktirafkan sebagai satu simbol dan identiti kepada suku kaum Bajau. Akta yang telah diwujudkan dapat menjamin pengekalan dan pemeliharaan secara perlindungan seperti yang telah ditetapkan dalam undang-undang (Mohd Yuszaidi, 2015: 202-223). Pihak yang berkuasa dan bertanggungjawab dalam pengurusan ini perlulah memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan usaha-usaha yang telah dicadangkan. Selain itu, masyarakat juga perlu mempunyai kesedaran dan prihatin dalam menjaga tarian limbai ini bagi meningkatkan lagi perlindungan ke atas warisan tradisi ini. Oleh itu, semua pihak perlu bekerjasama dalam menyempurnakan dan melaksanakan tindakan-tindakan yang telah dicadangkan bagi melindungi, memelihara dan memulihara tarian limbai ini terutamanya masyarakat yang memiliki tradisi ini iaitu masyarakat yang bersuku kaum Bajau.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

Hafzan Zannie Hamza. 2012. Hybridity in Presentational Dance: The Igal of Bajau Laut in Semporna, Sabah. *Dancing Mosaic: Issues on Dance Hybridity*, 132-140.

Halina Sendera Mohd Yakin. 2012. Symbolism in the Death Ritual among the Bajaus. In *THE INTERNATIONAL* (Vol. 9, No. 10, p. 71).

Halina Sendera Mohd. Yakin, Andreas Totu, Rosmah Derak. 2016. Simbol Binatang Ternakan dan Konsep Artifak sebagai Manifestasi Identiti Budaya dan Identifikasi Etnik Peribumi Sabah: Satu Kajian dari Perspektif Komunikasi. *MANU Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB).*

Irene Benggon-Charuruks, Janette Padasian. 1992. *Cultures, customs, and traditions of Sabah, Malaysia: an introduction*. Kota Kinabalu: Sabah Tourism Promotion Corporation.

Joseph Gonzales, Imran Syafiq Mohd. Affand. 2021. *Forging Traditional Dance in Malaysia*.

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Muammar Ghaddafi Hanafiah. 2015. Akta Warisan Kebangsaan 2005 (Akta 645): Penilaian Dari Aspek Perundangan dan Penguatkuasa. *Jurnal Melayu*, 14(2), 202-223.

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2018. Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan dan Agensi Pelaksana di Malaysia. *Jurnal Melayu*, 17(2), 143-159.

Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2012. *Bajau Pantai Barat*. Kota Kinabalu: ITBM & Penerbit UMS.

Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2019.Pelestarian dan Pemerkasaan Budaya Tempatan Borneo. Dalam. Rosliah Kiting, Minah Sintian (eds.). *Kesusasteraan dan Kebudayaan Borneo*. Tanjong Malim, UPSI: Penerbit Universiti Sultan Idris.

Singh, R. (2000). *The Making of Sabah, 1865-1941: The Dynamics of Indigenous Society*. University of Malaya Press.

Sopher, D. E. (1965). *The Sea Nomads: A Study Based on the Literature of the Maritime Boat People of Southeast Asia*. National Museum.

Sri Ningsih Sukirman. 2020. Asal Usul Tarian Tradisional Pelbagai Budaya di Luar dan Di Sabah: The Various Traditional Origins of Cultural Dance Outside and In Sabah. *Jurnal Gendang Alam (GA).*

Syamsul Azizul Marinsah, & Mohd Anuar Ramli. 2017. Amalan Tradisi Magombo' Dalam Masyarakat Bajau Di Semporna Sabah: Analisis Dari Perspektif Sosiobudaya Dan Perspektif Hukum Islam. *Borneo Research Journal*, 11, 72-86.

Yunci CaiYunci Cai, Sarah Thornton, Roslynn Ang, Liana Chua, Susan Page, Caroline Upton. 2022. Peranan Pengetahuan Masyarakat Tempatan Dalam Pemuliharaan Alam Sekitar Dan Warisan. University of Leicester. *Report.* https://doi.org/10.25392/leicester.data.19448402.v1

Zuliskandar Ramli, Mazlin Mokhtar, Muhammad Rizal Razman, and Sharifah Zarina Syed Zakaria. 2015. Pelancongan berasaskan warisan di Malaysia: potensi dan cabaran. In *Prosiding Seminar Antarabangsa Ke8: Ekologi, Habitat Manusia dan Perubahan Persekitaran, Langkawi, Kedah*.

Internet

Cultural Survival. 9 September 2019. *Loss of Traditional Knowledge Is Due to Lack of Documentation*. Diambil daripada https://www.culturalsurvival.org/publications/cultural-survival-quarterly/loss-traditional-knowledge-due-lack-documentation. Diakses pada 20 November 2022.

eBorneo DBP. 2014. *Sabah.* Diambil daripada http://eborneo.dbp.gov.my/sabah.html. Diakses pada 20 November 2022.

Jabatan Kebudayaan & Kesenian Negara. 2022. *Pemetaan Budaya*. Diambil daripada https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/culture/dis/341. Diakses pada 21 November 2022.

Jabatan Warisan Negara. 2021. *Tarian.* Diambil daripada https://www.heritage.gov.my/tarian.html. Diakses pada 21 November 2022.

ETawau. 2014. *Tawau Cultural Carnival.* Diambil daripada https://www.etawau.com/People/TawauCulturalCarnival.htm. Diakses pada 20 November 2022.

The Star. 2022. *Can you name some of Malaysia's most popular traditional dances?* Diambil daripada, https://www.thestar.com.my/lifestyle/travel/2022/07/23/can-you-name-some-of-malaysia039s-most-popular-traditional-dances. Diakses pada 21 November 2022.

Utusan Borneo Online. 2019. *Tugu Budaya Identiti Bangsa*. https://www.utusanborneo.com.my/2019/07/21/tugu-budaya-identiti-bangsa. Diakses pada 23 November 2022.

Akhbar

Normah Bitong. (1997, December 5). Adat Upacara Perkahwinan Masyarakat Bajau. *Harian Metro*.

Samrah Awang Damit. (1995, March 15). Keunikan Perkahwinan Bajau Kota Belud. *Utusan Borneo*.

Tesis

Rahmah Abdul Ghani. 2018. Mantera dan amalan kecantikan wanita Bajau: Kajian kes Bajau Kota Belud. (*Doctoral dissertation*), University of Malaya.

Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2023, Vol.8 (1), hlm. 137-154
e-ISSN: 2600-8726© Mohd Juhar Harun *et. al.,*
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

PENELITIAN KAJIAN LEPAS: SEJARAH ETNIK LUNDAYEH DI SABAH

Past Research: The History of The Lundayeh Ethnic Group in Sabah

Mohd Juhar Harun[1]
Jane Wong Kon Ling[2]
Kavitha Ganesan[3]

[1]Calon PhD, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah,
[2]Prof, Madya, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah,
[3]Pensyarah kanan, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah,
[1] Mdjuhar_ums@yahoo.com,
[2]jane@ums.edu.my,
[3]kavitha@ums.edu.my,
Dihantar:24 Mac 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023

Abstrak

Penulisan ini membincangkan tentang penelitian kajian para sarjana lepas yang memfokuskan kepada sejarah etnik minoriti Lundayeh di Sabah. Berpandukan kaedah sejarah, penulisan ini cuba meneliti sejarah masyarakat Lundayeh di Sabah. Etnik Lundayeh memiliki taburan populasi di empat wilayah sekitar kepulauan Borneo iaitu di Kalimantan, Indonesia, Brunei, Sabah dan Sarawak. Di setiap wilayah tersebut, etnik ini memiliki label nama yang berbeza seperti Dayak Lundayeh di Kalimantan, Indonesia, Murut (Lun Bawang) di Brunei, Lun Bawang di Sarawak dan Lundayeh di Sabah. Namun, dalam makalah ini hanya lebih tertumpu kepada masyarakat Lundayeh dalam konteks negeri Sabah sahaja. Meskipun pada hakikatnya, kajian ilmiah yang memfokuskan kepada etnik minoriti Lundayeh di di negeri ini masih kurang dilakukan. Justeru, makalah ini cuba meneliti kajian-kajian oleh para sarjana lepas tentang sejarah etnik Lundayeh di Sabah. Penelitian kajian-kajian daripada sarjana lepas mengenai

sejarah masyarakat Lundayeh amat penting bagi memberikan kefahaman tentang kewujudan etnik minoriti ini yang akhirnya menjadi salah satu entiti dalam masyarakat majmuk di negeri Sabah.

Kata Kunci: Sejarah, Etnik, Lundayeh, Sabah

Abstract

This writing discusses the research of past scholars who focus on the history of the Lundayeh ethnic minority in Sabah. Guided by the historical method, this writing tries to examine the history of the Lundayeh community in Sabah. The Lundayeh ethnic group has a population distribution in four regions around the Borneo archipelago, namely in Kalimantan, Indonesia, Brunei, Sabah, and Sarawak. In each region, this ethnic group has different name labels such as Dayak Lundayeh in Kalimantan, Indonesia, Murut (Lun Bawang) in Brunei, Lun Bawang in Sarawak, and Lundayeh in Sabah. However, this paper only focuses on the Lundayeh community in the context of the state of Sabah. Although, scientific research focusing on the Lundayeh ethnic minority in this state is still lacking. Therefore, this paper tries to examine the studies by previous scholars about the history of Lundayeh ethnicity in Sabah. Research studies from past scholars on the history of the Lundayeh community are very important to provide an understanding of the existence of this ethnic minority which eventually became one of the entities in the pluralistic society in the state of Sabah.

Keywords: *History, Ethnicity, Lundayeh, Sabah*

Pengenalan

Etnik Lundayeh merupakan nama salah satu suku kamu minoriti di Sabah. Suku ini turut boleh dijumpai di sekitar kepulauan Borneo lainnya seperti di Kalimantan, Indonesia yang dikenali

sebagai Dayak, Lun Bawang di Sarawak dan Brunei. Menurut kajian yang telah dilakukan Bala et. al. (2007), telah didapati bahawa sebelum pembahagian wilayah terbentuk antara kuasa penjajah British dan Belanda yang menduduki kepulauan Borneo, kaum Lundayeh memang mendiami kawasan tanah tanpa sempadan. Kesan daripada penjajahan kuasa kolonial di kepulauan Borneo telah membawa kepada pembahagian kawasan di bawah wilayah politik Malaysia, Brunei dan Indonesia. Perpecahan ini mempengaruhi kepada identiti pengenalan nama etnik Lundayeh ini di kepulauan Borneo. Di Sabah suku ini dikenali sebagai Lundayeh, di Sarawak sebagai Lun Bawang, di Brunei sebagai Murut (Lun Bawang) dan di Kalimantan, Indonesia, sebagai Dayak Lundayeh. Meskipun memiliki setiap nama yang berbeza mengikut wilayah di kepulauan Borneo ini namun masih tetap memiliki bahasa, adat dan budaya yang sama.

Bukan itu sahaja, Bala et. al. (2011) dalam satu kajian yang bertajuk 'Sejarah Masyarakat Lundayeh: Kajian Mengenai Asal-usul, Migrasi dan Petempatan di Daerah Sipitang, 1945-2000' telah menegaskan bahawa etnik Lundayeh merupakan salah satu etnik minoriti yang amat kurang dikenali dalam dunia akademik dan arus semasa disebabkan etnik ini diklasifikasikan sebagai satu entiti bawah etnik 'Murut'. Negeri Sabah mempunyai keunikan daripada aspek kepelbagaian kumpulan masyarakat penduduk asal yang dilabelkan sebagai etnik 'peribumi', 'bumiputra' atau 'anak negeri' yang agak mengelirukan dari segi identiti etnik, budaya dan kepercayaan. Situasi ini telah merumitkan usaha ke arah menentukan klasifikasi etnik yang tepat bagi setiap kumpulan etnik di negeri ini. Usaha menggabungkan beberapa kumpulan etnik di bawah satu klasifikasi etnik adalah langkah wajar untuk kepentingan politik, yakni mewujudkan hubungan dan perpaduan dalam masyarakat Sabah. Walau bagaimanapun, secara realitinya berlaku kecenderungan setiap kumpulan etnik berkeinginan untuk menegaskan pendirian masing-masing bahawa mereka memiliki klasifikasi identiti yang tersendiri. Buktinya, Lundayeh merupakan salah satu contoh etnik yang memiliki isu klasifikasi etnik di Sabah.

Lundayeh

Istilah Lundayeh merupakan terma digunakan sejak berkurun lama untuk etnik ini meskipun telah mengalami beberapa kali proses perubahan sebutan dan ejaan. Antaranya ialah seperti Lun Dayeh, Lun Dayah, Lun Daye, Lun Daya, Lun Dayoh, Lun Nan Ba', Lun Lod Murut, Lun Daya, Lun Bawang dan Dayak. Hal ini seperti yang telah dinyatakan oleh Robert (2008), etnik Lundayeh kurang dikenali disebabkan ramai pihak beranggapan bahawa suku kaum ini disamakan dengan etnik Murut. Menurut Prentice, D.J (1965), istilah Murut banyak menimbulkan kekeliruan disebabkan wujud pendapat yang menyatakan bahawa di kepulauan Borneo terdapat dua kumpulan etnik Murut. Kumpulan pertama ialah mereka yang tinggal di Sarawak iaitu merujuk kepada Murut Sarawak (dikenali sebagai Lun Bawang dan Lundayeh di Sabah). Manakala kumpulan kedua pula digelar sebagai Murut Sabah dan dikenali sebagai Tagal di Sarawak. Menurut Bala (1993), beliau menyatakan bahawa istilah untuk memberikan nama etnik Lun Bawang pada asalnya muncul disebabkan berlaku satu pertikaian klasifikasi Murut yang digunakan di Sabah dan Sarawak. Dalam konteks negeri Sabah, istilah tersebut merujuk kepada suku kaum seperti Sumambuq, Alumbis, Nabai, Baukon, Timogun, Paluan, dan Tagal atau Idahan Murut manakala di Sarawak, ia merujuk kepada Lun Bawang atau Tagal. Hal ini seperti yang dinyatakan oleh Langub dalam Ipoi Datan (1989:143): -

> "*Murut is used by outsiders as an ethnic term of reference for the people who consider themselves as Lun Bawang. However, the Lun Bawang use several other labels such as Lun Dayeh, Lun Lod, Lun Ba, Lun Tana Luun and Lun Bawang as terms of self-reference.*"

Dalam pernyataan tersebut didapati bahawa terdapat dua persamaan kod rujukan etnik ini berdasarkan kajian Ipoi Datan dan Crain (1974) iaitu etnik yang disebut sebagai 'Lun Bawang' dan 'Lun Dayeh'. Bukan itu sahaja, dalam satu penulisan Crain yang memetik kajian Prentice D.J. dalam Ipoi Datan (1989:143)

berhubung dengan identifikasi etnik ini di Sabah telah menyebut bahawa: -

> "*Murut is used by outsiders as an ethnic term of reference for the people who consider themselves as Lun Bawang. However, the Lun Bawang use several other labels such as Lun Dayeh, Lun Lod, Lun Ba, Lun Tana Luun and Lun Bawang as terms of self-reference.*"

Pernyataan tersebut turut dibincangkan dalam satu penulisan yang dilakukan oleh St. John (1862), beliau memberikan penjelasan terperinci tentang penggunaan istilah 'Murut' yang disamakan dengan etnik Lundayeh di Sabah. Menurut beliau, pada asalnya istilah 'Murut' merujuk kepada sebuah gunung yang dikenali sebagai 'Gunung Murud'. Gunung Murud merupakan salah satu gunung yang tertinggi di negeri Sarawak dengan memiliki ketinggian 2,438-meter daripada paras laut. Penduduk asal yang menetap di kawasan gunung tersebut terdiri daripada masyarakat di Sarawak yang pada hari ini dikenali sebagai etnik Lun Bawang, Tabun dan Kelabit. Penduduk yang tinggal di kawasan Gunung Murud dan di sepanjang Sungai Limbang (sungai yang mengalir berpunca dari puncak gunung Murud) mempunyai hubungan pertalian ekonomi melalui aktiviti perdagangan dengan masyarakat di Brunei khususnya suku kaum Brunei dan Kedayan semenjak ratusan tahun dahulu.

Bukan itu sahaja, St. John (1862) turut menyatakan bahawa orang hulu atau masyarakat etnik yang tinggal di kawasan Gunung Murud pada ketika itu merupakan penduduk dari kawasan pedalaman dan tinggal di bahagian hulu akan membawa hasil hutan seperti rotan, damar, tanduk dan hempedu binatang ke Brunei untuk diperdagangkan atau melakukan sistem barter dengan penduduk di wilayah itu. Sistem barter yang dilakukan antara orang hulu dengan penduduk di Brunei adalah untuk mendapatkan barangan keperluan bagi aktiviti perladangan dan pemburuan. Antara alat tersebut ialah seperti kain, garam, besi untuk membuat parang, kapak, pisau dan bujak serta lain-lain lagi. Dalam proses aktiviti perdagangan itu berlaku, apabila

masyarakat etnik dari kawasan Gunung Murud ini tiba di Brunei, penduduk di Brunei akan bertanya tentang asal tempat tinggal atau kampung mereka. Jawapan yang akan diberikan oleh masyarakat yang datang dari kawasan Gunung Murud ini lebih cenderung untuk menjawab "asal dari hulu" dengan beranggapan sekiranya mereka menjawab dengan lebih terperinci sekalipun masyarakat di Brunei pasti tidak tahu tempat yang dimaksudkan. Namun begitu, masyarakat di Brunei hanya mengetahui dan pernah mendengar kawasan Gunung Murud.

Oleh disebabkan itu, apabila orang-orang hulu berdagang ke Brunei mereka akan selalu membawa identiti mereka sebagai pedagang yang datang daripada hulu dan berasal daripada Gunung Murud. Berpunca daripada itu masyarakat Brunei mengenali masyarakat etnik dari hulu Limbang, Sarawak ini sebagai 'Orang Murud'. Namun, dalam kalangan suku Kedayan dan Brunei mereka menyebut istilah 'Murud' tersebut dengan gelaran 'Murut'. Sementara itu, sekiranya terdapat orang-orang Eropah yang datang ke Borneo khususnya di Brunei dan bertanyakan tentang suku yang tinggal di kawasan pedalaman kepada masyarakat Brunei, maka mereka akan menjawab kelompok tersebut dikenali sebagai 'orang Murut'. Semenjak daripada itu, semua penduduk asli yang tinggal di kawasan pedalaman daerah Baram (Kelabit), daerah Lawas (Lun Bawang), daerah Sipitang (Lundayeh dan Tahol), daerah Tenom, Keningau, Nabawan, Sapulut dan Pensiangan di Selatan Sabah pun turut dianggap sebagai suku Murut oleh penjajah British. Bukan itu sahaja, hal ini disebabkan oleh seluruh masyarakat etnik yang dinyatakan tersebut tinggal di rumah Panjang, menjalankan aktiviti menanam padi di bukit, memiliki budaya hidup, rupa dan bentuk fizikal yang lebih kurang sama walaupun bertutur dalam bahasa yang berbeza.

Dalam satu penelitian yang lain, berdasarkan satu jurnal hasil nukilan Ganesan dan Shaffarullah Abdul Rahman (2022) dalam Michael Bryson (2022) percaya bahawa terdapat sebab lain yang membawa kepada konflik ini. Implikasi yang ditimbulkan oleh istilah "Murut" disebabkan ia berakar umbi dalam stereotaip

yang diwujudkan oleh kolonial. Seawal tahun 1913, seorang pegawai British yang dikenali sebagai Herald telah menggunakan istilah Murut Sarawak bagi merujuk kepada individu atau sekumpulan manusia yang selalu mabuk, kotor, dan malas. Beliau mendakwa bahawa masyarakat Murut ini dikaitkan dengan selalu mabuk, cara hidup yang tidak bersih, memiliki tabiat kotor dan adat resam yang menjijikkan.

Namun begitu, menurut Ganang (1971), pada tahun 1970, masyarakat suku Murut (Lun Bawang) di Sarawak telah berpendapat bahawa mereka tidak sesuai lagi untuk digelar sebagai suku Murut. Hal ini disebabkan pada hakikatnya etnik Murut (Sabah) dan etnik Murut (Lun Bawang) memiliki unsur linguistik yang sangat berbeza. Oleh yang demikian, wakil pihak etnik Murut (Lun Bawang) telah mengadakan satu mesyuarat yang diketuai oleh Racha Umung, merupakan individu berketurunan suku Tabun. Dalam mesyuarat tersebut semua pihak yang hadir telah bersetuju agar istilah Lun Bawang diterima sebagai identiti rasmi bagi suku mereka tanpa perbincangan dan persetujuan daripada wakil penduduk etnik Lundayeh dari pedalaman daerah Lawas (Sarawak), Sabah, Kalimantan (Indonesia) serta etnik Murut dari Brunei. Bukan itu sahaja, dalam penulisan yang ditulis oleh Bala dan Wong (2010:29) dalam Ismail dan Baszley (2010) telah menyatakan bahawa penggunaan istilah 'Murut' tidak digunakan sebagai rujukan oleh masyarakat etnik Lundayeh sama ada yang terdapat di Sabah, Sarawak, Brunei mahupun Kalimantan, Indonesia. Di Sabah, pada masa kini, istilah etnik Lundayeh telah diterima sebagai salah satu label etnik yang berdiri sendiri dan tidak lagi menjadi sub etnik di bawah etnik Murut.

Tambahan lagi, menurut Bala dan Wong (2010), penggunaan label 'Lun Dayeh' digunakan secara rasmi oleh Kerajaan Kalimantan, Indonesia. Hal ini disebabkan Kerajaan Kalimantan menggunakan istilah ‘Lun Dayeh’ adalah untuk merujuk kepada kumpulan etnik yang tinggal di kawasan pedalaman di Wilayah Kalimantan Timur, Indonesia. Disamping itu juga, dalam penulisan yang dilakukan oleh Bala dan Wong

seluruh penduduk yang mendiami kawasan pedalaman dan kawasan tanah tinggi atau pergunungan. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Sarawak secara rasminya menjadikan penggunaan istilah 'orang ulu' untuk merujuk semua kumpulan etnik minoriti yang mendiami kawasan pedalaman di Sarawak. Bukan itu sahaja, penutur asli etnik Lundayeh mempunyai istilah yang khusus iaitu 'lun tana luun' membawa maksud bermaksud 'orang tanah atas' atau merujuk kepada penduduk yang tinggal di kawasan tanah tinggi yang mengamalkan pertanian huma. Sementara itu, penduduk di kawasan tanah pamah dengan orientasi pertanian sawah pula dinamakan sebagai 'lun ba' yang membawa maksud 'orang tanah basah' ataupun masyarakat yang tinggal di kawasan tanah rendah. Di samping itu juga, terdapat dua istilah yang lain iaitu 'lun bawang' dan 'lun nepura'. Kedua-dua istilah ini digunakan untuk membezakan pembahagian haj dan pemilikan harta ke atas sebuah petempatan. Istilah 'lun bawang' merujuk kepada 'orang tempatan' ataupun 'orang asal' manakala istilah 'lun nepura' membawa maksud 'orang migran' atau pun 'pendatang'. Hal ini bertujuan untuk membezakan penduduk asal sebuah kampung dengan orang luar yang telah berhijrah ke dalam kampung yang sama.

Dalam kajian yang lain, iaitu daripada G.C Wooley (1922) telah menyatakan bahawa istilah 'Lundayeh' bukan wujud daripada penutur asli etnik ini sendiri namun diberikan oleh penduduk yang tinggal di kawasan persisiran pantai Sabah atau Sarawak dengan merujuk kelompok manusia yang mendiami kawasan tinggi, hulu dan pedalaman. Misalnya istilah 'Lun Bawang' merujuk kepada kelompok manusia yang mendiami kawasan di hulu sungai termasuk dan istilah 'Lun Dayeh' pula merujuk kelompok manusia yang tinggal di kawasan pergunungan atau kawasan tinggi. Manakala, istilah 'Lun Lod' pula merujuk kepada kelompok manusia yang menetap di kawasan rendah yang berhampiran dengan persisiran laut. Pernyataan ini turut disokong oleh Crain (1974; 1978) dengan menyatakan bahawa label Lun Dayeh' lebih merujuk kepada orang yang tinggal di kawasan hulu Sungai Padas dengan Mengalong di Sabah.

Pada asalnya, istilah 'Dayeh dan 'Lod' adalah merujuk kepada sebatang sungai. Terma 'Dayeh' membawa maksud hulu sungai manakala 'Lod' pula membawa maksud bermaksud hilir sungai. Oleh yang demikian, apabila istilah 'Lun' yang membawa makna 'orang' digunakan untuk merujuk kelompok manusia yang tinggal di kawasan hulu sungai atau kawasan pergunungan iaitu 'Dayeh' maka terbentuk istilah "Lun Dayeh" yang terbentuk dalam dua suku kata yang dieja secara terpisah. Oleh yang demikian, perkataan 'Lun Dayeh' yang dieja secara berasingan ini merupakan istilah yang diberikan oleh masyarakat luar daripada konteks etnik ini untuk merujuk kepada kelompok manusia yang tinggal di kawasan tanah tinggi dan hulu pedalaman. Manakala, istilah 'Lundayeh' yang dieja secara rapat dan satu perkataan ini merujuk kepada identiti etnik yang diklasifikasikan secara rasmi sebagai etnik peribumi di Sabah. Pada tahun 1970-an, penggunaan istilah 'Lundayeh' telah sebati dan diterima oleh masyarakat sebagai salah satu nama etnik Bumiputra Anak Negeri yang terdapat di Sabah. Nama yang pada asalnya dieja dalam dua perkataan 'Lun Dayeh' akhirnya telah diubah menjadi satu perkataan sahaja iaitu 'Lundayeh' dan telah diguna pakai sehingga kini. Hal ini dapat dibuktikan melalui penulisan artikel Lundayeh Luk Nekukab Mateh, Ganang (1971), bahawa menurut beliau pada akhir tahun 1970-an nama Lundayeh telah menjadi nama yang sebati dan telah diterima oleh masyarakat umum sebagai salah satu nama suku kaum peribumi di Sabah.

Migrasi dan Petempatan Awal Etnik Lundayeh di Sabah

Terdapat satu hasil penelitian yang telah dilakukan oleh Crain (1978) yang menyatakan bahawa berdasarkan Department of Statistics, Malaysian Population Report, (1980), etnik Lun Dayeh atau Lun Bawang telah berada di Kepulauan Borneo dengan populasi sekitar 25,000 orang di Kalimantan, 10,000 orang di Sarawak, 2,000 orang di Sabah dan sekitar dalam 300 lebih orang di Brunei. Terdapat beberapa lokasi yang menjadi penempatan di sekitar Borneo bagi etnik Lundayeh ini. Hal ini seperti yang telah direkodkan oleh Balang (1949), Harrisson (1959) dan Le Bar

(1972), berdasarkan catatan mereka etnik Lundayeh ini boleh ditemui di Bahau, Mentarang, Kemaloh, Paya dan Sungai Sesayap untuk di sekitar Kalimantan Timur. Di Sabah, etnik Lundayeh tertumpu tinggal di sekitar Ulu Padas dan Mengalong manakala Di Brunei boleh ditemui di Kawasan Temburong dan Pandaruan. Di Sarawak pula, majoriti etnik ini tinggal di sekitar Limbang. Kedudukan kawasan petempatan masyarakat etnik Lundayeh di sekitar kepulauan Borneo boleh dilihat melalui Peta 1.

Peta 1: Kawasan Petempatan Masyarakat Etnik Lundayeh Kepulauan Borneo

Sumber: Adaptasi daripada *The Royale Geographic Society* (1959) dalam Ganang et. al. (2018).

Terdapat beberapa andaian asal usul kumpulan etnik ini berasal dari dataran tinggi Kelabit-Kerayan di pertengahan Borneo khususnya sekitar kawasan utara sempadan Sarawak-Kalimantan. Pada masa kini, kawasan utama taburan penempatan dan populasi etnik Lundayeh berada di Kalimantan Timur yang merujuk di Kawasan tenggara sehingga ke pesisir Bahau (timur Dataran Tinggi Mentarang, di barat-daya Sungai Kemaloh, Sungai Raya dan Sungai Sesayap). Bukan itu sahaja, di Sarawak pula, ia merujuk di kawasan hulu Sungai Baram, pertengahan Daerah Limbang, seluruh lembah Sungai Trusan dan Sungai Lawas Damit dalam Daerah Lawas. Di sekitar Brunei, terdapat populasi kecil etnik Lundayeh yang tinggal di tebing Sungai Temburong dan

Sungai Padaruan. Manakala di Sabah pula, penempatan utama etnik Lundayeh tertumpu di kawasan hulu Sungai Padas, lembah Sungai Mengalong dan sekitar pinggir kawasan antara pekan Sindumin dan pekan Sipitang. Kini, majoriti etnik Lundayeh menetap di daerah Sipitang, Tenom, Keningau dan Beaufort, dan sebahagian kecil berselerak di daerah-daerah lain seluruh sabah. Bilangan penduduk etnik ini dianggarkan seramai 9,000 hingga 10,000 orang dan majoriti daripada mereka menetap di kawasan pedalaman Negeri Sabah iaitu di Daerah Sipitang.

Menurut Deegan (1973) merupakan seorang sarjana Amerika Syarikat yang memfokuskan dalam bidang Antropologi menyatakan bahawa etnik Lun Bawang telah menetap pada seawal tahun 1800 di sekitar Kawasan Lawas Damit di Sarawak. Tambahan lagi, menurut Deegan, masyarakat etnik Lundayeh yang telah menetap di sekitar perbatasan selatan negeri Sabah merupakan golongan terawal yang berasal daripada masyarakat etnik Lun Bawang yang terkemudian dan dianggarkan lebih kurang 200 tahun yang lalu. Bukan itu sahaja, terdapat juga beberapa pendapat para sarjana yang lain yang membincangkan pola migrasi dan taburan etnik Lundayeh di sekitar Borneo. Antaranya ialah seperti Tom Harrisson (1959) telah menyatakan pandangan beliau bahawa etnik Lundayeh telah menghuni beberapa kawasan perbatasan Borneo atau dikenali sebagai Northern Central Borneo seawal zaman penyebaran agama Kristian lagi. Hal ini dibuktikan dengan pertemuan tiga garis persempadanan politik antara Kalimantan Timur di utara, Sabah di selatan dan Sarawak di timur-laut.

Selain itu juga, Spencer St. John (1863) turut menegaskan bahawa etnik Lundayeh merupakan penghuni terawal yang tinggal di kawasan Lembah Sungai Trusan yang turut dikenali sebagai Murut Trusan dan lembah hulu Sungai Limbang atau Murut Limbang. Tambahan lagi, menurut Crain (1970), beliau berpendapat bahawa etnik Lundayeh merupakan kelompok manusia yang menghuni di kawasan hulu Sungai Sesayap di kawasan Kalimantan Timur. Setelah itu, golongan ini mula bermigrasi selepas Perang Dunia Kedua ke kawasan selatan Sabah

khususnya di daerah Sipitang. Manakala, dalam perbincangan mengenai sejarah migrasi etnik Lundayeh, Bala et. al. (2007: 215) dan Simon et. al. (2017b) telah berpendapat bahawa etnik Lundayeh telah melakukan penghijrahan ke Sabah dari arah Kalimantan Timur. Menurut mereka, proses migrasi ini telah berlaku bermula seawal tahun 1950-an dengan dua kelompok yang berbeza. Kelompok pertama ialah mereka yang tiba dan menetap kekal di kawasan Ranau iaitu Sungai Mengalong. Manakala, kelompok yang kedua ialah mereka yang berada di kawasan Long Pasia dan Long Mio yang terletak di hulu Sungai Padas yang terletak di daerah Sipitang, Sabah.

Hujah ini turut dipanjangkan lagi oleh Padoch (1981) yang telah menyifatkan bahawa proses migrasi etnik Lundayeh ini turut berlaku di sekitar bahagian pedalaman Kalimantan Timur iaitu seperti di kawasan Paya, Sesayap, Kemaloh dan Kerayan. Namun, setelah wujud persempadanan antara Malaysia, Brunei dan Kalimantan, etnik Lundayeh tidak lagi bebas untuk melakukan pergerakan berpindah dari satu tempat ke satu tempat yang lainnya seperti sebelumnya. Etnik Lundayeh yang telah berada dan menetap di dalam wilayah negeri Sabah dan Sarawak secara automatiknya menjadi warganegara Malaysia. Begitu juga bagi mereka yang berada di wilayah Kalimantan (Indonesia) dan Brunei, masing-masing akan menjadi warganegara negara tersebut. Oleh yang demikian, dalam konteks negeri Sabah, Ulu Padas dianggap sebagai penempatan awal yang merujuk kepada asal-usul etnik Lundayeh. Pada era lampau, etnik ini membina rumah Panjang berdekatan dengan sungai di dalam hutan. Antaranya ialah hulu Sungai Matang dan anak-anak sungai yang mengalir di sekitarnya.

Sehubungan dengan itu, masyarakat Lundayeh juga mempunyai persepsi imigrasi berasaskan cerita legenda nenek moyang mereka. Mereka percaya bahawa asal usul nenek moyang dan proses migrasi etnik ini dapat dirujuk berasaskan sebuah cerita legenda Upai Samaring yang dipercayai merupakan seorang manusia yang gagah perkasa dan memiliki kuasa sakti (Topp, 2006). Beliau menjadi tokoh yang sangat dihormati dan dikenang

sehingga kini dalam kalangan masyarakat Lundayeh. Hal ini disebabkan pelbagai cerita tentang keberanian dan kekuatan beliau yang menyebabkan sehingga kini kisahnya dijulang sebagai seorang perwira etnik ini.

Dalam satu penulisan Topp (2006) yang bertajuk 'The Lundayeh of Long Pasia and Long Mio: Their History and Legends' telah menceritakan kisah legenda Upai Semaring ini. Menurut kisah yang dinukilkan, Upai Semaring tinggal bersama isteri dan anak perempuannya di kawasan yang berdekatan dengan air terjun yang dikenali sebagai air terjun Krayan. Air terjun ini terletak di bahagian utara wilayah Kalimantan Timur Indonesia. Kisah proses migrasi berlaku apabila pada suatu hari isteri beliau telah meninggal dunia akibat sakit. Rentetan daripada itu, Upai Semaring yang berasa amat sedih atas kehilangan isterinya telah membuat keputusan meninggalkan kampung halamannya. Beliau memulakan perjalanan dan pengembaraan yang akhirnya membawa dia ke arah selatan yakni kawasan Sungai Matang iaitu merupakan kawasan di Long Pasia. Ketika beliau berada di Sungai Matang, Upai Semaring menghentikan perjalanan seketika dan pada masa yang sama sempat mengukir ukiran di atas batu menggunakan jari telunjuknya. Masyarakat setempat menggelar ukiran di atas batu tersebut dengan terma 'batu narit'. Ukiran batu seperti ini yang diukir oleh Upai Semaring turut dijumpai di beberapa lokasi berhampiran seperti kawasan Punang Trusan yang berada di sempadan antara negeri Sarawak dan Sabah.

Selain itu juga, kisah legenda Upai Samaring turut dikaitkan dengan kisah seorang manusia sakti bernama Rang Dungo yang telah menemui sebiji telur besar di sebuah puncak gunung. Dipercayai bahawa telur tersebut telah menetas dan mewujudkan sosok seorang wanita yang sangat cantik yang diberikan nama Terur Acho oleh Rang Dungo. Rang Dungo telah menjadikan Terur Acho sebagai isterinya. Pasangan ini telah melahirkan keturunan yang akhirnya dipercayai membentuk kumpulan masyarakat Lundayeh yang mendiami lembah Sungai Sesayap di kawasan Kalimantan Timur. Bukan itu sahaja, dipercayai petempatan awal masyarakat Lundayeh dipercayai bermula di Lembah Pa' Rayah

atau Sungai Raya merujuk kepada sebatang anak sungai yang mengalir melintasi Dataran Bruan di Long Nuat menuju ke Sungai Sesayap (Topp, 2006).

Tambahan lagi, dalam perbincangan tentang sejarah penghijrahan etnik Lundayeh, telah dipercayai bahawa penghijrahan etnik Lundayeh ke Sabah adalah bermula dari arah Kalimantan Timur. Bukan itu sahaja, terdapat pandangan sarjana yang mendakwa penghijrahan etnik ini berlaku di pelbagai tempat di negeri Sabah bermula pada tahun 1950-an, iaitu dengan dua kumpulan. Kumpulan pertama tiba di bahagian hulu dan bahagian tengah Sungai Mengalong di kawasan Ranau manakala Kumpulan kedua pula yang menuju ke arah hulu Sungai Padas di Daerah Sipitang merujuk kepada kawasan Long Pasia dan Long Mio (Simeonet et. al., 2017, Bala et. al., 2007). Pandangan sarjana lain pula berpendapat bahawa penghijrahan etnik Lundayeh turut berlaku di bahagian pedalaman Kalimantan Timur iaitu ke kawasan Kemaloh, Paya, Sesayap dan Kerayan (Padoch, 1981). Namun menurut Bala et. al. (2007), setelah proses persempadanan antara Malaysia, Brunei dan Kalimantan, Indonesia telah berjaya dilakukan, komuniti etnik Lundayeh tidak lagi bergerak bebas untuk berhijrah seperti sebelum ini. Mereka akan menjadi warganegara bagi setiap kawasan daripada empat wilayah yang mereka menetap. Hal ini membuktikan meskipun masyarakat etnik ini memiliki taburan kependudukan di empat wilayah ini, tetapi mereka masih berkongsi bahasa, budaya, adat, cara hidup yang sama. Malah mereka masih memiliki ahli keluarga daripada kawasan yang berbeza di setiap wilayah yang dimaksudkan.

Kesimpulan

Sejarah etnik Lundayeh di negeri ini merupakan salah satu elemen asas yang sangat penting bagi meneliti corak atau cara pendekatan yang digunakan untuk komuniti di Sabah. Usaha dalam melakukan penyelidikan dan penulisan daripada sarjana terdahulu yang memfokuskan kepada etnik Lundayeh

memberikan sumbangan yang besar kepada pengkaji-pengkaji akan datang sebagai rujukan asas dalam melakukan penyelidikan tentang masyarakat minoriti ini. Meskipun pada hakikatnya sehingga hari ini penulisan atau kajian penuh yang dilakukan secara menyeluruh untuk masyarakat Lundayeh ini masih kurang dilakukan namun ia bukan menjadi satu penghalang untuk membuat penelitian secara rapi tentang sejarah etnik Lundayeh di negeri Sabah. Kajian-kajian yang memfokuskan kepada etnik minoriti Lundayeh khususnya dan etnik-etnik tempatan lain di Sabah amnya perlu diberikan perhatian dan keutamaan secukupnya. Hal ini disebabkan walaupun jumlah populasi masyarakat minoriti ini agak kecil berbanding kaum-kaum yang lain di negeri ini, namun tidak dapat dinafikan mereka merupakan salah satu entiti yang memainkan peranan yang sangat besar dan penting dalam lipatan sejarah pembentukan masyarakat majmuk di nereri Sabah sehingga hari ini.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

Bala, B., Baszley Bee, Nordin Sakke, Paul Porodong, Jane Wong Kon Ling, Lokman Adbul Samad, Saat Awang Damit dan Azizan Morsidi. 2009. *Sejarah Masyarakat Lundayeh: Kajian Mengenai Asal Usul, Migrasi dan Petempatan Di Daerah Sipitang, 1945-2000*.

Bala, B., dan Jane Wong Kon Ling. 2007. Perubahan Sosiobudaya Masyarakat Lundayeh. Dalam Saidatul Nornis et. al. *Pluraliti Etnik dan Budaya di Sabah.* Kota Kinabalu: Penerbit UMS.

Bolang, A. dan Harrisson, T., 1949. Murut and Related Vocabularies, With Special Reference to North Borneo Terminology. *Sarawak Museum Journal*. Vol. 5.

Crain, J.B, dan Vicki Person-Rounds. 2011. Place, Person and Power: Lundayeh/Lun Bawang Pre-and Post-Christian Narratives. *Sarawak Muzium Jurnal*, 8(90), 1-22.

Crain, J.B. 1970. The Lun Dayeh of Sabah, East Malaysia: Aspects of Marriage and Social Exchange. (Tesis Ph.D.), Faculty of the Graduate School, Cornell University.

Crain, J.B. 1970. The Mengalong Lun Dayeh Longhouse. *Sarawak Museum Journal.* Vol. 18 (36-37): 169-185.

Crain, J.B. 1970a. The Domestic Family and Long-House Among the Mengalong Lun Dayeh. *Sarawak Museum Journal*, 18:186–92.

Crain, J.B. 1972. Murut Depopulation and the Sipitang Lun Dayeh. *JMBRAS,* 45(2), 110-121.

Crain, J.B. 1973. Mengalong Lun Dayeh Agricultural Organization. *Brunei Museum Journal*. Vol. 3:1-25.

Crain, J.B. 1978. The Lun Dayeh. Dalam King, Victor (ed.). *Essays on Borneo Societies. Hull Monographs on Southeast Asia. No. 7*. Oxford: University Press.

Crain, J.B. 1994. The Lundayeh. Dalam King, Victor (ed.) *World Within: The Ethnic Groups of Borneo.* Kuala Lumpur: Percetakan Sooriya.

Ganang R.Y, Jane Wong Kon Ling, Kavitha Ganesan. 2018. Representation on of Buayeh in the Quality of Life of the Lundayeh People. *Malaysian Journal of Social Sciences, and Humanities (MJSSH),* Volume 3, Issue 2, 169-184.

Ganang R.Y, Jay B. Crain dan Vicki Pearson-Rounds. 2008*. Kemaloh Lundayeh-English Dictionary.* Phillips, Me: Borneo Research Council.

Ganang R.Y. 2009*. Lundayeh Dictionary Lundayeh-English, Malaysia: National Department for Culture and Arts*. Cetakrapi Sdn.Bhd.

Ganesan, K. dan Shaffarullah Abdul Rahman. 2022. *Headhunting and Native Agency in Lundayeh Oral Literature: A Humanist Perspective*. Dalam 1st Edition: The Routledge Companion to Humanism and Literature Edited by Michael Bryson.

Ganesan, K., Anantha Raman Govindasamy, Jane Wong Kon Ling, Shaffarullah Abdul Rahman, Kennedy Aaron Aguol, Jamsari Hashim, Bilcher Bala. 2020. Environmental Challenges and Traditional Food Practices: The Indigenous Lundayeh of Long Pasia, Sabah, Borneo. Etropic: Electronic*. Journal of Studies in The Tropics*, 19 (1). pp. 200-222. ISSN 1448-2940.

Harrisson, T. 1959. The Kelabits and Muruts. Dalam Harrisson, T. (ed.). *The Peoples of Sarawak*. Kuching: Government Printing Office.

Harrisson, T. dan Barbara Harrisson. 1969-1970. The Prehistory of Sabah. *Sabah Society Journal*. Monograph. Vol. 4.

Ipoi Datan. 2011. Traditional Earthen Crocodile Effigies of The Lun Bawang in Sarawak: Functions, Origin and Significance. *Sarawak Museum Journal*, 8(90), 23-42.

Langub, J. 1987. Ethnic Self-Labelling of the Murut or Lun Bawang of Sarawak. Dalam *SOJOURN. The Study of Ethnicity in Southeast Asia.* Vol. 2. No. 2. Singapore: Institute of Southeast Asia Studies.

Langub, J. 1992. Lun Bawang Oral Literature: An Overview. *Second Biennial International Conference of the Borneo Research Council*, Kota Kinabalu, Sabah.

Topp, L. 2006. *The Lundayeh of Long Pasia and Long Mio. Their History and Legends*. Denmark: WWF.

Tuie, M. 1990. *Orang Gunung Murut (Kumpulan Cerita Rakyat Lun bawang).* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Tuie, M. 1995. *Masyarakat Lun Bawang Sarawak: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Wong, J.K.L., Bilcher Bala dan Baszley Bee. 2007. *Masyarakat Lundayeh di Sabah: Satu Kajian Asal Usul, Migrasi dan Klasifikasi Etnik. Pemuliharaan Sejarah dan Tamadun Borneo Ke Arah Pengukuhan Negara Bangsa.* Pusat Sejarah Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Yansen, T.P dan Ricky Yakub Ganang. 2018. *Dayak Lundayeh Idi Lunn Bawang, Budaya Serumpun di Dataran Tinggi Borneo*. Indonesia: Lembaga Literasi Dayak (LLD).

Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2022, Vol.7 (1), hlm. 155-168
e-ISSN: 2600-8726© Mohamad Rais Bin Ackmat Jais
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

INSIDEN TANDUO 2013: PERSEPSI PERSURATKHABARAN MALAYSIA DAN FILIPINA

Tanduo Incident in 2013: From Malaysian dan Philippines Newspaper Perceptions

Mohamad Rais Bin Ackmat Jais[1]

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
[1]*acjraii0606@gmail.com*
Dihantar: 18 September 2023 / Diterima: 11 Jun 2023 / Terbit: 21 Disember 2023

Abstrak

Kajian ini tertumpu kepada Insiden Tanduo 2013: Persepsi Persuratkhabaran Malaysia dan Filipina. Kajian ini berkaitan dengan akhbar Malaysia dan Filipina dalam mewacanakan insiden ini yang telah membawa sebuah perbahasan yang memicu kepada tanda tanya masyarakat Sabah mengenai hak pemilikan Sabah. Malah, kajian ini kurang dinaratifkan dalam pensejarahan dan dikatakan sebagai salah satu isu yang sensitif bagi sesetengah pihak untuk dibahaskan semula. Objektif kajian secara dasarnya akan tertumpu kepada latar belakang Lahad Datu, Sabah, di samping membahaskan insiden Tanduo dan persepsi persuratkhabaran dari Malaysia dan Filipina. Obejktif terakhir adalah menganalisis impak insiden pencerobohan di Tanduo. Kaedah kajian yang digunakan adalah sepenuhnya menggunakan pendekatan kualitatif, dengan merujuk referensi terhadap sumber primer dan sekunder bagi menjayakan kajian.

Kata Kunci: Insiden Tanduo, Akhbar Malaysia, Akhbar Filipina

Abstract

This study focuses on the 2013 Tanduo Incident: Malaysian and Philippine Newspapers Perceptions. This study is related to the Malaysian and Philippine newspapers in discussing this incident which has led to a debate that has triggered the Sabahan community to question the ownership rights of Sabah. In fact, this study is less narrated in history and is said to be one of the sensitive issues for some parties to be debated again. The objective of the study will basically focus on the background of Lahad Datu, Sabah, in addition to debating the Tanduo incident and the perception of the media from Malaysia and the Philippines. The final objective is to analyze the impact of the invasion incident in Tanduo. The research method used is entirely using a qualitative approach, with reference to primary and secondary sources to make the study successful.

Keywords: *Tanduo Incident, Malaysian Newspaper, Philippines Newspaper*

Pengenalan

Insiden pencerobohan pengganas Sulu dari Filipina ke atas Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah merupakan salah satu insiden yang dalam tercatat dalam sejarah hitam bagi negeri Sabah yang telah mengemparka penduduk Sabah sendiri serta Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Insiden pencerobohan pengganas Sulu ini berlaku pada 9 Februari 2013, apabila sekumpulan pengganas berwarga Filipina yang dikatakan berasal daripada Tawi-Tawi telah mendarat di kawasan Felda Sahabat, Lahad Datu. Selain itu, pengganas Sulu ini membawa kelengkapan senjata antaranya M-16, pelancar roket dan alatan-alatan tajam. Sebelum insiden pertumpahan darah tercetus, kumpulan pengganas ini telah dikesan oleh penduduk yang berasal daripada Kampung Tambisan iaitu sebuah perkampungan nelayan kecil yang mana mereka ini telah mengesan kehadiran lebih kurang 100 orang yang berpakaian alah tentera dengan membawa senjata

memasuki kawasan tersebut (Ramli Dollah & Mohd Zambri, 2015: 1-28).

Pencerobohan pengganas Sulu ini menjadi titik tolak perebutan semula kuasa antara waris-waris Kesultanan Sulu dan Kerajaan Malaysia. Pengganas ini membuat pengakuan bahawa mereka merupakan Tentera Diraja Sulu atau signifikannya dikenali sebagai *Royal Sulu Army* (RSA). Kumpulan ini enggan dikaitkan dengan mana-mana militan lain yang ada di kawasan selatan Filipina. Di samping itu, pencerobohan ini diketuai oleh Raja Agbimudin Kiram yang merupakan adik kepada Sultan Jamalul Kiram III dan Ismael Kiram III. Beliau mengaku dirinya sebagai pewaris kepada Kesultanan Sulu dan tujuan mereka adalah untuk mendapatkan semula Sabah dari Malaysia yang mana dikatakan bahawa dahulunya Sabah merupakan sebahagian daripada wilayah milik Kesultanan Sulu (Muhd Latif, 2014).

Justeru, insiden pencerobohan ini telah membawa kepada pro dan kontra mengenai perebutan semula negeri Sabah. Setelah pelbagai rundingan yang dilakukan tidak membuahkan hasil, maka tercetuslah pertumpahan darah antara kumpulan pengganas ini dengan pihak keselamatan negara. Serangan ini dilakukan apabila kumpulan pengganas ini tidak mahu berundur kerana kononnya Sabah merupakan hak kepunyaan mereka. Hal ini jelas dikatakan oleh Sultan Jamalul Kiram iaitu:

> *Why should we leave our own home? In fact, the (the Malaysians) are paying rent (to us). Our follower will stay in Lahad Datu. Nobody will be sent to Philippines. Sabah is our home* (Rappler Philippines, 2013).

Oleh itu, kumpulan pengganas tersebut tetap kekal di Lahad Datu yang dulu dikatakan sebahagian daripada jajahan takluk dari era Kesultanan Sulu. Maka, insiden pencerobohan Tanduo ini telah banyak disorotkan oleh akhbar-akhbar tempatan di Malaysia. Malahan, tidak ketinggalan juga, akhbar-akhbar Filipina turut menyorotkan mengenai insiden yang berlaku ini.

Sejarah Lahad Datu

Daerah Lahad Datu merupakan sebahagian daerah pentadbiran daripada negeri Sabah yang merangkumi daerah Tawau, Semporna dan Kunak. Ibu kota daerah Lahad Datu adalah terletak di Pekan Lahad Datu. Awal mula panggilan Lahad Datu ini adalah bermula daripada perkataan Lahad dan Datu. Perkataan 'Lahad' membawa maksud kepada sesuatu tempat dan 'Datu' merupakan gelaran daripada golongan-golongan bangsawan. Maka, nama Lahad Datu wujud adalah atas faktor penghijrahan datu-datu dari Kesultanan Sulu yang diketuai oleh Datu Baginda Putih kerana penyerahan kawasan tersebut kepada Kesultanan Sulu oleh Kesultanan Brrunei sebagai bentuk hadiah setelah Sultan Sulu berjaya membantu Sultan Brunei dalam menyelesaikan Perang Saudara Brunei (*Brunei Civil War*).

Pada peringkat awal Lahad Datu diperkenalkan adalah pada tahun 1789 dan menjadi petempatan awal pada ketika itu. Hal ini dikatakan demikian kerana, penghijarahan Datu Baginda Putih ke daerah Lahad Datu dan pentadbiran pertama adalah bermula sekitar tahun 1881 oleh *British North Borneo Company* (BNBC) di Silam selepas sahaja penyerahan kuasa daripada Sultan Sulu kepada pihak British. Pada ketika itu, Lahad Datu mula berkembang dan menunjukkan fungsinya sebagai salah satu pusat penjanaan sumber ekonomi dan pentadbiran politik BNBC. Hal ini kerana, kedudukan dan bentuk geografi daerah ini adalah semula jadi yang mana terdapatnya teluk yang kini dikenali sebagai Teluk Darvel yang telah banyak membantu usaha-usaha Kerajaan dalam ekonomi. Lahad Datu juga merupakan kawasan yang terlindung daripada ancaman bencana alam seperti tiupan angin monsun dan merupakan kawasan pelabuhan suatu ketika dahulu (Pejabat Daerah Lahad Datu, 20 Februari 2023).

Pada awal pembukaan petempatan di daerah Lahad Datu, ianya tertumpu di kawasan sepanjang pesisir pantai Sahaja namun dengan kemajuan yang berlaku, petempatan tersebut mula tersebar di kawasan bandar-bandar Lahad Datu. Justeru, daerah ini telah mencatatkan jumlah banci penduduk sebanyak

229.1 ribu pada tahun 2020 dengan kadar purata pertumbuhan sebanyak 1.4 peratus dari tahun 2010 hingga 2020 (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020). Daerah Lahad Datu terdiri daripada pelbagai kaum antaranya Ida'an (Idahan), Suluk, Tidong dan Bajau. Majoriti penduduk di Lahad Daru adalah beragama Islam dan sebahagiannya adalah beragama Kristian dan juga Buddha.

Isu Tuntutan Filipina Ke Atas Sabah

Sebelum wujudnya tuntutan Filipina ini, pihak British dan Sultan Sulu telah menandatangani Perjanjian 1878, dalam perjanjian tersebut pihak British memberi bayaran tahunan kepada Sultan Sulu, namun ianya terpaksa diberhentikan sementara kerana pihak British berhadapan dengan masalah untuk meneruskan pembayaran tersebut. Situasi tersebut berterusan sehingga Sultan Jamalul Kiram II mangkat pada 7 Jun 1936 dan bayaran tersebut serta-merta terhenti akibat tiada zuriat Sultan Jamalul Kiram II untuk menggantikan posisinya sebagai Sultan Sulu. Justeru, wujud pertikaian dan pertelingkahan dalam kalangan keluarga Sultan Sulu kerana masing-masing mencalonkan diri sebagai waris yang layak mendapat bayaran tersebut.

Pertikaian yang tercetus menyebabkan pihak British mendapatkan pandangan daripada Konsul Jeneral British iaitu L.H Foulds mengenai waris yang layak menggantikan kedudukan Sultan Jamalul Kiram II. Pada masa yang sama juga, L.H Foulds memaklumkan pihak British pada 28 Julai 1936 dengan menyatakan bahawa pihak Filipina tidak mahu mengiktiraf kepada institusi Kesultanan Sulu dan mana-mana individu yang dilantik sebagai Sultan Sulu (Surat Presiden Manila kepada L.H Foulds, 27 Julai 1936). Walaupun begitu, waris-waris Sultan Sulu yang sah hendaklah diberikan bayaran tahunan secara terus kerana ianya terdapat dalam kandungan perjanjian yang dimeterai sebelum ini.

Pendek kata, pihak Mahkamah Tinggi Borneo Utara telah membuat keputusan dengan mengatakan bahawa seluruh waris Sultan Sulu menerima bayaran tahunan atau dikenali sebagai

'cession money' dan disebut *'rental"* apabila diterima oleh waris-waris Sultan Sulu. Namun begitu, semasa tercetusnya Perang Dunia Kedua, waris Kesultanan Sulu mempersoalkan bayaran tahunan dengan mengatakan mereka tidak dibayar tiga bulan berturut-turut, tetapi perkara dakwaan ini disangkal oleh British kerana mereka telah membayar waris-waris Sultan Sulu berdasarkan jumlah yang ditetapkan.

Impak daripada perkara tersebut, waris-waris Sultan Sulu mula menunjukkan usaha mereka untuk menuntut semula Sabah dan menuntut pihak British membayar *'lump sump'* kerana mendiami Sabah selepas kemangkatan Sultan Sulu yang terakhir. Bukan itu sahaja, waris Sultan Sulu ini mengeluarkan notis pembatalan perjanjian dengan pihak British dan mengupah W. Allan Wood sebagai peguam mereka bagi menyelesaikan isu pembatalan tersebut dan mengambil semula Sabah.

Persepsi Persuratkhabaran Malaysia dan Filipina

Insiden pencerobohan Tanduo yang berlaku pada tahun 2013 telah menjadi pusat perhatian ramai terutamanya masyarakat di Sabah sendiri. Justeru, pelbagai akhbar yang dikeluarkan untuk disiarkan kepada masyarakat umum berkaitan dengan insiden ini. Selain itu, akhbar Filipina turut menyorotkan insiden tersebut, namun didapati akhbar yang disiarkan oleh Malaysia adalah berbeza dengan akhbar yang dikeluarkan oleh Filipina yang mana wujud persepsi atau tanggapan daripada kedua-dua akhbar tersebut.

Persepsi Persuratkhabaran Malaysia

Jika ditelusuri, akhbar-akhbar Malaysia lebih cenderung dan berfokus kepada insiden Tanduo yang dianggap sebagai satu ancaman besar dan sangat serius kepada kedaulatan serta keamanan negara. Akhbar Malaysia banyak menekankan tindakan-tindakan kumpulan pengganas dari Filipina ini sebagai

pelanggaran terhadap keamanan negara Malaysia. Dalam pada itu, akhbar-akhbar Malaysia turut menyorotkan keupayaan pemimpin-pemimpin dan pasukan keselamatan dalam mengatasi situasi tersebut sebagai respons untuk melindungi keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan negara Malaysia. Akhbar Malaysia juga turut melaporkan usaha-usaha pihak yang bertanggungjawab dalam menangani insiden tersebut yang merangkumi operasi ketenteraan dan juga tindakan-tindakan dari pihak mahkamah.

Dalam konteks perbahasan akhbar-akhbar Malaysia, insiden pencerobohan ini berlaku akibat daripada hubungan diantara kedua-dua negara iaitu Malaysia dan Filipina yang mana didapati hubungan diplomatik kedua-dua negara ini sudah dingin semenjak pemerintahan Diosdado Macapagal yang merupakan bekas presiden Filipina. Maka, tuntutan demi tuntutan telah dikemukan oleh pihak waris Kesultanan Sulu namun jika dilihat daripada sudut perundangan, Kesultanan Sulu sudah tidak memiliki hak untuk menuntut semula Sabah. Rentetan daripada perkara ini, insiden ini merupakan titik tolak perampasan semula Sabah daripada kerajaan Malaysia. Buktinya, insiden ini berlaku adalah di atas faktor hubungan diplomatik yang mana Malaysia dan Filipina pernah memutuskan hubungan bilateral disebabkan tuntutan Filipina ke atas Sabah (Rammani & Danny, 2019:153-175).

Persepsi Persuratkhabaran Filipina

Akhbar-akhbar Filipina yang disorotkan adalah berbeza dengan akhbar daripada Malaysia. Akhbar-akhbar Filipina yang disoroti memainkan peranan yang penting dalam menyebar luaskan informasi berkaitan dengan tuntutan ke atas negeri Sabah. Hal ini dikatakan demikian kerana, akhbar yang dikeluarkan oleh Filipina adalah sangat berbeza dengan akhbar Malaysia yang mana akhbar Filipina lebih kepada propaganda-propaganda atau mencuba untuk membasuh minda masyarakat Filipina berkaitan dengan insiden yang berlaku serta melibatkan tuntutan Filipina ke

atas Sabah. Melalui propaganda yang disebarkan melalui akhbar Filipina ini, pelbagai pendekatan telah dilakukan seperti menerbitkan dan mengeluarkan sentimen-sentimen yang berbaur dengan tuntutan Filipina untuk memperlihatkan perjuangan waris-waris Kesultanan Sulu ini dalam mengambil semula Sabah.

Maka, situasi-situasi tersebut telah mempengaruhi pemikiran masyarakat Filipina mengenai tuntutan tersebut yang menjadi asbab kepada pencerobohan yang dilakukan ke atas Lahad Datu. Selain itu, akhbar-akhbar Filipina menyatakan bahawa insiden tersebut bukan kepada menceroboh namun sebaliknya adalah ingin menuntut semual Sabah dan mendesak kerajaan Malaysia agar mengembalikan semula kuasa pemerintahan Sabah ke atas mereka. Di samping itu, akhbar Filipina menjadikan insiden Tanduo, 2013 sebagai insiden yang berfokuskan kepada sejarah, ekonomi dan sosial yang mempengaruhi konflik diantara Malaysia dan Filipina. Justeru, akhbar Filipina lebih cenderung ke arah isu ini sebagai salah satu fenomena yang lebih bersifat kompleks daripada sekadar ancaman.

Impak Insiden Tanduo, 2013

Bertitik tolak daripada insiden tersebut, ianya menjadi suatu ancaman keselamatan dan keamanan ke atas penduduk negeri Sabah. Insiden yang berlaku ke atas Tanduo pada tahun 2013 dapat dikategorikan sebagai ancaman berbahaya. Ancaman ini merupakan ancaman dari istilah 'aktor bukan negara' (Ramli Dollah, 2013: 16). Dalam konteks ini, tragedi yang menimpa Tanduo menyebabkan dampak yang besar ke atas penduduk di kawasan yang terlibat semasa pertempuran tersebut tercetus.

Melihat kepada impak ke atas politik, hubungan Malaysia dan Filipina sudah lama dingin kerana tuntutan Filipina ke atas Sabah sering kali dibahaskan. Sejak pemerintahan Macapagal lagi, Sabah telah dijadikan sebagai agenda polisi dan sosial yang tertentu yang bertujuan untuk menuntut semula hak mereka.

Walau bagaimanapun, pada era pemerintahan Corazon Aquino, beliau memperbaiki semula hubungan antara Malaysia dan Filipina melalui ASEAN (Norizan Abd. Kadir, 2016: 441-442). Malangnya, insiden Tanduo pada tahun 2013 menjadi satu peristiwa hitam yang menyebabkan hubungan dua diplomatik antara Malaysia dan Filipina kembali renggang dan dingin. Justeru, Malaysia berpendapat bahawa tindakan ini adalah tidak bermoral kerana menyebabkan korban jiwa dari kedua-dua pihak.

Selain itu, impak ke atas ekonomi turut terjejas akibat dari insideb tersebut. Ini jelas terbukti, apabila sektor ekonomi dan pelaburan di kawasan Pantai Timur Sabah masih terjejasakibar daripada insiden tersebut, walaupun sudah sedekad lalu insiden ini berlaku kawasan terjejas tersebut masih lagi terkesan dan dalam pengawasan pihak keselamatan kerajaan Malaysia. Buktinya, Datuk Yong Teck Lee menggalakan negara Jepun dan Korea Selatan untuk tidak memasuki wilayah yang terlibat berikutan daripada nasihat pihak keselamatan Malaysia (The Star: 2013). Tambahan itu, daerah Semporna juga turut terjejas sama semasa insiden tersebut. Ini kerana jarak antara Semporna dan Filipina adalah tidak jauh malah keluasan sempadan perairan Semporna sukar dikawal (Ahmad Khairol: 2013). Oleh itu, sektor ekonomi pada ketika itu terganggu dan urusan perniagaan dan pendapatan penduduk turut terjejas.

Di samping itu, semasa insiden tersebut berlaku, kerajaan Malaysia telah mengumumkan dan mengisytiharkan Lahad Datu sebagai *Specil Security Area* (SSA) atau Kawasan Keselamatan Khas yang dibuat oleh Dato' Seri Najib Razak iaitu bekas Perdana Menteri Malaysia. Pada 11 Mac 2013, SSA ditukar menjadi *Eastern Sabah Security Command* (ESSCOM) semasa mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri Sabah (Borneo Post: 2013). Pengenalan ESSCOM ini merupakan respons kepada rangkaian pencerobohan di kawasan Pantai Timur Sabah terutamanya selepas insiden yang menimpa Tanduo pada waktu itu. Rentetan daripada insiden yang berlaku sebelum ini, penubuhan ESSCOM dan ESSZONE jelas memperlihatkan usaha kerajaan negeri dalam membantu pengurusan keselamatan di perairan Sabah (Suzainah

Jiffar, 2017). Justeru, Majlis Jawatankuasa Keselamatan Negeri yang telah dipengerusikan oleh Ketua Menteri Sabah sendiri serta beberapa ahli pengurusan keselamatan yang lain turut terlibat sama dalam isu keselamatan dan pertahanan dan memantau secara berkala dalam jangka masa yang tertentu.

Bukan itu sahaja, insiden pencerobohan Tanduo juga telah menyebabkan impak kepada sosial iaitu ke atas masyarakat Sabah sendiri. Insiden ini sememangnya meninggalkan kesan yang mendalam ke atas masyarakat di Sabah. Semasa pertempuran tersebut semakin tegang antara anggota keselamatan Malaysia dan pengganas dari Filipina, penduduk-penduduk di kawasan terbabit berada dalam ketakutkan dan penduduk berada dalam kerisauan (Mohd Izham, 2017). Malah ada yang berpindah keluar daripada rumah mereka sendiri dan tinggal di pondok-pondok di kawasan kebun sawit sekitar Tanjung Labian.

Insiden pencerobohan pengganas Filipina jelas meninggalkan impak yang sangat besar ke atas negeri Sabah terutamanya penduduk tempatan. Buktinya ketika pertempuran berlaku, beberapa anggota VAT69 telah terkorban semasa operasi dilakukan di kawasan perkampungan (Farah Suhaidah, 2019). Tuntasnya, penduduk tempatan ketika itu sangat khawatir dengan keadaan mereka dan keluarga mereka.

Di samping itu, selain daripada impak ke atas masyarakat Sabah sendiri, masyarakat Tausug di Sabah turut terkena tempiasnya. Masyarakat Tausug di Sabah telah dikatakan sebagai satu bangsa yang bermasalah, perlu dielakkan dan tidak diperlukan. Inilah ungkapan-ungkapan yang diberikan ke atas masyarakat Tausug di Sabah setelah insiden tersebut berlaku dan juga selepasnya. Watak antagonis masyarakat Tausug kembali disorotkan oleh media-media utama di Malaysia. Malahan, individu yang berbangsa Tausug sukar diterima di dalam sektor pekerjaan. Ada juga yang tidak dibayar langsung oleh majikan-majikan mereka setelah insiden pencerobohan tersebut. Namun, walaupun mereka ini mempunyai pertalian darah atau saudara dengan

bangsa Tausug di Selatan Filipina, mereka tidak mahu kesetiaan mereka terhadap negara ini dipersoalkan (Hakim Rahman, 2013).

Lain daripada itu, masyarakat Tausug ini diaktualkan identiti mereka iaitu Tausug Malaysia adalah baik dan Tausug Filipina adalah jahat. Jadi, jika dilihat dari perspektif ini, masyarakat Tausug di Sabah mula memencilkan diri mereka kerana tekanan yang diterima selepas insiden pencerobohan tersebut. Namun, dalam temu bual bersama Mohd Zaki Harry Susanto (Setiausaha Persatuan Rumpun Etnik Suluk, Sabah) menjelaskan bahawa Suluk tempatan ini janganlah disamakan dengan Suluk bukan tempatan. Hal ini dikatakan demikian kerana, majoriti Suluk tempatan tidak perlu diragui kesetiaanya.

Malah telah timbul stigma dalam kalangan ahli pemimpin negara, ahli-ahli politik dan penduduk mengenai masyarakat Tausug ini. Bukan itu sahaja, apa-apa masalah yang timbul, masalah ini akan dikaitkan dengan masyarakat Tausug. Oleh hal yang demikian, keadaan ini jelas membuktikan bahawa bagaimana stigma masyarakat di Sabah ini masih wujud kepada masyarakat Tausug. Intihannya, sewaktu perbicaraan ke atas pengganas ini pada 2014, terma dan istilah *'Sulu invasion trial begins'* digunakan bagi kumpulan yang berketurunan Tausug sebagai satu masalah kepada insiden pencerobohan ini (Gregory Poling et. al, 2013).

Kesimpulan

Insiden pencerobohan Tanduo pada tahun 2013 merupakan salah satu peristiwa hitam bagi baik negeri Sabah mahupun kepada negara Malaysia. Insiden ini menjadi topik-topik hangat dalam akhbar-akhbar Malaysia dan Filipina. Akhbar ini sentiasa menyoroti perkembangan dari semasa ke semasa ketika insiden tersebut terutamanya pertempuran antara anggota keselamatan Malaysia dan juga pengganas dari Filipina. Insiden ini telah meninggalkan dampak yang sangat besar ke atas kedaulatan negara kerana isu tuntutan yang dilakukan oleh Filipina adalah

tidak wajar lagi. Justeru, insiden ini meninggalkan impak yang negatif ke atas Sabah. Oleh itu, insiden pencerobohan ini masih kekal dalam ingatan segelintir masyarakat terutamanya bagi penduduk-penduduk yang terlibat dalam kejadian ini.

Pada kajian ini juga, pengkaji amatlah berharap agar insiden ini menjadi iktibar kepada kita, tidak setakat berlegar pada gelombang makalah dan bicara ahli akademik di institusi pengajian tinggi semata-mata. Seyogianya, perkara sebegini hendaklah disampaikan dan diketahui oleh generasi-generasi akan datang. Tambahan itu, amatlah penting jika akhbar-akhbar mengenai insiden ini perlu disimpan di arkib-arkib atau perpustakaan di setiap sekolah dan institusi agar maklumat mengenai insiden ini diketahui ramai. Ini kerana, insiden ini juga merupakan satu peristiwa atau sejarah yang patut dinaratifkan dalam pensejarahan.

Senarai Rujukan

Arkib dan Dokumen Kerajaan

Jabatan Perangkaan Malaysia. 2020. Penemuaan Utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020. Daerah Pentadbiran, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan. Putrajaya.

Surat Presiden Manila kepada L. H. Foulds. 27 Julai 1936. Konsul Jeneral British di Manila.

Buku dan Jurnal

Greogry Poling et. al. 2013. The Royal Army of Sulu Invades Malaysia. *Center for Strategic & International Studies* (CSIS).

Muhammad Latif Khalfi Jaafar. 2014. Pencerobohan Lahad Datu: Merungkai Sejarah Tuntutan Sabah. *Latihan Ilmiah*. Universiti Malaysia Sabah.

Norizan Abdul Kadir. 2016. Tuntutan Filipina ke atas Sabah dalam Hubungan Filipina-Malaysia, 1962-1998. *Latihan Ilmiah* (PhD). Universiti Malaya.

Ramli Dollah & Mohd Zambri Suharani. 2015. Fungsi dan Peranan ESSCOM dalam menjamin keselamatan Sabah: Satu perbandingan persepsi antara komuniti 'luar' dan komuniti ESSZONE. *Jurnal Komunikasi Borneo*. Vol. 2. Universiti Malaysia Sabah.

Ramli Dollah. 2013. Aktor Bukan Negara dan Keselamatan Nasional di Malaysia: Tentera Diraja Sulu dan Pencerobohan Lahad Datu. *AKADEMIKA*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Rammani Karupiah & Danny Wong. 2019. Perkembangan Hubungan Bilateral Filipina-Malaysia 1957-2010. *SEJARAH: Journal History Department*. Vol. 28 (1). Universiti Malaya.

Laman Sesawang

Ahmad Khairol. 16 Mac 2013. Semporna terjejas dek insiden pencerobohan. *astro AWANI.* Dipetik daripada https://www.astraawani.com/berita-malaysia/semporna-terjejas-dek-insiden -pencerobohan-10064. Diakses pada 31 Julai 2023.

Farah Suhaidah Othman. 25 Februari 2019. Nyawa di hujung tanduk. *myMetro*. Dipetik daripada https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2019/02/427135/ nyawa-di-hujung-tanduk. Diakses pada 2 Ogos 2023.

Hakim Rahman. 5 Mac 2013. 'Bikin malu orang Sulu'. *astro AWANI.* https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bikin-malu-orang-sulu-9222. Diakses pada 7 Ogos 2023.

Mohd Izham Unnip Abdullah. 1 Mac 2017. 4 Tahun Peristiwa Tanduo belum padam. *Berita Harian Online*. Dipetik daripada https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2017/03254438/4-tahun-peristiwa-tanduo-belum-padam. Diakses pada 15 Jun 2022.

Pejabat Daerah Lahad Datu. 2023. Latar Belakang Lahad Datu. Dipetik daripada https://pdlahaddatu.sabah.gov.my/page?menu=PROFIL

%20JABATAN&sub=LATAR%20BELAKANG&page=perutusan. Diakses pada 12 Julai 2023.

Rappler Philippines. 2013. We won't leave Sabah, says Sultan. Dipetik daripada https://www.rappler.com/nation/22004-we-won't-leave-sabah-says-sultan/. Diakses pada 19 Julai 2023.

Suzainah Jiffar. 17 April 2017. TPM Hadir Mesyuarat Lembaga Penasihat ESSZONE. *BH Online*. https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2017/04//272588/tpm-hadir-mesyuarat-lembaga-penasihat-esszone. Diakses pada 7 Ogos 2023.

The Star. 2013. Sulu instrusion still has negative impact. Dipetik daripada https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/05/07/2013-sulu-instrusion-still-has-negative-impact. Diakses pada 31 Julai 2023.

Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2023, Vol.8 (1), hlm. 169-188
e-ISSN: 2600-8726© Johnnatan Jolius
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

TUGU NUNUK RAGANG, RANAU: SIMBOL BUDAYA DAN KEPERCAYAAN MASYARAKAT DUSUN

Nunuk Ragang Monument, Ranau: The Symbol of Culture and Beliefs of Dusun Community

Johnnatan Jolius[1]

[1]*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*
[1]johnnatanjolius53@gmail.com
Dihantar:24 Mac 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023

Abstrak

Nunuk Ragang merupakan salah satu tugu penting bagi masyarakat Kadazandusun. Tugu ini menjadi simbolik dan warisan kebudayaan yang penting dalam menjelaskan asal usul masyarakat Kadazandusun daripada perspektif masyarakat ini. Walaupun, tidak terdapat sebarang bukti yang jelas memperlihatkan wujudnya penempatan awal manusia di sekitar kawasan ini namun, tugu ini menjadi sesuatu signifikan kepada masyarakat Kadazandusun. Hai ini dikatakan demikian kerana sebahagian besar masyarakat ini masih mengakui bahawa tugu ini merupakan salah satu asas kepada asal usul dan simbolik penyatuan masyarakat Kadazandusun di Sabah. Kajian ini mengupas tentang konseptual masyarakat Kadazandusun, teori kedatangan masyarakat KadazanDusun, potensi tapak Nunuk Ragang. Disamping itu, kajian ini akan menghuraikan isu dan cabaran yang dihadapi oleh tapak ini; akhir sekali kajian mengetengahkan langkah perlindungan yang dapat diimplementasikan bagi menjaga tapak ini. Pendekatan kualitatif digunakan sepenuhnya dalam melaksanakan kajian khususnya sumber sekunder untuk menjayakan kajian ini.

Kata Kunci: Nunuk Ragang, Kadazandusun, Simbol, Budaya

Abstract

Nunuk Ragang is one of the important monuments for the Kadazandusun community. This monument is a symbolic and an important cultural heritage in explaining the origin of the Kadazandusun community from the perspective of this society. Although, there is no clear evidence that there was an early human settlement around the area, this monument is still significant to the Kadazandusun community. Most of the community still acknowledge that this monument is one of the foundations of the origin and symbolic unification of the Kadazandusun community in Sabah. This study discusses about the conceptual of the Kadazandusun community, the theory of arrival of the KadazanDusun community, the potential of the Nunuk Ragang site. In addition, this study will elaborate on the issues and challenges faced by the site; Finally, the study highlights the protective measures that can be implemented to safeguard the site. The qualitative approach is fully utilised in conducting this studies by using secondary sources to ensure the success of the study.

Keywords: *Nunuk Ragang, Kadazandusun, Symbol, Culture*

Pengenalan

Daerah Ranau terletak di antara garisan lintang (Latitude) 5° 30' U dan 6° 25' U dan garisan bujur (Longtitude) 116° 30' dan 117° 5' T dan berkeluasan 3555.9 km persegi. Daerah ini juga dikelilingi oleh tujuh buah daerah yang lain merangkumi daerah Tambunan, Keningau, Telupid, Beluran, Tuaran, Kota Marudu dan Kota Belud. Daerah Ranau merupakan sebuah kawasan yang berbukit-bukau. Hal ini dapat dilihat melalui kedudukannya yang dikelilingi oleh Banjaran Crocker iaitu banjaran yang menempatkan beberapa gunung yang tinggi khususnya Gunung Kinabalu.

Penduduk di daerah Ranau majoritinya merupakan kaum Dusun dengan beberapa pecahan sub etnik seperti Dusun Liwan, Dusun Tinagas, Dusun Bundu, Dusun Talantang, Dusun Tagahas, Sungai dan Tombonuo (Low & Steffi, 2019: 135) Sesetengah penduduk dan masyarakat Dusun di daerah ini percaya bahawa masyarakat Dusun berasal daripada Sungai Labuk sebelum tiba di Nunuk Ragang untuk membina satu petempatan yang baharu. Sehingga hari ini, kepercayaan bahawa nenek moyang bagi masyarakat Dusun datang daripada Nunuk Ragang ini masih lagi diperkatakan.

Tapak Nunuk Ragang merupakan sebuah tapak yang terletak di daerah Ranau iaitu berhampiran dengan Kampung Tampias. Tapak ini dipercayai sebagai petempatan awal masyarakat Kadazandusun. Oleh itu, tapak ini mempunyai signifikan dalam memerihalkan asal usul masyarakat Kadazandusun. Artikel ini bertujuan untuk mengangkat tapak warisan yang berada di Sabah khususnya tugu Nunuk Ragang dan seterusnya mempromosi tapak ini bagi tujuan pelancongan. Hal ini bukan sahaja akan membuka peluang untuk mengembangkan pengetahuan masyarakat tempatan dan luar negara mengenai tapak warisan tersebut malah mampu membantu mengukuhkan ekonomi negeri Sabah melalui kegiatan pelancongan warisan

Konsep Masyarakat Kadazandusun

Istilah atau terma Kadazandusun merupakan gabungan dua kata iaitu Kadazan dan Dusun. Istilah Dusun pada awalnya digunakan oleh Barat dan Melayu untuk merujuk kepada masyarakat yang tinggal di pesisir pantai dan pedalaman (Suraya, 2003: 60). Istilah Kadazan pula dipercayai muncul daripada beberapa kata lain seperti kakadazan (bandar) iaitu dipetik daripada dialek Tangaa dan kedaian (kedai) daripada bahasa Melayu. Melalui tulisan Owen Rutter, dijelaskan bahawa kumpulan yang mendiamai kawasan Pantai Barat Utara digelar sebagai orang Tindal manakala kumpulan yang mendiami Pantai Barat khususnya Papar

disebut sebagai Kadazan (Rutter, 1929: 31). Dalam hal ini, Oleh itu, berdasarkan kepada pendefinisian dan pandangan tersebut, dapat dikatakan bahawa Kadazan merujuk kepada orang yang tinggal di kawasan bandar atau kedai manakala Dusun merujuk kepada mereka yang mendiami kawasan pedalaman. Kadazan signifikan dengan daerah Penampang dan Papar manakala Dusun berfokus di Tambunan dan Ranau (John, 1996: 14).

Polemik mengenai pendefinsian Kadazandusun pernah menimbulkan isu etnisiti dalam kalangan pemain politik. Mereka menginginkan hanya satu saja istilah yang digunakan sama ada 'Kadazan' atau 'Dusun'. Polemik tentang isu ini dapat dilihat melalui perdebatan antara Donald Stephen atau Tun Fuad Stephen yang mahu menggunakan istilah Kadazan manakala Datuk Ghani Gilong mahu istilah 'Dusun' diangkat. Perdebatan tentang isu atau polemik ini telah berlangsung selama 30 tahun. Perdebatan ini dipercayai timbul ekoran tindakan tindakan Donald Stephen dan Mathius Majihi iaitu seorang paderi Kristian yang bersetuju bahawa istilah 'Dusun' merujuk kepada kemunduran atau tidak berubah serta tidak berkembang. Maka mereka ingin mengangkat 'Kadazan' atas kesedaran bahawa taraf hidup orang Dusun rendah dan tinggal di kawasan luar bandar atau pedalaman serta bergantung kepada kegiatan pertanian (Yaakub, 1989).

Menariknya dalam polemik ini adalah penglibatan golongan agamawan dan peranan mereka dalam mengangkat "Kadazan'. Mubaligh Kristian berusaha untuk mengangkat istilah Kadazan untuk kepentingan agama Kristian (Yusoff, 1997: 67). Istilah tersebut dipilih kerana kata Kristian dan Kadazan memiliki ejaan dan sebutan yang hampir sama sehingga Kadazan disinonimkan dengan Kristian. Para mubaligh tidak dapat mengemukakan rasional dan sebab mengapa istilah Kadazan harus diangkat (Suraya, 2003: 62). Penglibatan golongan agamawan untuk mengangkat istilah Kadazan dapat dibuktikan melalui cadangan yang telah dikemukan oleh Rev. Thu En Yu daripada Gereja Protestant Church Sabah (PCS) melalui sebuah tesisnya.

Kadazandusun Cultural Association (KDCA) pula telah melalui pelbagai resolusi untuk mencapai kata dalam menentukan definisi Kadazandusun bagi memastikan semua pihak berpuas hati dengan pendefinisian istilah tersebut. Pertemuan yang pertama untuk membincangkan pendefinisian KadazanDusun adalah pada 6-7 Ogos 1961 di Pusat Komuniti Jesselton yang mengkategorikan Dusun, Idahan, Paitan dan Murut sebagai Kadazan. Kemudian, pada 1989 berlaku Resolusi Kadazandusun Pertama yang mana telah memutuskan penggabungan istilah Kadazandusun bagi menyelesaikan krisis istilah 'Kadazan' dan 'Dusun'. Pada tahun 1995, KDCA telah mengadakan Resolusi Bahasa Kadazandusun sebanyak dua kali iaitu pada 24 Januari 1995 untuk memutuskan bahawa Kadazandusun sebagai nama rasmi bagi bahasa Kadazandusun manakala pada 11 April 1995 KDCA memutuskan bahawa dialek rasmi bagi Kadazandusun adalah dialek Bundu Liwan.

Pada Persidangan Delagasi KDCA ke-10 yang telah berlangsung 4-5 Disember 2004, persidangan memutuskan dan mengusulkan kepada kerajaan Malaysia untuk menggunakan istilah Kadazandusun sebagai nama banga masyarakat di dalam semua dokumen pengenalan diri merangkumi kad pengenalan, sijil kelahiran atau dokumen yang berkaitan bukannya memisahkan istilah Kadazandusun kepada 'Kadazan dan Dusun kerana kedua-dua nama tersebut merujuk kepada suku atau etnnik yang sama. Perlembagaan Kadazandusun Cultural Association telah menggariskan dalam artikel 6 (1) untuk mendefinisikan orang asal atau masyarakat peribumi di Sabah kepada beberapa kumpulan etnik seperti yang berikut:

Foto 1: Senarai Masyarakat Peribumi Sabah
Sumber: Portal Rasmi Kadazandusun Cultural Association.

Perbincangan mengenai konseptual Kadazandusun ini bukan menjadi titik perbincangan dalam penulisan ini tetapi perkara tersebut hanya untuk menjelaskan dan memberikan pencerahan mengenai dua istilah yang berbeza iaitu Kadazan dan Dusun.

Teori Asal Usul Masyarakat Kadazandusun

Masyarakat Dusun dipercayai daripada ras Mongoloid dan menggunakan yang dipercayai telah menetap di Borneo sekitar tahun 6000 sehingga 10000 tahun. Teori kemunculan manusia di Pulau Borneo menjadi asas kepada teori kemunculan masyarakat Dusun (Saimin, 2021: 14). Melalui teori tersebut, dikatakan bahawa masyarakat Bunun daripada Pulau Farmosa (Taiwan) adalah manusia terawal daripada ras Mongoloid yang telah bertapak 2500 sebelum Masihi. Masyarakat Bunun merupakan asal usul kepada orang Dusun. Hal ini didasari dengan lokasi petempatan awal mereka di sepanjang sungai Miri dan Baram, Sarawak dan Tutong dan Belait, Brunei. Kaum Kayan merupakan penduduk majoriti di Baram manakala di Miri ada komuniti Dusun tetapi dalam jumlah yang sedikit (Shim, 2007).

Beberapa teori kedatangan lain turut dikaitkan dengan kemunculan masyarakat Dusun. Misalnya, Godfrey Hewett berpandangan bahawa masyarakat Dusun adalah berasal

daripada China yang turut merupakan ras mongoloid. Teori ini muncul ekoran wujudnya persamaan dalam jenis pekerjaan dan seni bina yang ada dalam komuniti Dusun. Walau bagaimanapun, teori ini telah disangkal oleh Owen Rutter. Beliau berpandangan bahawa kehadiran China hanya sekadar membawa kebudayaannya dan menolak teori yang dikemukakan oleh Godfrey bahawa masyarakat Dusun berasal daripada China.

Asal Usul Nunuk Ragang

Masyarakat Dusun mempunyai satu kebiasaan iaitu apabila memberikan nama kepada sesuatu tempat atau benda, nama yang diberikan akan mempunyai maksud yang tersirat (Fee & On, 2012: 92-96). Nunuk Ragang dipercayai diambil daripada dua perkataan dusun iaitu "nunuk" yang merujuk kepada sejenis pokok iaitu pokok banyan manakala "ragang" pula merujuk kepada warna merah. Oleh itu, Nunuk Ragang dapat didefinisikan sebagai pokok banyan berwarna merah. Walau bagaimanapun, ada juga cerita masyarakat terdahulu yang menyatakan bahawa, Nunuk Ragang bukan merujuk pokok banyan yang berwarna merah tetapi tubuh badan manusia di kawasan itu yang berwarna merah (Kg. Kaingaran Ranau, 2013).

Kewujudan Nunuk Ragang seringkali dikaitkan dengan petempatan awal masyarakat Dusun yang terawal. Penduduk Dusun di daerah Ranau amat signifikan dengan Lagenda Nunuk Ragang dan lagenda tersebut sehingga hari ini masih dapat didengar dan disebut oleh masyarakat Dusun. Menurut lagenda tersebut, pada suatu ketika dahulu, ketua kaum Dusun mempunyai seekor ayam jantan ajaib. Lebih menarik lagi, saiz ayam tersebut seperti seekor kerbau. Ayam tersebut seringkali merayau-rayau ke mana-mana tempat, namun pada waktu malam ayam itu akan tidur di atas Nunuk Ragang.

Umum mengetahui bahawa, orang Dusun signifikan dengan kegiatan penanaman padi huma. Dalam lagenda ini dikatakan bahawa, semasa orang Dusun sedang menjalankan kerja-kerja penanaman padi, mereka telah mendengar sesuatu iaitu suara manusia daripada bawah tanah. Suara tersebut sangat menghairankan mereka sehingga mereka mengambil keputusan untuk mengorek tanah tersebut. Selepas tanah itu digali, maka didapati bahawa terdapat lubang di dalam tanah tersebut yang mana lubang tersebut didiami oleh ramai orang. Ketua manusia yang tinggal di dalam lubang itu memberitahu bahawa mereka berada di kawasan itu adalah untuk merampas petempatan yang dimiliki oleh orang Dusun. Orang Dusun telah diberikan amaran, sekiranya orang Dusun tidak mahu meninggalkan tempat itu maka, manusia yang tinggal di dalam lubang itu akan membunuh orang Dusun (Low, 2005: 19-20).

Foto 2: Pintu Masuk Nunuk Ragang
Sumber: Uwe Aranas (2013).

Ekoran daripada keadaaan tersebut, orang Dusun telah melakukan perpindahan sehingga berlaku perpecahan penduduk Asli Nunuk Ragang. Perpecahan ini dikatakan telah membawa orang Dusun berpindah ke Kudat, Penampang, Ranau dan beberapa lagi tempat khususnya di dalam Sabah. Pemilik ayam ajaib yang juga merupakan ketua orang Dusun pula telah dibawa terbang oleh ayamnya sehingga sampai ke Ranau. Selepas tiba di

Ranau, ayam ajaib tersebut telah mengais tanah tersebut sehingga tanah tersebut menjadi tanah yang rata dan luas.

Foto 3: Bobolian dalam Pesta Nunuk Ragang
Sumber: Murphy (2006).

Apabila kejadian ini diketahui oleh penghuni bawah tanah yang jahat, maka mereka pun datang ke Ranau untuk membunuh ayam ajaib milik ketua orang Dusun. Kehadiran mereka ke Ranau dirasai oleh ayam tersebut dan ayam itu terbang ke Tambunan sebelum orang jahat itu sempat membunuh ayam itu. Ayam ajaib sekali lagi melakukan hal yang sama seperti yang dilakukannya di Ranau. Ayam ajaib ini telah meratakan tanah di Tambunan dan terbang ke Keningau kerana orang-orang jahat itu masih lagi memburu ayam tersebut. Ayam itu, terus menetap di sana sehingga meninggal dunia akibat sakit tua. Dari sudut yang lain pula, Nunuk Ragang juga dikaitkan dengan kepercayaan Momolianisme atau Animisme (Segunda, 2004: 180-185). Nenek moyang masyarakat Dusun percaya bahawa wujudnya interaksi

antara alam dan roh di sekeliling Nunuk Ragang. Perkara ini menyebabkan Nunuk Ragang dipercayai mempunyai unsur mistik bahkan sehingga hari ini masih wujud masyarakat Dusun yang berpegang teguh kepada kepercayaan ini khususnya golongan bobolian.

Pada tahun 2004, pihak KadazanDusun Cultural Association (KDCA) telah membina tugu peringatan Nunuk Ragang yang terletak di Kampung Tampias, Ranau. Kampung ini dipercayai merupakan kampung asal masyarakat Dusun sebelum mereka berpecah ke pelbagai daerah. Walau bagaimanapun, sehingga hari ini belum ada bukti arkeologi bahawa wujudnya petempatan manusia lampau yang mampu mengesahkan cerita masyarakat tempatan mengenai kawasan tersebut adalah asal mula masyarakat Dusun.

Potensi dan Justifikasi Tapak Nunuk Ragang

Tugu Nunuk Ragang yang terletak di Ranau ini tidak dapat dinafikan bahawa mempunyai potensi dan kepentingannya. Bagi menjustifikasikan kepentingan tapak ini, terlebih dahulu, kita perlu melihat perkara ini dari aspek politik. Dalam konteks ini, kita dapat melihat bahawa Kadazan Dusun Cultural Association (KDCA) merupakan pihak berkepentingan apabila melibatkan tugu Nunuk Ragang. KDCA merupakan antara badan bukan kerajaan yang penting dalam usaha memelihara, pembangunan, dan mempromosikan pelbagai budaya etnik KadazanDusun (KDCA Sabah, 2022). Dalam hal ini, tugu Nunuk Ragang juga merupakan salah satu tapak yang menjadi fokus untuk dibangunkan dan dipelihara. Oleh itu sekiranya tugu Nunuk Ragang melalui proses pengurusan Warisan, pihak KDCA juga antara pihak yang akan terlibat langsung dalam hal ini.

Jika dinilai dalam aspek ekonomi, tugu Nunuk Ragang sudah semestinya antara tugu yang berpotensi untuk memberikan faedah dalam aspek ekonomi. Tugu Nunuk Ragang saban tahun

akan dikunjungi oleh pelancong terutamanya sewaktu sambutan perayaan. Antara perayaan yang lazimnya akan diadakan di kawasan tugu Nunuk Ragang ini termasuklah Pesta Nunuk Ragang, iaitu acara perjumpaan tahunan bagi masyarakat Kadazan Dusun. Pesta ini bukan sahaja akan mengalakkan kehadiran masyarakat tempatan, tetapi turut menarik perhatian pelancong yang ingin melihat diversiti budaya di Sabah khususnya daerah Ranau. Perkara ini menunjukkan bahawa wujudnya potensi untuk memajukan ekonomi pelancongan melalui tugu Nunuk Ragang (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Negeri Sabah, 2022).

Foto 4: Persembahan Okestra Sempena Pesta Nunuk Ragang
Sumber: Murphy (2006).

Elemen penting yang wujud dalam tugu Nunuk Ragang adalah nilai simbolik. Segelintir masyarakat Dusun masih percaya bahawa Nunuk Ragang merupakan rumah asal bagi nenek moyang bangsa mereka. Hal ini menjadi indikator penting bahawa

tugu ini mempunyai nilai simbolik dalam kalangan masyarakat Dusun dan mereka masih menganggap kepercayaan terhadap Nunuk Ragang masih relevan. Nilai rohani juga antara nilai yang perlu dititikberatkan dalam melakukan penilaian ke atas tapak ini.

Walaupun masyarakat Dusun pada hari ini sudah mempunyai sistem agama yang tersusun, tetapi masih wujud masyarakat yang berpegang teguh kepada Momolianisme. Kepercayaan ini boleh dikatakan bersifat mistik kerana kepercayaan ini merupakan hubungan antara manusia dan perkara yang tidak kelihatan. Antara ritual yang masih dilakukan oleh golongan bobolian termasuklah ritual Potunguh Poluyung Porindakoh Barakat Pinabasan Om Piunungan Sompomogunan (Upacara Menuang, mengalirkan berkat kedamaian, perpaduan dan persefahaman sedunia). Ritual lazimnya ini dilakukan di sebatang sungai yang berhampiran dengan tugu Nunuk Ragang seperti Sungai Kogibangan dan Sungai Kawananan. Ritual ini dipercayai akan membuat Minamangun (Sang Pencipta) memberikan kesejahteraan ke atas dunia ini melalui darah korban binatang ternakan yang dialirkan di sungai tersebut (Ramli Carlo, 2021).

Secara tuntasnya, melalui dapatan ini, kita mengetahui bahawa tugu Nunuk Ragang sesungguhnya sangat penting dan wajar untuk diangkat sebagai sebuah tapak warisan. Potensinya secara ekonomi perlu diberikan perhatian. Tugu Nunuk Ragang mempunyai kekuatan untuk dijadikan sebagai daya tarikan pelancongan di kawasan Ranau. Setiap tahun pada minggu pertama bulan Julai, Pesta Nunuk Ragang akan dijalankan bagi memperingati asal usul masyarakat Dusun. Melalui penganjuran pesta tersebut, pelancong dalam negara dan luar negara yang hadir ke pesta tersebut dijangka akan menyumbang kepada ekonomi rakyat. Di samping itu, nilai simbolik dan rohani yang dipaparkan melalui aktiviti momolianisme dan kepercayaan terhadap nenek moyang menjadikan tugu ini tampil dengan keunikannya. Perkara ini dilihat mampu menjadi daya penarik kepada tugu Nunuk Ragang.

Perlindungan dan pengurusan tapak

Tapak Tugu Nunuk Ragang mengalami dua isu utama dalam memastikan perlindungan dan pengurusannya. Pertama, adalah kekurangan kakitangan atau pekerja pengurusan. Kedua, adalah isu berkaitan dengan kos penyelenggaraan.

Foto 5: Ruang Dalam Tugu Nunuk Ragang
Murphy (2006)

Oleh itu bagi memastikan perlindungan dilakukan di tapak ini, KDCA telah melakukan ujian kecacatan terhadap tugu Nunuk Ragang. Hal ini telah dilakukan April 2022 oleh KadazanDusun Cultural Association (KDCA) apabila mereka melakukan lawatan di Tugu Nunuk Ragang. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk melihat masalah-masalah yang terjadi ke atas tugu Nunuk Ragang. Lawatan ke tugu tersebut dihadiri Huguan Siou, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan merangkap Presiden KDCA Sabah, turut hadir sama untuk melakukan kajian kecacatan terhadap tugu tersebut adalah Juelber Albert, wakil daripada Majlis Daerah Ranau dan Jurutera Jabatan Air Ranau.

Dalam lawatan tersebut (Warta Oriental, 2022). Dalam lawatan tersebut ahli-ahli KDCA Ranau telah menunjukkan kepada Huguan Siou bentuk-bentuk masalah yang dihadapi oleh tugu Nunuk Ragang dan Huguan Siou turut diterangkan tentang tindakan penyelenggaraan yang akan dibuat di tugu tersebut. Hal ini menunjukkan bahawa, pihak KDCA Ranau terlebih dahulu melakukan ujian kecacatan sebelum melakukan proses penyelenggaraan ke atas tugu tersebut.

Cadangan dan Langkah

Dalam memastikan tugu Nunuk Ragang terus terpelihara dan terjaga, beberapa cadangan dan langkah dapat diambil untuk memberikan perlindungan, pemuliharaan dan pemerliharaan yang berterusan. Berikut merupakan antara cadangan langkah yang dapat diketengahkan untuk melindungi, memulihara dan memelihara tugu Nunuk Ragang.

Foto 6: Penerangan Pihak KDCA tentang keadaan Nunuk Ragang

Sumber: Warta Oriental (2022)

Penyelidikan dan Dokumentasi

Tugu Nunuk Ragang merupakan satu monumen yang kurang dikenali oleh masyarakat sama ada di Sabah mahupun masyarakat luar negeri ini. Sejarah disebalik tugu ini juga masih ramai yang tidak mengetahuinya. Oleh itu, adalah wajar bagi proses penyelidikan dan dokumentasi dilakukan ke atas tapak ini. Rasionalnya adalah kita mahu melihat satu kajian yang mendalam terhadap tinggalan budaya di kawasan tapak ini. Melalui kajian yang mendalam, hubungkait antara tugu tersebut dan sejarah masyarakat Dusun yang dipercayai pernah tinggal di kawasan tersebut dapat dibuktikan melalui kajian yang holistik dan komprehensif bagi membantu masyarakat memahami latar belakang tapak tersebut. Kita juga menyedari bahawa, amat sukar untuk kita memahami kehidupan masyarakat silam khususnya masyarakat Dusun di Nunuk Ragang. Maka dengan itu, tindakan melakukan penyelidikan dan dokumentasi membantu kita membentuk dan menggambarkan semula keadaan masyarakat silam.

Pendidikan dan Kempen

Pendidikan merupakan juga salah satu langkah yang dapat diambil untuk melindungi tapak warisan yang ada. Pendidikan formal di peringkat sekolah rendah dan menengah adalah medium yang dapat digunakan untuk memupuk pelajar menghargai tapak warisan yang ada. Kesedaran pelajar di Malaysia tentang kepentingan memelihara warisan dan mereka juga menghindarkan diri daripada menyertai aktiviti-aktiviti perlindungan warisan (Azman et al, 2010: 504-511). Penemuan ini menekankan kepentingan pendidikan warisan dalam meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap warisan dan dalam mempromosikan perlindungan warisan secara lestari. Jika tidak wujud sebarang usaha untuk menjadikan pendidikan sebagai alat pemerkasaan pendidikan warisan, maka amat sukar untuk membentuk kesedaran masyarakat dari usia yang muda lagi. Di peringkat negeri Sabah, guru-guru sejarah, pensyarah atau pengamal sejarah sendiri harus memainkan peranan penting

dalam mewujudkan kesedaran dalam kalangan pelajar dan umumnya masyarakat Sabah.

Pengekalan

Pengekalan merupakan salah satu pendekatan yang diletakkan di bawah kaedah pemuliharaan. Proses ini menuntut kita untuk menjaga, melindungi dan mengekalkannya dan mengelakkan sesuaatu tapak daripada menjadi rosak. Perkara ini perlu dilakukan sebagai langkah awal mencegah sebarang kerosakkan ke atas tapak warisan. Tugu Nunuk Ragang dikelillingi oleh beberapa pokok yang secara semulajadinya berada di sana sejak tugu tersebut dibina. Oleh itu, kewujudannya tidak boleh diganggu. Bagi mengekalkan tugu ini sama ada dari warna, kekuatan tugu dan bahan binaannya, tugu perlu sentiasa diperiksa bagi memastikan tugu masih dalam keadaan yang sama.

Pencegahan

Setiap tugu sudah tentu akan mengalami kemerosoton yang berpunca daripada agen kereputan dan kerosakkan di sekeliling tapak warisan. Oleh itu, langkah pencegahan perlu diambil untuk memastikan sesuatu tapak dapat diselamatkan daripada kemerosotan. Dalam konteks tugu Nunuk Ragang, tugu tersebut berhadapan dengan agen kemerosotan semulajadi seperti hujan dan cuaca yang panas. Keadaan ini menyebabkan warna cat pada tugu mengalami hakisan dan luntur akibat perubahan cuaca yang sering berlaku.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, tugu Nunuk Ragang merupakan antara tugu atau monumen yang perlu diberikan perhatian oleh kerajaan

Negeri Sabah. Tugu tersebut mempunyai nilai yang penting untuk kita pertahankan bersama. Tugu ini merupakan simbolik kepada masyarakat Dusun. Mereka begitu percaya bahawa masyarakat awal bangsa Dusun khususnya nenek moyang mereka lahir dan tinggal di kawasan tersebut. Dalam hal ini kita melihat bahawa begitu penting kawasan Nunuk Ragang kepada masyarakat Dusun. Tambahan lagi, perkara ini juga menyerlahkan lagi potensi tugu Nunuk Ragang sebagai kawasan pelancongan warisan di Ranau, Sabah. Oleh itu, usaha jitu perlu diambil bagi melindungi, memelihara dan memulihara tapak tersebut.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

Azizah Hamzah. 2010. Kaedah Kualitatif Dalam Penyelidikan Sosiobudaya. Jurnal Pengajian Media Malaysia, 6(1), 1-10.

Azman, N., Halim, S. A., Liu, O. P., Saidin, S., & Komoo, I. 2010. Public Education in Heritage Conservation for Geopark Community. Social and Behavioral Science, 7(C), 504-511.

Fee, L. Y., & On, L. K. 2012. Investigating the Relationship between Kadazandusun Beliefs about Paddy Spirits, Riddling in Harvest and Paddy-related Sundait. Southeast Asia Journal of General Studies, 92-96.

Ismail Yusoff.1997. Politik Dan Agama Di Sabah, Bangi: Penerbit UKM.

Jureniene, V., & Radzevicius, M. 2014. Models of Cultural Heritage Management. Transformations in Business & Economics, 13(2), 236-256.

Low Kok On. 2005. Membaca Mitos Lagenda Kadazan Dusun, Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd Shafie Abu Bakar. (1991). Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi dan Bidang Berkaitan (ed. Edisi Kedua). Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Mohd. Yaakub Hj. Johari. 1989. Issues in the Identification and Classification of Indegenous Ethnic Groups in Sabah and Sarawak, Sarawak Museum Journal, 40 (60), 209-218.

Rutter. O. 1929. The Pagans of North Borneo. University of Oxford.

Saimin Ginsari. 2022. Sejarah Migrasi Dusun di Sabah. Tuaran: Institut Pendidikan Guru Kampus Kent.

Segunda, P. 2004. This Sacred Earth: Religion, Nature, Environment. Norway: Routledge.

Shim, P.S. 2007. Inland People of Sabah: Before, During and After Nunuk Ragang.

Suraya Sintang. 2003. Penganutan Agama Islam dan Kristian di Kalangan Masyarakat KadazanDusun di Sabah. Jurnal Usuluddin (18), 59-80.

Tesis

Bede John. 1996. Sejarah Perkembangan Sosio-Ekonomi Masyarakat Kadazan/Dusun di Sabah: Tumpuan Kepada Daerah Tambunan, Bangi. (Tesis Sarjana Muda). Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sumber Internet

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Negeri, & Sabah. 2022. Moginakan Fest Unites the People. Diakses dari https://kepkas .sabah.gov.my/moginakan-fest-unites-the-people/ pada 12 November 2022.

Portal Kadazandusun Cultural Association (KDCA). 2023. Dipetik daripada https://www.kdca.org.my/about. Diakses pada 12 November 2022.

Video

Kg. Kaingaran Ranau. 2013. Asal Usul Nunuk Ragang. Youtube. Dipetik https://youtu.be/0EBoQyct2T0 pada 24 Januari 2023.

Ramli Carlo. (2021). Ritual Unik Di Kg Nunuk Ragang Ranau Pada 20 April 2021. Youtube. Dipetik dari https://youtu.be/SZgQdN s1ZN0 pada 24 Januari 2023.

Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2023, Vol.8 (1), hlm. 189-202
e-ISSN: 2600-8726© Mohd. Shahhidel Bin Musa
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

ILMU PERUBATAN TRADISIONAL ETNIK MELAYU SARAWAK

Traditional Ethnic Medicine of Sarawak Malays

Mohd. Shahhidel Bin Musa[1]

[1&3]*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*
[2]*Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400, Kota Kinabalu, Sabah*
[1]mshahhidel000@gmail.com,
Dihantar:24 Mac 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023

Abstrak

Ilmu perubatan tradisional merupakan ilmu perubatan yang telah wujud sebelum ilmu perubatan moden. Kedua-dua ilmu ini merupakan ilmu yang saling membantu antara satu sama lain. Ilmu perubatan tradisional khususnya daripada etnik Melayu di Sarawak menjadi salah satu warisan dan perlu diturunkan kepada generasi akan datang. Hal ini kerana mempunyai nilai sebagai sumber warisan. Walaupun begitu, perubatan tradisional Melayu Sarawak kian pupus. Pengurusan sumber warisan ke atas ilmu ini perlu diberi perhatian dan pada masa kini telah ada usaha-usaha tersebut. Maka, penulisan ini akan menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan isu-isu berkaitan perubatan ini. Hal ini kerana penjagaannya mempunyai kepentingan. Seterusnya, kaedah pengurusan dan cadangan pemuliharaan dan pemeliharaan akan diambil kira dalam penulisan ini.

Kata Kunci: Warisan Budaya, Perubatan Tradisional, Melayu Sarawak

Abstract

Traditional medicine is a medical science that existed before modern medicine. These two sciences are sciences that help each other. The knowledge of traditional medicine, especially from the Malay ethnic group in Sarawak, is one of our heritages and needs to be handed down to the next generation. This is because it has value as a source of heritage. Even so, Sarawak Malay traditional medicine is dying out. The management of heritage resources on this knowledge needs to be given attention and nowadays there have been such efforts. So, this writing will touch on matters related to these medical issues. This is because its care has importance. Next, management methods and conservation and preservation recommendations will be taken into account in this writing.

Keywords: *Cultural Heritage, Traditional Medicine, Sarawak Malays*

Pengenalan

Masyarakat Melayu Sarawak mempunyai pelbagai sumber warisan yang perlu dipertahankan oleh generasi masa kini untuk diteruskan pewarisannya kepada generasi akan datang. Antara sumber warisan yang dimiliki oleh Melayu Sarawak adalah ilmu perubatan tradisional. Pengamalan ilmu ini penting kerana dapat menyembuhkan banyak penyakit yang tidak dapat diubati perubatan moden pada hari ini. Namun begitu, kesedaran tentang warisan ini amat kurang diketahui oleh generasi muda pada masa kini. Maka jumlah akal yang mengetahui dan menguasai ilmu perubatah tradisional Melayu Sarawak adalah sedikit. Oleh itu, esei ini mengupas tentang isu-isu terkini perubatan tradisional Melayu Sarawak. Pada masa yang sama, esei ini juga akan menyentuh tentang kepentingan, cabaran dan langkah pengurusan sumber warisan yang bernilai ini.

Perubatan Tradisional Melayu Sarawak

Ilmu perubatan tradisional Melayu secara umumnya tidak mempunyai perbezaan yang jelas dengan perubatan tradisional Orang Melayu yang lain di Nusantara. Kaedah penggunaannya sering dikaitkan dengan perbomohan. Hal ini bermaksud terdapat campur tangan makhluk halus dalam pengubatan secara tradisional Melayu Sarawak. Namun demikian, ilmu perubatan tradisional Melayu secara umumnya tidak ada kaitan dengan perbomohan. Ilmu perubatan tradisional Melayu merupakan satu warisan dari semasa ke semasa dan kaedah pengubatan secara alternatif yang di amal bersama ayat Al-Quran serta herba yang pelbagai (Baharudin, 2020). Tambahan pula, perubatan tradisional Melayu Sarawak juga boleh dikaitkan dengan pengubatan dengan hati (Tib Al-Qalb). Hal ini dikatakan demikian kerana perubatan tradisional Melayu Sarawak menyelitkan doa-doa tertentu yang diterima dalam Islam. Sekiranya ilmu perubatan tersebut melibatkan campur tangan makhluk halus atau mempunyai unsur khurafat, maka ilmu perubatan tersebut boleh dikatakan daripada perbomohan. Hal ini menjadi satu kemungkinan generasi kini meninggalkan ilmu perubatan ini.

Pengamalan ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak tidak bertentangan dengan tujuan asal perubatan tradisional Melayu secara umum iaitu untuk kebaikan pelbagai aspek kesihatan, kebaikan jasmani dan rohani. Malahan penggunaannya boleh merangkumi keselamatan diri dari persekitaran yang berbahaya, kecantikan fizikal, pekerjaan, hidup berkeluarga dan urusan dirumah (Hamidah Abdul Wahab, 2013: 91). Manfaat daripada perubatan ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak adalah sangat luas. Oleh sebab itu, perubatan ini perlu dikekalkan sebagai warisan. Pengekalannya akan memberikan banyak peluang kepada ramai pihak untuk memanfaatkan perubatan tradisional Melayu Sarawak dalam pelbagai aspek. Misalnya, tujuan komersial, tujuan kesihatan alternatif, tujuan pelancongan dan sebagainya.

Selain itu, ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak disebutkan dalam Sarawak Gazette bertarikh 1 Mei 1922. Dicatatkan bahawa terdapat sejenis penyakit yang biasa muncul dalam masyarakat di Sarawak tidak kira dari etnik mana sekalipun. Penyakit ini mempunyai nama yang berbeza tetapi hakikat penyakit adalah sama iaitu yang dinamakan Frambusia. Rawatan secara tradisional yang diamal oleh Melayu Sarawak adalah dengan menggunakan batang birah, daun birah dan kapur. Batang birah dipotong, dicampur bersama kapur dan disapu pada tempat sakit manakal daun birah dijadikan sebagai pembalut (Sarawak Gazette, 1922: 118). Bahkan terdapat kaedah yang lain dengan menggunakan lada, buah pala, cengkih dan changkuk (Sarawak Gazette, 1922: 118). Tumbuhan herba seperti ini turut digunakan dalam rawatan penyakit Frambusia. Tambahan pula, tiada perbezaan perubatan tradisional Melayu Sarawak dengan perubatan tradisional Melayu di Semenanjung Tanah Melayu melainkan sedikit. Misalnya, Melayu di Kelantan menggunakan bahan tumbuhan seperti ceraka merah, bebuta, merunggai, kecubung hitam, warangan dan serbuk kaca (Gimlette, J. D., 1923: 2). Pada akhirnya, proses penggunaan herba ini menunjukkan terdapat jenis-jenis rawatan untuk satu penyakit. Sekaligus membuktikan Melayu Sarawak mempunyai ilmu perubatan tradisional tersendiri.

Masyarakat Melayu Sarawak juga didapati mempunyai ilmu perubatan tradisional dengan memanfaatkan apa yang berada di sekitarnya. Hal ini disebut dalam kajian tahun 2013. Perubatan terdapat dalam pantang larang yang diamalkan oleh Melayu Sarawak. Contohnya, amalan berdiang yang perlu dilakukan oleh wanita selepas bersalin. Amalan ini dilakukan kerana membantu peredaran darah yang lebih teratur dalam tubuh wanita yang baru bersalin. Berdiang bermula dengan membuat unggun api terlebih dahulu dan wanita Melayu tersebut perlu duduk berdekatan dengannya selama 40 hari (Hamidah Abdul Wahab, 2013: 92). Disebabkan kemudahan yang lebih maju dizaman moden, amalan ini telah ditinggalkan. Amalan lain seperti untuk kecantikan juga turut diamal dengan membaca doa khusus. Hal ini menunjukkan terdapat kepercayaan agama yang terlibat dalam perubatan

tradisional Melayu Sarawak berupa penjagaan kecantikan wanita. Berikut menunjukkan salah satu contoh jampi untuk kecantikan:

Bismillahirrahmanirrahim
Induk kunyit, induk melati
Ditanam Allah belakang bumi
Muka berseri-seri
Seperti anak Rasulullah yang menjadi
Seri naik ke dahi
Cahaya naik ke muka
Bendang naik ke belakang
Ya Allah, Ya Allah
Kukuhkan Allah
Berkat ku makei doa Rasulullah

Amalan mandi bunga juga mempunyai tujuan yang sama seperti doa tersebut. Perubatan tradisional Melayu kebiasaanya mempraktikkan mandi bunga. Namun, amalan mandi bunga sering disalahertikan dengan upacara perbomohan. Namun tanggapan seperti ini adalah kurang tepat. Mandi bunga adalah salah satu rawatan tradisional masyarakat Melayu sejak zaman dahulu. Amalan mandi bunga diamalkan juga oleh Melayu Sarawak dalam perubatan tradisional. Malahan tujuan mandi bunga merangkumi penjagaan kesihatan dan lebih cenderung untuk menjaga kecantikan. Selain daripada itu, manfaat mandi bunga yang lain adalah menaikkan aura, mengembalikan kesegaran badan dan mewujudkan wangian pada tubuh badan (Wan Husni Wan Abdullah et al., 2019: 132). Maka, amalan mandi bunga dalam perubatan tradisional Melayu Sarawak membantu dalam menjaga kesihatan dan kecantikan seseorang.

Penggunaan doa-doa seperti ini digunakan atas tujuan yang baik-baik. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan nama-nama Allah, nama Rasulullah dan orang-orang soleh diselitkan dalam doa-doa tersebut. Perkara ini menjelaskan bahawa nama-nama tersebut digunakan sebagai perantara (tawasul) agar menjadi sebab sesuatu doa itu menjadi mujarab. Selain itu, perkara yang menarik dalam perubatan tradisional Melayu Sarawak ini juga dirujuk kepada asimilasi di antara ilmu

tentang alam dan ilmu agama Islam. Disamping menggunakan doa-doa khusus, perubatan ini mengenakan pantang-larang kepada pesakit seperti menghindar makanan tertentu. Secara tidak langsung doa, usaha, tawakal dan ikhtiar tidak ditinggalkan dalam perubatan tradisional Melayu Sarawak yang selari dengan tuntutan agama Islam. Sebagai contoh, sakit angin dirawat dengan ilmu conteng yang menggunakan kapur. Doa khusus akan dibaca pada setiap contengan. Pada masa yang sama pesakit dilarang untuk memakan cili dan ikan sembilang (Monaliza Sarbini-Zin et al., 2014: 80). Manakala doa khusus yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

Doa Tajam
Bismillah hir Rahman nir Rahim
Pokok pandan
Bunga pudak [sejenis daun pandan]
Akar dia
Tungkur babi
Datang tajam
Datang senak
Diconteng dengan kapur
Terus sik jadi.

Doa-doa seperti ini jika diteliti seolah-olah bukan doa biasa yang digunakan dalam solat, membaca Al-Quran dan doa rutin harian seperti yang diajar dalam pengajaran Islam yang asal. Hal ini kerana terdapat pengaruh budaya tempatan dalam doa-doa tersebut. Bahkan masyarakat kini juga boleh keliru bahawa ianya seperti jampi-jampi serapah. Bagi mengelak salah faham tentang perubatan tradisional Melayu Sarawak, maka penelitian tentang ayat-ayat, perkataan dan frasa ayat perlu difahami. Seperti doa di atas, doa yang diminta adalah secara tidak langsung namun ianya menyebut kepada alat dan bahan yang digunakan. Ungkapan dalam doa adalah berupa perbuatan perawat dengan alat dan bahan yang digunakan semasa proses rawatan dijalankan.

Amalan perubatan tradisional Melayu Sarawak adalah amat jelas tidak bertentang dengan Islam. Hal ini dikatakan bahawa, doa-doa rawatan tidak berunsurkan pemujaan roh-roh, alam dan jin. Bahkan masyarakat Melayu Sarawak memulakan bacaan doa

rawatan dengan Bismillahirahmanirrahim (Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang) dan diakhiri dengan menyebut "dengan berkat kalimah Lailahaillallah Muhammadurasulullah" (Hamidah Abdul Wahab, 93: 2013). Awal dan akhir yang menggunakan kalimah-kalimah ini adalah dari Al-Quran dan kitab ini adalah ubat penawar kepada orang-orang beriman. Ayat 82 dari Surah Al-Isra' menjelaskan, "Dan kami menurunkan al-Qur'an menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang yang beriman dan al-Qur'an itu tidaklah menambah kepada orang yang zalim (melanggar perintah Allah) melainkan kerugian". Perkara yang penting dalam rawatan ini adalah tentang keserasian penyakit dengan dengan ubat dan keyakinan terhadap ubat tersebut (Nurdeang dan Hayati, 386: 2011).

Seterusnya, kajian yang pernah dilakukan pada tahun 2014 pula menunjukkan bahawa ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak semakin pupus. Hal ini berkait dengan faktor-faktor yang ditemui setelah soal selidik dilakukan dalam kajian tersebut. Hasil daripada kajian ini menunjukkan 13 jenis rawatan tradisional Melayu Sarawak yang diamalkan. Antaranya ialah, besembor, bertacam, berdal, beconteng, berparam, berpaus palak dan mandi bunga. Amalan ini semakin hilang ditelan zaman. Hal ini dilihat oleh informan yang ditemu bual sesuatu yang merisaukan dengan menyatakan bahawa perubatan tradisional Melayu Sarawak perlu dijaga agar warisan turun-temurun ini tidak hilang dalam diri masyarakat. Jelas sekali bahawa ilmu perubatan tradisional ini perlu diberi perhatian kerana kehilangan warisan ini adalah satu kehilangan yang sangat besar.

Salah satu proses rawatan daripada jenis-jenis rawatan tersebut boleh dilihat kepada amalan berconteng dan berjait. Rawatan ini khusus untuk menyembuhkan banyak jenis penyakit dengan menggunakan lafaz doa berupa pantun dan kapur yang dicampur sedikit air. Penyakit-penyakit yang dirawat dengan amalan ini adalah senak perut, muntah dan sakit pada anggota badan yang lain. Individu yang mengubat tersebut hendaklah menconteng kapur tersebut pada anggota badan pesakit agar menghilang. Berconteng dan berjait adalah hampir sama namun

berjait perlu membaca lafaz pantun dan meniup kepala pesakit yang terkena temuan (Rosnah Mustafa et al., 320: 2014).

Justifikasi Kepentingan Ilmu Perubatan Tradisional Melayu Sarawak

Ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak adalah sebahagian daripada warisan tempatan yang perlu dipertahankan. Perkara ini jelas apabila ilmu ini mempunyai nilai yang tinggi dan tersendiri. Oleh hal yang demikian, tidak dinafikan pasti banyak kepentingan yang terdapat pada bidang ilmu ini sebagai satu warisan.

Kepentingan ilmu ini dari segi nilai adalah sebagai rawatan yang lebih mujarab. Masyarakat pada hari ini cenderung untuk bergantung pada perubatan moden. Kesedaran tentang perubatan tradisional khususnya yang berasal dari masyarakat Melayu Sarawak semakin dilupakan. Sedangkan perubatan tradisional menyimpan pelbagai kemampuan yang tidak dimiliki perubatan moden. Pada masa yang sama, perubatan tradisional mampu mengubati penyakit yang tidak dapat dirawat di hospital dan klinik (Mohd Farhan, Khadher et.al, 2013: 79). Tambahan pula, perubatan moden dan perubatan tradisional Melayu saling melengkapi antara satu sama lain (Baharudin, 2020). Hal ini secara tidak langsung boleh memajukan bidang perubatan negara dengan acuan tersendiri. Jelas bahawa perubatan tradisional Melayu Sarawak mempunyai kepentingan berdasarkan parameter nilai.

Selain itu terdapat kepentingan ilmu ini dari segi nilai iaitu untuk penyelidikan. Penyelidikan ke atas ilmu perubatan tradisional Melayu perlu dijalankan bagi memahami bagaimana penggunaan herba-herba terpilih dalam rawatan memberi kesan kepada sesuatu penyakit. Sebagai contohnya penyelidikan yang pernah dijalankan oleh Pusat Racun Negara. Pihak mereka telah mendapati bahawa untuk mendapatkan herba yang terbaik hendaklah diambil pada masa-masa tertentu (Razak, 1996). Mereka merujuk perkara ini kepada pengamal perubatan

tradisional terlebih dahulu dan perkara ini adalah sahih. Hal ini adalah jelas bahawa ilmu perubatan tradisional perlu penyelidikan yang saintifik bagi menguji proses-proses pengubatannya. Dengan ini, adalah penting ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak untuk penyelidikan.

Dari segi tempoh masa, ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak ini membuktikan bahawa telah wujud selama beratus tahun bahkan ada yang mencetus ribu. Hal ini jelas apabila perubatan tradisional dikatakan telah muncul sebelum kedatangan ajaran Hindu yang juga muncul sebelum Islam pada abad ke-15 semasa era Kesultanan Melaka. Maka, perubatan tradisional Melayu Sarawak ini telah bermula semasa nenek moyang orang Melayu menganut animisme iaitu kepercayaan bahawa semua yang ada disekeliling adalah benda bernyawa (Abu Humayd, 2021). Secara tidak langsung sejarah ini menunjukkan ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak telah lama diamalkan. Pada masa yang sama, menunjukkan ilmu ini sudah kukuh kerana usia ilmu ini adalah sangat lama. Oleh kerana ini, ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak mempunyai kepentingan berdasarkan parameter tempoh masa.

Isu dan Cabaran Ilmu Perubatan Tradisional Melayu Sarawak

Cabaran utama kepada kelangsungan ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak adalah pengabaian ilmu ini oleh masyarakat Melayu Sarawak. Ilmu ini adalah sebahagian daripada budaya. Budaya adalah identiti kepada sesuatu kelompok masyarakat. Sekiranya ditinggalkan maka masyarakat akan hilang sebahagian daripada identitinya. Pengabaian ilmu ini sebagai dicetus dalam kajian pada tahun 2013. Dalam hal ini, ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak tidak diketahui oleh majoriti generasi muda bahkan tidak diterima oleh sebahagian golongan tua (Rosnah Mustafa et al., 2014: 321). Perkara ini amat jelas membimbangkan kerana sebuah warisan yang sangat bernilai bakal hilang ditelah zaman.

Hubungan yang belum kukuh diantara perubatan tradisional dan perubatan moden masih lagi wujud jurang diantara keduanya. Isu ini muncul apabila sumber rujukan untuk mengukuhkan ilmu pengetahuan tentang perubatan tradisional termasuk juga di Sarawak. Menurut Dr. Zaliha Mustafa pada 2023, tiada keharmonian diantara kaedah penyelidikan klinikal dengan asas-asas perubatan tradisional (Utusan Borneo Online, 2023). Perkara ini menyebabkan ilmu perubatan Melayu Sarawak di tinggalkan oleh masyarakat Melayu Sarawak sendiri pada hari ini.

Kaedah Pengurusan Warisan yang telah Dilaksanakan Bagi Ilmu Perubatan Tradisional Melayu Sarawak

Usaha untuk mengurus ilmu perubatan ini sebagai sebuah warisan bernilai tinggi telah dijalankan sebelum ini. Antara kaedah pengurusannya adalah dengan memantapkan identiti seseorang pengamal perubatan tradisional Melayu Sarawak. Walaupun begitu, kaedah ini dilakukan secara umum di seluruh negara tetapi masih menyentuh ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak. Pengiktirafan kemahiran seseorang pengamal akan diberi dengan sijil sebagai tandanya. Mereka yang memenuhi syarat sebagai pemegang sijil adalah berpengalaman sekurang-kurangnya 10 tahun yang berusia lebih 50 tahun (Nor 'Asyikin, 24 april). Oleh itu, pengiktirafan ini menjadi salah satu usaha untuk mengurus ilmu perubatan tradisional khususnya untuk perubatan tradisional Melayu Sarawak.

Pihak bukan kerajaan juga dilihat telah giat memupuk kesedaran kepada masyarakat tentang ilmu perubatan tradisional secara umum. Pertubuhan Sentuhan Kasih Al-Qalam Malaysia antara yang berusaha membetulkan persepsi yang negatif keatas bidang ilmu ini. Kebanyakan ahli masyarakat tidak memahami kandungan ilmu perubatan ini dengan menganggap ilmu perubatan tradisional Melayu adalah perbomohon (Muhammad Aminuraliff, 2020). Oleh itu, mereka berusaha untuk memartabatkan perubatan tradisional Melayu dengan mendedahkan kebenaran tentang ilmu perubatan tradisional

Melayu. Tambahan pula, mereka membetulkan tanggapan negatif masyarakat iaitu ilmu perubatan tradisional ini adalah khurafat dan menyesatkan umat Islam. Pada akhirnya, memberi kesedaran tentang ilmu perubatan tradisional Melayu menjadi salah satu kaedah pengurusan yang telah dijalankan khususnya daripada bukan kerajaan iaitu Pertubuhan Sentuhan Kasih Al-Qalam Malaysia.

Pengkomersialan pernah juga dilakukan daripada pihak Kerajaan Sarawak bagi memartabatkan warisan ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak. Ketua Menteri Sarawak (kini Premier Sarawak) pada 2019 menyatakan hasrat untuk menjadikan kepelbagaian herba di Sarawak sebagai produk bernilai tinggi untuk pasaran global. Beliau mengatakan Organisasi Pangan dan Pertanian menjangka keperluan perubatan herba meningkat dengan 80% penduduk dunia pada tahun 2020 (Marilyn Ten, 2019). Secara tidak langsung, ilmu perubatan tradisional Melayu boleh berkembang dengan pendedahan dilakukan terhadap bahan-bahan dalam rawatan tersebut. Dengan ini, kaedah pengurusan seperti ini telah dijalankan.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) turut menjadi pihak berkepentingan yang dalam mengurus sumber warisan ini. Hal ini amat jelas dengan kewujudan Akta 775 Perubatan Tradisional dan Komplimentari. Pemantapan ilmu perubatan tradisional ini sebagai sumber warisan juga dilihat pada usaha pembentukan satu badan kerajaan. Perkara ini adalah berdasarkan kelulusan Akta 775. Kelulusan Akta 775 ini telah mendorong tertubuh sebuah majlis pada 2017 iaitu Majlis Perubatan Tradisional dan Komplimentari atau T&CM Council (Nor 'Asyikin Nor Hayin, 2021). Melalui kaedah pengurusan yang seperti ini, ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak tidak terkecuali dalam pantauan kerajaan sebagai satu sumber warisan negara. Oleh itu, usaha yang dimainkan oleh kerajaan melalui KKM boleh adalah salah satu kaedah pengurusan ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak.

Cadangan dan Langkah untuk Perlindungan, Pemuliharaan dan Pemeliharaan Ilmu Perubatan Tradisional Melayu Sarawak

Kerajaan perlu memberikan perhatian kepada kelangsungan ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak. Melalui peranan kerajaan yang menyeluruh, bidang ilmu ini akan terhindar dari kepunahan. Beberapa usaha daripada kerajaan boleh dilakukan seperti memberi peruntukan mengorganisasikan pertubuhan yang berkaitan dengan perubatan tradisional Melayu Sarawak. Tambahan pula, bidang perubatan ini boleh memberikan kebaikan kepada negara. Hal ini kerana perubatan tradisional Melayu Sarawak boleh dimartabatkan sebagai satu perubatan beridentitikan Malaysia.

Pihak bukan kerajaan atau NGO perlu meneruskan usaha memberikan kesedaran tentang kepentingan ilmu ini sebagai satu warisan. Penyebaran maklumat berkenaan ilmu ini perlu dipergiatkan. Selain itu, NGO perlu mencari jalan yang lebih efektif dan efisien agar pengetahuan tentang warisan perubatan tradisional Melayu Sarawak meresap dalam masyarakat. Keahlian NGO dalam hal ini perlu di manfaat bagi menjamin kelangsungan ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak.

Kesimpulan

Ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak adalah salah satu warisan yang tidak boleh dilupakan. Warisan nenek moyang ini semakin dilupakan pada hari ini. Hal ini amat membimbangkan kerana ianya akan hilang suatu hari nanti. Usaha yang pernah dilakukan untuk memartabatkan ilmu ini perlu diteruskan malah perlu ditambah baik kaedah pengurusannya. Pihak yang ahli dalam bidang berkaitan dengan ilmu tersebut perlu mencari jalan agar ilmu perubatan tradisional Melayu Sarawak terus diwarisi oleh generasi-generasi akan datang. Menurut Tunku Abdul Rahman, "Pelihara untuk generasi masa depan… sesebuah negara

tidak akan berjaya kecuali jika ada sesuatu yang dapat kita warisi dan manfaatkan".

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

Gimlette, J. D. 1923. *Malay Poison and Charm Cures*. London: J & A Churchill.

Hamidah Abdul Hamid. 2013. Petua dan Pantang Larang Tradisional dalam Alam Melayu Sarawak. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman),* 1, 89-97.

Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad, Nor Izati Samsudin, Mohamad Zaim Isamail dan Muhammad Ikhlas Rosele. 2013. Seni Perubatan Alternatif Di Malaysia: Analisis Permasalahan Metode Rawatan. *Global Journal Al-Thaqafah*. 3, 79-90.

Nurdeang Deuraseh dan Hayati Lateh. 2011. Rukyah (Jampi) dalam Perubatan Tradisional Melayu sebagai Rawatan Penyakit, Pencegahan, Pendinding Diri dan Harta: Kehebatan dan Sumbangan Ilmuwan Nusantara. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (Nun)*. UKM. Hlm 383-391.

Rosnah Mustafa, Radina Mohd Deli, Monaliza Sarbini-Zin dan Wan Robiah Meor-Osman. 2014. Amalan Perubatan Melayu Sarawak. *Procedia-Social and Behavioral Sciences.* 134, 316 - 322.

Wan Husni Wan Abdullah, Mohammad Naqib Hamdan, Aminudin Hehsan, Zulkiflee Haron, Arieff Salleh Rosman dan Mohd Nasir Ripin. 2019. Terapi Mandi Bunga Dalam Perubatan MelayuUntuk Penjagaan Kesihatan Mental. *UMRAN – Interna tional Journal of Islamic and Civilizational Studies*. 6, 123-135.

Akhbar

Pustaka Negeri Sarawak. 1922. *The Sarawak Gazette*, Wednesday, March 1, No 882. https://www.pustakasarawak.com/gazettee/gazette_detail.php?iud=1922.

Utusan Borneo. 2023. "Sumber rujukan terhad antara cabaran perubatan tradisional dan komplementari belum kukuh". https://www.utusanborneo.com.my/2023/04/14/sumber-rujukan-terhad-antara-cabaran-perubatan-tradisional-dan-komplementari-belum-kukuh di akses pada 16 September 2023.

Internet

Abu Humayd. 2021. *Asal Usul Perubatan Melayu*, https://www.abuhumayd.my/2021/06/10/asal-usul-perubatan-tradisional-melayu/ akses pada 13 November 2022.

Marilyn Ten. 2019. *Sarawak has Huge Potential in Herbal Industry*, https://www.theborneopost.com/2019/08/15/sarawak-has-huge-potential-in-herbalindustry-cm akses pada 16 November 2022.

Muhammad Aminuraliff. 2020. *Memartabatkan Perubatan Melayu Tradisional*, https://www.sinarharian.com.my/article/92363/SUARASINAR/Analisis/Sinar/Memartabatkan-perubatan-tradisional-Melayu akses pada 12 November 2022.

Nor 'Asyikin Mat Hayin. 2021. *Perubatan Tradisional Melayu*, https://www.hmetro.com.my/sihat/2021/05/704059/perubatan-tradisional-melayu akses pada 30 November 2022.

Nor 'Asyikin Mat Hayin. 2022. *Memprofesional Perubatan Tradisional*, https://www.msn.com/en-my/news/berita/memprofesionalperubatantradisional/arAAWwgRv akses pada 15 Novermber 2022.

Razak Hj. Lajis. 1996. *Perubatan Tradisional: Antara Manfaat dan Risiko*, https://prn.usm.my/index.php/publications/magazines/dewankosmik/537perubatantradisional-antara-manfaat-dan-risikoapril-1996 akses pada 14 November 2022.

Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2023, Vol.8 (1), hlm. 203-214
e-ISSN: 2600-8726© Afrina Shafri Khan
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

TAMAN PRINCE PHILIP, TANJUNG ARU, SABAH

Prince Philip Park, Tanjung Aru, Sabah

Afrina Shafri Khan[1]

[1]*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*
[1]Afrinashafrikhan@gmail.com,
Dihantar:24 Mac 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023

Abstrak

Tapak warisan boleh merangkumi pelbagai aspek, termasuk bangunan bersejarah, situs arkeologi, kawasan landskap budaya, dan objek seni. Pentingnya pemeliharaan tapak warisan adalah untuk memastikan kelangsungan warisan budaya dan sejarah, serta untuk memberi peluang kepada masyarakat untuk mengenali dan menghargai akar-akar sejarah mereka. Pemeliharaan tapak warisan juga melibatkan pemuliharaan fizikal, penyelidikan dan interpretasi sejarah, serta pendidikan awam agar pengetahuan ini dapat disampaikan kepada generasi yang akan datang. Dalam dunia moden, tapak warisan menghadapi pelbagai cabaran seperti pembangunan pesat, pencemaran, dan kekurangan sumber daya. Objektif kajian secara dasarnya akan tertumpu kepada usaha mengetengahkan tapak warisan sebagai prospek pelancongan, di samping meneliti isu dan cabaran, serta cadangan dalam usaha pemantapan tapak warisan dari aspek perlindungan, pemuliharaan dan pemeliharaan sebagai inisiatif penambahbaikan pada masa hadapan. Kaedah kajian akan sepenuhnya akan menggunakan pendekatan kualitatif, dengan melakukan referensi terhadap sumber primer dan sekunder bagi menjayakan kajian.

Kata Kunci: Tapak Warisan, Taman Prince Philip, Sabah

Abstract

Heritage sites can encompass many aspects, including historic buildings, archaeological sites, cultural landscape areas, and art objects. The importance of preserving heritage sites is to ensure the survival of cultural and historical heritage as well as provide opportunities for communities to recognise and appreciate their historical roots. Preservation of heritage sites also involves physical preservation, historical research, and interpretation, as well as public education so that this knowledge can be passed on to future generations. In the modern world, heritage sites face various challenges such as rapid development, pollution, and a lack of resources. The objective of the study will basically be focused on efforts to highlight heritage sites as a tourism prospect, in addition to examining issues and challenges and making recommendations in efforts to strengthen heritage sites from the aspects of protection, conservation, and preservation as improvement initiatives in the future. The research method will fully use a qualitative approach by referring to primary and secondary sources to make the research successful.

Keywords: *Heritage Site, Prince Philip Park, Sabah*

Pengenalan

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, pembangunan budaya telah digalakkan untuk meningkatkan identiti nasional, mengukuhkan perpaduan, keharmonian dan integrasi nasional. Selain itu, pelbagai aspek budaya dibangunkan untuk menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang menyokong kepada pertumbuhan industri pelancongan. Penekanan yang lebih besar diberikan kepada aspek pembangunan kebudayaan, kesenian dan warisan. Hal ini turut disokong penuh menerusi pewartaan Akta Warisan Kebangsaan 2005 (selepas ini dirujuk sebagai AWK 2005) yang memberi fokus kepada perlindungan, pemuliharaan dan pemeliharaan semua bentuk warisan negara serta mempromosikannya untuk industri pelancongan di Malaysia.

Bertitik tolak daripada usaha kerajaan tersebut, artikel ini mengupas tentang sebuah tapak warisan penting di Kota Kinabalu iaitu Taman Prince Philip. Tapak ini merupakan sebuah tapak warisan penting yang memperlihatkan hubungan dan kerjasama antara kerajaan Malaysia dan Sabah umumnya dengan keluarga diraja Britain.

Tapak warisan memaparkan keindahan yang kaya dengan kepelbagaian seni bina, mencerminkan pengaruh budaya, agama dan sejarah yang unik yang membentuk setiap tamadun. Keajaiban seni bina yang ditemui di tapak warisan sering menunjukkan teknik pembinaan yang luar biasa. Tapak-tapak ini mempamerkan penguasaan ukiran batu, kerja batu, rangka kayu dan kaedah binaan tradisional yang lain. Seni bina di tapak warisan selalunya sarat dengan perlambangan dan makna. Setiap elemen reka bentuk, daripada pilihan bahan kepada susun atur dan hiasan, membawa kepentingan budaya dan agama. Struktur ini bukan sahaja bangunan berfungsi tetapi juga merangkumi nilai, kepercayaan, dan aspirasi masyarakat yang membinanya.

Taman yang mempunyai kepentingan sejarah bukan sekadar ruang statik yang beku dalam masa ia adalah landskap dinamik yang sering menganjurkan pelbagai acara dan menghadapi pelbagai isu yang mencerminkan perubahan keperluan dan perspektif masyarakat. Peristiwa dan isu ini menghidupkan kawasan ini yang berfungsi sebagai platform untuk pendidikan, rekreasi, serta penglibatan komuniti, di samping menimbulkan cabaran yang memerlukan pengurusan dan pemeliharaan yang bijak. Dalam pengenalan ini, penyelidik akan menyelidiki pelbagai spektrum acara dan isu yang berlaku dalam kawasan taman tapak bersejarah.

Taman Bersejarah dipenuhi dengan peristiwa yang menghubungkan masa lalu dan masa kini, membangkitkan narasi sejarah. Sifat penyertaan, deklaratif dan eksplikatif peristiwa di tapak bersejarah yang lebih daripada sekadar cermin memberikan tingkap kepada masa lalu. Pengurusan dan pemuliharaan taman bersejarah akan sentiasa menangani masalah sukar yang timbul

pada perhubungan warisan, pemuliharaan dan kegunaan awam. Sukar untuk mencapai keseimbangan antara prestasi dan pemeliharaan kerana penting untuk mengawal aktiviti pelawat dan trafik pejalan kaki untuk melindungi artifak dan landskap yang halus. Tafsiran naratif sejarah memerlukan strategi bernuansa yang mengambil kira pelbagai sudut pandangan dan kepelbagaian budaya. Mengekalkan bahan dan kaedah asli adalah penting untuk kerja pemeliharaan dan pemulihan yang berjaya.

Sejarah Daerah Tanjung Aru

Tanjung Aru adalah sebuah daerah kecil di Kota Kinabalu di Sabah, Malaysia. Ciri utamanya adalah pantainya yang dipanggil Pantai Tanjung Aru yang menjangkau lebih 2 kilometer bersama-sama dengan bangunan pencakar langit Baharu (Sabah Tourism Board, 2021). Pantai ini mempunyai banyak pokok Casuarina equisetifolia atau pokok aru yang memberikan nama bagi pandati tersebut (Daily Exress, 2021). Ia juga mempunyai perbandaran sendiri yang dipanggil Bandar Tanjung Aru. Umum sudah mengetahui bahawa kawasan Tanjung Aru terletak hamper dengan sebuah tanjung dan banyak pokok-pokok aru tumbuh berhampiran dengan tepi pantainya. Ia merupakan salah satu pekan yang wujud di Kota Kinabalu. Kawasan Tanjung Aru ini mempunyai lipatan sejarahnya tersendiri sama seperti pekan Putatan dan pekan-pekan lain di seluruh Sabah. Menurut salah seorang penduduk Kampung Tanjung aru yang sudah lama menetap di kampung tersebut, sebelum wujudnya kemajuan seperti yang terdapat sekarang, ia merupakan kawasan pantai sepenuhnya sebelum tertubuhnya negara Malaysia pada tahun 1963. Menurutnya lagi penduduk di kawasan Tanjung Aru tidak begitu ramai berbanding sekarang.

Pada waktu dulu masyarakat tempatan memanggil Tanjung Aru sebagai Torong Gowu atau Torong Gou yang berasal daripada bahasa Bajau yang bermaksud hujung aru. Dalam konteks ini, Tanjung Aru pada masa tersebut terletak di hujung jalan berdekatan pantai yang banyak ditumbuhi pokok-pokok aru

(PutatanKini, 2008). Disebabkan ramai penduduk suku kaum Bajau yang menetap di kawasan Tanjung Aru, maka nama tersebut disebut dalam bahasa Bajau yang ketika itu menjalankan kegiatan nelayan di pantai Tanjung Aru. Pada tahun 1970-an, kegiatan penduduk Tanjung Aru adalah menjalankan kegiatan nelayan di pantai Tanjung aru. Apabila pembangunan berlaku di kawasan Tanjung Aru, kegiatan penduduk di kawasan tersebut telah beralih daripada aktiviti perikanan kepada perindustrian.

Tg. Aru Eco Development (TAED) baru-baru ini menandatangani kontrak dengan Handal Borneo Resources Sdn Bhd untuk pengekstrakan dan penjualan pasir laut di beberapa lokasi di barat laut bandar. Pengelolaan TAED telah menjadi sumber kontroversi, dengan pengunjung pantai mengeluhkan kekurangan kemudahan yang disediakan dan bayaran tinggi untuk tempat letak kereta. Pada tahun 2016, kerajaan negeri Barisan Nasional melancarkan cadangan pembangunan pelancongan bernilai berbilion ringgit di kawasan tersebut, tetapi projek ini masih dipertikaikan. Banyak penduduk tempatan mendesak kerajaan negeri untuk menghentikan rancangan pemulihan TAED dan memberikan akses pantai secara percuma. Setelah mengambil alih kerajaan negeri pada tahun 2020, Hajiji mengumumkan bahawa rancangan asal untuk TAED akan dikurangkan (Muguntan Vanar, 2022).

Oleh itu, berlangsung di Tanjung Aru yang terkenal di Kota Kinabalu, projek itu selama ini mendapat kritikan kerana kekurangan ketelusan, pertimbangan alam sekitar dan penglibatan pihak berkepentingan awam. Rakyat Sabah bimbang dan kecewa dengan pengurusan TAED di kawasan itu, mereka mendakwa bahawa mereka memanfaatkan popularity lokasi sementara tidak menguruskan penyelenggaraannya, dan bertukar menjadi tanah terbiar.

Justifikasi dan Kepentingan Tapak Warisan

Taman Prince Philip merupakan taman awam yang ditubuhkan untuk memelihara dan menerangkan tapak bersejarah, budaya, dan sosial penting. Taman ini bertujuan untuk melindungi dan memaparkan warisan budaya serta peristiwa yang membentuk sejarah negara. Ia menjadi taman awam pertama di Borneo Utara dan dikenali sebagai Taman Tanjung Aru sebelum kemudiannya dinamakan semula sebagai Taman Prince Philip sempena lawatan rasmi Diraja Britain oleh Prince Philip dan Ratu Elizabeth II ke Borneo Utara. Taman ini terletak berhampiran dengan Pantai Tanjung Aru dan merupakan penghargaan kepada kerajaan Britain. Peristiwa penting yang akan diceritakan dalam penulisan ini termasuk Lawatan Diraja Prince Philip Ke Borneo Utara dan Pelancaran Projek Pembangunan Eko Tanjung Aru.

Lawatan Diraja Prince Philip ke Borneo Utara

Pada asalnya, taman ini dikenali sebagai Taman Tanjung Aru, namun Tun Datu Haji Mustapha Bin Datu Harun (Ketua Menteri) telah mengarahkan nama taman tersebut ditukar kepada Taman Prince Philip berikutan lawatan rasmi Diraja Britain dan sebagai tanda muhibah dan penghargaan kepada kerajaan Britain. Malah menurut Dato R. Lind, Setiausaha Tetap Ketua Menteri Sabah pada tahun 1972;

> Penukaran nama ini dilakukan sebagai tanda muhibah dan penghargaan kepada keluarga Diraja British khususnya Ratu Elizabeth dan Prince Philip yang telah datang ke Tanjung Aru sebanyak Tiga Kali. Sementara itu, satu perkiraan telah dibuat oleh Kerajaan negeri Sabah untuk membina satu paparan di taman ini untuk menyambut kedatangan Tuan yang Di Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong semasa lawatan mereka pada bulan depan (Daily Express, 2021).

Salah satu ciri menarik kawasan ini, adalah tumpuan utama untuk memperlihatkan ciri-ciri kebudayaan masyarakat dan bumi

Sabah kepada para pelancong yang datang. Malah, bagi lawatan yang melibatkan wakil negeri atau negara, satu pameran khusus akan diadakan. Pameran yang diadakan dapat dilihat menerusi lawatan diraja Prince Philip dan Ratu Elizabeth II ke Borneo Utara pada kali kedua iaitu pada tahun 1959. Pada ketika itu, kerajaan koloni British telah melaksanakan satu pameran yang dikenali sebagai Pameran Borneo Utara. Pameran ini memperlihatkan koleksi, kraftangan, hasil seni, produk dan hasil tanaman daripada Borneo Utara. Pameran ini juga diadakan bagi mendedahkan Borneo Utara daripada aspek masa terdahulu, semasa dan potensi masa depan. Pameran ini telah dibahagikan kepada 17 buah kawasan dan setiap kawasan mewakili daerah tertentu di Borneo Utara (Alman, 1959). Malah, semasa kedatangan yang DiPertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong pada tahun 1972, kerajaan negeri juga turut mengadakan pameran yang hampir sama (Daily Express, 2021).

Secara keseluruhannya, Taman Prince Philip atau Taman Awam Tanjung Aru merupakan taman awam pertama yang terdapat di Sabah. Peri pentingnya taman ini kepada masyarakat setempat serta bagi memberi penghormatan dan memperingati lawatan Diraja Britain pada tahun 1971. Taman ini perlulah dipertimbangkan untuk diwartakan sebagai Warisan Budaya negeri Sabah.

Kaedah Pengurusan yang Dilaksanakan

Berdasarkan temubual yang dilakukan, perancangan pembangunan taman ini dari sudut strukturnya sentiasa dipantau untuk memastikan fasiliti, infrastruktur dan binaan yang telah lama didirikan sejak taman ini diiktiraf sebagai tapak warisan sejarah negeri sentiasa mendapat penyelenggaran yang diperlukan. Dalam sesi temubual yang sama dinyatakan bahawa perancangan pembangunan taman tersebut adalah hal dibawah perbincangan berterusan melibatkan bukan sahaja pihak TAED malah melibatkan pendapat dan persetujuan Ketua Menteri Sabah. Dalam hal ini, informan menyatakan ianya sulit untuk

dimaklumkan kepada penyelidik. Informan turut menyatakan bahawa sebarang hasil persetujuan mesyuarat yang dikeluarkan oleh Ketua Menteri akan diumumkan melalui akhbar tempatan (Esther P Asing, 2023).

Foto 1: Lawatan Diraja Prince Philip Ke Kota Kinabalu
Sumber: Koleksi Kim Ting dalam North Borneo Historical Society

Meskipun begitu, informen tetap berkongsi aspek-aspek penting yang ditekankan oleh pihak pengurusan taman tersebut untuk memastikan taman itu kekal mendapat kunjungan orang awam sekaligus menyampaikan matlamat asal pembinaan Taman Prince Philip iaitu untuk mengangkat nilai sejarahnya yang signfikan untuk sumber warisan sejarah tempatan. Aspek-aspek yang dikongsikan meliputi keselamatan, kebersihan dan penyelenggaraan. Menurut pengurusan TAED, sejak Tanjung Aru diambil alih daripada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) terdapat lebih 30 orang yang ditugaskan untuk menguruskan penyelenggaran seperti mengurus rumput, memungut sampah serta menjaga keselamatan selama 24 jam 7 hari (Esther P Asing, 2023). Melaksanakan keselamatan 24 jam di taman adalah penting untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan pelawat, melindungi aset taman, dan mencegah vandalisme dan aktiviti yang tidak dibenarkan. Melalui perspektif penyelidik, dapat

diperhatikan sememangnya keselamatan di Pantai Tanjung Aru termasuk Taman Prince Philip adalah dikawal dengan rapi serta keselamatan yang terjaga setiap masa. Apa yang dapat dibandingkan melalui zaman penyeliaan DBKK dan TAED, penyeliaan di bawah TAED adalah lebih terjaga dan sistematik berbanding penyeliaan di bawah DBKK. Kenyataan tersebut boleh dibuktikan melalui liputan akhbar yang dikeluarkan oleh Malaysia News Yahoo yang menyatakan;

> "*However, TAEDSB has to cover shortfall in upkeep and maintenance expenditures. No less than 30 full time general workers have been hired to maintain the upkeep of the park including employees for grass-cutting, rubbish collection, basic landscaping, beach and drain cleaning, parking attendants and 24-hour security workers who also assist in the control of traffic during peak hours at the roundabout"* (Julia Chan, 2023).

Dalam konteks ini, pernyataan tersebut menyatakan terdapat sekurang-kurangnya 30 pekerja am sepenuh masa yang telah diupah untuk mengekalkan pemeliharaan taman, termasuk individu untuk mengendalikan tugas seperti memotong rumput, mengutip sampah, landskap asas, pantai dan pembersihan longkang, tugas penjaga tempat letak kereta, dan anggota keselamatan 24 jam yang turut membantu menguruskan lalu lintas di bulatan pada waktu puncak.

Cadangan dan Langkah

Pengurusan tapak warisan di Bandaraya Kota Kinabalu memerlukan beberapa kriteria utama untuk memastikan pelaksanaan yang berjaya. Ini termasuk peruntukan undang-undang yang memadai untuk merancang, menguatkuasakan, dan melaksanakan projek pemeliharaan dan alam sekitar. Pentadbiran dan struktur kewangan yang kukuh juga penting, bersama dengan melibatkan orang awam atau pihak berkepentingan. Suatu budaya

berpengetahuan dan keupayaan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan adalah faktor penting lain.

Dalam menghadapi isu dan cabaran pengurusan warisan budaya bina bandar, beberapa cadangan perlu dipertimbangkan. Pertama, pendekatan pembangunan dan pembandaran mapan perlu diterapkan. Ini melibatkan keseimbangan antara pembangunan dan pemuliharaan, dengan memberi perhatian kepada kesan ekonomi, ekologikal, dan warisan. Pengurusan tapak warisan juga harus diintegrasikan dalam proses pembangunan. Kedua, kerjasama erat antara agensi pengurusan warisan di semua peringkat, termasuk pihak yang terlibat dalam pengurusan warisan bina bandar, adalah penting. Semua pihak perlu komited untuk menjamin kelangsungan bidang ini.

Ketiga, kesedaran dan pendidikan tentang warisan perlu ditingkatkan. Program pendidikan awam harus melibatkan masyarakat secara menyeluruh dan menyampaikan pengetahuan tentang nilai warisan. Selain itu, pendidikan warisan harus dimasukkan ke dalam sukatan pelajaran sekolah untuk meningkatkan pemahaman masyarakat terhadap pemeliharaan dan pemuliharaan warisan. Pengurusan warisan bina bandar adalah usaha yang melibatkan semua pihak dan memerlukan pendekatan holistik untuk berjaya. Dengan mematuhi kriteria ini dan mengambil kira cadangan yang dinyatakan, pengurusan warisan bina bandar dapat mencapai matlamatnya dengan lebih berkesan dan berkesan.

Kesimpulan

Taman Prince Philip, sebuah tapak warisan yang terletak di Kota Kinabalu, memiliki keunikan sejarah, budaya dan keindahan alam yang mencerminkan identiti kawasan tersebut. Tujuan kajian ini untuk memahami dan menguruskan taman ini secara efektif. Dalam konteks ini, kajian ini memberikan sumbangan penting dalam menghimpun pengetahuan tentang sejarah dan konsep taman, serta menyoroti isu-isu dan cabaran yang dihadapi dalam

usaha memelihara dan menjaga taman sebagai warisan budaya dan alam yang penting. Pandangan komprehensif tentang Taman Prince Philip yang disajikan dalam kajian ini merangkumi berbagai aspek yang berkaitan. Kajian ini mempersembahkan gambaran menyeluruh tentang latar belakang dan sejarah taman ini, termasuk peristiwa-peristiwa penting yang telah membentuknya dari masa ke masa.

Kedua, konsep dan rekaan taman dianalisis dengan teliti untuk memahami struktur dan persekitaran yang diciptakan bagi masyarakat dan pengunjung. Selain itu, kajian ini menyoroti isu-isu semasa yang mempengaruhi pengurusan taman, seperti perlindungan alam sekitar, kemudahan infrastruktur, dan pengalaman pengunjung. Di samping itu, kajian ini juga menggambarkan kerjasama antara pihak berkepentingan yang diperlukan untuk menjaga warisan budaya dan alam yang ada dalam taman ini. Melalui pengenalan yang mendalam ini, kajian ini membuka pintu kepada pandangan yang holistik mengenai Taman Prince Philip. Dengan merangkumi sejarah, konsep, isu-isu semasa, serta kerjasama dalam pengurusan, kajian ini memberikan landasan bagi pengembangan strategi yang berkesan untuk memelihara dan menghormati taman ini sebagai aset penting bagi masa kini dan generasi masa depan.

Senarai Rujukan

Arkib dan Dokumen Kerajaan

Julia Chan. (2023). In Sabah, Tanjung Aru management cites safety and dirty water concerns for Third Beach restricted access. Sabah: Kota Kinabalu.

Muguntan Vanar. (2022). Sabah's iconic Tanjung Aru turning into a wasteland, say beachgoers. Kota Kinabalu: The Star.

Buku dan Jurnal

Alman, J. H. (1959). *Guide To Colony Display*. North Borneo: North Borneo Government Press.

Sumber Internet

Laman Rasmi Dewan Bandaraya Kota Kinabalu. 2017. *Sabah.* diakses pada 21 Julai 2023 melalui pautan https://dbkk.sabah.gov.my/index.php/ms/ pada 3 Ogos 2023.

PutatanKini. 2008. Bagaimana Tanjung Aru mendapat nama? *PutatanKini.* diakses melalui https://putatankini.wordpress.com/2008/05/24/bagaimana-tanjung-aru-mendapat-nama/ pada 07 Mac 2023.

Sabah Tourism Board. *t.t*. Tanjung Aru Beach, diakses melalui https://sabahtourism.com/destination/tanjung-aru-beach/?locale=en pada 08 Mac 2023.

TEMUBUAL

Esther P Asing, 56 tahun, Pengarah Pentadbiran Sumber Manusia Pembangunan Eko Tanjung Aru, Pengurusan Taman Prince Philip, 24 Mei 2023, 2 petang - 3 petang.

Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2023, Vol.8 (1), hlm. 215-232
e-ISSN: 2600-8726© Mohd Syafiq Zaini
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

PENDIDIKAN SEBAGAI ALAT PROPAGANDA GERAKAN KOMUNIS DI SARAWAK, 1941 – 1976

Education as a Propaganda Tool of the Communist Movement in Sarawak, 1941 - 1976

Mohd Syafiq Zaini[1]

[1]*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*
[1] *syafiqzaini120398@gmail.com,*
Dihantar:21 Mac 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023

Abstrak

Propaganda adalah satu elemen utama dan seringkali diguna pakai bagi penyebaran maklumat, idea, atau pendapat dengan niat untuk mempengaruhi seseorang atau sesebuah kumpulan. Dalam konteks kajian ini, pihak komunis di Sarawak juga turut menggunakan pendekatan ini untuk mempromosikan agenda politik, sosial atau ideologi mereka untuk memanipulasi fikiran umum. Maka dengan itu, kajian ini menganalisis peranan sistem pendidikan sebagai alat propaganda dalam menyokong dan menyebarkan ideologi gerakan komunis di Sarawak dari tahun 1941 hingga 1976. Fokus utama penulisan ini ialah melihat bagaimana fahaman ideologi komunis disebarkan melalui sistem pendidikan sedia ada pada ketika itu untuk menyebarkan ideologi komunis, merekrut ahli, dan menyatukan kuasa politik mereka dalam kalangan pelajar dan guru di Sarawak. Hasil kajian mendapati pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh komunis merangkumi penghasilan pelbagai bahan-bahan buku, penerbitan dan cetakan yang berunsur komunis diedarkan kepada pelajar. Kemudian, pelaksanaan aktiviti dalam dan luar kelas yang berunsurkan komunis. Akhir sekali, penentangan komunis terhadap polisi pendidikan kerajaan yang dilihat cuba menghapuskan budaya Cina. Artikel ini bersandarkan kepada

sumber-sumber dokumen-dokumen kerajaan negeri, akhbar dan sumber ilmiah seperti artikel dan buku yang berkaitan.

Kata Kunci: Propaganda, Ideologi Komunis, Pendidikan, Pelajar Sarawak

Abstract

Propaganda is one of the main elements and is often used for the dissemination of information, ideas or opinions with the aim of influencing a person or group. In the context of this study, communists in Sarawak also use this approach to promote their political, social or ideological agenda to manipulate public opinion. Therefore, this study analyzes the role of the education system as a propaganda tool in supporting and spreading the ideology of the communist movement in Sarawak from 1941 to 1976. The main focus of this paper is to see how the understanding of the communist ideology was spread through the education system that existed at that time to spread the communist ideology, recruit experts, and consolidate their political power in Sarawak. The results of the study found that various efforts have been carried out by the communists, including producing various books, publications and prints with communist elements distributed to students. Then, the implementation of activities inside and outside the classroom that have a communist element. Finally, communist opposition to the royal education police was seen as trying to eradicate Chinese culture. This article relies on government documents, newspapers and scientific sources such as related articles and books.

Keywords: *Propaganda, Communist Ideology, Students, Education, Sarawak*

Pengenalan

Menelusuri sejarah, Parti Komunis China (PKC) telah diasaskan pada 1 Julai 1921, di Shanghai semasa zaman pergolakan politik dan pergolakan sosial di China. Diilhamkan oleh ideologi Marxis, ahli awal parti itu, termasuk Chen Duxiu dan Li Dazhao, berusaha untuk menangani isu-isu negara yang berakar umbi seperti imperialisme, feudalisme dan ketidaksamaan (Britannica, 2023). Pada tahun-tahun awalnya, PKC mempunyai hubungan rapat dengan Kesatuan Soviet, yang memberikan sokongan ideologi dan organisasi. Kemudian, dalam tahun 1920-an itu juga, fahaman komunis menerusi ahli PKC telah menyusup masuk bukan sahaja di Tanah Melayu malah turut di Sarawak. Sama seperti Tanah Melayu, Sarawak mempunyai kepelbagaian etnik dan budaya, dan kehadiran jumlah masyarakat Cina yang besar memainkan peranan penting dalam kemunculan aktiviti komunis di wilayah tersebut. Pendatang Cina mula tiba di Sarawak pada abad ke-19, terutamanya mencari peluang ekonomi dalam perlombongan, pertanian, dan industri lain. Lama kelamaan, mereka membentuk sebahagian besar penduduk, menyumbang dengan ketara kepada pembangunan negeri. Masyarakat Cina di Sarawak mula menyaksikan kemunculan idea dan ideologi komunis, yang disebarkan kepada mereka. Sepanjang dekad berikutnya, kehadiran PKC di Sarawak mengalami pelbagai fasa, dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti situasi geopolitik global, perkembangan politik tempatan, dan perjuangan untuk kemerdekaan daripada penjajahan. Pelbagai usaha juga telah dilakukan sama ada dari aspek politik, ekonomi mahupun sosial bagi memperluaskan ideologi komunis di Sarawak. Dalam kajian ini akan memfokuskan penelitian terhadap propaganda gerakan komunis menerusi pendidikan di Sarawak dari tahun 1941 hingga tahun 1976.

Sejarah Kemasukan Ideologi Komunis di Sarawak

Kewujudan ideologi komunis mula memasuki Sarawak pada tahun 1920-an, dipengaruhi oleh perubahan politik yang berlaku di

China. Sama seperti yang berlaku di Tanah Melayu, fahaman komunis telah dibawa masuk oleh Parti Komunis China (PKC) dari China. Di China, Kuomintang (KMT) telah menjalinkan pakatan bersama Parti Komunis China (PKC) membentuk Barisan Bersatu KMT-PKC (Ho Hui Ling, 2012:62). Jalinan pakatan tersebut secara tidak langsung telah memudahkan komunis dan KMT untuk bergerak bersama dalam mempengaruhi pendudukan di China mahupun di seberang laut. Pada masa yang sama PKC telah menggunakan peluang pakatan tersebut dalam menyebarkan ideologi mereka kepada orang ramai. Dalam konteks ini, penyebaran ideologi mereka disebarkan menerusi cawangan-cawangan Kuomintang (KMT) yang terdapat di Sarawak. Walau bagaimanapun, Barisan Bersatu KMT-PKC di China berpecah pada tahun 1927. Hal ini telah mengakibatkan para pengikut komunis yang terdapat di China terpaksa melarikan diri sehingga ke Sarawak kerana diburu oleh pihak KMT di China (Reduan, 1993:74).

Setibanya komunis bertapak di Sarawak, ideologi komunis disebarkan kepada penduduk setempat khususnya kepada orang Cina. Sama seperti Tanah Melayu populasi penduduk Sarawak turut terdiri daripada pelbagai kaum. Orang Dayak, Cina dan Melayu mewakili tiga kaum utama yang terdapat di Sarawak. Orang-orang Cina membentuk kumpulan etnik kedua yang terbesar di Sarawak. Sasaran utama tertumpu kepada orang-orang Cina kerana mereka masih mempunyai hubungan pertalian yang rapat dari aspek budaya, sosial dan politik yang erat dengan Tanah Besar China (Ballak, 2016:2). Bukan sahaja orang Cina di Sarawak, juga di Tanah Melayu dan orang-orang Cina seberang laut (Hua Ch'ao) di serata Asia Tenggara. Tambahan lagi orang Cina di Sarawak sentiasa memberikan perhatian kepada perkembangan yang berlaku di China. Maka secara tidak langsung perkembangan dan pergolakan politik yang berlaku di Tanah Besar China telah mempengaruhi orang-orang Cina. Oleh hal yang demikian, mudah bagi komunis untuk menyusup fahaman mereka, menyemai benih-benih awal komunisme ke dalam fikiran orang Cina di Sarawak. Walau bagaimanapun, pada peringkat awalnya, penyebaran komunis di Sarawak bersifat tertutup secara

bawah tanah (Underground) dan tiada satu gerakan besar-besaran yang berbentuk terbuka. Hal ini demikian kerana, masih belum mendapat banyak sokongan dari segi ketenteraan, latihan dan senjata (Ahmad Syakir, 2021:53). Bahagian Pertama dan Bahagian Ketiga menjadi kawasan tumpuan utama pergerakan komunis di Sarawak. Kedua-dua bahagian ini bersempadan dengan Kalimantan, dan dikelilingi hutan tebal bagi memudahkan komunis untuk bersembunyi dan lari dari pasukan keselamatan. Tambahan lagi, kawasan tersebut mempunyai jumlah orang Cina yang ramai bukan sahaja bandar tetapi juga di kawasan pedalaman. Penduduk itu berpotensi untuk dipengaruhi dan dijadikan penyokong serta pembekal keperluan harian komunis sama ada melalui tekanan atau pujukan (Ho Hui Ling, 2014:75).

Menelusuri masa, pergerakan komunis dilihat lebih giat dan tersusun semasa Perang Dunia Ke-2 pada tahun 1941. Semasa pendudukan Jepun di Sarawak pada 1941, orang Cina dijadikan sasaran kekejaman pihak Jepun. Hal ini demikian kerana, orang-orang Cina tersebut menyokong negara China dalam Perang China-Jepun. Oleh itu, Jepun telah melaksanakan operasi pembersihan atau Sook Ching terhadap orang-orang Cina seperti mana yang dilakukan di Tanah Melayu (Ho Hui Ling, 2012:8). Ia bertujuan bagi mengekalkan keamanan kerana bimbang orang-orang Cina akan bangkit mengangkat senjata menentang mereka (Yoji Akashi, 1970:67-68). Implikasi tindakan Jepun tersebut telah menyebabkan peningkatan semangat nasionalisme, dalam usaha ke arah penyatuan orang Cina kelihatan dengan menyokong dan sertai gerakan komunis. Selain itu, sebahagian besar gerakan komunis pada ketika itu dihadiri oleh golongan petani-petani miskin yang terpedaya dengan idea perjuangan komunis iaitu masyarakat sosialis dan tanpa kelas. Majoriti daripada mereka ialah petani-petani Hakka yang tinggal di kawasan Batu Kawa di luar bandar Kuching (Chin Ung-Ho, 1996:40). Mereka mempercayai bahawa menerusi perjuangan gerakan komunis ini mampu mengubah nasib dan membaiki kehidupan mereka (Ho Hui Ling, 2014:76).

Pada tahun 1941, komunis telah mula mencorakkan langkah mereka dengan menubuhkan beberapa pertubuhan gerakan. Pada tahun tersebut, satu gerakan telah ditubuhkan iaitu Liga Anti-Fasis (Sarawak Anti-Fascist Leaked) atau dikenali dengan nama singkatan SAFL. Penubuhan SAFL mempunyai misi dan matlamat yang sama seperti mana penubuhan Malayan People's Anti-Japanese Army (MPAJA) di Tanah Melayu yakni untuk menentang penjajahan Jepun di Sarawak. Ia didorong oleh penindasan yang dihadapi orang-orang Cina oleh tentera Jepun (Reduan, 1993:74). Walau bagaimanapun, SAFL masih dianggap pertubuhan kecil kerana tidak begitu aktif dan jarang diketahui oleh umum. Oleh hal yang demikian, SAFL telah ditukar nama kepada Liga Pembebasan Bangsa (Race Liberation League) juga dikenali sebagai RLL pada tahun 1942. Matlamat masih kekal berpegang kepada misi utama untuk digunakan sebagai alat untuk mengembangkan lagi pengaruh komunis di Sarawak pada zaman penjajahan Jepun di Sarawak (Reduan, 1993:74). Kemudian, diantara tahun 1951 hingga 1956, gerakan komunis semakin rancak menerusi Liga Belia Cina Seberang Laut Demokratik Sarawak atau Sarawak Overseas Chinese Democratic Youth League (SOCDYL) dan RLL. Namun begitu, ia berjaya disekat oleh pihak kerajaan oleh pasukan keselamatan.

Pada tahun 1956, Sarawak Advanced Youth Association (SAYA), telah meneruskan perjuangan memperluaskan pengaruh komunis dengan lebih aktif. Pertubuhan SAYA dianggap oleh kerajaan Sarawak sebagai Pertubuhan Sulit Komunis (Clandestine Communist Organisation/CCO) atau Sarawak Communist Organisation (SCO) (Ho Hui Ling, 2014:78). Matlamat dan perjuangan utama CCO sama seperti Parti Komunis Malaya (PKM) di Tanah Melayu yakni membebaskan Sarawak daripada cengkaman penjajah mahu pun Jepun dan British, untuk membentuk sebuah negara komunis (Ho Hui Ling, 2014:78). Berbanding dengan pertubuhan komunis lain sebelum ini, CCO dilihat lebih tersusun dengan disiplin yang ketat. Pelbagai pelan strategi, usaha serta cara yang diguna pakai dalam menyebarkan propaganda ideologi mereka di seluruh Sarawak. Sebagai contoh, menerusi pertubuhan petani, Kesatuan Sekerja, akhbar Cina,

sekolah, komuniti Cina luar bandar dan parti politik untuk memperbesarkan barisan perjuangan mereka (C.0.947132). Pendidikan adalah merupakan salah satu tumpuan utama dijadikan sebagai alat propaganda gerakan komunis Sarawak.

Definisi Propaganda

Propaganda merujuk kepada penyebaran maklumat, idea, atau pendapat dengan niat untuk mempengaruhi kepercayaan, fikiran, emosi sikap, dan tindakan khalayak sasaran. Matlamat propaganda selalunya adalah untuk mempromosikan agenda politik, sosial atau ideologi tertentu dan untuk memanipulasi fikiran umum supaya memihak kepada objektif propagandis. Menurut kamu dewan bahasa dan pustaka, propaganda ialah satu penerangan atau penyiaran ideologi atau pendapat yang dihebahkan untuk mempengaruhi serta mendapat sokongan daripada orang ramai (Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka). Selain itu, propaganda juga merujuk kepada komunikasi yang dilaksanakan secara sistematik, terancang dan berulang-ulang untuk mempengaruhi seseorang atau kumpulan masyarakat atau bangsa agar melaksanakan suatu perkara tertentu dengan kesedaran sendiri dan tanpa merasa terpaksa atau dipaksa.

Di dalam konteks kajian ini, selain menggunakan keganasan bersenjata, propaganda turut menjadi aspek gerakan alternatif utama dalam penyebaran ideologi komunis di Sarawak. Menerusi The Sarawak Gazette ada menyatakan:

> "*Communism does not use violence as its sole weapon, nor indeed, is it perhaps its most important or dangerous weapon. Violence is usually, as may be seen from the course of communist activities in other countries, the culmination of another process, a process of cunning underground propaganda and information, a process intended to weaken the resolution of the people to preserve its liberties and*

> *its own way of life"* (The Sarawak Gazette, 1952:276).

Di Sarawak komunis bertindak menyebarkan propaganda untuk mempengaruhi penduduk dengan menjanjikan kebebasan daripada cengkaman penjajah dan berhasrat untuk mengubah nasib hidup golongan bawahan yang merangkumi daripada golongan buruh, petani, penduduk luar bandar dan lain-lain. Dalam menjayakan usaha tersebut, pelan strategi utama komunis ialah menggunakan sistem pendidikan di Sarawak sebagai alat penyebaran propaganda ideologi komunis mereka. Propaganda dalam pendidikan merujuk kepada penggunaan teknik komunikasi persuasif dengan tujuan untuk mempengaruhi pemikiran pelajar agar sejajar dengan agenda ideologi, politik atau sosial tertentu. Ini boleh berlaku di pelbagai peringkat dalam sistem pendidikan, dari sekolah rendah hingga universiti untuk membentuk minda pelajar muda.

Kegiatan Propaganda Komunis dalam Pendidikan di Sarawak

Kegiatan propaganda komunis banyak tertumpu kepada sekolah Cina berbanding sekolah-sekolah Melayu, Dayak, Iban dan peribumi lain. Terdapat wujudnya hasrat dan usaha bagi mempengaruhi masyarakat tempatan selain orang-orang Cina. Namun demikian, fahaman komunis telah ditolak dan tidak disambut dengan baik kerana ia dianggap bercanggah dengan norma, adat dan agama masyarakat tempatan (Syakir & Hamid, 2021:53). Misalnya, bagi orang Melayu ideologi komunis kurang diterima kerana ia jelas bertentangan dengan ajaran agama Islam. Maka dengan itu sasaran utama lebih tertumpu kepada sekolah-sekolah Cina sahaja kerana mempunyai persamaan dari segi budaya dan sosial mereka.

Perkembangan awal pendidikan dalam kalangan orang Cina di Sarawak telah digerakkan oleh pihak pegawai Brooke melalui pembinaan sekolah vernakular Cina di Paku pada tahun 1870 dan Bau pada tahun 1892 (Utusan Sarawak, 2022).

Tambahan lagi, orang Cina amat mementingkan pendidikan untuk anak-anak mereka sendiri dan sekolah banyak didirikan dengan sumber kewangan mereka sendiri sama ada orang perseorangan atau persatuan Cina. Oleh sebab itu, perkembangan jumlah yang pesat penubuhan sekolah vernakular berbanding sekolah jenis lain. Pada tahun 1938, terdapat sebanyak 144 buah sekolah Cina dan jumlah ini merangkumi 66 peratus daripada keseluruhan sekolah yang ada di Sarawak ketika itu (Utusan Sarawak, 2022). Sistem pendidikan Cina yang bersifat kenegaraan China ini dibiarkan berkembang oleh penjajah di Sarawak. Ini dapat dilihat melalui penggunaan sukatan pelajaran yang sama diajar di sekolah-sekolah jenis kebangsaan yang mengambil sukatan pembelajaran, buku teks dan tenaga pengajar dari Tanah Besar China (Emyrul, 2019:35). Secara tidak langsung telah membuka ruang yang baik untuk komunis mengadaptasi elemen-elemen komunis di dalam pendidikan dan memudahkan untuk mereka mengembangkan pengaruhnya di kalangan belia Cina khususnya di kalangan pelajar. Tambahan lagi sekolah menjadi sasaran yang mudah untuk kegiatan subversif kerana diumpamakan sebagai "tanah yang subur" dan pelajar dianggap sebagai "perintis dan jambatan" dalam meneruskan perjuangan komunis pada masa hadapan (Utusan Sarawak, 1960).

Fahaman ideologi komunis mula menyusup masuk ke sekolah-sekolah Cina semasa Perang Dunia Kedua meletus. Pada ketika itu, sekumpulan orang Cina yang berpendidikan dari China telah masuk ke Sarawak. Wu Tshan salah seorang orang Cina daripada kumpulan tersebut pernah menjadi guru mengajar sebuah sekolah Cina pada awal tahun 1941. Selain dari mengajar, pada masa yang sama Wu Tshan telah menyebarkan pengaruh komunis dalam kalangan pelajar Cina di Sarawak (Ho Hui Ling, 2014:76). Walau bagaimanapun, penyebaran pengaruh komunis di sekolah Cina tidak dapat dilaksanakan dengan rancak dan tersembunyi disebabkan oleh penjajahan Jepun ketika itu. Orang-orang Cina menghadapi tekanan sosial semasa penjajahan Jepun di Sarawak. Segala pergerakan mereka diawasi dan dikawal oleh tentera Jepun. Pembentukan persatuan Kakyo Kyokai (Persatuan

Orang Cina Seberang Laut) oleh pihak Jepun bertujuan untuk mengawal aktiviti orang Cina dan memastikan mereka tidak dapat bergerak khususnya penyebaran pengaruh komunis untuk menentang pihak Jepun. Selain itu, semua penduduk termasuk orang-orang Cina dikerah untuk menyertai kelas bahasa Jepun serta menghadiri sesi pemulihan dan sivik yang diaturkan oleh pihak pentadbiran Jepun. Tambahan lagi, pembelajaran sekolah-sekolah Cina telah diubah dan digunakan sebagai pusat propaganda Jepun kepada penduduk (Syed Idrus & Santhiram, 1990:116).

Bahan-bahan Buku Bacaan dan Penerbitan Berunsur Komunis

Selepas tamat Perang Dunia Kedua pada tahun 1945, gerakan memperluaskan pengaruh komunis di sekolah-sekolah Cina mula giat dilaksanakan. Seawal tahun 1050-an, bahan-bahan bacaan yang berunsurkan komunis telah mula dibawa masuk ke Sarawak dari China secara senyap bagi mengembangkan fahaman ini kepada masyarakat (Sarawak Repository Record, 1957-1958). Kemudian, di antara tahun 1949 dan 1950, sebuah kumpulan doktrin komunis yakni Hsueh Hsih (communist indoctrination) ditubuhkan di Kuching untuk mempengaruhi orang Cina seperti pelajar dan golongan belia. Daripada kumpulan tersebut, lahir pula Student Self-Governing Societies yang merupakan tarikan awal dalam kalangan pelajar Cina di Sarawak. Mereka bergerak aktif khususnya di Sekolah Chuang Hua di Kuching (Ho Hui Ling, 2014:76). Ini menjadikan Sekolah Chuang Hua di Kuching adalah merupakan sekolah terawal yang dipengaruhi oleh fahaman komunis pada tahun 1951. Tambahan lagi, bukti jumpaan penerbitan akhbar dan buku-buku yang mempunyai unsur pengaruh komunis serta dokumen komunis yang disimpan oleh orang Cina (Ho Hui Ling, 2012:14). Persatuan Pelajar Sekolah Chuang Hua Kuching turut didakwa telah dipengaruhi oleh fahaman komunis. Hal ini telah menimbulkan kekacauan dan hilang kawalan apabila pelajar mengadakan demontrasi mendesak pihak pengurusan sekolah supaya mempertimbangkan keputusan

peperiksaan Bahasa Inggeris yang sebahagian besar daripada mereka gagal (Ho Hui Ling, 2012:14). Pada akhirnya, beberapa orang pelajar serta guru telah ditahan serta dibuang sekolah dan sekolah tersebut diarahkan tutup pada Ogos 1954 (The Sarawak Gazette, 1952:276). Menerusi sekolah itu juga telah lahirnya pemimpin utama yang mana kemudiannya memainkan penglibatan penting dalam penubuhan parti komunis di Sarawak iaitu Bong Kee Chok dan Wen Ming Chyuan (Michael, 2000).

Selain itu, penyebaran fahaman komunis oleh Clandestine Communist Organisation (CCO) dilakukan menerusi medium cetakan atau bahan penerbitan seperti buku-buku, akhbar, majalah, dan risalah. Misalnya buku-buku bergambar dan buku cerita kanak-kanak, buku klasik dan buku-buku asas sekolah berjaya diselitkan fahaman komunis di dalamnya. Sebagai contoh, risalah bertajuk "National Independence", Berita Pekerja dan Petani, Berita Massa dan lain-lain. Hampir keseluruhan penerbitan komunis itu telah ditulis dalam bahasa Cina kerana ia ditujukan khas kepada orang-orang Cina. Pihak kerajaan juga berjaya menjumpai dan merampas buku-buku lagu yang mengandungi simbol-simbol komunis seperti simbol lima bintang dan peta China.

Kemudian, sekitar tahun 1960-an, perkembangan pengaruh komunis semakin rancak ke Bahagian Ketiga yang merangkumi kawasan Sibu, Sarikei, Binatang. Menjelang tahun 1971, gerakan Hsueh Hsih (communist indoctrination) turut diperluaskan ke Bahagian Ketiga bertujuan untuk menambah pengetahuan ideologi dalam kawasan kampus universiti dan di sekolah melalui pengkajian serta perbincangan bahan-bahan subversif. Gerakan Hsueh Hsih bertindak menampal poster di sekolah-sekolah, menyebarkan risalah yang mengandungi propaganda komunis dan melukis slogan komunis pada kain rentang. Sebagai contoh, pada tahun 1975 telah dilaporkan terdapatnya risalah yang tertulis 16 slogan komunis telah ditampal pada dinding Sekolah Kwong Hua di Sungai Sadit (Sibu) dan Sekolah Menengah Tang Chiang di Binatang (Bintangor). Selain

itu, di Sekolah Tinggi Sarekei pada 20 Ogos 1975, terdapat sepucuk surat yang ditemui mengandungi revolusi komunis (Fail Cawangan Khas Kontinjen Sabah dan Sarawak, n.d.).

Justeru, boleh dibuktikan bahawa pihak komunis amat memberikan perhatian penuh dalam menggunakan pendidikan sebagai "alat" untuk mengembangkan kerja-kerja subversif di Sarawak menerusi kebanjiran kepelbagaian bahan-bahan cetakan buku-buku, risalah, poster dan sebagainya. Tambahan lagi, penyebaran ideologi kepada golongan pelajar dilihat lebih berkesan apabila ramai pelajar telah menyertai gerakan komunis.

Penganjuran Aktiviti Pelajar Di Dalam Dan Luar Sekolah

Pihak kerajaan sentiasa mengawasi pergerakan komunis dengan rapat bagi mengelakkan penyebaran ideologi komunis semakin meluas khususnya mempengaruhi minda pelajar dan kanak-kanak. Namun demikian, tindakan subversif komunis ada kalanya berjaya melepasi pengawasan pihak kerajaan. Sebagai contoh, menerusi penglibatan pihak komunis dalam penganjuran aktiviti untuk kalangan pelajar seperti aktiviti rekreasi, riadah, perkelahan, nyanyian lagu serta muzik, permainan dan lain-lain. Begitu juga dengan mengadakan kelas tuisyen bagi menarik penglibatan ramai pelajar sekolah. Aktiviti-aktiviti tersebut secara tersurat dilihat sebagai sesuatu perkara yang tidak salah dan kelihatan polos di mata umum. Tetapi, ia merupakan taktik komunis untuk mengaburi pengetahuan umum. Secara tersiratnya ia bertujuan bagi pihak komunis untuk mengawal pemikiran golongan pelajar supaya cenderung ke arah pemikiran komunis. Secara tidak langsung ia mampu memberikan kelebihan bagi mereka untuk merekrut pelajar-pelajar Cina yang telah terpengaruh bagi menjalankan kegiatan komunis (Goodwin, n.d:2). Lazimnya, para pelajar yang direkrut terdiri daripada pelajar yang kurang berkemampuan atau miskin, tingkah laku yang baik dan berani.

Seterusnya, penyebaran ideologi komunis juga diperluaskan dalam kalangan pelajar menerusi lagu-lagu nyanyian di peringkat sekolah yang diterapkan oleh pihak komunis. Di antara lagu-lagu tersebut bertajuk "Fatherland March" yang seringkali dinyanyikan di dalam keraian di sekolah rendah. Di dalam lagu ini mengandungi ayat-ayat seperti berikut:

> How broad is the land of our Fatherland.
> We have never seen any other country
> Where one can breathe so freely,
> From Peking to the remote frontier
> We can travel freely without any restriction.
> We are masters of our Fatherland
> As free as the onrushing Yangisze
> Where a bright future awaits all youth...
> Nowhere in the world
> Do the people enjoy more happiness and freedom than we.
> If the enemies venture to invade our land
> We shall chase them away
> And eliminate them to the last man.
> (The Borneo Bulltein, 1959)

Lagu ini bertujuan untuk menyemai semangat nasionalisme dan kesetiaan terhadap negara China dalam kalangan pelajar dan guru-guru sekolah. Perkataan "Fatherland" di dalam rangkap lagu ini merujuk kepada Tanah Besar China. Lagu ini turut memperlihatkan penentangan serta menolak tindakan "penjajahan" yang merujuk kepada apa yang dilakukan oleh pihak Jepun dan British menjajah Sarawak ketika itu. Ini jelas dapat dilihat pada baris lagu yang bermula dengan "If the enemies venture to invade our land, we shall chase them away, and eliminate them to the last man." Ini bertepatan dengan matlamat utama komunis (CCO) dalam usaha membebaskan Sarawak daripada cengkaman jajahan Jepun mahupun British untuk membina sebuah negara komunis.

Selain itu, terdapat lagu-lagu lain yang dilihat bersifat lebih agresif dan ekstremis di mana ia merangsang kekejaman dan penumpahan di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Lagu-lagu ini

sebenarnya bertujuan untuk meningkat semangat perjuangan tentera komunis China tetapi di Sarawak ia telah diajar kepada pelajar-pelajar sekolah. Menurut Ho Hui Ling (1999:190) berpendapat, kemungkinan ia adalah rancangan daripada CCO untuk melahirkan penyokong yang kejam dan ganas dari usia yang muda agar mereka dapat menggunakan kekerasan tersebut dalam mencapai cita-cita CCO di Sarawak. Di antara contoh-contoh lagu yang mengandungi unsur-unsur kekejaman dan berdarah untuk membangkitkan semangat pelajar adalah seperti berikut:

Contoh 1

Although we are tired in bloody battle,
The flame inside our breast burns the more fiercely,
We raise our bayonets and guns,
In response to leader's call,
To fight valiantly for our Fatherland
(The Borneo Bulltein, 1959).

Contoh 2

Sharpen the bayonets, sharpen the bayonets...
At night for sentry duly,
If anyone dares to attrack us,
You shall pierce his dog's heart and bowels
(The Borneo Bulltein, 1959).

Terdapat juga lagu-lagu yang cuba menyampaikan mesej bahawa orang-orang Cina di Sarawak hidup dalam penindasan dan penekanan. Lagu-lagu ini menjadi seruan untuk orang Cina bangkit melawan menggunakan kekerasan sehingga membunuh menentang penjajah di Sarawak. Lagu-lagu ini telah digunakan di dalam diserap di dalam pendidikan sekolah kepada pelajar dan kanak-kanak. Dengan harapan bahawa mereka menyertai dan bergantung kepada revolusi kejam untuk mencapai kebebasan di Sarawak. Hakikatnya, jika diteliti setiap lagu ini, tumpuan utama kesetiaan harus ditunjukkan kepada Tanah Besar Negara China dan bukan Sarawak. Berikut adalah merupakan contoh rangkap baris lagu tersebut:

Contoh 1
I love my Sarawak
Sarawak is my home
I was not fee in Japanese days
But life is harder and sadder now . . .
Fellow countrymen, arise!
Wait no more
(The Borneo Bulltein, 1959).

Contoh 2
The people's suffering as as deep as the sea…
They long for liberation day and night...
The Chinese Communist Party is like the Red Sun,
By its strength it liberates others
(The Borneo Bulltein, 1959).

Penentangan Sistem Pendidikan Kerajaan

Melihat kepada kerancakan penyebaran ideologi komunis di Sarawak selepas Perang Dunia Kedua khususnya di sekolah-sekolah, sudah pasti membimbangkan pihak kerajaan British. Maka dengan itu, langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk mengekang gerakan komunis tersebut ialah dengan menghapuskan sistem pendidikan yang bersifat kenegaraan China dan menerapkan sistem pendidikan British. Kerajaan mengambil langkah untuk menyamakan kurikulum dan memansuhkan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar di sekolah menengah. Walau bagaimanapun, tindakan ini mendapat tentangan dan kritikan hebat dari pihak CCO terhadap polisi kerajaan dalam usaha mewujudkan sistem pendidikan kebangsaan di Sarawak pada tahun 1960 (Kertas Cetak Kerajaan, 1973:3). Komunis beranggapan tindakan kerajaan adalah usaha untuk menghapuskan bahasa ibunda dan budaya orang Cina. Secara tidak langsung ia juga sudah pasti akan menjadi penghalang bagi

mereka untuk menjayakan pembentukan negara komunis di Sarawak.

Satu dokumen yang telah dirampas bertajuk "National Language and National Education" menjadi bukti pendirian kuat CCO mempertahankan pendidikan bercorak perkauman di Sarawak (North Borneo News and Sabah Times, 1962). Sehingga lewat Ogos 1963, dalam ulasan kerajaan berkenaan pelajaran telah membuktikan bahawa "in some Chinese school managers and teachers have been abusing their positions to further secret communist plans." (Ho Hui Ling, 1999:193). Pihak komunis (CCO) amat tidak berkompromi dengan kerajaan British dan ini telah memberi kesempatan kepada komunis untuk mengeksploitasi bidang pendidikan di Sarawak.

Kesimpulan

Pihak komunis amat komited dan bersungguh-sungguh dalam usaha menyebarkan fahaman komunis di seluruh Sarawak. Dalam mencapai cita-cita serta matlamat mereka untuk membentuk sebuah negara komunis di Sarawak, pelbagai usaha dilakukan bagi menarik minat lapisan penduduk Sarawak untuk menyertai perjuangan komunis. Pendidikan telah menjadi sasaran utama dijadikan sebagai alat propaganda penyebaran ideologi komunis. Strategi tersebut adalah merupakan satu taktik yang berkesan mempengaruhi serta membentuk pemikiran pelajar pada usia yang muda agar sejajar dengan agenda ideologi, politik atau sosial tertentu.

Walaupun di peringkat awal, penyebaran fahaman komunis dalam pendidikan sekolah di Sarawak menerima kekangan daripada penjajahan Jepun, namun, selepas Perang Dunia Kedua ia dilihat semakin rancak dan giat dilaksanakan di sekolah-sekolah khasnya sekolah Cina. Persamaan serta hubungan pertalian yang rapat dari aspek budaya, sosial dan politik memudahkan lagi pihak komunis untuk menyemai fahaman komunis dalam kalangan pelajar-pelajar China. Pelbagai usaha yang dilakukan komunis

seperti penghasilan buku-buku bacaan dan penerbitan yang berunsur komunis, penganjuran aktiviti luar serta dalam dan penentangan terhadap polisi pendidikan kerajaan menjadi bukti pihak komunis mengeksploitasi bidang pendidikan di Sarawak.

Senarai Rujukan

Arkib dan Dokumen Kerajaan

C.0.947132. Paper for the Information of the Malaysia Commission, 1960-1962.

Fail Cawangan Khas Kontinjen Sabah dan Sarawak RASCOM./No.Siri: 0.08997/37.

Goodwin, F.W. (n.d). Sarawak Council Negri. Subversion in Sarawak.

Kertas Cetak Kerajaan. (1973). Countering Communist Subversion in Schools. Jabatan Cetak Kerajaan.

Nortb Borneo News and Sabah Times. 4 Disember 1962.

Sarawak Repository Record. (1957-1958). Sarawak Diary February. RH/2006/0012.

The Sarawak Gazette. 31 December 1952.

Utusan Sarawak. 28 Julai 1960.

Buku dan Jurnal

Ahmad Syakir & Sahul Hamid. (2021). Propaganda dan Keganasan Komunis di Sarawak, 1963 – 1972. *Jurnal Perspektif*, 12(2).

Britannica. (2023). *Chinese Communist Party*. https://www.britannica.com/topic/Chinese-Communist-Party. Akses pada 23 Julai 2023.

Bukhory Ismail, Amelia Aziz, & Zulkipli Abu Bakar. (2000). *Kamus Komunikasi.* Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Chin Ung-Ho. (1996). *Chineses Politics in Sarawak, A Study of the Sarawak United Peoples Party.* Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Emyzul, I. (2019). Kerjasama Sarawak dan Kalimantan dalam menghadapi ancaman Komunis. 1963-1974. *Borneo Research Journal*, 13(1).

Ho Hui Ling. (1999). Kegiatan Clandestine Communist Organization (CCO) Di Sarawak, 1950-1963: Satu Tinjauan Umum. *Jurnal Sejarah*, 7(7).

Ho hui Ling. (2012). Orang Cina Dan Penglibatan Dalam Politik di Negeri Sarawak, 1841 -1963. Jurnal Sejarah. 20(20).

Ho Hui Ling. (2012). Strategi Pergerakan Komunis Dan Parti Komunis Malaya (PKM), 1920-1989. *Sarjana*, 27(2).

Ho Hui Ling. (2014). Penglibatan Orang Cina Dalam Gerakan Komunis di Sarawak, 1924-1874. *Jurnal Sejarah*, 23(1).

Kamus Dewan Bahasa & Pustaka. (t.t.). *Definisi Propaganda*. https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=propaganda. Akses pada 20 Julai 2023.

Michael Leigh (ed.). (2000). *Borneo 2000: Proceedings of the Sixth Biennial Borneo Research Conference, Kuching, Sarawak*. Sarawak: Universiti Malaysia Sarawak.

Mohd Reduan Asli. (1993). *Pemberontakan Bersenjata Komunis di Malaysia.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nararossa Peter Ballak. (2016). Ancaman Subversif Komunis di Bahagian Ketiga, Sarawak: 1966 – 1976. *In-House Seminar: Revisiting Malaysian History*, 1(1).

Syed Idrus Syed Ahmad & R. Santhiram. (1990). *Perkembangan Pendidikan di Sarawak.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Utusan Sarawak. (t.t.). Orang Cina Pada Zaman Brooke. https://www.utusansarawak.com.my/?p=29674. Akses pada 22 Julai 2023

Yoji Akashi. (1970). Japanese Policy Towards the Malayan Chinese 1941-1945. *Journal of Southeast Asian Studies*, 1(2).

Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2023, Vol.8 (1), hlm. 233-252
e-ISSN: 2600-8726© Awang Norben Bin Ben
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

RENTAP: SATU PENELITIAN KE ATAS MOTIF DAN FAKTOR PERJUANGANNYA DI SARAWAK

Rentap: A Research on The Motive and The Factors of The Struggle in Sarawak

Awang Norben Bin Ben[1]

[1]*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*
[1]nazmispade@gmail.com,
Dihantar:24 Mac 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023

Abstrak

Perjuangan Rentap di Sarawak adalah sebahagian daripada peristiwa penting dalam sejarah Sarawak pada abad ke-19. Rentap merupakan seorang tokoh pejuang Iban yang telah memaparkan kisah perjuangannya dalam memimpin masyarakat Iban (Sea Dayaks) untuk melaksanakan penentangan ke atas kerajaan Brooke bagi mempertahankan adat, budaya dan kebebasan masyarakat Iban di Sarawak. Hal ini kerana, tindakan kerajaan Brooke yang cuba untuk mencampuri norma kehidupan masyarakat dapat dilihat telah membangkitkan ketidakpuashatiaan penduduk yang akhirnya membawa kepada suatu gerakan penentangan terhadap pihak penjajah. Objektif kajian ini secara dasarnya akan tertumpu kepada motif perjuangan Rentap di Sarawak di samping meneliti faktor utama yang membawa kepada penentangan itu berlaku sekaligus menilai kesan dan sumbangan yang diberikan menerusi perjuangan beliau dalam menentang pihak penjajah di Sarawak. Kaedah kajian akan sepenuhnya menggunakan pendekatan kualitatif, dengan melakukan referensi terhadap sumber primer dan sekunder bagi menjayakan kajian.

Kata Kunci: Perjuangan Rentap, Masyarakat Iban, Kerajaan Brooke

Abstract

The Rentap struggle in Sarawak was part of an important event in the history of Sarawak in the 19th century. Rentap is an Iban fighter figure who has shown the story of his struggle in leading the Iban community (Sea Dayaks) to carry out resistance against the Brooke government to defend the customs, culture and freedom of the Iban community in Sarawak. This is because the actions of the Brooke government which tried to interfere with the norms of community life can be seen to have raised the dissatisfaction of the population which eventually led to a movement of resistance against the colonialists. The objective of the study will basically focus on the motives of Rentap's struggle in Sarawak in addition to examining the main factors that led to the resistance taking place as well as evaluating the impact and contribution given through his struggle against the colonialists in Sarawak. The research method will fully use a qualitative approach, by referring to primary and secondary sources to make the research successful.

Keywords: *Rentap Struggle, Iban Society, Brooke Government*

Pengenalan

Sebelum kedatangan James Brooke di Sarawak, masyarakat Iban telah menjalani kehidupan mereka yang telah lama mereka warisi sejak dari zaman dahulu lagi. Kedatangan kuasa penjajah ke Sarawak khususnya pemerintahan keluarga Brooke pada abad ke-19 telah banyak membawa perubahan ke atas Sarawak dari pelbagai aspek iaitu sosial, politik dan ekonomi. Penjajahan yang dilakukan oleh kerajaan Brooke tidak dinafikan banyak membawa perubahan dan kebaikan ke atas Sarawak namun jika diteliti dengan lebih mendalam, pemerintahan yang dilaksanakan oleh keluarga Brooke lebih banyak mendatangkan keburukan dan masalah kepada masyarakat tempatan di Sarawak. Perubahan-perubahan yang dibawa oleh dinasti Brooke dalam menjalankan pemerintahannya telah menimbulkan ketidakpuashatiaan

penduduk tempatan dan ini mendorong berlakunya konflik di antara penjajah dan masyarakat tempatan sekaligus mengundang persengketaan yang berpanjangan.

Campur tangan pihak penjajah khususnya regim Brooke di Sarawak telah melahirkan rasa ketidakpuashatian dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak. Hal ini yang berlaku telah mendorong mereka bersama-sama pemimpin mereka iaitu Libau Anak Lingkan atau lebih dikenali sebagai Rentap melancarkan serangan ke atas kerajaan Brooke bagi menghalang kuasa luar daripada terus berkuasa di Sarawak. Di bawah pimpinan beliau, Rentap dan pengikutnya telah melakukan penentangan terhadap kerajaan Brooke yang dianggap zalim dan menindas masyarakat disamping dasar pemerintahan yang dilaksanakan bertentangan dengan adat istiadat dan amalan tradisional penduduk tempatan.

Latar Belakang Rentap

Rentap atau nama sebenarnya Libau Anak Lingkan merupakan salah satu pejuang yang sangat komited dalam menentang kerajaan Brooke di Bumi Sarawak. Beliau yang telah diangkat sebagai wira rakyat juga sering dikenali dengan nama 'Libau Panggau Dara, Rentap Tanah Kudi Menoa'. Rentap telah dilahirkan sekitar tahun 1800-an di Sungai Kapuas, di bahagian barat Borneo yang berasal dari Sungai Pinang, Rumah Unting, Skrang (Benedict Sandin, 1972: 69). Ayahnya yang bernama Ningkan telah mengahwini ibunya yang bernama Imbong. Hasil daripada perkahwinan tersebut, mereka telah dikurniakan lima orang anak dan Rentap merupakan anak sulung daripada lima orang adik beradiknya yang lain. Tidak lama setelah kelahiran Rentap, keluarganya telah berpindah ke Ulu Skrang (Graham Irwin, 1986: 41) dimana beliau telah menghabiskan sebahagian besar masa hidupnya di sekitar Sungai Skrang dan Sungai Saribas (Low Kok On, 2010: 152).

Rentap pada usia mudanya telah mula bergiat aktif dalam mengikuti aktiviti menyerang di laut bersama Orang Kaya

Pemancha Dana Bayang yang merupakan ketua Iban yang berasal daripada Saribas pada waktu itu. Beliau yang terlibat secara aktif dalam menyertai aktiviti serangan di laut dan ekspedisi pelayaran menyebabkan dirinya telah dikatakan sebagai "manok sabong" atau "ayam tambatan" bagi Orang Kaya Pemancha Bayang sehingga dirinya dikenali ramai dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak (Edward Enggu, 1973: 132). Nama beliau semakin dikenali ramai setelah berlakunya suatu peristiwa dimana beliau telah merampas keris emas kepunyaan anak Sultan sewaktu menyerang kapal yang berlayar dari Sambas. Ekoran daripada peristiwa tersebut, nama Rentap semakin disanjung tinggi dalam kalangan masyarakat Iban pada waktu itu. Gelaran atau nama Rentap sebenarnya merupakan gelaran yang diberikan kepada beliau. Gelaran tersebut telah diberikan kepadanya apabila Rentap berjaya memperoleh kepala manusia buat pertama kali bagi dirinya dalam satu ekspedisi mengayau (pengait kepala) atau peperangan. Disebabkan kejayaannya itu, nama beliau telah diubah dari Libau kepada Rentap (Chang Pat Foh, 2006: 22-23). Gelaran Rentap membawa maksud Ensumbar dalam bahasa Iban ataupun "penggoncang dunia" (A.M Cooper, 1968: 1) dalam bahasa Melayu.

Foto 1: Gambar Pahlawan Rentap
Sumber: Muzium Negeri Sarawak

Motif Perjuangan Rentap

Dalam konteks di Asia Tenggara, setiap daripada perjuangan yang dilancarkan memiliki objektif atau matlamat yang tersendiri ia dilancarkan. Sesuatu perjuangan itu tidak dilaksanakan semata-mata untuk menunjukkan penentangan tanpa alasan akan tetapi ia didasari oleh tujuan dan matlamat yang jelas mengapa perjuangan itu harus dilaksanakan. Misalnya, perjuangan Dol Said di Naning adalah bermatlamatkan untuk mempertahankan hak dan budaya masyarakat di Naning daripada terus dicabuli oleh pentadbiran British. Hal ini boleh dilihat apabila pihak British telah menghilangkan hak pemerintah tempatan untuk memungut hasil cukai menerusi pengubalan undang-undang cukai tanah yang dikenali sebagai Regulation IX 1830 (L.A. Mills, 1969: 105).

Perjuangan yang dilakukan oleh Dato Bahaman di Pahang pula adalah bermatlamatkan untuk mempertahankan hak politik dan hal ehwal masyarakat Pahang terutamanya dalam sistem pentadbiran tradisional daripada dicampuri oleh pihak British. Campur tangan British dalam hal ehwal dan pengenalan sistem baru (sistem Residen) dalam pentadbiran tradisional masyarakat Pahang menyebabkan Dato Bahaman bangkit menentang penjajah bersama Tok Gajah dan anaknya iaitu Mat Kilau. Kegagalan rundingan yang dilakukan oleh Dato Bahaman bersama pihak British telah membangkitkan suatu gerakan yang dikenali sebagai Pemberontakan Pahang atau Pahang Uprising (Amnah Saayah Ismail et. al., 2019: 356-363).

Sepertimana perjuangan yang dilaksanakan di Tanah Melayu oleh tokoh-tokoh pejuang dalam menentang penjajah, perkara yang sama juga berlaku di Sarawak apabila munculnya Rentap selaku tokoh pejuang masyarakat Iban dalam membangkitkan semangat perjuangan menentang penjajah. Akan tetapi, penjajahan di Sarawak memperlihatkan bahawa ia adalah berbeza dengan negeri-negeri lain seperti yang berlaku di Tanah Melayu. Hal ini kerana, penaklukan awal di Sarawak memperlihatkan ia tidak didominasi oleh syarikat perdagangan

yang membawa visi dan misi negara tetapi ia telah didominasi oleh sebuah keluarga daripada Inggeris (Gregory Kiyai@Keai, 2022, 90-101). Menurut Robert Reece, motif perjuangan Rentap mencabar pihak Brooke adalah disebabkan tradisi asalnya (Robert Reece, 1983: 16). Tindakan James Brooke yang melarang adat dan budaya masyarakat Iban telah menyebabkan Rentap dan para pengikutnya berjuang untuk mengekalkan cara hidup mereka yang telah lama mereka amalkan. Oleh itu, matlamat dan perjuangan Rentap adalah bertujuan untuk mempertahankan adat dan budaya masyarakat Iban daripada terus dicabuli oleh kekuasaan Brooke.

Motif Perjuangan Rentap

Kedatangan James Brooke ke Sarawak memberikan tamparan yang hebat kepada Rentap dan masyarakat Iban di Sarawak khasnya masyarakat Iban yang berasal dari Skrang dan Saribas. Permulaan pemerintahan James Brooke di Sarawak memperlihatkan wujudnya campur tangan kuasa asing dalam menganggu norma kehidupan masyarakat yang sudah sekian lama dijalankan sebelum kedatangan James Brooke. Rentap dikatakan membenci James Brooke disebabkan dirinya melihat James Brooke sebagai orang luar yang memiliki niat jahat untuk menguasai Sarawak sekaligus cuba untuk menghapuskan gaya hidup masyarakat pada waktu itu (James Ritchie & Edmund Langgu Anak Saga, 2009: 57). Disebabkan perkara tersebut, Rentap dan para pengikutnya tidak menyukai James Brooke untuk mentadbir Sarawak atas sebab mencabuli kegiatan harian masyarakat Iban Sarawak terutamanya berkaitan adat dan budaya. Wujudnya pentadbiran Brooke di Sarawak juga sebenarnya menyebabkan masyarakat Iban kehilangan kebebasan dalam melakukan kegiatan seharian mereka. Menurut Vinson H. Sutlive:

> "*Brooke policies of taxtation and fines, restrictions of migration, suppression of raiding and head-hunting evoked resentment and retaliation from the independent Iban*" (Vinson H. Sutlive, 1992: 73).

Jika diteliti dalam sejarah perjuangan Rentap di Sarawak, salah satu faktor utama yang mendorong penentangan Rentap di Sarawak ialah penghapusan amalan ngayau yang telah lama diamalkan oleh masyarakat Iban sejak dari dahulu lagi. Amalan ngayau yang diamalkan oleh masyarakat Iban sebenarnya tidak disenangi oleh James Brooke pada peringkat awal pentadbirannya di Sarawak. Ini kerana, James Brooke dilihat kurang senang dengan amalan tersebut terutamanya kepada masyarakat Iban yang berasal daripada Skrang dan Saribas disebabkan beliau melihat amalan tersebut sebagai suatu tindakan yang kejam dan tidak bertamadun (Anna Durin, 2014: 7). Sebagai langkah untuk mengekang kegiatan pemburuan kepala yang dianggap sebagai tidak bertamadun ini, James Brooke telah mengubal undang-undang dalam sistem pentadbirannya yang mengandungi lapan fasal yang pada pandangan Brooke sendiri boleh diterima dan dipatuhi oleh penduduk Sarawak. Oleh itu, pada tahun 1842, satu pelan kasar berkaitan perundangan telah digagaskan oleh James Brooke di Kuching. Undang-undang tersebut merangkumi perihal jenayah biasa yang mungkin akan dihadapi oleh James Brooke sepanjang tempoh pemerintahan beliau (Elizabeth Pollard, 1997: 5).

Salah satu perkara atau fasal yang terdapat dalam perundangan tersebut adalah ia menyatakan bahawa orang yang membunuh, menyamun dan melakukan lain-lain kesalahan jenayah yang berat, akan dihukum berdasarkan undang-undang jika seseorang itu didapati bersalah (Haji Buyong Adil, 1974: 23). Penguatkuasaan undang-undang ini yang dilaksanakan oleh James Brooke nyatanya telah menganggu amalan masyarakat Iban khususnya budaya ngayau yang merupakan amalan tradisi masyarakat tersebut. Justeru, perundangan yang dianggap Brooke akan diterima oleh masyarakat sebaliknya menimbulkan kebencian yang pahit dalam kalangan masyarakat Iban (Vinson H. Sutlive, 1993: 17). Ini kerana, halangan tersebut menyebabkan tradisi mengayau terganggu untuk dilaksanakan bagi kepentingan masyarakat Iban misalnya dalam upacara perkahwinan dan kematian. Tanpa adanya kepala, masyarakat Iban tidak dapat

mewujudkan semula susunan kosmik dan ketenteraman rohani sekaligus menghadapi risiko yang lebih besar (J.H. Walker, 2002: 78). Disebabkan itu, tindakan James Brooke yang menghalang amalan ini untuk diamalkan telah membawa kepada penentangan Rentap bagi meruntuhkan pentadbiran Brooke sekaligus mengusir mereka daripada terus berkuasa di Sarawak.

Penentangan Rentap ke atas kerajaan Brooke juga boleh dilihat menerusi tindakan James Brooke melaksanakan kempen penghapusan lanun di Sarawak. Setelah kedatangan James Brooke di Sarawak dan diangkat sebagai The White Rajah pada 24 September 1841 (S. Baring-Gould & C.A. Bampfylde, 1989: 93), beliau telah mengisytiharkan orang Iban dari Skrang dan Saribas sebagai lanun disebabkan tindakan mereka yang banyak terlibat dengan maritime raiding activities bersama-sama orang Iranun dan Balangingi di sekitar kepulauan Borneo dan Laut China Selatan. Tindakan orang Iban (Sea Dayaks) bersama orang Iranun dan Balangingi yang sering merompak kapal-kapal dagang Barat dan menculik anak-anak kapal untuk dijadikan sebagai hamba telah dilihat sebagai suatu ancaman di kawasan perairan kepulauan Borneo dan Laut China Selatan. Disebabkan kegiatan tersebut dilihat memberikan ancaman kepada para pedagang Barat serta pihak kolonial, James Brooke telah bertindak melaksanakan kempen anti lanun di Sarawak sekaligus menghapuskan sistem perhambaan yang dilihat sebagai devastating system dengan cara mengubal undang-undang dan menubuhkan Court of Justice (James Rickie & Edmund Langgu Anak Saga, 2009: 103).

Dalam usahanya melaksanakan kempen anti lanun tersebut, James Brooke memulakan langkahnya dengan menyebarkan propaganda berunsur negatif terhadap masyarakat Iban khususnya yang menetap di kawasan Skrang dan Saribas. James Brooke telah menyatakan bahawa orang Iban dari Skrang dan Saribas merupakan perompak di darat dan lanun di laut serta bertindak membunuh sesiapa sahaja yang dianggap cuba untuk menentang mereka (Gregory Kiyai @ Keai, 2002: 94). Hal ini telah membangkitkan kemarahan masyarakat Iban terutamanya

Rentap yang melihat tindakan James Brooke sebagai suatu tindakan mencampuri urusan masyarakat Iban di Sarawak. Justeru, setelah mendengar khabar bahawa perubahan pentadbiran akan dilakukan oleh James Brooke di Kuching dan tindakannya untuk menghapuskan amalan perlanunan dalam kalangan penduduk, ia membangkitkan kemarahan Rentap seterusnya ketidakpuashatian beliau terhadap James Brooke kerana berani menganggu kehidupan tradisional masyarakat Iban di Sarawak (A.M. Cooper, 1968: 2).

Pembayaran cukai yang melampau yang dikenakan ke atas masyarakat Iban di Sarawak turut memperlihatkan ia menjadi faktor yang menyumbang kepada penentangan ini berlaku. Sebelum James Brooke menjalankan pemerintahannya, masyarakat Iban sememangnya sudah mula membayar cukai kepada para pembesar tempatan (Melayu) di Sarawak disebabkan wujudnya hubungan Iban-Melayu dalam konteks perdagangan. James Brooke yang melihat keadaan ini telah menganggap ia sebagai suatu tradisi di antara pembesar Melayu dengan masyarakat Iban di Sarawak (Robert Pringle, 1970: 63). Keadaan ini menyebabkan James Brooke telah bertindak memungut cukai dengan mengenakannya sendiri kepada masyarakat Iban di Sarawak sewaktu diawal pemerintahannya. Bagi melaksanakan pembayaran cukai tersebut, James Brooke telah melantik sebahagian daripada para pembesar Melayu yang kalah dalam peperangan sewaktu ekspedisi perang yang dilaksanakannya pada tahun 1841. James Brooke tidak menjatuhkan hukuman mati terhadap para pemberontak (Melayu) tersebut sebaliknya memberikan pengampunan dan mengembalikan jawatan mereka dalam pentadbiran.

Walaubagaimanapun, kuasa para pembesar Melayu ini dihadkan dengan menggantikan hak yang kurang jelas dan fleksibel yang dahulunya mereka laksanakan dengan mendapatkan hasil yang tetap. James Brooke telah mengantikan datu Melayu daripada pemungut cukai feudal kepada orang kenamaan yang mana mereka dibayar gaji untuk perkhidmatan

mereka (J.H. Walker, 2002: 60). Sebahagian daripada fungsi James Brooke melantik pembesar Melayu adalah untuk mendapatkan sokongan orang Melayu ke atas jawatannya sebagai raja di Sarawak. Disebabkan James Brooke telah menyelamatkan nyawa dan mengembalikan para pembesar ini dalam sistem pentadbiran, maka para pembesar Melayu telah terikat dengan pentadbiran James Brooke di Sarawak.

Pengagasan undang-undang James Brooke yang digubal dalam pentadbiran nyatanya mendatangkan kesan kurang menyenangkan bagi masyarakat Iban di Sarawak. Dalam perundangan yang dibentuk oleh James Brooke yang juga dikenali sebagai "Eight Items", ia menyatakan:

> "*All men, whether Malay, Chinese or Dyak were free to trade or work as they pleased and enjoy their gains .. Trade would be entirely free, except for the government monopoly of antimony ore; .. Taxtation would be fixed and the yearly payments required clearly stated. Regulations about standard weights and measures and a low value coinage would be introduced"* (Steven Runciman, 1992: 68-69).

Menerusi penguatkuasaan undang-undang tersebut, ia sekali lagi telah membangkitkan kemarahan dalam kalangan masyarakat Iban. Penerimaan undang-undang ini adalah sukar bagi masyarakat Iban kerana melihat ia sebagai sesuatu yang membebankan hidup masyarakat disamping cukai yang dikenakan terlalu tinggi dan meningkat. Bahkan, James Brooke turut mengenakan cukai kepala ke atas orang Iban dan denda untuk kesalahan seperti memburu atau menentang larangan imigrasi yang dikeluarkan (R.H.W. Reece, 1993: 4). Justeru itu, ketidakpuashatiaan ini akhirnya membawa kepada berlakunya penentangan masyarakat Iban di Sarawak terutamanya yang diketuai oleh Rentap yang membawa kepada berlakunya banyak pertumpahan darah di bumi Sarawak.

Kesan dan Sumbangan Perjuangan Rentap

Perjuangan Rentap di Sarawak telah menciptakan jejak pensejarahan yang mendalam berkaitan perjuangannya dalam menentang penjajah. Menerusi keberanian dan kebijaksanaan yang ditonjolkan, Rentap telah memberikan sumbangan yang tidak ternilai dalam mempertahankan adat dan budaya serta kebebasan masyarakat Iban di Sarawak. Kesan daripada perjuangannya tidak hanya membentuk perubahan dalam sejarah tempatan, tetapi juga mengingatkan kepada masyarakat akan kepentingan mempertahankan nilai-nilai tradisional yang diamalkan.

Penentangan Rentap ke atas kerajaan Brooke amat signifikan dengan tujuan atau objektif perjuangan beliau dalam mempertahankan adat dan budaya masyarakat Iban di Sarawak. Seperti yang telah dinyatakan, kedatangan James Brooke di Sarawak secara jelas dan nyata telah menganggu adat dan budaya masyarakat Iban yang mana ia merupakan suatu amalan penting dalam membentuk dan mencorakkan gaya hidup masyarakat Iban di Sarawak. Disebabkan itu, wujudnya perkara ini menyebabkan Rentap dan para pejuang lainya telah berjuang untuk mempertahankan kebudayaan dan gaya hidup yang telah diamalkan sejak turun temurun (A.M. Cooper, 1968: 1). Perjuangan Rentap dalam mempertahankan adat, budaya dan kebebasan masyarakat Iban turut disokong oleh Persatuan Kesusteraan Sarawak apabila mengungkapkan perkara yang sama berkaitan perjuangan Rentap dengan menyatakan:

> "*If you walk into the Town Betong in the Second Division of Sarawak, you will find a road named Rentap. And when you sit down in a coffee shop chating with the Iban elders, they will tell you endless story of their hero Rentap, who had lead the people in the Second Division, particularly from Skrang and Saribas (Ulu Layar) to drive away the White Rajah in order to maintain their life and freedom"* (K.C. Jong, 1983: 40-41).

Seiring dengan matlamat dan tujuan penentangan Rentap di Sarawak, dapat dilihat bahawa perjuangan Rentap telah memberikan kesan dan sumbangan dalam mempertahankan adat dan budaya masyarakat Iban di Sarawak. Sewaktu pemerintahan James Brooke, meskipun wujudnya peraturan yang menghalang pelaksanaan aktiviti ngayau dan maritime raiding, Rentap dan pengikutnya tetap mengamalkan adat dan budaya tersebut kerana menganggap James Brooke tidak mempunyai kekuasaan ke atas mereka. Sikap Rentap dan para pengikutnya yang enggan menuruti peraturan tersebut menyebabkan amalan ngayau dan maritime raiding terus dijalankan oleh masyarakat Iban untuk suatu tempoh yang agak panjang. Bahkan, masyarakat Iban pada waktu itu memiliki kebebasan melakukan aktiviti sedemikian.

Tindakan James Brooke dalam menghapuskan masyarakat Dayak Laut yang digelar sebagai lanun menerusi kempen penghapusan lanun yang dijalankan memperlihatkan bahawa ia tidak mematahkan semangat perjuangan Rentap untuk mempertahankan adat dan budaya masyarakat Iban. Walaupun petempatan mereka telah diancam dan diserang oleh kerajaan Brooke berulang kali demi menghapuskan kegiatan masyarakat Iban, Rentap dan para pengikutnya tidak berdiam diri sebaliknya melakukan serangan balas terhadap kerajaan Brooke. Serangan ke atas kubu pertahanan Fort James di Nanga Skrang menjadi bukti bahawa wujudnya suatu tindakan dalam mempertahankan adat dan budaya masyarakat Iban di Sarawak. Bahkan, menerusi perkara ini, ia menunjukkan Rentap telah menjaga dan melestarikan nilai-nilai tradisional masyarakat Iban di Sarawak.

Menurut Miller, pahlawan Iban yang terlibat dalam peperangan memiliki sifat hati yang penuh dengan keberanian, kecekapan fizikal luar biasa dan kekuatan yang melebihi batas kemampuan manusia normal (Charles C. Miller, 1946: 132). Golongan ini seolah-olah dianugerahkan kekuatan spiritual yang membuatkan mereka menjadi hebat dan gagah setelah menewaskan musuh dengan memenggal kepala. Dalam kalangan masyarakat Iban, mereka melihat sikap berani sebagai suatu etika yang mulia dan sangat dihormati oleh masyarakat Iban pada

waktu itu. Kisah-kisah mengenai keberanian dan kepahlawanan orang Iban telah terinspirasi melalui cerita legenda dewa-dewi oleh nenek moyang mereka dan menjadi satu adat yang diamalkan secara turun temurun. Rentap sebagai seorang pahlawan masyarakat Iban telah memiliki gelaran Bujang Berani apabila beliau telah berjaya memenggal kepala musuh sewaktu melakukan ekspedisi di laut. Setelah mendapat gelaran ini, Rentap telah dipandang tinggi dalam kalangan komuniti masyarakat Iban di Sarawak.

Kepimpinan Rentap selaku pemimpin masyarakat Iban dapat dilihat secara jelas apabila beliau telah memimpin para pengikutnya dalam melakukan penentangan terhadap kerajaan Brooke. Semangat perjuangan yang ditonjolkan oleh Rentap selaku pemimpin masyarakat Iban telah mempengaruhi para pengikutnya untuk bersama-sama menentang penjajah sewaktu era pemerintahan kerajaan Brooke. Keberanian dan semangat perjuangannya yang tinggi nyatanya telah membawa kepada kebangkitan semangat perjuangan dalam kalangan masyarakat Iban di Sarawak. Perkara ini dapat dilihat menerusi tindakan Rentap memimpin para pengikutnya untuk menyerang kubu James Brooke di Nanga Skrang yang menghalang masyarakat Iban untuk melakukan kegiatan harian mereka seperti biasa.

Sama ada Rentap dilabelkan sebagai lanun, pejuang atau pemberontak, tindakan Rentap menentang pihak penjajah telah menunjukkan keperwiraan beliau selaku pemimpin masyarakat Iban yang paling diagungkan (the most fabled) oleh para pengikutnya. Keberanian yang ditunjukkan oleh Rentap dalam melaksanakan penentangan terhadap kekuasaan Brooke menyebabkan ramai dalam kalangan masyarakat Iban dari Skrang dan Saribas terdorong untuk mengikuti perjuangannya. Hal ini dapat dilihat menerusi pernyataan Robert Pringle yang menyatakan:

> "*Rentap was the most prominent warrior of the upper skrang, the probated the slayer of Dato Patinggi Ali in Kerangan Peris in 1844, and the later the most fabled Iban in Sarawak history"* (Robert Pringle, 1970: 91).

Kehebatan Rentap dalam mempengaruhi masyarakat Iban untuk tidak tunduk kepada pemerintahan Brooke juga telah menjadi inspirasi kepada para pengikutnya untuk menentang penjajah sepertimana yang dinyatakan oleh S. Baring-Gould dan C.A. Bampfylde:

> "...*the piratical tribes had been divided into two parties: one that was content to submit to the Government of Sarawak, and abandon its former lawless practices, and the other, consisting of the irreconcilables, the wild and fiery blood, who love slaughter and rapine above everything, and who cannot be prevailed upon to beat their spears into ploughshares. At their head stood a peculiarly daring and turbulent Dayak Chief called Rentap*" (S. Baring-Gould & C.A Bampfylde, 1989: 168).

Walaupun pada akhirnya Rentap mengalami kekalahan dalam perjuangan beliau, semangat menentang penjajah yang ditunjukkan oleh Rentap tidak berakhir selepas kekalahan beliau di Bukit Sadok. Rentetan daripada semangat perjuangannya, gerakan menentang pihak penjajah masih diteruskan oleh para pejuang selepas era perjuangannya. Penentangan Rentap telah menjadi perintis kepada perjuangan yang berterusan dalam menentang pihak penjajah seperti Asun Bah Tunggal (Banjir Kilat) dari Entabai yang merupakan pahlawan Iban yang terakhir dalam menentang kekuasaan Brooke di Sarawak pada tahun 1929. Rentap yang juga terkenal dengan slogan "Agi Hidup Agi Ngelaban" telah menyebabkan semangat perjuangan yang dibawa oleh beliau terus meresapi ke dalam jiwa seluruh kaum Iban untuk sentiasa bangkit menentang penjajah. Bahkan, semangat perjuangan yang dibawa oleh Rentap menunjukkan tekadnya menentang penjajah tidak seperti pejuang Iban yang lain dimana perjuangan mereka telah berubah apabila ditawarkan harta dan kedudukan.

Perjuangan Rentap dalam menentang penjajah juga sebenarnya meninggalkan suatu warisan perlawanan yang terus dikenang oleh masyarakat Iban. Dapat dilihat, kisah perjuangan beliau merupakan bahagian penting dalam membentuk identiti kolektif dan inspirasi bagi generasi akan datang agar menyedari kepentingan mempertahankan nilai-nilai dan hak-hak mereka daripada hilang ditelan zaman. Selepas kematian Rentap, nama serta perjuangannya dalam menentang penjajah telah bersemadi dalam diri setiap lapisan masyarakat sehingga ke hari ini. Keberanian beliau dalam menentang kuasa penjajah telah disanjung tinggi terutamanya oleh orang Iban di Sarawak (Chang Pat Foh, 2006: 36).

Sebagai tanda untuk melestarikan perjuangan Rentap dalam menentang kekuasaan Brooke di Sarawak, Kerajaan Negeri Sarawak telah memberikan pengiktirafan terhadap perjuangan beliau. Sebuah Tugu Peringatan Panglima Rentap telah didirikan di Bukit Sadok dan ia dirasmikan oleh Kerajaan Negeri Sarawak sempena memperingati jasa dan perjuangan beliau dalam menentang kuasa penjajah untuk suatu tempoh yang panjang. Perasmian tugu peringatan ini menjadi bukti penerimaan masyarakat terhadap jasa dan sumbangan beliau dalam mempertahankan adat, budaya dan kebebasan masyarakat Iban pada masa dahulu sekaligus menjadi cara untuk mengimbau semula sejarah silam perjuangannya agar tetap segar dalam ingatan masyarakat. Tugu peringatan ini yang dibangunkan mengandungi sejarah ringkas perjuangan Rentap dalam memberikan gambaran dan pengiktirafan perjuangan beliau.

Perjuangan Rentap dalam mempertahankan budaya tradisional masyarakat Iban turut digambarkan menerusi pembinaan Lumbong Rentap di Bukit Sibau. Ia dibangunkan sebagai penghargaan yang tinggi kepada Rentap sekaligus dijadikan sebagai kenangan di atas keazaman Rentap mempertahankan cara hidup tradisional orang Iban pada masa lalu. Dalam konteks ini, sumbangan dan kesan perjuangan Rentap sebagai sejarah warisan diaplikasikan kepada pembangunan seni

bina budaya yang memaparkan kewibawaan Rentap dalam mempertahankan budaya menerusi perjuangannya.

Di bahagian Betong, Sarawak, nama beliau telah diabadikan menerusi penamaan sebatang jalan raya di daerah Betong sebagai jalan Rentap. Dewan masyarakat di daerah ini iaitu Dewan Masyarakat Betong turut dinamakan sebagai Dewan Panglima Rentap manakala bangunan pentadbiran di daerah Betong pula telah ditukar nama kepada Kubu Rentap. Bahkan, Rentap Lounge di Hotel Damai Lagoon di Kuching juga diberikan nama sempena nama Panglima Rentap. Justeru, dapat dilihat bahawa, impak dan sumbangan perjuangan yang dilakukan oleh Rentap banyak memberikan kesan terhadap pembangunan infrasruktur yang menjadi tanda penghargaan terhadap perjuangan beliau.

Perjuangan Rentap dalam memperjuangkan adat, budaya dan kebebasan masyarakat Iban telah memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai perjuangan yang dilakukan oleh beliau. Dapat dilihat, penerimaan masyarakat menerusi pembinaan Tugu Panglima Rentap dan sebagainya menjelaskan bahawa sejarah penentangan Rentap itu sendiri merupakan sumbangan beliau dalam menyedarkan masyarakat akan pentingnya memelihara dan mempertahankan adat dan budaya yang sekian lama telah diamalkan secara turun-temurun.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, perjuangan yang dilaksanakan oleh Rentap dalam menentang regim Brooke di Sarawak secara jelas memperlihatkan bahawa ia dilaksanakan bagi tujuan untuk mempertahankan adat dan budaya masyarakat Iban daripada terus dicabuli oleh kerajaan Brooke. Tindakan James Brooke yang cuba untuk mencampuri urusan hal ehwal adat dan budaya masyarakat Iban jelas memperlihatkan bahawa ia telah membangkitkan kemarahan dan ketidakpuashatiaan dalam kalangan masyarakat pribumi Sarawak terutamanya Dayak Laut

(Iban) yang terganggu oleh dasar-dasar yang dilaksanakan oleh James Brooke sewaktu pemerintahannya. Oleh itu, munculnya Rentap sebagai pahlawan masyarakat Iban adalah untuk membela dan mempertahankan nasib masyarakat Iban daripada terus dibelenggu oleh kuasa penjajah.

Perjuangan Rentap telah memberikan kesan dan sumbangan yang amat signifikan terhadap sejarah dan budaya Sarawak terutamanya dalam konteks masyarakat Iban di Sarawak. Menerusi penentangan beliau, ia telah menunjukkan bahawa adat, budaya dan kebebasan yang dimiliki harus dipertahankan daripada campur tangan penjajah sekaligus memaparkan akan perlunya semangat perjuangan yang tinggi bagi mempertahankan adat dan budaya serta kebebasan tersebut. Perjuangan Rentap turut membuktikan bahawa masyarakat tempatan juga mampu untuk menentang kuasa penjajah daripada terus berkuasa di tanah air mereka. Perjuangan yang ditonjolkan oleh Rentap telah berjaya mencipta imej kepahlawanan dalam memotivasikan masyarakat Iban untuk memiliki semangat perjuangan dan ketahanan bagi menghadapi perubahan dan tekanan dari luar. Oleh itu, segala peristiwa dan penentangan Rentap yang menjadi sejarah telah dijadikan sebagai suatu kebanggaan kepada masyarakat Iban di Sarawak.

Senarai Rujukan

Arkib dan Dokumen Kerajaan

Enggu, E. On The Top of Sadok with Pahlawan Rentap. *The Sarawak Gazette.* 30 Jun 1973.

Sandin, Benedict. Under the Shadow of Rentap's Sadok: Review. *The Sarawak Gazette.* 31 Mac 1972.

Buku dan Jurnal

Adil, Haji Buyong. 1974. *Sejarah Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Baring-Gould, S & Bampfylde, C. A. 1909. *A History of Sarawak under Its Two White Rajah 1839-1908.* Malaysia: SilverFish Books.

Chater, W.J. 1994. *Sarawak Long Ago*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Cooper, A.M. 1968. *Men of Sarawak*. Singapore: Oxford University Press.

Durin, Anna. 2014. *Tikar Bemban*. Universiti Malaysia Sarawak.

Irwin, Graham. 1986. *Borneo Abad Kesembilan Belas: Kajian Mengenai Persaingan Diplomatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ismail, Amnah Saayah, Mujani, Wan Kamal, Jalal, B & Shah N. Zainal. 2019. Analysis of Dato' Bahaman Battle Strategies in The Pahang Uprising 1891-1895. *International Journal of Civil Engineering and Technology (IJCIET),* Vol. 10. Issue 1. 356-363.

Jong, K.C. 1983. Living Names. Dalam *Persatuan Kesusasteraan Sarawak, Our Sarawak.* Singapore: Summer Times Publishing.

Kiyai @ Keai, Gregory. 2022. Perang Beting Marau 1849: Kemuncak Kepada Konflik Iban Dan Rajah Brooke. *ZULFAQAR Journal of Defence Management, Social Sciences & Humanities*, Vol. 5. Issue 2. 90-101.

Kok On, Low. 2010. Lambang Semangat Juang dalam Legenda Rentap dan Sejarah Penentangannya terhadap Raja Brooke di Sarawak. *Sari – International Journal of the Malay World and Civilasation*, 28(1). 151-175.

Miller, Charles C. 1946. *Black Borneo*. New York: Modern Age Books Inc.

Mills, L.A. 1969. *British Malaya 1824-1869*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Pat Foh, Chang. 2006. *History of Iban Settlements around Kuching City, Sarawak*. Malaysia: Kuching Sarawak.

Pollard, Elizabeth. 1997*. Kuching 1839-1970*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pringle, Robert. 1970. *Rajah and Rebels – The Ibans of Sarawak Under Brooke Rule, 1841-1946.* New York: Cornell University Press.

Reece, L. Robert. 1983. Political Pioneers. Dalam *Persatuan Kesusteraan Sarawak, Our Sarawak*. Kuching: Summer Times Publishing.

Reece, R.H.W. 1993. *The Name of Brooke: The End of White Rajah Rule in Sarawak*. Kuala Lumpur: Ampang Press Sdn. Berhad.

Ritchie, James & Saga, Edmund Langgu Anak. 2009. *Rentap: Warrior, Legend and Enigma*. Malaysia: S.N.

Runciman, Steven. 1992. *The White Rajah: A History of Sarawak from 1841 to 1946.* Kuala Lumpur: S. Abdul Majeed & Co.

Sutlive, V.H. 1992. *Tun Jugah of Sarawak: Colonialism and Iban Response.* Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

Walker, J.H. 2002. *Power and Prowess: The Origins of Brooke Kingship in Sarawak.* Crow's Nest (Australia): Allen and Unwin & Honolulu: University of Hawai'I Press.

Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2023, Vol.8 (1), hlm. 253-278
e-ISSN: 2600-8726© Mohamad Zamani Pit
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

KAIN PUA: PERANAN DAN STATUS WANITA IBAN MELALUI RITUAL NAKAR

Kain Pua: The Role and Status of Iban Women Through Nakar Ritual

Mohamad Zamani Pit[1]

[1]*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah,*
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah
[1]*Zamanipit@gmail.com,*
Dihantar:25 Mac 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023

Abstrak

Kaum Iban merupakan kaum sangat menghargai adat dan budaya dalam kehidupan seharian mereka. Mereka masih kuat berpegang pada adat serta budaya nenek moyang mereka. Hal ini dapat dilihat pada cara mereka memperlakukan kain Pua yang merupakan artifak paling sakral dalam kebudayaan Kaum Iban. Kain Pua memainkan peranan yang sangat signifikan pada Kaum Iban bukan sahaja sebagai alat perhiasan rumah dan untuk kegunaan dalam adat dan upacara semata-mata. Kain pua mampu mengangkat status sosial wanita Iban supaya lebih dihormati dalam komuniti rumah panjang dengan mendapai status Indu Nakar melalui ritual Nakar. Oleh itu, fokus utama artikel ini adalah untuk menerangkan peranan dan status wanita Iban melalui ritual Nakar. Objektif utama yang cuba dicapai adalah untuk memperlihatkan cara perlaksaan ritual kain Pua yang merangkumi proses sebelum, semasa dan sesudah ritual dijalankan. Penekanan turut diberikan kepada hierarki yang wujud dalam kalangan penenun Kain Pua yang dipengaruhi oleh tahap kepandaian si penenun itu sendiri. Kajian ini diharapkan dapat mengisi kelompongan kajian berkenaan dengan kain pua dan ritual nakar kaum Iban untuk rujukan pada masa akan datang.

Kata Kunci: Iban, Kain Pua, Ritual Nakar, Sarawak

Abstract

The Iban value customs and culture in their daily lives. Iban is one of the races that still strongly adheres to the customs and culture of their ancestors. This can be seen in the way they treat kain Pua, which is the most sacred artifact in the Iban culture. Pua' cloth plays a very significant role for the Iban not only as a home decoration but also for use in customs and ceremonies. Kain pua also able to raise the social status of Iban women so that they are more respected in the longhouse community by attaining Indu Nakar status through the Nakar ritual. Therefore, the main focus of this article is to explain the role and status of Iban women through the Nakar ritual. The main objective that is trying to be achieved is to show how the Pua` cloth ritual is performed, which includes the process before, during and after the ritual is carried out. Emphasis is also given to the hierarchy that exists among the weavers of Kain Pua which is influenced by the skill level of the weaver himself. This study is expected to be able to fill the gaps in the research related to pua cloth and Iban nakar rituals for reference in the future.

Keywords: *Iban, Kain Pua, nakar Ritual, Sarawak*

Pengenalan

Kaum Iban merupakan kaum terbesar yang mendiami Sarawak dan kawasan tempat tinggal mereka berada di kawasan tebing sungai. Lazimnya, pekerjaan kaum ini adalah seperti penanam padi, pemburu, nelayan dan juga memungut hasil hutan seperti buah, sayuran untuk makanan dan juga untuk penghasilan kraf tangan (Lenna Demay Ak Joseph Machine, 2007: 1-2). Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh Peter Mulok Kedit (1980);

> *"…the iban live in a world of tree, animals, myriads of insects and thousands of other living things in a closed system charaterised by the tropical rain forest ecology. They share the strange environment of jungle-life with non-human organisms…. Life to the*

> *Ibans is a continual process of balancing the existence of all beings, whether natural or supernatural" (Peter Mulok Kedit,1980: 23-24).*

Penggunaan istilah iban itu sendiri menurut bangsa iban digunakan berdasarkan tiga cara iaitu yang pertama, perkataan iban digunakan bagi membezakan diri mereka dengan Land Dayak, kaum kayan, kaum Melayu, Cina dan juga kaum lain di Sarawak. Kegunaan istilah Iban yang kedua ialah untuk membezakan manusia biasa dengan dukun atau manang. Manang ialah seorang yang mempunyai skill dan pengetahuan dalam bidang ilmu hitam dan boleh menyembuhkan penyakit yang tidak biasa dalam kalangan Masyarakat (Salmah Jan Noor Muhammad, 2018: 766). Kegunaannya istilah Iban yang ketiga adalah memberikan maksud yang ringkas. Contoh yang jelas ialah "bisi iban di rumah?" yang bermaksud ada sesiapa di rumah (Jansen Erik, 1974: 17).

Berdasarkan ketiga fungsi ini, istilah iban ini sebenarnya bagi tujuan pembezaan dengan kaum lain dan juga untuk menunjukkan bahawa mereka itu manusia biasa dan bukan dalam kalangan dukun. Selain itu, perkataan iban itu juga dikatakan berasal dari perkataan "hivan" yang membawa maksud agresif dan orang yang berhijrah ke lembangan sungai Rejang dari kawasan selatan ke barat pada abad ke-19 (Wadley R. L., 2001: 4). Manakala istilah Dayak yang digunakan dalam frasa sea Dayak dan land Dayak itu berasal dari perkataan Dayak, Dyak yang merujuk kepada bangsa bukan melayu di kepulauan Borneo dan tidak mempunyai kepentingan dan suku kaum dimana kemungkinan perkara itu berasal dari perkataan daya yang membawa erti "inland" (Charles Hose, 1926: 145).

Kain Pua Atau Pua Kumbu

Pua` Kumbu atau Kain Pua amat signifikan kepada masyarakat Iban di Sarawak, kawasan Kalimantan dan juga beberapa bahagian kecil di Sabah. Ini kerana kesenian ini merupakan

lambang dan jati diri kepada kaum yang mendominasi sebuah negeri terbesar di Malaysia. Kesenian Pua` kumbu ini sangatlah penting dalam kehidupan masyarakat Iban kerana ia digunakan dalam aktiviti harian dan juga sangat penting dalam aktiviti yang melibatkan ritual-ritual yang bersangkut-paut dengan perkara makhluk ghaib dan juga keagamaan nenek moyang. Kain Pua ini juga merupakan salah satu dari objek sakral dalam masyarakat Iban. Ini kerana tanpa kehadiran kain Pua ini, sesuatu ritual tidak akan dapat dilaksanakan. Berdasarkan kepercayaan kaum Iban, kain Pua merupakan jambatan berserta sempadan yang memisahkan dunia manusia dengan dunia ghaib.

Warna asas kepada kain Pua adalah berwarna merah yang didapati dari pokok mengkudu, iaitu warna coklat kemerah-merahan daripada psychotria dan warna kuning yang diperolah daripada caesalpina sappan (Kim Jane Saunders, 1997: 44). Kain Pua ini kebiasaannya berkait rapat dengan cara hidup kaum Iban dan bukan semata digunakan untuk tekstil perhiasan semata-mata. Hal ini kerana dalam proses menenun kain Pua memerlukan pematuhan adat yang tinggi di samping perlu akur dengan segala pantang larang dan juga petua sepanjang proses tenunan dilakukan. Oleh itu, terdapat banyak ritual dalam penghasilan Kain Pua ini yang menyebabkan kain ini unik bukan sahaja dari segi corak malahan juga warisan juga sejarah berkenaan kaum Iban itu sendiri.

Status dan Kedudukan wanita Penenun dalam Kebudayaan Iban

Selain daripada bekerja di sawah padi, wanita Iban akan menghabiskan masa dengan menenun kain pua terutama bagi mengisi masa lapang setelah musim menuai. Selain daripada untuk tujuan kesenian, menenun kain pua ini sebenarnya akan mampu membantu menaikkan taraf sosial wanita Iban dalam masyarakat. Oleh itu, terdapat beberapa kategori atau strata sosial wanita Iban ini. Status-status bagi wanita Iban adalah yang pertama, para ibu rumah tangga sebagai status paling rendah.

Status yang kedua pula ialah "indu temua indu lawai". Status yang ketiga pula ialah "indu sikat indu kebat" dan status yang terakhir dan paling tinggi mampu dicapai seorang wanita Iban ialah "indu nakar indu ngar" (Awanis Hidayati, 2017: 8).

Rajah 1: Hierarki Sosial Wanita Iban
Sumber: Awanis Hidayati, 2017: 8.

Kategori yang pertama dan status paling rendah ialah wanita para ibu rumah tangga. Wanita Iban dalam kategori ini tidak mempunyai bakat dalam menenun dan secara kebiasaanya secara turun-temurun tidak menenun kain pua. Tidak seperti status wanita Iban lainnya, mereka dari garis keturunan ini tidak akan dapat mewarisi apa-apa kemahiran berkaitan kain pua. Wanita dalam status ini biasanya hidup miskin dan perkerjaan mereka biasanya mengumpulkan makanan menyebabkan mereka dari kategori ini tidak mempunyai masa bagi menenun kain pua.

Kategori yang kedua pula disebut sebagai "indu temua indu lawai". Mereka ini kebiasaanya isteri-isteri dari para ketua-ketua suku seperti isteri Tuai Rumah. Wanita dalam kategori ini boleh

dikatakan kaya kerana mempunyai waktu lapang serta senggang untuk mengurus tetamu keluarga dan menenun kain. Wanita dalam kategori ini biasanya hanya akan menenun kain yang mempunyai motif dan corak biasanya kerana menenun bertujuan bagi mengisi masa lapang. Kategori yang ketiga pula ialah "indu sikat indu Kebat". Wanita Iban yang berada dalam status ini dikatakan sudah mahir dalam tenunan kain pua. Namun begitu mereka masih juga menyaling atau menenun berdasarkan tenunan buatan ibu serta nenek yang mengajar mereka. Pada tahap ini, walaupun mahir, penenun masih lagi tidak boleh menciptakan corak baharu melainkan cuma mampu menenun berdasarkan corak-corak yang sedia ada.

Kategori status penenun yang terakhir ialah "indu nakar indu ngar" yang kebiasanya dari keturunan keluarga penenun yang telah mengembangkan tradisi menenun kain pua semenjak zaman berzaman. Selain menenun, wanita dalam status ini juga sangat berkemahiran dalam mencampur bahan-bahan semula jadi yang boleh dijadikan bahan untuk menenum kain pua yang berkualiti. Terdapat juga wanita dari keluarga biasa yang telah mencapai tahap tertinggi ini, namun sangat jarang. Untuk mencapai tahap ini, kerja keras dan risikonya sangat tinggi kerana kemungkinan menjadi sakit berpanjangan atau "layu" dalam istilah Iban sangatlah tinggi. Namun, jika wanita Iban itu berjaya, maka mereka akan memperolah penghormatan tertinggi dalam masyarakat dan apa juga upacara dan adat resam bangsa Iban ini. Masyarakat Iban juga percaya, hanya mereka yang berada dalam status ini dibolehkan menenun corak pua yang dianggap berbahaya oleh roh atau semangat-semangat.

Namun terdapat perbezaan pendapat berdasarakan Philip Langie (2016) terhadap hierarki dan gelaran bagi status wanita Iban dewasa. Menurut beliau, terdapat tiga tahap atau gelaran utama yang diberikan kepada wanita Iban berdasarkan kemahiran meraka dalam membuat keseniaan Iban seperti menenun, menganyam, membuat bakul beserta membuat kerja-kerja rumah. Tiga tahapan menurut tersebut adalah Indu Gar Indu Takar, Intu Puntan Indu Tengkebang dan Indu Sikat Indu Kebat

(Jacqualine Klinsing & Chemalin Usop, 2020: 23) Penerangan Philip terhadap maksud di sebalik tahapan dan gelaran bagi status sosial wanita Iban adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah;

Jadual 1: Pendapat lain Berkenaan Hierarki Sosial Wanita Iban

Gelaran	Penerangan
Indu Gar Indu Takar (Wanita Pakar, Wanita Pintar)	Gelaran ini merupakan tahapan paling tinggi yang mampu dicapai oleh seorang wanita Iban kerana memiliki kemahiran dan kepakaran dalam menghasilkan tenunan besertan anyaman lainnya. Mereka yang berada di tahapan ini dikatakan kebal terhadap pantang larang semasa upacara menenun kain pua. Mereka yang berada pada status ini membawa keberkatan si Petara dan mempu membuat pua yang tinggi nilai serta statusnya.
Indu Putan, Indu Tekebang (Wanita Pereka, Wanita Pencipta)	Gelaran ini pula merupakan darjat kedua tertinggi dalam hierarki untuk wanita Iban. Mereka yang tergolong dalam status ini mempunyai kemahiran untuk membuat motif baharu tanpa perlu berpandukan motif dari penenun lainnya. Mereka ini juga telah dipercayai telah mendapat amanat mimpi daripada petara di samping turut mempunyai kekebalan terhadap pantang larang semasa menenun kain pua.
Indu Sikat, Indu Kebat (Wanita Sulaman, Wanita Tenunan)	Gelaran ini pula gelaran ketiga tertinggi bagi wanita Iban dimana mereka mempunyai kemahiran menenun yang tinggi. Cumanya, mereka tidak mempunyai kemahiran mencipta motif baharu dan tidak kebal dari pantang larang semasa menenun kain pua seperti dua gelaran diatasnya. Masyarakat Iban percaya mereka mahir menenun cumanya tidak mendapat amanat dan mimpi dari petara seperti dua gelaran lainnya.

Sumber: Langie, 2020: 23.

Walaupun berlakunya perbezaan pandangan terhadap susunan hierarki sosial wanita Iban ini, namun kedua tokoh bersetuju menetapkan bahawa dalam hierarki sosial wanita Iban, gelaran yang paling tinggi dan mampu dicapai adalah indu Gar Indu Takar. Hal ini menunjukkan peranan perlaksanaan ritual takar ini dalam menjadikan seorang wanita penenun biasa kepada indu Takar yang dihormati oleh anggota masyarakat dalam rumah Panjang.

Peralihan status wanita Iban melalui Ritual Ngar atau Nakar

Kebolehan menenun kain pua ini juga mempunyai fungsi psikologi berbalik kepada Laki-laki Iban. Hal ini kerana kemampuan untuk menguasai tenunan yang coraknya dianggap berbahaya disamakan dengan kebolehan memburu kepala atau ngayau yang perlu dikuasai oleh lelaki Iban sebelum dianggap sebagai lelaki dewasa.

> "…*The parallelism between headhunting and pua weaving in the thinking of Iban is best shown by a quarrel between husband and wife, which freeman once overheard in longhouse. After insulting her husband in public, the angry wife finally shouted, "you called yourself a man! Well, prove it by bringing back a head!" The Husband, flushing with shame, replied, `And you make a pua!"* (Vogelsanger C., 1979: 121)

Pernyataan dari Freeman dalam Vogelsanger (1979) yang pernah terdengar sepasang suami isteri bergaduh dimana akhir kepada pergaduhan itu ialah apabila si isteri mencabar suami untuk mendapatkan kepala bagi membuktikan kegagahannya. Si suami yang marah dan malu pun membalas cabaran si isteri dengan mencabarnya untuk menenun kain pua. Situasi yang digambarkan oleh Freeman ini jelas menunjukkan bahawa taraf bagi ngayau dan menenun pua adalah sama sehinggalah berlaku saling cabar-mencabar antara pasangan suami isteri tersebut bagi membuktikan kepandaian mereka dalam bidang masing-masing.

Foto 1: Bangie Anak Embol, Indu Ngar di Rumah Gare Sungai Kain Balleh Kapit, atau Gelarannya si Penenun Mimpi

Sumber: (Tun Jugah Foundation, 2020).

Oleh itu, bagi seorang wanita penenun kain pua, mendapat gelaran indu nakar merupakan satu kebanggaan kepada mereka kerana mampu menduduki hierarki tertinggi dalam sistem strata masyarakat Iban untuk kaum wanita dan melayakkan mereka untuk menenun motif berbahaya dan mempunyai darjat paling tinggi atau nama lainnya menenun buah nyaua berpenama (Noria Tugang, 2016: 70). Istilah nakar atau takar itu sendiri dalam Bahasa Iban membawa maksud sukat atau perbuatan menyukat, maka indu takar bolehlah dedefinisikan sebagai wanita yang pandai menyukat bahan-bahan tertentu sebelum menenun kain pua. Sebagai contoh, Rumah Panjang Gare, Kapit terdapat seorang yang berjaya mencapai status indu nakar atau penenun mimpi (Foto 1.0). Beliau sangat dihormati dan disegani dalam

komuniti Rumah Panjang Gare dan disekitarnya kerana merupakan salah satu individu yang dirujuk dalam proses pembuatan kain pua.[1]

Ritual nakar secara umumnya dapat dilihat sebagai satu ritual dimana seorang wanita Iban itu akan mengelamkan benang taiya atau benang kapas bewarna putih ke dalam dulang nakar yang mengandungi bahan asli yang diperoleh daripada hutan. Ritual ini menandakan bahawa seorang penenun itu bersedia ke medan perang ataupun bersedia untuk menenun kain pua yang dianggap mempunyai corak yang berbahaya. Selain itu, hanya wanita yang mendapat mimpi dan arahan dari petara sahaja yang layak melakukan ritual Nakar ini. Oleh itu, wajib bagi wanita yang mendapat mimpi ini melakukan ritual nakar ini. Namun bagi membuktikan kesahihan mimpi yang diberikan ini benar, penenun wanita ini akan menunjukkan beberapa kebolehan yang luar biasa seperti cuaca baik semasa ritual dilakukan menandakan bahawa ritual tersebut mendapat amanat dari Petara. Sekiranya hujan lebat berlaku semasa ritual nakar dijalankan maka wanita itu dianggap telah berbohong. Wanita yang mendapat amanat mimpi ini juga mahir dalam mecipta motif-motif susah, sukar dan dianggap berbahaya dimana mereka mampu menenun tanpa bantuan penenun yang lain walaupun mereka tidak melakukan perkara seperti ini sebelumnya.

Bahan-Bahan yang Diperlukan dalam Perlaksanaan ritual Nakar

Bagi menyempurnakan ritual nakar ini, beberapa bahan hendaklah disediakan mengikut aturan dan sukatan yang telah ditetapkan semenjak turun-temurun. Menurut Noria Tugang (2016) antara bahan dan peralatan yang diperlukan semasa upacara Nakar ialah seperti Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Bahan dan Peralatan semasa proses Upacara Nakar

No.	Bahan	Keterangan
1.	Benang taiya atau benang mentah	Benang taiya atau benang mentah yang merupakan benang mentah bewarna putih. Benang ini juga digelar benang mata kerana belum ditakar atau diukur dan jumlahnya agak banyak.
2.	Dulang	Dulang atau bekas yang diperbuat dari Kayu jenis belian yang diletakkan di ruang tamu rumah Panjang. Bekas ini mempunyai ukuran 3.0m Panjang dan 1.0 meter lebar.
3.	Halia	Halia yang telah ditumbuk dengan halus serta dimasak,
4.	Buah Kepayang Salai	Buah kepayang yang telah disalai diatas para dapur kayu, nama lainnya buah kepayang ini adalah Pau,
5.	Buah Kepayang Rendaman	Buah kepayang yang telah melalui proses rendaman, jemur, dikupas kulit, ditumbuk dan minyaknya diperah.
6.	Kulit buah balong	Kulit buah balong yang mempunyai bauan yang wangi dan mempunyai buih seperti sabun dan syampu,
7.	Entemu	Entemu atau nama lainnya temu pauh yang telah ditumbuk dengan lumat,
8.	Kunyit	Kunyit yang juga ditumbuk dengan lumat,
9.	Jerangau	Jerangau atau akar jerangau yang telah ditumbuk lumat,
10.	Garam	Garam akan digunakan dalam jumlah yang sangat sedikit kerana penggunaannya garam yang terlamau banyak untuk diletakkan dalam dulang nakar menyebabkan kain pua yang terbuat dari benang taya yang dicelup tidak tahan lama.
11.	Benang Taya	Benang yang telah diukur (benang ini yang akan dicelup ke dalam dulang oleh wanita penenun semasa ritual nakar dilakukan,
12.	Cekur	Daun Cekur akan diambil dan ditumbuk sehingga lumat sebelum dimasak. Daun ini

		banyak digunakan dalam pengobatan Kaum Iban kerana dikatakan berasal dari Semanang Angau (seorang dukun) (Herpanus, 2011: 261-262).
13.	Piring patah tujuh	Piring patah tujuh atau piring turun tujuh. Piring merupakan sajian untuk petara yang mempunyai bahan tertentu namun jumlahnya mestilah dalam angka tujuh. Hal ini kerana berdasarkan kepercayaan masyarakat Iban, penggunaan piring turun tujuh menandakan tujuh petara dijemput untuk menjamu makanan yang disediakan. Selain ritual nakar, pring turun tujuh turut digunakan dalam upacara miring untuk sambutan gawai yang berskala besar seperti Miring Gawai Kelingkang.

Sumber: Noria Tugang, (2016: 70).

Perlaksanaan Ritual Nakar

Perlaksanaan kepada ritual nakar ini adalah wajib dimana ia merupakan satu arahan daripada petara dan menjadi tanggungjawab semua warga penduduk sesebuah rumah Panjang untuk menjayakannya. Walaupun ritual ini bertujuan agar Wanita penenun yang mendapat amanat mimpi memperoleh kepakaran menenun kain pua, keterlibatan seluruh anggota masyarakat yang bukan sahaja khusus kepada satu rumah Panjang malahan keterlibatan beberapa rumah Panjang disekitarnya menunjukkan peri pentingnya ritual ini untuk dilakukan setelah amanat mimpi dari petara diperoleh.

Proses pertama bagi Kaedah dan Perlaksanaan Ritual Nakar adalah Baum. Baum membawa maksud mesyuarat yang dilakukan oleh penghuni rumah panjang bertujuan bagi menetapkan perkara-perkara penting dalam ritual nakar. Mesyuarat akan menetapkan perkara penting seperti tarikh untuk ritual diadakan, penentuan terhadap jumlah rumah panjang yang akan dijemput, keperluan bahan dan peralatan semasa ritual

diadakan, dan perbincangan terhadap arahan khusus dari petara kepada Wanita penenun yang mendapat amanat mimpi sekiranya ada.

Foto 2: Ruai atau beranda tempat kebiasaan Baum diadakan

Sumber: Noria Tugang & Gregory Kiyai, 2022: 48.

Proses kedua pula ialah Nyendia sereta ngumul ubong taya. Semasa proses ini, para wanita dalam rumah Panjang yang berkenaan dan juga Wanita dari rumah Panjang yang telah dijemput didkehendaki untuk menyediakan benang taya atau benang mentah yang bewarna putih untuk proses sukat dan dicelup kepada warna kuning tua. Pada fasa ini semua Wanita Iban akan cuba untuk ambil bahagian walaupun mempunyai sutas benang taya untuk di sukat dan dicelup semasa ritual nakar dilakukan. Hal ini bertujuan untuk bersama-sama bagi memperoleh ilmu dan kemahiran dalam menenun kain pua melalui ritual nakar yang akan diadakan untuk wanita penenun yang telah mendapat amanat mimpi.

Foto 3: Benang Taiya atau benang mentah yang belum dicelup dalam Dulang Nakar.
Sumber: (Tun Jugah Foundation, 2020).

Proses ketiga dalam ritual nakar ialah Begaga sereta begiga ke utai dempa. Pada fasa ini, semua ahli rumah panjang yang mengadakan ritual nakar akan menyediakan makanan untuk dimakan sepanjang ritual dijalankan. Antara makanan yang biasanya dimasak adalah seperti penganan, kuih jala, mencari ikan di sungai, memburu binatang dan mencari umbut tumbuh-tumbuhan untuk dijadikan lauk semasa merarau. Bagi ahli rumah panjang yang dijemput pula, mereka juga kebiasaannya membawa makanan semasa menghadiri ritual seperti beras, air tapai, beras pulut, kuih muih dan juga lauk pauk yang lain.

Proses keempat pula disebut sebagai bepenti Pemali digelar fasa pantang larang. Semasa fasa ini pelbagai pantang larang perlulah dipatuhi oleh penghuni rumah panjang yang hadir semasa ritual dijalankan. Antara pantang larang yang perlu dipatuhi ialah tidak boleh berkelahi atau berbalah semasa ritual dijalankan, dimana mereka yang berkelahi akan dikenakan bayaran RM1.00 dan seekor ayam oleh ketua rumah Panjang.

Selain itu, pantang larang seperti tidak boleh bercakap perihal yang negatif seperti mengumpat, fitnah, buruk sangka dan juga menghina orang lain sewaktu ritual dijalankan. Wanita iban yang terlibat secara langsung dalan ritual nakar tidak diperbolehkan untuk menjemur pakaian kerana boleh menyebabkan turunnya hujan. Hujan yanag turun semasa ritual nakar menunjukkan bahawa ritual tersebut tidak diberkati oleh petara. Proses yang kelima ialah Bambi Pengabang. Bambi pengabang merupakan satu bentuk jemputan kepada orang iban yang tinggal di rumah panjang berhampiran. Tujuan jemputan dijalankan ialah bagi memberikan pengalaman dan mendapatkan ilmu pengetahuan dalam penenunan kain pua kepada wanita iban di rumah panjang yang lainnya.

Foto 4: Proses memasak bahan asli yang akan diletakkan dalam dulang penakar pada awal pagi diketuai oleh Indu Nga

Sumber: (Tun Jugah Foundation, 2020).

Proses yang keenam pula merupakan proses Manduk semua perengka ka disimpan dalam dulang nakar. Semasa proses ini, wanita yang mendapat amanat mimpi dari petara akan mula memasak bahan-bahan asli yang perlu dicampurkan dan diletakkan di dalam dulang nakar. Bahan akan dimasak secara berasingan terlebih dahulu semasa awal pagi semasa subuh pada hari ritual tersebut diadakan sebelum dicampur secara bersamaan dan dicelup dengan benang taya mentah yang putih semasa hari ritual diadakan. Antara bahan yang diletakkan di dalam dulang penakar adalah air halia, air buah kepayang, minyak buah kepayang, entemu, kunyit, jerangau, garam dan cekur.

Foto 5: Dulang Panggau
Sumber: Noria Tugang, et al., 2022: 149.

Proses ketujuh dalam ritual nakar ialah proses Nyedia ke pengaroh. Proses ini memerlukan wanita iban yang terlibat unttuk menyediakan pengaroh atau jimat bagi digunakan semasa ritual diadakan. Antara contoh pengaroh seperti pengaroh dulang penakar bai kumang, penagang ari, dan penyeliah angat. Orang Iban juga percaya, semasa ritual hendak dijalankan, Wanita-wanita yang terlibat perlu membawa semua pengaroh yang mereka ada supaya mereka boleh mendapat kepakaran menenum yang luar biasa seperti dari para petara seperti Petara Kumang, Lulong dan Kelinah. Azimat yang paling lazim digunakan ialah Pengaroh Pengalaboh Ambun yang membantu memastikan Benang Taya yang sedang dijemur tidak terkena hujan. Orang

juga percaya azimat ini akan mampu untuk memastikan cuaca baik sepanjang ritual diadakan.

Proses seterusnya pula ialah Masu sereta berunsut ngena pengaroh. Proses ini berkesinambungan dengan proses sebelumnya. Menyapu azimat ke badan ini dilakukan sebelum proses kain taya mentah dicelup kedalam dulang nakar yang berisi bahan semula jadi. Pengaroh ini akan dibasuh di dalam dulang penakar diketuai oleh wanita yang mendapat amanat mimpi dari petara. Selepas itu, pengaroh ini akan disapu diseluruh badan dimana bertujuan untuk menjaga wanita yang terlibat agar tidak lemah samangat atau istilah ibannya alah bulu atau enda layu disebabkan oleh Benang taya. Setelah disapu di badan, azimat atau pengaroh ini akan dimandikan atau dibasuh semula di dalam dulang penakar dan di simpan dalam bekas penakar yang lain sewaktu ritual dijalankan, manakala air basuhan azimat akan dibiarkan di dalam dulang penakar untuk dicampurkan dengan bahan semula jadi yang akan digunakan untuk proses menceelup benang taya kemudiannya nanti.

Foto 6: Contoh Pengaroh Ai Batu (azimat air batu)
Sumber: Goro, 2018: 28.

Proses selanjutnya ialah Ngena ngepan iban yang merupakan proses memakai pakaian tradisi kaum iban. Semasa

ritual ini diadakan, Wanita yang terlibat wajib menggunakan pakaian ngepan atau pakaian tradisional iban yang lengkap.

Foto 7: Contoh Pakaian Ngepan
Sumber: Jabatan Pemetaan budaya, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, 2022.

Parang ilang atau nyabor wajib diselitkan di pinggang Wanita yang terlibat. Persedian dan pemakaian pakain ngepan ini menunjukkan bahawa Wanita ini seakan-akan telah bersedia untuk ngayau dan perang seperti yang dilakukan oleh lelaki. Proses seterusnya pula ialah miring yang merupakan ritual untuk mempersembahkan sajian makanan kepada petara. Dalam ritual nakar, para wanita akan menggunakan piring tujuh atau piring turun tujuh untuk menjamu para petara. Oleh itu, bahan yang diperlukan hendaklah berangka tujuh seperti tujuh helai daun sirih, tujuh helai daun gambir, tujuh biji pinang, tujuh batang rokok nipah atau ruko apung, yang diletakkan diatas pinggan dan pinggan diletakkan diatas hamparan kain pua. Menurut kepercayaan orang Iban, ayam boleh digunakan bagi

menggantikan babi dalam piring Turun Tujuh, namun penggunaan babi adalah lebih baik (Noria Tugang, Bibiana Motey Semang, & Adilawati Asri, 2022: 123-124). Darah babi atau darah ayam akan diletakkan bersama piring tersebut disebalah Dulang Penakar serta Wanita yang telah mendapat amanat ini akan mula membacakan mantera yang berbunyi Langit Tujuh Serak, Tanah Tujuh Kelibak yang membawa maksud mantera langit tujuh lapisan dan tanah tujuh lapisan.

Foto 8: Parang Ilang atau parang Nyabor
Sumber: Adilawati & Noria Tugang, 2019: 6.

Proses yang seterusnya dalam melaksanakan ritual nakar ialah proses Nyelam ke ubong taya. Proses ini merupakan fasa terpenting dalam ritual nakar ini. Benang Taya yang telah menjalani proses miring akan dibawa ke ruang tamu rumah Panjang dan digantung di atas dulang penakar. Sebelum dicelupkan ke dalam dulang penakar, Wanita yang mendapat amanat mimpi perlu mencampurkan bahan asli ke dalam dulang penakar yang terdiri daripada air halia, air buah kepayang, minyak buah kepayang, entemu, kunyit, jerangau, garam dan cekur yang

disukat menggunakan tacu atau tempurung kelapa. Wanita ini juga akan menggunakan bulu landak yang dipacakkan di atas kunyit yang permukaannya diratakan dan diletakkan di hujung dulang penakar. Menurut kepercayaan turun temurun Wanita penenun ini, jika bulu itu condong ke kanan atau kiri maka minyak kepayang perlu ditambah lagi ke bahagian kanan atau kirin tempat bulu itu condong sehinggalah pada ahkhirnya bulu itu tegak menandakan minyak itu sudah mencukupi. Dulang nakar juga perlu dilangkah sebanyak tujuh kali untuk mengelakkan lemah semangat dan orang pertama merendamkan benang taya adalah anita yang mendapat amanat mimpi dan digelar sebagai Indu nakar Indu Ngar. Hal ini kemudiaan akan diikuti oleh wanita lain yang melibatkan diri dalam ritual ini. setelah itu, Wanita-wanita yang terlibat dalam ritual dikehendaki merendamkan jari tangan kemudiaan jari kaki ke dalam dulang penakar yang sama dimana airnya baru sahaja mendidih diketuai oleh Indu Nakar Indu Ngar. Masyarakat iban juga percaya setelah mnrendamkan jari kaki dan tangan, Wanita ini perlu menjerit sekuat hati secara serentak untuk melawan semangat benang taya. Ini merupakan cabaran terbesar Wanita-wanita ini sepanjang ritual dijalankan.

Proses yang 13 ialah Gantung benang taya dimana benang akan dijemur selama tiga hari dan tidak diangkat dari tanju atau penyidai khas setelah direndam semalaman di dalam dulang nakar. Masyarakat Iban percaya bahawa cuaca dijangka akan kemarau selama tiga hari berturut-turut walaupun ritual dijalankan semasa musim tengkujuh. Mereka juga percaya petaralah yang menganugerahkan cuaca yang baik ini, disamping penggunaan azimat atau pengaroh penagang ari yang digunakan wanita indu nakar membolehkan cuaca menjadi panas. Cuaca yang panas ini akan membolehkan benang yang dijemur ditimpa embun semasa proses jemuran dilakukan. Proses yang ke 14 pula adalah proses merarau yang merupakan makan tengah hari yang dilakukan setelah ritual nakar selesai. Makan secara beramai-ramai ini menjadi satu tanda bahawa ritual berjalan dengan lancar. Indu nakar akan makan bersama-sama dan secara tidak langsung majlis makan tengah hari ini menjadi pemula kepada taraf sosial Wanita tersebut diangkat dalam masyarakat. Makan

tengah hari ini juga menjadi tanda bahawa wanita ini berjaya mengangkat status mereka menjadi yang tertinggi dalam hierarki penenun kain pua. Indu nakar ini juga akan dihiburkan dengan muzik dari alatan seperti gendang, saron, gong, rebana dan juga dengan tarian ngajat yang berlangsung sehinggalah ke waktu petang.

Foto 1.9: Proses mengantung benang taya yang telah direndam dalam dulang takar di atas tanju
Sumber: (Tun Jugah Foundation, 2020).

Proses yang ke 15 pula ialah proses Magi ubong gaar. Proses ini juga diberi nama proses memulangkan benang Taya. Benang yang dijemur akan diuji untuk memastikan sama ada benang tersebut ditimpa embun atau tidak. Benang akan direndam di dalam tacu atau tempurung kelapa yang berisi air putih. Jika air tersebut bertukar keruh seperti air susu, maka benang ini berjaya ditimpa embun. Jika tidak, maka benang akan tetap diangkat dari sidai dan dijemur semula sehingga kering. Benang ini akan diangkat dan dibawa ke bilik indu nakar indu ngar dimana Wanita yang terlibat dalam ritual akan mengambil benang mengikut bahagian masing-masing dan bersedia untuk ritual selanjutnya iaitu ritual mungga dan ngirit. Proses yang terakhir dalam ritual nakar ini adalah Mungga atau mengirit yang merupakan proses akhir sebelum penenun-penenun bebas

menenun jenis dan motif kain pua yang diingini. Mungga dan Ngirit adalah kerja-kerja meleraikan, menyusun dan mengira benang-benang taya yang telah dicelup untuk proses menenun motif yang diingini kelak. Wanita yang tidak mengikuti ritual nakar juga diperbolehkan mengikuti proses ini. proses ini juga boleh disimpulkan sebagai kerja-kerja asas dalam penenunan dimana jumlah utas benang akan dikira berdasarkan motif yang perlu dibuat. Dalam fasa Mungga ini, ritual miring akan diadakan sekali lagi dengan menggunakan piring turun tujuh untuk memohon kesempurnaan, izin serta restu petara panggau libau dan Orang Gelong Batu Benang semasa tenunan dilakukan. seekor ayang biring jantan akan dikorbankan dimana darahnya akan diletakkan di dalam piring bersama bahan makanan yang lain. Seterusnya air tuak atau air tapai akan dituangkan ke dalam piring dan diletakkan di sebelah penenun sehingga tenunan yang dihasilkan selesai.



Rajah 2: Proses dan kaedah Perlaksanan Ritual Nakar
Sumber: Noria Tugang, 2016: 75-86.

Rajah 2 di atas menerangkan proses yang perlu dilalui sepanjang ritual nakar itu dijalankan. Proses ini hendaklah

dijalankan berdasarkan turutan yang telah ditetapkan semenjak zaman nenek moyang kaum Iban itu lagi. Justeru jumlah proses yang perlu dilalui serta pantang larang yang perlu dipatuhi sepanjang ritual ini dilakukan menjadi bukti bahawa status indu nakar indu ngar itu standing dengan kaum laki-laki yang mengikuti ekspedisi perang dan ngayau. Hal ini kerana ritual ini bukan sahaja memerlukan persediaan fizikal, bahkan memerlukan kemampuan dari segi mental serta semangat yang kuat bagi melawan anasir negatif yang memungkinkan seorang Wanita itu menjadi gila dan boleh membawa kepada kematian sekiranya mempunyai semangat yang lemah.

Kesimpulan

Penguasaan kepada kemahiran asas dalam pembuatan kain pua juga sangat dititikberatkan kerana hanya melalui penguasaan terhadap kemahiran menenun dan mencapai status tertinggi Indu Ngar membolehkan wanita ini mengubah kedudukkan mereka dalam hierarki strata Masyarakat. Kepentingan mengusai kemahiran menenun ini sangat jelas apabila kaum wanita ini mula diajar oleh ibu dan nenek mereka semenjak berusia 10 tahun lagi. Tujuan paling asas yang menyebabkan kemahiran menenun ini diterapkan dalam kalangan wanita iban adalah supaya mereka mempunyai kain yang mencukupi untuk kegunaan harian dan juga kegunaan ritual. Hal ini kerana tanpa kemahiran menenun, wanita iban ini cuma mampu berharap mendapatkan kain pua dengan cara membeli dengan penenun lainnya. Hal ini akan memberi kesan kepada wanita tersebut kerana harga kain pua yang asli sangat mahal di samping ada diantara kain pua yang mempunyai corak tertentu tidak dijual oleh si penenun. Ini akan menyebabkan wanita tersebut dipandang serong kerana tidak mampu menyediakan kain pua yang mencukupi bagi kegunaan keluarganya. Komuniti tidak akan menyalahkan kaum lelaki kerana sudah menjadi amalan turun-temurun Masyarakat iban bahawa kaum wanitalah yang bertanggungjawab dalam memastikan kain pua sentiasa mencukupi di rumah.

Justeru itu, dalam kalangan penenun kain pua, telah wujud hierarki khusus yang ditentukan berdasarkan kemahiran yang dimiliki oleh si penenun. Walaupun berlaku perselisihan pendapat dalam kalangan ahli sarjana yang mengkaji berkenaan sistem sosial kaum iban ini terutama berkaitan dengan hierarki dan susun lapis dalam kalangan penenun ini. Namun kesemua pengkaji bersetuju bahawa Indu Ngar atau Indu Nakarlah yang menduduki status paling tinggi. Ini berlaku disebabkan oleh ritual nakar untuk mengangkat status wanita penenun. Nama bagi ritual nakar ini juga diinspirasikan daripada kebolehan wanita penenun mengukur bahan yang diperlukan untuk merendam benang Taya yang digelar sebagai proses nakar. Selain itu, perbuatan mencelup jari kaki dan tangan dalam dulang Nakar yang berisi bahan semula jadi yang masih mengelegak juga dikenali sebagai perbuataan ngar. Perbuatan mengukur dan mencelup jari kaki dan tangan inilah yang menjadi inspirasi untuk panggilan indu Ngar dan Indu nakar sebagai panggilan bagi status paling tinggi dalam hierarki wanita penenun kain pua kerana telah mampu menyelesaikan ritual nakar yang dianggap paling sulit dalam menguasai kemahiran menenun kain pua.

Akhir sekali, kaum iban sangat mempercayai mimpi sebagai satu petanda dan amanat dari petara. Oleh itu, sekiranya wanita iban terutamanya dalam kalangan penenun mendapat mimpi berkenaan dengan suruhan melakukan ritual nakar, maka wajib baginya menjalankan ritual tersebut. Namun begitu, ritual nakar bukanlah satu ritual yang mudah kerana untuk menjalankan ritual nakar memerlukan penyertaan semua ahli rumah Panjang termasuklah ahli rumah Panjang yang berhampiran. Ritual nakar juga bukanlah ritual yang bersifat tunggal melainkan wujudnya ritual-ritual lain di dalamnya menjadikan ritual ini sangat sulit untuk dijalankan. Oleh itu, sekiranya seseorang wanita penenun berjaya menjalankan ritual nakar dari awal sehingga akhir dengan berjaya, membolehkan mereka mendapat rasa hormat dan disanjung tinggi dari komuniti rumah Panjang. Hal ini kerana setelah melalui ritual nakar yang Panjang akan membolehkan wanita penenun ini bebas menenun apa jua motif yang

dikehendaki disamping membolehkan motif yang dicipta itu dianggap berharga oleh Masyarakat.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

Adilawati & Noria Tugang. 2019. Arts and Aesthetics Towards Parang Ilang in the Culture of the Iban. *The International Journal of Innovative Design, Creativity and Social Science*, 3(1).

Awanis Hidayati. 2017. Ritual Tenun Ikat Pua Kumbu Dalam Budaya Wanita Iban. *Jurnal Visualita*, 6(1).

Charles Hose. 1926. *Natural Man: A record from Borneo*. Singapore: Oxford University Press.

Gavin Traude. 2004. *Iban Rituals Textiles*. Singapore: Singapore University Press.

Goro Hasegawa. 2018. Iban Gawai in Their Twilight in Kapit, Malaysia. *Journal of Indonesia and Malay World*, 46(135).

Herpanus. 2011. Fungsi Tumbuhan Cekur (Kaempferia Galanga L.) dan Setawar (Costus Speciousus) dalam Kehidupan Tradisional Suku Dayak Desa. *SARI-International Journal of The Malay World and Civilisation,* 29(1).

Jacqualine Klinsing & Chemaline Usop. 2020. Persepsi Masyarakat Iban terhadap Tenunan Kain Pua Sungkit di Batang Ai. *KUPAS SENI, Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 8(2).

Jensen Erik. 1974. *The Iban and their Religion.* Oxford: The Clarendon Press.

Kim Jane Saunders. 1997. *Contemporary Tie and Die Textiles of Indonesia.* New York: Oxford University Press.

Lenna Demay Ak Joseph Machine. 2007. Kajian Cerita Rakyat Masyarakat Iban di Sarawak, Kota Samarahan. *Tesis Ijazah Sarjana Muda*. Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Noria Tugang & Gregory Kiyai @ Keai. 2022. *Penganan*. Kota Samarahan: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).

Noria Tugang, Bibiana Motey Semang & Adilawati Asri. 2022. *Warisan Budaya Miring dalam Masyarakat Iban di Sarawak.* Kota Samarahan: Unimas Publisher.

Noria Tugang. 2016. Nakar: Ritual Peralihan Status Penenun Pua Iban. *Borneo Research Jurnal*, Jilid 10.

Peter Mulok Kedit. 1980. *Modernization Among the Iban of Sarawak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Salmah Jan Noor Muhammad. 2018. The Influence of Animism on the Customs and Culture of the Iban Community. *International Journal of Humanities and Social Science*, 8(8).

Vogelsanger C. 1979. *A Sight for The Gods, Notes on the Social and Religious Meaning of Iban Ritual Fabrics.* University of Texas: Textiles Museum Publisher.

Wadley R. L. 2000. Reconsidering an Ethnic Label in Borneo. The `Maloh' of West Kalimantan, Indonesia. dlm King V. T. 2001. A Question of Identity: Names, Society, and Ethnic Groups in Interior Kalimantan and Brunei Darulsalam. *SOJOURN: Journal of Social Issues in Southeast Asia*, 16(1).

Laman Sesawang

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara. 2022. *Laman Rasmi Jabatan Pemetaan budaya.* Diambil dari https://pemetaanbudaya.jkkn.gov.my/ pada 11 Februari 2023.

Tun Jugah Foundation. Living In the Ngar. 2020. Diambil dari https://ceravasarawak.com/living-in-the-ngar/ pada 11 Februari 2023.

Nota

[1] Beliau merupakan antara penenun yang berjaya mencapai status indu Ngar di rumah panjangnya. Beliau tiada penerus kerana tiada yang betul-betul mempunyai keinginan sepertinya yang mahu mencapai tahap indu ngar dengan sendirinya dan tidak berharap dengan kuasa spiritual yang ada pada indu ngar yang terdahulu.

Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2023, Vol.8 (1), hlm. 279-298
e-ISSN: 2600-8726© Nurfarain Binti Abdul Rahman
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

SISTEM EKONOMI MASYARAKAT MELAYU BRUNEI DI MEMBAKUT, SABAH

The Economic System of The Brunei Malay Community in Membakut, Sabah

Nurfarain Binti Abdul Rahman[1]

[1]*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*
[1] *farainrahman04@gmail.com,*
Dihantar:27 Mac 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023

Abstrak

Artikel mengupas tentang sistem ekonomi masyarakat Melayu Brunei di Membakut. Objektif artikel ini adalah untuk mengenal pasti jenis ekonomi dan cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Melayu Brunei untuk mengukuhkan sistem ekonomi tradisional mereka dalam konteks pembangunan ke arah era globalisasi. Kaedah kajian menggunakan kajian perpustakaan, kajian lapangan dan temu bual. Hasil kajian menunjukkan masyarakat Melayu Brunei mengamalkan empat sistem ekonomi iaitu pertanian, penternakan, perikanan dan perdagangan. Cabaran yang dihadapi oleh masyarakat Melayu Brunei adalah akses pasaran yang terhad, kekurangan pengetahuan dan kemahiran, kekurangan kewangan dan sebagainya. Walaupun masyarakat Melayu Brunei bergiat aktif dalam aktiviti pertanian, penternakan, perikanan dan perdagangan, masyarakat ini masih menghadapi kesukaran untuk mengeluarkan dan menjual produk kepada masyarakat di luar kawasan Membakut.

Kata Kunci: Sistem Ekonomi, Melayu Brunei, Membakut, Sabah

Abstract

The article examines the economic system of the Brunei Malay community in Membakut. The objective of this article is to identify the type of economy and the challenges faced by the Bruneian Malay community to strengthen their traditional economic system in the context of development towards the era of globalization. The research method uses library research, field research and interviews. The results of the study show that the Bruneian Malay community practices four economic systems, namely agriculture, animal husbandry, fishing and trade. The challenges faced by the Bruneian Malay community are limited market access, lack of knowledge and skills, lack of finance and so on. Although the Brunei Malay community is active in agriculture, animal husbandry, fishing and trade, this community still faces difficulties in producing and selling products to communities outside the Membakut area.

Keywords: *Economic System, Malay Brunei, Membakut, Sabah*

Pengenalan

Melayu Brunei merupakan etnik peribumi Sabah yang masih memiliki tradisi dan budaya warisan hingga kini walaupun berhadapan dengan proses modenisasi (Idris, Awang Damit, Ibrahim & Basrah Bee, 2022) mempunyai sistem ekonomi yang unik dan pelbagai. Begitu juga dengan kegiatan sosiokonomi masyarakat Melayu Brunei yang menjalankan kegiatan ekonomi seperti pertanian, penternakan, perikanan serta perdagangan. Pertanian merupakan aktiviti yang diamalkan oleh masyarakat Melayu Brunei terutamanya masyarakat Kampung Pimping, Membakut. Mereka mengusahakan tanaman padi dan sayur-sayuran seperti cili, kubis dan sayur sawi. Hasil pertanian ini digunakan untuk memenuhi keperluan sendiri dan turut dijual di pasaran. Selain itu, masyarkat Melayu Brunei turut mengusahakan tanaman seperti buah-buahan seperti kelapa pandan dan getah (Wasimin, 2023). Manakala penternakan dan perikanan pula

dianggap sebagai salah satu aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh masyarakat Melayu Brunei di Membakut. Mereka menangkap pelbagai jenis ikan menggunakan teknik memancing seperti pukat dan pukat tunda (Md. Shah & Selamat, 2015). Ikan yang ditangkap kemudian dijual terus ke pasar dan pengusaha membeli ikan dengan harga yang berpatutan.

Tidak dapat dinafikan bahawa pembuatan kraftangan juga merupakan sumber pendapatan penting bagi masyarakat Melayu Brunei di Membakut. Kraftangan yang dihasilkan terdiri daripada barangan berbalut seperti tikar pandan, tempat tisu dan kotak makanan. Produk menarik ini dihasilkan menggunakan kemahiran tradisional yang dikuasai oleh masyarakat tempatan. Berdasarkan sistem ekonomi tradisinya, masyarakat Melayu Brunei melaksanakan sistem kegiatan sara diri atau aktiviti sosioekonomi yang dijalankan oleh keluarga atau kumpulan keluarga bagi memenuhi keperluan hidup mereka. Sistem ekonomi ini membolehkan mereka mengekalkan gaya hidup dan budaya tradisional serta mengekalkan hubungan sosial yang sedia ada. Ironinya, sistem ekonomi ini boleh dikategorikan sebagai sistem ekonomi tradisional yang pelbagai dan sangat inovatif. Sistem ekonomi ini telah dilaksanakan oleh mereka sejak berzaman dan masih mengekalkan perkembangan sosial dan ekonomi mereka sehingga kini. Dalam era globalisasi ini, kepentingan dan keunikan sistem ekonomi tradisional mereka harus dipelihara dan dikekalkan agar ia terus menjadi warisan untuk generasi akan datang.

Metodologi

Kajian sistem ekonomi masyarakat Melayu Brunei di Membakut, Sabah memerlukan kajian yang sistematik dengan menggunakan kaedah kajian yang sesuai. Kaedah penyelidikan yang terperinci perlu diterapkan untuk mendapatkan hasil kajian yang tepat dan lengkap. Pertamanya, kaedah kajian lapangan menggunakan soal jawab perlu dijalankan bagi mengumpul maklumat daripada

masyarakat setempat. Kajian ini dapat memberi gambaran tentang sistem ekonomi tradisional masyarakat Melayu Brunei di kawasan Membakut. Kajian lapangan boleh dibuat melalui sesi temu bual dan pemerhatian terhadap aktiviti ekonomi masyarakat. Kedua, analisis data sekunder perlu dijalankan untuk meninjau literatur tentang sistem ekonomi masyarakat Melayu Brunei di Negara Brunei Darussalam serta jabatan-jabatan yang bertanggungjawab membantu aktiviti ekonomi masyarakat Melayu Brunei seiring dengan objektif penubuhan jabatan tersebut. Pemilihan dan pemeriksaan sumber perlu dijalankan dengan teliti. Sumber kajian seperti jurnal, buku dan artikel yang berkaitan dengan tajuk kajian perlu dicari dan diambil kira. Ketiga, teknik analisis perlu digunakan untuk memproses, menilai dan memberikan tafsiran terhadap data yang dikumpul. Pendekatan ini membolehkan pemahaman yang sistematik terhadap data yang diperoleh dan membolehkan penemuan strategi untuk meningkatkan sistem ekonomi masyarakat Melayu Brunei di kawasan Membakut, Sabah. Kajian sistem ekonomi masyarakat Melayu Brunei di Membakut, Sabah memerlukan pelaksanaan pendekatan kajian yang sistematik dan teliti. Kaedah di atas memerlukan tinjauan lapangan, analisis data sekunder dan teknik analisis untuk mendapatkan data yang tepat dan lengkap. Dengan menjalankan kajian ini, hasilnya dapat memberi gambaran tentang sistem ekonomi tradisional Membakut dan seterusnya membantu memberikan sokongan kepada masyarakat setempat untuk memperkasakan sistem ekonomi mereka pada masa hadapan.

Jenis-jenis Ekonomi Masyarakat Melayu Brunei Di Membakut, Sabah

i. Pertanian

Selepas perang dunia kedua berlaku, kerajaan Borneo Utara British berusaha untuk memperkembangkan ekonomi Sabah - Jabatan Pertanian telah diaktifkan semula dan bertindak memulakan kerja-kerja pembinaan bangunan dan membuka

kebun-kebun kecil (Hj. Lokin, 2007:130). Sekitar November 1946, Jabatan Pertanian Sabah telah ditubuhkan sebagai sebuah entiti bebas yang berdedikasi untuk menggalakkan pengusaha penanaman tanaman meningkatkan produktiviti dan pendapatan jenama (Jabatan Pertanian Sabah, 2007-2003). Visi Jabatan Pertanian Sabah adalah untuk menjadikan Sabah sebuah negeri yang terkenal dengan sumber pertanian yang pelbagai, kaedah pengurusan yang sistematik, pembangunan dan pengurusan sektor pertanian. Bagi merealisasikan wawasan ini, Jabatan Pertanian Sabah perlu menyempurnakan beberapa tugasan dalam kerja hariannya. Kita dapat lihat Jabatan Pertanian Sabah memainkan peranan penting dalam memajukan pembangunan pertanian dan mengukuhkan ekonomi negara. Melalui tugasan yang dilaksanakan dan dilaksanakan, semua pihak telah berjaya membina Sabah sebagai pusat pengeluaran produk pertanian dan memastikan keselamatan makanan tempatan. Dengan adanya sektor pertanian di Sabah, usahawan tempatan seperti masyarakat Melayu Brunei dapat melonjakkan sistem ekonomi Membakut, Sabah.

Foto 1 : Tanaman Padi, Kampung Mandangin Membakut
Sumber: Koleksi Pengkaji

Aktiviti pertanian menggambarkan sistem ekonomi yang dijalankan oleh masyarakat Melayu Brunei di Membakut, Sabah. Berdasarkan temu bual informan, Aisah Binti Awg Burud (2023) mengatakan bahwa sejak zaman dahulu lagi, masyarakat ini bergantung kepada tanah yang akan dijadikan sebagai mata pencarian bagi menampung keperluan harian. Sewaktu zaman nenek moyang, masyarakat Melayu Brunei di kawasan ini terkenal dengan kegiatan pertanian yang mampan serta membuahkan pertanian yang berkualiti tinggi. Seiring dengan perkembangan zaman, sistem pertanian masyarakat Melayu Brunei di Membakut, Sabah terus berkembang dan semakin maju. Tambahan pula, aktiviti pertanian yang dijalankan oleh masyarakat Melayu Brunei di Membakut terdiri daripada pelbagai jenis. Salah satu aktiviti pertanian yang biasa dilakukan ialah menanam padi. Secara lazimnya, padi akan ditanam di tanah yang basah dan subur dengan menggunakan kaedah pemindahan atau penanaman. Petani yang berusia dalam lingkungan 50 tahun hingga 85 tahun mengusahakan padi melalui penggunaan baja organik semulajadi yang diberikan oleh Jabatan Pertanian Sabah untuk mengekalkan kesuburan tanah (Hamid, 2023). Di Membakut, terdapat sebuah kampung yang mana masyarakat Melayu Brunei melakukan penanaman padi secara beramai-ramai. Kampung Pimping adalah sebuah penempatan masyarakat Melayu Brunei yang kebanyakannya terlibat dengan kegiatan pertanian. Di kampung ini juga, terdapat sebuah kampung yang bernama Kampung Mandangin dijadikan kawasan petani untuk menjalankan kegiatan pertanian. Kampung Mandangin adalah kawasan rendah dan mudah dibanjiri serta menakung air. Sebagai langkah untuk mengelakkan masalah ini terus berlaku, sistem perparitan untuk mengalirkan air yang berlebihan mestilah dibina untuk menggalakkan petani menanam padi (Yusuf, 2023). Tidak dinafikan pula, petani memerlukan tenaga yang banyak kerana penanaman padi memerlukan proses yang agak lama untuk menunggu padi masak. Proses membersihkan dan membajak sawah akan dilakukan selepas petani menabur benih di kawasan berasingan. Masyarakat Melayu Brunei menyebut membajak sawah sebagai "mengatam padi " yang dilakukan setiap tahun mengikut musim menuai padi sekitar bulan Mei.

Selain menanam padi, Masyarakat Melayu Brunei di Membakut turut menanam sayur-sayuran seperti cili, sawi, kangkung, terus dan lain-lain. Kewujudan pasar tradisional atau lebih dikenali sebagai tamu merupakan sebuah tempat khas yang sesuai untuk masyarakat Melayu Brunei menjual hasil pertanian mereka (Mohd. Yakin, Totu, Lokin, Sintang & Mahmood, 2022). Masyarakat Melayu Brunei juga menggunakan pengangkutan seperti kereta, lori, basikal atau motosikal untuk membawa hasil pertanian mereka ke pasar atau tamu. Akan tetapi, kebanyakan Masyarakat Melayu Brunei hanya menjual hasil pertanian mereka dengan menggunakan motosikal atau basikal di kawasan perkampungan sahaja.

Akan tetapi, kebanyakkan masyarakat Melayu Brunei hanya menjual hasil pertanian mereka dengan menggunakan motosikal atau basikal di kawasan perkampungan sahaja. Bahkan, peniaga turut memasarkan sayur-sayuran dan buah-buahan dalam anggaran RM2.00 hingga RM50.00 sahaja mengikut kuantiti yang telah ditetapkan oleh peniaga tersebut. Oleh itu, bolehlah dikatakan penanaman padi, getah, kelapa sawit, buah-buahan dan sayur-sayuran bukan semata-mata memberi sumbangan penting kepada ekonomi tempatan, tetapi juga membawa signifikan dalam budaya dan identiti masyarakat Melayu Brunei di Membakut, Sabah.

ii. Penternakan

Lain daripada itu, masyarakat Melayu Brunei di Membakut juga mengusahakan haiwan ternakan seperti kerbau, kambing, ayam, itik dan ikan keli. Kegiatan ternakan ini biasanya dijalankan secara tradisional dengan menggunakan sangkar, kolam dan kaedah pemakanan semulajadi (Hj. Zinin, 2023). Penternakan kerbau antaranya aktiviti utama masyarakat Melayu Brunei di Membakut. Sewaktu zaman nenek moyang, masyarakat ini biasanya menjadikan kerbau untuk membantu membajak sawah. Bahkan, ternakan kerbau ini membawa kepentingan dari segi sumber

protein dan menghasilkan susu yang digunakan untuk keperluan rumah (Awg Burud, 2023). Pada masa kini, kerbau hanya dijadikan sebagai sumber pendapatan khususnya semasa hari raya atau majlis perkahwinan sahaja (Kanak, 2015:136). Lantaran itu, sehingga kini sesetengah masyarakat Melayu Brunei menggunakan kerbau untuk dijadikan salah satu menu hidangan semasa majlis keramaian.

Foto 2: Kambing Ternakan Masyarakat Melayu Brunei
Sumber: Koleksi Pengkaji

Tidak dinafikan bahawa masyarakat Melayu Brunei terlibat dalam peternakan kambing yang merupakan antara kegiatan masyarakat Melayu Brunei di Membakut. Kambing ini digunakan sebagai sumber daging dan biasanya disembelih semasa hari raya atau acara keagamaan. Selain itu, bulu kambing juga digunakan untuk membuat produk kraftangan seperti beg dan gelang tangan (Abd Rahman, 2023). Dewasa ini, pengeluaran produk kraftangan yang diperbuat daripada kulit kambing amat mengutamakan tenaga pakar yang mahir serta

Penternakan ayam dan itik juga merupakan aktiviti penting bagi penduduk Membakut. Ayam dan itik ini digunakan sebagai sumber protein dan juga sebagai hobi. Sesetengah masyarakat Melayu Brunei di Membakut turut memelihara ayam dan itik

sebagai haiwan peliharaan. Berdasarkan temubual bersama informan di Kampung Pimping, terdapat juga masyarakat Melayu Brunei yang menjadikan ayam ini sebagai ayam sabung semasa pertandingan semata-mata mencari keuntungan lebih kepada keluarga mereka. Walau bagaimanapun, budaya ini tidak lagi dipraktikkan oleh masyarakat Melayu Brunei kerana perbuatan ini melanggar perintah daripada Allah SWT. Bukan itu sahaja, kebanyakkan masyarakat Melayu Brunei hanya menternak itik sewaktu zaman dahulu sahaja. Kemudian, hasil telur itik itu akan dijual di pasar dengan meletakkan harga sebanyak RM40.00 sehingga RM80.00 kepada pembeli (Rahman, 2023).

Hal ini demikian kerana proses menunggu itik bertelur memakan masa yang agak lama serta kos baja ayam dan itik semakin meningkat. Dalam menjalankan aktiviti penternakan, masyarakat Melayu Brunei di Membakut khususnya kampung Pimping dan kampung Brunei masih menganggap nilai kearifan tempatan. Mereka memastikan ternakan mereka diberi makanan yang sihat, menjaga kesihatan haiwan ternakan dengan mengelakkan penggunaan ubat atau baja secara berlebihan serta menjaga kebersihan persekitaran sangkar. Dengan aktiviti penternakan yang dijalankan secara mampan dan berlandaskan nilai kearifan tempatan, sudah tentu masyarakat Melayu Brunei di Membakut, Sabah telah mencapai kejayaan dalam mengekalkan sumber rezeki mereka. Jelaslah bahawa masyarakat Melayu Brunei bukan hanya memenuhi keperluan sara hidup mereka sendiri, tetapi juga memberi sumbangan besar dalam mengekalkan keselamatan makanan di kawasan itu.

iii. Perikanan

Selain daripada menguruskan aktiviti penternakan di atas, masyarakat Melayu Brunei di Membakut terlibat dalam penternakan ikan yang menggunakan kolam atau lebih popular masa kini antaranya ikan keli. Ikan keli ini diternak secara semulajadi dengan memberi makanan seperti baja ikan. Menurut informan Abdul Rahman Bin Hj. Zinin (2023), anggaran

perbelanjaan untuk menampung peliharaan ikan keli ini mencecah dari RM500.00 sehingga RM1,500. Sebelum ini, beliau juga membeli peliharaan ikan keli daripada pengusaha kecil daripada Keningau dan Universiti Malaysia Sabah. Masyarakat Melayu Brunei merupakan salah satu etnik minoriti di pantai barat Sabah khususnya Membakut. Mereka terkenal dengan aktiviti menangkap ikan seperti memancing laut dan ternakan ikan keli yang dijalankan di kampung Pimping Membakut, Sabah.

Foto 3: Hasil Penangkapan Ikan telah Dijual
Sumber: Koleksi Pengkaji

Masyarakat Melayu Brunei merupakan salah satu etnik minoriti di pantai barat Sabah khususnya Membakut. Mereka terkenal dengan aktiviti menangkap ikan seperti memancing laut dan ternakan ikan keli yang dijalankan di kampung Pimping Membakut, Sabah. Ikan keli juga merupakan sumber makanan penting bagi penduduk di kawasan ini, dengan banyak jenis ikan ditemui di perairan laut. Aktiviti menangkap ikan yang dilakukan oleh masyarakat Melayu Brunei di Membakut termasuk beberapa jenis penangkapan ikan seperti tembura, ikan laroi, ikan suroi, bilis, ikan kirung-kirung dan sebagainya dengan menggunakan pukat yang hanya dilakukan di kawasan pantai sahaja (Rahman, 2023). Justifikasinya, kegiatan menangkap ikan atau lebih dikenali sebagai "Memukat" "Meringgi" dalam kalangan masyarakat Melayu Brunei di Membakut sudah lama menjadi tradisi sejak zaman nenek moyang lagi.

Selepas mendapat hasil tangkapan, ikan tersebut kemudiannya akan dijual dari rumah ke rumah. Menurut Rapiah Hj Taba (2023), beliau pernah menjemur ikan di laut. Salah satu proses yang dijalankan oleh beliau adalah proses membuat ikan bilis dimulakan dengan membersihkan ikan yang telah ditangkap sebelum ini. Seterusnya, ikan disalut dengan garam dan dijemur di bawah sinar matahari di atas rak atau meja khas supaya ikan menjadi kering (Hamid, 2023). Aktiviti menangkap ikan yang dijalankan oleh masyarakat Melayu Brunei di Membakut merupakan sumber pendapatan penting bagi mereka. Selain itu, ia juga membantu dalam mengekalkan keseimbangan ekologi di kawasan tersebut. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan aktiviti ini dikekalkan secara bertanggungjawab agar ia dapat terus memberi manfaat kepada masyarakat setempat.

iv. Perdagangan

Masyarakat Melayu Brunei di Membakut, Sabah terkenal dengan aktiviti perdagangan yang aktif. Mereka menjalankan aktiviti perdagangan menggunakan kemahiran tradisional mereka dan terus berkembang seiring dengan dunia moden. Salah satu aktiviti perdagangan yang dijalankan oleh masyarakat Melayu Brunei di Membakut ialah menjual hasil pertanian mereka seperti sayur-sayuran dan buah-buahan di pasar atau tapak tamu Membakut pada setiap hari Rabu dan hari Khamis sahaja (Din, 2023).

Foto 4: Tamu Membakut
Sumber: Koleksi Pengkaji

Kaum Melayu Brunei juga menjual hasil perniagaan mereka ke pasar untuk dijual kepada pengilang dan penjaja yang mengambil stok untuk dijual semula (Hamid, 2023). Di samping itu, masyarakat Melayu Brunei juga menjalankan aktiviti perdagangan yang melibatkan barangan kraftangan seperti tikar pandan, batu karang yang terbakar dan pemegang tisu. Produk kraftangan ini laris kepada pelancong dan pengumpul kraftangan serta mempunyai permintaan yang tinggi di pasaran. Memancing merupakan satu lagi aktiviti perdagangan yang dijalankan oleh masyarakat Melayu Brunei di Membakut. Ikan, sotong dan udang turut dijual kepada pembeli yang datang ke pasar tempatan dan pengusaha yang membeli ikan pada harga berpatutan dan menjualnya semula kepada pembeli.

Akhir sekali, masyarakat Melayu Brunei di Membakut turut menjalankan aktiviti perdagangan pakaian harian kanak-kanak hingga orang dewasa. Berdasarkan temubual bersama peniaga pakaian, beliau mengatakan bahwa semua pakaian ini akan dijual di kawasan tapak tamu malah mereka juga mengadakan jualan secara atas talian dengan mengenakan pembayaran penghantaran pakaian tersebut kepada pembeli (Rahman, 2023). Budaya ini bukan sahaja baharu dipraktikkan oleh masyarakat Melayu Brunei dan ianya memberi kesan positif kepada peniaga serta pelanggan. Sebagai bukti, pelanggan lebih menyukai kaedah

penghantaran ke rumah berbanding datang ke tapak tamu atau kedai baju kerana ia memerlukan masa serta kos pengangkutan yang berlebihan (Abdul Rahman, 2023).

Kesimpulannya, aktiviti perdagangan masyarakat Melayu Brunei di Membakut, Sabah memberi sumbangan penting kepada pembangunan ekonomi tempatan. Sejarah dan tradisi perdagangan mereka mempunyai pengaruh yang kuat terhadap cara hidup mereka dan bentuk sistem ekonomi mereka. Aktiviti perdagangan ini membolehkan masyarakat Melayu Brunei bertahan dalam kehidupan ekonomi dan mengekalkan budaya maritim mereka di samping memberi peluang untuk memelihara warisan perdagangan mereka untuk generasi akan datang.

Cabaran Masyarakat Melayu Brunei Dalam Memperkukuhkan Sistem Ekonomi Tradisional Mereka Dalam Konteks Perkembangan Era Globalisasi

i. Kurang Sokongan Daripada Generasi Muda

Dalam zaman yang serba canggih ini, generasi muda dalam kalangan masyarakat Melayu Brunei semakin hilang minat dan tidak memberi sokongan dalam membangunkan sistem ekonomi di Membakut, Sabah. Memandangkan keadaan sedemikian, perkara tersebut amat memerlukan isu yang memerlukan perhatian serta sokongan daripada masyarakat Melayu Brunei terutamanya keluarga dan pihak berkepentingan. Terdapat beberapa faktor yang boleh menyebabkan keadaan ini berlaku antaranya pertama, pembandaran dan globalisasi telah memberi kesan besar kepada pemikiran dan minat generasi muda. Mereka mungkin lebih berminat dengan peluang pekerjaan yang lebih menarik dalam industri yang berkembang pesat daripada terlibat dalam aktiviti ekonomi tradisional (Bernama, 2020). Mereka mungkin melihat sistem ekonomi tradisional sebagai ketinggalan zaman atau kurang menguntungkan dari segi pendapatan dan

kemajuan. Tambahan pula, generasi muda juga semakin terpengaruh dengan teknologi yang canggih dan kemudahan kehidupan moden (Ibrahim, 2021). Mereka mungkin berpandangan bahawa melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi tradisional adalah mencabar dan berisiko, dan lebih suka mencari peluang yang lebih mudah dan tidak memerlukan tenaga dan usaha yang besar. Lebih-lebih lagi, Tambahan pula, generasi muda Melayu Brunei juga kurang kesedaran dan penghayatan terhadap warisan budaya dan ekonomi tradisional dalam membangunkan sistem ekonomi Melayu Brunei di Membakut (Kamarulzaman, 2023). Pengetahuan mereka tentang sejarah dan tradisi masyarakat mereka mungkin terhad atau tidak dititikberatkan dalam pendidikan dan pembangunan masyarakat. Ini bermakna generasi muda tidak mempunyai pemahaman dan kesedaran yang mencukupi tentang kepentingan mengekalkan dan membangunkan sistem ekonomi tradisional mereka.

Justeru itu, peranan masyarakat Melayu Brunei serta pihak berkepentingan amat diperlukan pada waktu ini dengan melakukan beberapa langkah yang sistematik iaitu memberikan maklumat di samping menyedarkan generasi muda tentang nilai budaya dan ekonomi tradisional yang diwarisi oleh masyarakat Melayu Brunei di Membakut. Ini boleh dilakukan melalui program pendidikan, kempen kesedaran, dan pameran kebudayaan. Selain itu, sokongan serta bantuan yang mencukupi daripada pihak berkuasa tempatan dan kerajaan untuk membantu membangunkan ekonomi tradisional. Pendidikan dan latihan juga aspek penting dalam memastikan generasi muda mempunyai kebolehan dan kemahiran untuk terus hidup dan mencapai kejayaan dalam aktiviti ekonomi tradisional (Yusof & Tahir, 2021). Kesimpulannya, adalah penting untuk memberi perhatian kepada masalah kehilangan minat dan sokongan generasi muda dalam membangunkan sistem ekonomi masyarakat Melayu Brunei di Membakut. Dengan usaha gabungan dan sokongan yang sewajarnya, generasi muda boleh dibimbing dan diilhamkan untuk mengekalkan dan membangunkan warisan budaya dan ekonomi tradisional mereka untuk masa depan yang lebih baik.

ii. Sumber dan Pembiayaan yang Terhad

Sistem ekonomi masyarakat Melayu Brunei di Membakut, Sabah adalah berasaskan kepada penggunaan sumber dan pembiayaan yang terhad. Secara umumnya, sumber yang terdapat di kawasan Membakut ialah hasil pertanian, peternakan, perikanan dan perdagangan. Oleh itu, masyarakat telah menggunakan sumber ini sebaik mungkin untuk memenuhi keperluan hidup mereka. Dalam aspek penggunaan sumber, masyarakat Melayu Brunei di Membakut biasanya menggunakan teknologi mudah seperti pancing, kolam ikan dan alat pertanian tradisional untuk mengeksploitasi sumber sedia ada (Kamarulzaman, 2023). Dari segi pembiayaan, sistem ekonomi masyarakat Melayu Brunei di Membakut adalah terhad kerana fokus utama mereka ialah aktiviti pertanian, penternakan, perikanan dan perdagangan.

Oleh itu, pendapatan mereka adalah terhad dan kebanyakan masyarakat Melayu Brunei di kawasan ini hidup dalam keadaan sederhana. Bagaimanapun, masyarakat Melayu Brunei di Membakut telah menemui jalan untuk membiayai kehidupan mereka dengan berubah mengikut keperluan semasa. Sekiranya terdapat permintaan terhadap produk ekonomi tertentu, mereka akan meningkatkan pendapatan dalam bidang tersebut untuk mendapatkan pendapatan yang lebih baik (Baron, 2023). Kesimpulannya, sistem ekonomi masyarakat Melayu Brunei di Membakut adalah terhad kerana penggunaan sumber dan pembiayaan yang terhad. Namun, dengan menggunakan teknologi yang mudah dan menggunakan sumber yang terbaik, masyarakat Melayu Brunei di kawasan ini dapat membiayai kehidupan mereka dengan baik.

iii. Penggunaan Teknologi Moden yang Terhad

Dalam melaksanakan sistem ekonomi masyarakat Melayu Brunei di Membakut, Sabah, akses terhad kepada penggunaan teknologi

moden merupakan faktor penting yang perlu diberi perhatian. Teknologi moden boleh memberikan manfaat yang besar untuk pertumbuhan ekonomi dan kemajuan masyarakat. Sehubungan itu, penggunaan teknologi perlu mendapatkan akses yang secukupnya tanpa terhad. Hal ini demikian kerana sebahagian daripada masyarakat Melayu Brunei di Membakut sukar menggunakan teknologi moden khususnya kegiatan pertanian dan perdagangan. Faktor infrastruktur dan ketersediaan capaian internet merupakan antara penghalang utama penggunaan teknologi moden di sini. Untuk mengatasinya, kerajaan dan pihak swasta boleh bekerjasama membina infrastruktur dan menyediakan akses internet. Pemasangan Unifi sekurang-kurangnya meningkatkan kelajuan dan kualiti rangkaian internet di Membakut (Rahman, 2023).

Bukan itu sahaja, pihak berkepentingan seperti Jabatan Pertanian Sabah, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sabah (SEDCO) haruslah mengambil inisiatif seperti memberikan latihan serta pendedahan berkenaan penggunaan teknologi moden kepada masyarakat khususnya peniaga kecil dan sederhana. Dengan meningkatkan kemahiran menggunakan teknologi, pelaku perniagaan boleh meningkatkan prestasi mereka dan meningkatkan produktiviti ekonomi (Mahamud & Shaari, 2020). Selain daripada latihan, pemberian insentif dan bantuan kewangan untuk membeli teknologi moden juga boleh memberi impak yang besar. Bantuan seperti subsidi atau pengecualian yuran boleh membantu usahawan kecil untuk membeli teknologi moden seperti perisian perakaunan atau laman web. Dalam sistem ekonomi masyarakat Melayu Brunei di Membakut, penggunaan teknologi moden merupakan faktor penting dalam pertumbuhan dan kemajuan ekonomi. Oleh itu, usaha meningkatkan akses terhad kepada teknologi moden perlu menjadi keutamaan kepada kerajaan dan masyarakat setempat. Dengan cara ini, sistem ekonomi masyarakat Melayu Brunei di Membakut dapat terus berkembang dan memberi manfaat yang lebih besar kepada masyarakat

Kesimpulan

Sebagaimana yang kita sedia maklum, sistem ekonomi masyarakat Melayu Brunei di Membakut, Sabah tertumpu kepada aktiviti pertanian seperti penanaman padi, getah, kelapa sawit, buah-buahan serta sayur-sayuran yang dianggap sebagai salah satu sistem ekonomi yang utama dalam kalangan masyarakat tersebut. Begitu juga dengan aktiviti penternakan kambing atau lembu, perikanan dan perdagangan yang dilakukan secara atas talian atau fizikal juga bergantung kepada sumber semula jadi untuk memenuhi keperluan seharian. Dalam konteks ini, gaya hidup masyarakat Melayu Brunei mula berubah dengan pengenalan teknologi moden serta perkembangan globalisasi. Malahan, masyarakat Melayu Brunei masih menghadapi cabaran seperti infrastruktur dan pendidikan berkenaan pendedahan mengendalikan ekonomi tradisional ini masih terhad. Pada hemat saya, masyarakat Melayu Brunei terutamanya pihak berkepentingan perlu mengorak langkah yang drastik untuk meningkatkan keupayaan masyarakat demi memajukan aktiviti ekonomi mereka. Kesimpulannya, masyarakat Melayu Brunei di Membakut, Sabah sememangnya berpotensi untuk meluaskan ekonomi ke arah pemasaran yang lebih moden seterusnya mengetengahkan Membakut sebagai sebuah kawasan yang bukan sahaja terkenal dengan sistem ekonomi yang strategik malah kaya dengan warisan budaya daripada nenek moyang.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

Asmady Idris, Saat Awang Damit, Dzurizah Ibrahim & Baszley Bee Basrah Bee. 2022. *Tradisi dan Budaya Warisan Masyarakat Brunei Sabah Suatu Pengenalan.* Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Bernama Astro Awani. 2020. Generasi Muda Dijangka Tinggalkan Pekerjaan, Lebih Berminat Dalam Keusahawanan. *Bernama Astro Awani.* 15 Jun: 1.

Halima Sendera Mohd. Yakin, Andreas Totu, Siti Aidah Lokin, Suraya Sintang & Nadiawati Mahmood. 2022. Tamu: Its Roles as A Medium of Cultural Identity Preservation Among Sabah Ethnic in The Era of Information Technology and Industrial Revolution 4.0. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 19 (5). pp. 152-162.

Ismail Ibrahim. 2021. Generasi Baharu dan Teknologi Moden. *Berita Sinar Harian*. 8 Mac:1.

Ku Hafisal Ku Mahamud & Abdull Sukor Shaari. 2020. Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) Dalam Pengajaran Matematik. *International Journal of Education, Psychology and Counselling (IJEPC),* Volume 5 Issue 35 (June 2020) PP. 49-57.

Muhamamd Zulhafizi bin Mohd Yusof & Zurinah binti Tahir. 2021. Faktor Kejayaan Usahawan Muda dalam Perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia. *Jurnal Wacana Sarjana*, Volume 5 (1) January 2021: 1-13.

Informan Temu Bual

Abdul Rahman Bin Hj Zinin. 2023. Temu bual. Kampung Pimping, Membakut Sabah.

Isnanie Binti Abdul Rahman. 2023. Temu bual. Kampung Pimping, Membakut Sabah.

Mohd Ikmal Iskandar Bin Yunus. 2023. Temu bual. Kampung Pimping, Membakut Sabah.

Muhammad Aiqal Adli Bin Mohd Noor. 2023. Temu bual. Kampung Binsulok, Membakut Sabah.

Norsyafiqah Binti Abdul Hamid. 2023. Temu bual. Kampung Pimping, Membakut Sabah.

Nur Farah Amira Binti Mohd Din. 2023. Temu bual. Kampung Pimping, Membakut Sabah.

Nur Nikmah Binti Baron. Kampung Binsulok, Membakut Sabah.

Nurfaranna Binti Abdul Rahman. 2023. Temu bual. Kampung Pimping, Membakut Sabah.

Rapiah Binti Hj Taba. 2023. Temu bual. Kampung Pimping, Membakut Sabah.

Siti Janariah Binti Kanak. 2023. Temu bual. Kampung Pimping, Membakut Sabah.

Siti Norfatehah Binti Wasimin. 2023. Temu bual. Kampung Pimping, Membakut Sabah.
Siti Nurfarhanah Izyan Binti Kamarulzaman. 2023. Temu bual. Kampung Pimping, Membakut Sabah.

Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2023, Vol.8 (1), hlm. 299-320
e-ISSN: 2600-8726© Ab Nasir Roslan & Rasid Mail
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

BRITISH NORTH BORNEO COMPANY SEBAGAI *JOINTSTOCK COMPANY* DI BORNEO UTARA

British North Borneo Company as Jointstock Company at North Borneo

Ab Nasir Roslan[1]
Rasid Mail[2]

[1 & 3]*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*
[2]*Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*
[1] abnasir07@gmail.com
[2] rmail@ums.edu.my
Dihantar:25 Mac 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023

Abstrak

Aktiviti eksploitasi hasil ekonomi di Borneo Utara adalah agenda penting BNBC yang dibentuk untuk mengusahakan dan membangunkan pelbagai sektor ekonomi. Syarikat ini pada dasarnya menjadikan matlamat ekonomi dalam asas pembentukannya agar dapat memenuhi keinginan pemegang saham yang mempunyai kepentingan terhadap syarikat. Syarikat ini juga turut menjalankan tugas pemerintahan sebagai sebuah kerajaan. Oleh yang demikian situasi ini menimbulkan persoalan dalam kalangan pemegang saham yang mahukan syarikat memfokuskan matlamat ekonomi sebagai keutamaan. Kertas kerja ini dihasilkan bertujuan membahaskan pembentukan BNBC dari sudut joinstock company. Selain itu, kedudukan pemegang saham yang berkepentingan dalam syarikat turut dibincangkan. Kajian ini mendapati perancangan ekonomi BNBC turut mengambil kira kepentingan pemegang saham selaku penyaluran sumber modal.

Kata Kunci: BNBC, Joinstock Company, Pemegang Saham, Borneo Utara

Abstract

The exploitation of economic results in North Borneo is an important agenda of BNBC which was formed to work on and develop various economic sectors. This company basically makes economic goals in the basis of its formation in order to fulfill the wishes of shareholders who have interests in the company. This company also carries out government duties as a government. Therefore, this situation raises questions among shareholders who want the company to focus on economic goals as a priority. This paper was created to debate the formation of BNBC from the point of view of a joinstock company. In addition, the position of shareholders who have an interest in the company is also discussed. This study found that BNBC's economic planning also takes into account the interests of shareholders as the channeling of capital resources.

Keywords: *BNBC, Joinstock Company, Shareholders, North Borneo*

Pengenalan

Syarikat perusahaan secara lazimnya ditubuhkan untuk bergiat dalam aktiviti ekonomi yang boleh menyumbangkan perolehan pendapatan menguntungkan. Aspek keuntungan ini telah menjadi matlamat utama aktiviti perusahaan yang kemudian berkembang luas ke pelbagai kawasan. Faktor utama yang menggalakkan perkembangan aktiviti ekonomi merentas sempadan adalah berpunca daripada kesedaran tentang wujud sumber kekayaan di kawasan lain sehingga mendorong aktiviti penerokaan dan perdagangan di peringkat antarabangsa terbentuk. Perkembangan ini akhirnya membentuk kefahaman kepada orang Eropah bahawa kekayaan hasil ekonomi di kawasan baru mempunyai potensi untuk meningkatkan pendapatan kerajaan. Oleh sebab itu, kuasa Eropah seperti Portugal, Sepanyol, Belanda dan kemudian British bersaing mendapatkan tanah jajahan di pelbagai kawasan di luar Eropah. Perkembangan aktiviti perdagangan di peringkat antarabangsa secara amnya

menggalakkan pembentukan syarikat perusahaan yang memiliki sumber kewangan yang kukuh agar operasinya bertahan dalam tempoh yang panjang.

Perkembangan aktiviti perdagangan melibatkan orang Eropah di Asia Tenggara pada abad ke-19 telah membuka laluan perdagangan ke Borneo Utara. Menyedari kawasan itu belum pernah diterokai dari aspek ekonominya menyebabkan timbul keinginan oleh kuasa Eropah untuk melakukan penerokaan dan meneksploitasi kekayaan hasil buminya. Peluang ini telah berpihak kepada British yang berjaya mendapatkan hak untuk bertapak dan seterusanya menjalankan pentadbirannya sebagai pemerintah. Kerajaan British melalui British North Borneo Chartered Company telah memperkenalkan dasar British dalam sistem pentadbiran dan ekonomi yang telah mengubah banyak perkara di Borneo Utara.

Syarikat *Joinstock Company*

Perkembangan dalam bidang perdagangan pada abad ke-17 telah menggalakkan penubuhan syarikat yang bercirikan gabungan pemegang saham kerana memudahkan aktiviti pengumpulan modal dibuat. Ciri perusahaan seperti ini adalah dikenali sebagai jointstock company iaitu perusahaan yang memiliki modal tertentu yang dinyatakan dalam bentuk wang dan operasinya dikawal melalui perundangan. Kaedah pemerolehan modal bagi syarikat seperti ini dibuat melalui pengumpulan dana yang terdiri daripada saham yang diterbitkan. Dalam kata yang lain, syarikat ini adalah perniagaan yang dimiliki oleh para pelabur yang mempunyai bahagian dan kepentingan dalam syarikat berdasarkan pelabur yang dibuat. Syarikat jenis ini secara umumnya memberikan sedikit kelebihan kepada pemegang sahamnya dari segi tahap risiko pelaburan yang ditanggung adalah rendah kerana setiap ahli menyumbang hanya sebahagian kecil dari jumlah keseluruhan modal syarikat (Belovski, 2017: 26-29). Penyatuan melalui saham

ini akan membentuk perusahaan yang menjalankan aktiviti perniagaan melalui sumber modal yang dimiliki syarikat.

Dari segi sejarahnya, syarikat bercirikan joint stock company telah berkembang pada era kolonialisme dan revolusi industri. Sejak abad ke-16, syarikat perdagangan memerlukan sumber dana yang besar untuk membolehkannya beroperasi di seberang laut seperti menjalankan aktiviti penjelajahan dan penerokaan. Biasanya syarikat ini terlibat dalam pelbagai aktiviti ekonomi seperti perlombongan, pembinaan keretapi dan perindustrian (Belovski, 2017: 26-29). Kemunculan banyak syarikat perdagangan dari Eropah di kawasan jajahan pada abad ke-19 menunjukkan syarikat jenis ini berkembang dengan meluas. Pembentukan EIC dan VOC contohnya, adalah terhasil melalui gabungan pemegang saham yang berperanan menyaluran dana untuk membiayai operasinya. Kewujudan syarikat seperti ini semakin berkembang di pelbagai kawasan di seluruh dunia yang turut berpunca daripada perkembangan baru dalam aspek ekonomi. Aktiviti ekspedisi perdagangan oleh kuasa Eropah ke pelbagai kawasan seperti benua Amerika, Afrika dan Asia adalah manefestasi dariapda syarikat joinstock company yang berhasrat mencari sumber kekayaan untuk pemegang saham dan kerajaan.

Kemunculan syarikat gabungan saham pertama yang berkembang di England pada akhir abad ke-16 dan awal abad ke-17 adalah bercirikan syarikatyang dikawal selia. Pada awalnya, English East Indies Company memiliki modal yang sedikit berbanding dengan syarikat Belanda VOC. Ini kerana modal EIC hanya mampu menampung mampu perbelanjaan bagi satu pelayaran pada satu masa, dan setiap pedagang hanya memperoleh semula pelaburan dan keuntungan setelah kapal tiba dari pelayaran. Pada waktu itu pemegang saham mempunyai hak untuk menarik balik pegangan mereka. Menjelang tahun 1688, saham juga telah boleh dirunding di Bursa Saham London, iaitu sama seperti saham syarikat Belanda di Bursa Amsterdam. Oleh itu, sejak daripada tempoh tersebut, syarikat British telah mempunyai kaedah tersendiri dan tidak lagi menggunakan atau meniru model saham Belanda (Braudel, 1983: 450).

Seperti yang pernah dinyatakan oleh Peer Vries (2019), perkembangan pelaburan di Eropah berlaku seiringan dengan perkembangan kegiatan perdagangan iaitu bermula dengan perusahaan milik persendirian atau keluarga yang beroperasi dalam aktiviti perdagangan di kawasan Mediterranean (Vries, 2019: 2). Aktiviti ini seterusnya berkembang menjadi perusahaan berbentuk "partnership" kerana perdagangan telah berkembang di banyak kawasan di Eropah seperti di Perancis, Itali dan Sepanyol. Ini bermaksud, perusahaan "Partnership" telah menggantikan perusahaan milik persendirian dalam aktiviti perdagangan.

Menurut Fernand Braudel (1983), kelebihan perubahan ini ialah keberkesanannya menyelesaikan pelbagai masalah dan terdapatnya sistem membolehkan pemilik perusahaan membuka cawangan di kawasan lain melalui rakan kongsi (Braudel, 1983: 438). Setelah itu, barulah muncul "joint stock company" iaitu penyatuan modal dengan rakan kongsi "stockholders" yang memiliki pegangan atau saham dalam Syarikat (Schmitthoff, 1939: 74). Kelebihan penyatuan modal ini menurut M. Schmitthoff (1939), iaitu saham syarikat tersebut bukan sahaja boleh dipindahkan malah turut boleh dirunding di pasaran terbuka.

Penubuhan *British North Borneo Company (BNBC)*

Idea pembentukan syarikat bermula apabila hak pajakan di Borneo Utara telah beralih tangan ke Alfred Dent setelah rakan kongsinya Baron von Overbeck menjual haknya pada tahun 1880. Penjualan hak ini, menyebabkan sebuah pertubuhan sementara dibentuk pada Mac 1881 iaiatu British North Borneo Provisional Assiociation yang terdiri daripada lapan ahli termasuklah Alfred Dent, Sir Rutherford Alcock, Rear-Aqdmiral Mayne dan W. H. M. Read. Melalui pertubuhan ini, kesemua ahlinya sepakat untuk mengemukakkan permohonan piagam kepada Kerajaan British untuk mengukuhkan kewujudannya di Borneo Utara. Perkara ini telah dibawa ke parlimen dan mendapat perhatian daripada

Perdana Menteri Britain Mr. Gladstone, yang mengatakan 'There is not a single privilege given to the company over and above what it has already acquire by title, sufficient to enable it to enter into a proper exercise of it power' (Whelan, 1970: 148). Ini menunjukkan British komited mengemukakkan pandangannya dan bersetuju mengenai pembentukan pertubuhan ini. Sehinggalah pada 1 November 1881, British telah secara rasminya menganugerahkan piagam yang akhirnya membawa kepada penubuhan BNBC pada 1 May 1882 (Whelan, 1970: 149).

Komitmen British terhadap BNBC juga dapat dilihat apabila pengiktirafan perlindungan diberikan kepada BNBC pada tahun 1888. Selain itu BNBC juga diiktiraf sebagai sebuah kerajaan bebas yang mempunyai kuasa mentadbir seperi kerajaan yang lain. Namun demikian, demi menjaga kepenting British, aspek hubungan luar dan hal berkaitan dengan penyerahan kawasan kepada kuasa lain perlulah mendapatkan persetujuan Kerajaan British. Situasi ini menunjukkan bahawa Kerajaan British melihat penguasaan ke atas Boreno Utara perlu dipertahankan dalam usahanya mengekalkan persaingan ekonomi dengan kuasa lain di Asia Tenggara. Potensi kelebihan dari aspek politik British turut diambilkira sesuai dasar luarnya dalam mengembangkan kekuasaan. Oleh yang demikian, penubuhan BNBC secara tidak langsung membantu British mencapai matlamatnya di Asia Tenggara.

Pertapakan BNBC di Borneo Utara dari satu sisi dilihat sebagai entiti perusahaan yang menguruskan hal berkaitan dengan aktiviti eksploitasi hasil kekayaan ekonomi. Ini bermaksud, BNBC mempunyai berperanan penting iaitu aktiviti ekonomi dapat berkembang dengan baik agar dapat menghasilkan pendapatan kepada syarikat. Oleh sebab itu, maklumat tentang kelebihan Borneo Utara dari segi kesuburan tanahnya, cuaca dan kepelbagai hasil ekonomi diguanakan untuk menarik pelaburan dari luar dan terlibat mengusahakan pelbagai sektor ekonomi. Era pendudukan British di Borneo Utara ini dari sudut pembangunan ekonomi boleh dianggap sebagai era peralihan sama ada dalam pentadbiran dan juga sistem ekonomi. Perubahan ekonomi yang dimaksudkan iaitu peralihan daripada

ekonomi bersifat tradisional kepada ekonomi komersil yang bertujuan memenuhi keperluan pasaran yang lebih besar.

BNBC sebagai *Joinstock Company*

BNBC yang dibentuk pada tahun 1881 boleh dilihat dari sudut sebuah syarikat yang bercirikan joinstock company kerana ia terbentuk melalui persetujuan pemegang saham yang bergabung untuk menyokong penubuhannya. K. G. Trigonning (1958) dan Anwar Sullivan & Cecilia Leong (1981), menegaskan bahawa BNBC merupakan syarikat yang didaftarkan di London dengan penjualan saham. Secara amnya, persetujuan tersebut dicapai dengan harapan syarikat perlu menjadikan matlamat ekonomi sebagai keutamaan. Oleh yang demikian, syarikat perlu memastikan agar operasinya dapat diselarikan dengan matlamat para pemegang saham agar memudahkan perolehan sumber dana yang diperlukan syarikat dalam operasinya (Trigonning, 1958: 80; Sullivan & Leong, 1981: 30).

Sejak dari awal, pengarah BNBC menegaskan operasi utama syarikat adalah menumpukan perhatian untuk menjalankan aktiviti pertanian sebagai kegiatan utama (British North Borneo Herald, 1 April 1889: 116). Pada masa yang sama, aktiviti ekonomi lain seperti cari gali emas dan mineral serta beberapa sektor lain turut diusahakan untuk tujuan kepelbagai sumber pendapatan syarikat. Dalam perancangan pembangunan ekonomi di Borneo Utara, syarikat mendapati jumlah modal yang dimiliki tidak mencukupi untuk menampung kos keseluruhan perbelanjaannya. Perkara ini sedikit sebanyak menjejaskan perlaksanaan rancangan pembangunan oleh syarikat seperti yang dinyatakan kepada pemegang saham. Bagi mengatasi masalah ini, syarikat telah mengambil inisiatif dengan bertindak menjual dan menyewakan tanah yang ada di Borneo Utara kepada pelabur dan pengusaha dari luar. Tanah dengan keluasan 12,800,000 ekar bersedia untuk dijual untuk menghasilkan sumber modal yang dikategorikan sebagai pendapatan langsung (direct profit) kepada BNBC (British

North Borneo Herald, 1 May 1883: 1). Melalui kaedah ini, peruntukkan modal milik syarikat untuk aktiviti pembangunan dapat ditambah untuk melancarkan operasinya.

Tindakan menjual tanah oleh BNBC dan menganggapnya sebagai salah sumber pendapatan telah mendapat perhatian pemegang saham syarikat. Perkara ini telah dibincangkan pada mesyuarat tahun 1886 yang mana menurut pemegang saham tidak baik untuk perkembangan kewangan syarikat. Perolehan hasil seharusnya dihasilkan melalui keluaran hasil aktiviti ekonomi (British North Borneo Herald, 1 September 1886: 181). Bagi pandangan syarikat pula, penjualan tanah tersebut terpaksa dilakukan kerana kekurangan sumber modal untuk membiayai program pembangunannya. langkah yang diambil dengan menjual tanah dirasakan perlu dalam situasi kewangan yang dihadapi syarikat. Malah, penjualan itu juga mampu menghasilkan pendapatan kepada syarikat melalui pelbagai jenis cukai ke atas tanah yang diusahakan. Syarikat juga telah bertekad untuk peningkatan prestasi tahunannya agar dapat meraih kepercayaan pemegang saham (British North Borneo Herald, 1 March 1887: 53).

Dari satu sisi, kenyataan yang dibuat oleh wakil syarikat adalah untuk menarik perhatian pemegang saham yang tidak bersetuju dengan permintaan syarikat yang memerlukan dana tambahan untuk pembangunan kemudahan keretapi. Oleh sebab itu, cara paling berkesan untuk mendapatkan modal adalah dengan menjual aset seperti tanah yang menjadi tumpuan pengusaha dari luar. Kemasukan syarikat luar yang mengusahakan tanah tersebut secar tidak langsung menjimatkan kos perbelanjaan yang sepatutnya ditanggung oleh syarikat. Dari sudut pandangan pemegang saham pula, prestasi hambar yang ditunjukkan oleh syarikat dalam tempoh lima tahun pertama mula merisaukan pemegang saham. Ini menyebabkan tidankan syarikat memohon modal tambahan ini dilihat tidak sesuai dengan kadar penghasilan syarikat yang masih belum menunjukkan perolehan keuntungan.

Oleh kerana prestasi kurang memberansangkan ditunjukkan oleh BNBC pada beberapa tahun awal operasinya, pemegang saham mengharapkan agar syarikat mengambil tindakan penyelesaian. Kelemahan utama syarikat pada peringkat awal adalah keberkesanan pentadbiran sehingga mengakibatkan aktiviti ekonomi tidak dilakukan dengan berkesan. Kelemahan ini menyebabkan pemegang saham mengemukkan beberapa cadangan dengan tujuan dapat membantu menambah baik kaedah pengurusan melibatkan aktiviti eksploitasi sumber ekonomi. Dalam mesyuarat pada tahun 1887, Mr. Blundell selaku pemegang saham mengemukakkan cadangan kepada BNBC untuk membentuk beberapa anak syarikat unutk membantunya mengatasi masalah dan kesukaran yang dihadapi (British North Borneo Herald, 1 March 1887: 53). Rentetan daripada cadangan tersebut, beberapa cawangan telah dibentuk untuk membantu BNBC melaksanakan perancangan mengurusakan sektor ekonomi. Hasil cadangan tersebut telah membuahkan hasi apabila prestasi syariakt mula menunjukkan perubahan dan menghasilkan perkembangan yang baik (British North Borneo Herald, 1 March 1887: 69). Perkembangan tersebut telah secara meningkatkan lagi keyakinan para pelabur terhadap keupayaan syarikat menguruskan sumber hasil di Borneo Utara.

Pemegang saham juga peka dengan perkembangan pembangunan yang dilaksanakan oleh BNBC. Sebarang masalah berhubung prestasi syarikat akan mendapat maklumbalas daripada pemegang saham. Prestasi aktiviti pembangunan umpamanya yang tidak berkembang seperti diharapkan menimbulkan kritikan terhadap Syarikat (British North Borneo Herald, 1 March 1887: 73). Malahan, nilai defisit yang ditunjukkan daripada perbandingan nilai antara pendapatan dan perbelanjaan melahirkan rasa kurang senang pemegang saham. Walau bagaimanapun, syarikat menggunakan alasan bahawa prestasi memberangsangkan yang ditunjukkan oleh aktiviti perdagangan dan perolehan pendapatan keseluruhan yang meningkat setiap tahun dijadikan petunjuk bahawa syarikat berupaya memulihkan kedudukan kewangannya (British North Borneo Herald, 1 March

1887: 56). Selain itu, kekayaan hasil bumi di Borneo Utara yang boleh menjana pendapatan juga sering dijadikan alasan utama untuk meyakinkan pemegang saham.

Selain itu, pemegang saham syarikat memberikan cadangan kepada syarikat mengenai keperluan perkhidamatan bank untuk membantu kelancaran aktiviti perniagaan dan ekonomi di Borneo Utara. Pada tahun 1887, Mr. Spurling menyuarakan agar BNBC mengambil langkah untuk mewujudkan Bank di Borneo Utara disebabkan oleh kerjasama kewangan yang semakin tidak dapat dielakkan dan pada masa yang sama berupaya menghasilkan keuntungan (British North Borneo Herald, 1 March 1887: 53; British North Borneo Herald, 1 March 1887: 69). Cadangan ini hanya terlaksana pada tahun 1888, apabila Borneo Bank Limited telah didaftarkan dengan jumlah saham sebanyak £300,000 dengan nilai £20 setiap satu unit untuk tujuan perniagaan perbankan, tukaran wang, kewangan dengan semua cawangannya (British North Borneo Herald, 1 Jun 1888: 417). Penubuhan bank ini terbentuk melalui pembeli saham bank oleh pelabur yang terdiri daripada kakitangan BNBC seperti Alfred Dent, Richard Biddulph Martin, W. J. Thompson, C.Allhusen, J.D.Dewhurst, J.Brand dan Walter Serimgeour. Dari segi operasinya, perkhidmatan bank ini menjalankan aktiviti perniagaan mata wang di Borneo Utara untuk memudahkan hal berhubung aktiviti pertukaran mata wang.

Oleh kerana asas pembentukan BNBC melalui gabungan pemegang saham, maka syarikat perlu berusaha meyakinkan pemegang sahamnya untuk mengelakkan masalah pengaliran sumber dana berlaku. Salah satu cara yang berkesan meyakinkan pemegang saham adalah dengan menunjukkan prestasi kewangan yang memberangsangkan. Pengerusi BNBC iaitu Sir. Rutherford Alcock menjelaskan bahawa ia merupakan cabaran hebat yang perlu ditempuhi syarikat untuk menghasilkan keputusan memuaskan (British North Borneo Herald, 1 August 1886: 153). Ini bermaksud, syarikat menyedari mengenai perolehan keuntungan tidak dapat dicapai dalam tempoh yang singkat dan memerlukan proses perkembangan untuk tempoh jangka panjang. Oleh sebab itu, syarikat sentiasa menegaskan

untuk mengambil kira kepentingan pemegang saham dalam setiap keputusannya. Perkara ini terbukti apabila, syarikat menyambut baik cadangan pembentukan anak syarikat yang dikemukakkan oleh pemegang saham untuk menambah baik kaedah pengurusan ekonomi di Borneo Utara.

Berdasarkan cadangan sebelumnya, pembentukan anak syarikat berupaya membantu BNBC memperbaiki pencapaiannya dan meningkatkan keberkesanan pengurusan pentadbiran (British North Borneo Herald, 1 April 1887: 69). Salah satu daripada anak syarikat iaitu British Borneo Gold Mining Company limited, yang memperoleh dana melalui penjualan saham untuk tujuan operasinya. Anak syarikat itu menerbitkan saham sebanyak £100,000 untuk 100,000 saham dengan nilai £1 setiap satu untuk tujuan operasi cari gali emas (British North Borneo Herald, 1 April 1887: 89). Syarikat ini menumpukan aktiviti carigali mineral dengan mengenalpasti kawasan berpotensi memiliki sumber mineral. Selain itu, British Borneo Trading and Planting Co's yang membuka kawasan seluas 60 hingga 70 ekar di kawasan Bokara di Teluk Sandakan dan mengusahakan tanaman Nenas. Selain itu, tanaman Lada seluas 10 ekar di Segaliud (British North Borneo Herald, 1 June 1887: 102; British North Borneo Herald, 1 August 1887: 185). Operasi syarikat bermula dengan jumlah saham sebanyak £100,000 dengan nilai £1 setiap satu. Sebanyak £30,000 daripadanya diperuntukkan kepada pengusahan perniagaan, ejen dan pengusaha pertanian. Perancangan syarikat adalah memberikan keuntungan kepada BNBC melalui hasil penjualan Kayu Balak, hasil hutan dan hasil pertanian. Tanah turut dibangunkan melalui peranan ejen yang memastkan pembangunan tanah untuk pembangunan harta benda (British North Borneo Herald, 1 March 1887: 53). Antaranya penglibatkan pengusaha Tebu di Jawa telah memilih kawasan di Kinabatangan untuk penanaman tebu dan berhasrat menjadi pembekal tanaman tersebut untuk aktiviti pertanian di Jawa, Mauritus, Australia dan Fjii (British North Borneo Herald, 1 May 1888: 399).

BNBC sentiasa berusahan gigih menghasilkan keuntungan dalam aktiviti ekonominya agar dapat membayar dividen kepada pemegang saham. Melalui sumber tanah, syarikat bertindak mengenalpasti beberapa kawasan yang subur untuk pertanian dan mempromosikannya kepada pengusaha dari luar. Selain itu, penyelidikan dijalankan ke atas cuaca, tanah dan persekitaran di Borneo Utara mendapati beberapa tanaman seperti kopi, lada hitam, tembakau, koko, tebu dan tanaman tropika yang lain mempunyai potensi yang baik sekiranya diusahakan mengikut keadaan cuaca di Borneo Utara (British North Borneo Herald, 1 September 1886: 189). Potensi kekayaan ekonomi di Borneo Utara juga telah menjadi sebutan orang British dan Amerika yang menganggap kawasan ini memiliki kekayaan yang tiada tandingannya (Cleary, 1992: 170-181). Maklumat penelitian ini telah menarik minat wakil pengusaha dari Deli Sumatera iaitu Mr. Harrison yang kemudian membuat tempahan tanah di kawasan Sungai Sepagaya (British North Borneo Herald, 1 March 1883: 4). Selain itu, syarikat juga merlantikan beberapa ejen untuk menarik pelabur dan pengusaha dari luar (British North Borneo Herald, 1 August 1886: 148).

Secara umum, perancangan ekonomi BNBC di Borneo Utara dilaksanakan berdasarkan rancangan pembangunan untuk tempoh lima tahun. Sejak awal penubuhannya sehingga 1886 dirujuk sebagai fasa awal iaitu memfokuskan aktiviti membentuk dan merancang pembangunan ekonomi. Bagi lima tahun seterusnya, BNBC adalah fasa permulaan dan menuju fasa baru pembangunan ekonomi. Program pembangunan ekonomi dilaksanakan dengan membawa masuk pengusaha persendirian dari luar yang membantu BNBC mencapai objktifnya dari aspek kemasukan modal, buruh dan pengurusan pentadbiran sistematik (British North Borneo Herald, 1 August 1886: 140). Kaedah ini dilaksanakan berdasarkan kpada pengalaman British di tanah jajahannya yang lain seperti di Ceylon, Hong Kong dan Straits settlement. Hai ini telah dinyatakan dalam surat yang ditulis oleh Bon'ble Ralph Abercromby's seorang pegawai British yang menegaskan keuntungan mampu dijana melalui penglibatan perusahaan persendiri yang menggiatkan pelbagai sektor ekonomi (British North Borneo Herald, 1 Jun 1886: 92).

Pandangan tersebut selari dengan perancangan BNBC yang melihat perniagaan persendirian boleh memberikan lebih banyak keuntungan kepada syarikat. Kehadiran perusahaan dari luar yang semakin bertambah untuk mengusahakan pelbagai sektor ekonomi di Borneo Utara telah memberikan kesan baik kepada ekonomi dan kedudukan kewangan Syarikat.

Pembayaran Dividen Pemegang Saham BNBC

Pembayaran dividen merupakan pulangan keuntungan atau faedah pelaburan yang seharusnya diterima oleh pemegang saham yang membuat pelaburan. Oleh itu, pemegang saham BNBC akan menerima faedah berbentuk dividen berdasarkan jumlah pelaburan yang disalurkan. Walau bagaimanapun, syarikat telah berdepan dengan masalah pembayaran dividen kerana gagal membuat sebarang pembayaran untuk tempoh yang begitu lama iaitu lebih daripada 10 tahun secara berterusan (British North Borneo Herald, 1 Feb 1890: 44). Pemegang saham mentafsir situasi ini sebagai perkembangan kurang baik sebagai sebuah perusahaan mementingkan keuntungan. Kegagalan syarikat membuat pembayaran dividen ini sebagai perkara yang mustahak yang mana sering sering kali dibangkitkan pada mesyuarat tahunan. Tujuan membangkitkan isu ini adalah untuk mengingatkan syarikat tentang tanggungjawabnya kepada pemegang saham. Situasi ini menunjukkan prestasi tidak memuaskan ditunjukkan kewangan adalah punca utama kegagalan syarikat menunaikan pembayaran kepada pemegang saham.

Isu pembayaran dividen mula dibangkitkan setelah timbul rasa tidak puas hati dalam kalangan pemegang saham mengenai tempoh masa pulangan pelaburan. Pelbagai persoalan dikemukakkan untuk menuntut hak pemegang saham. Selain itu, pemegang saham memberikan beberapa cadangan untuk membantu syarikat keluar daripada kemelut kewangannya. Antara cadangan tersebut adalah syarikat perlu memberikan

tumpuan sepenuhnya kepada polisi komersil dalam pengurusan (British North Borneo Herald, 1 September 1886: 184). Walaupun cadangan ini amat berkesan dalam konteks perusahaan, namun BNBC yang ditubuhkan untuk menggalas tugas sebuah kerajaan perlu menjaga kepentingan Kerajaan British di Borneo Utara. Situasi ini menyukarkan syarikat memberikan tumpuan kepada aktiviti komersil seperti yang diinginkan oleh pemegang saham.

Walaupun isu dividen sering membelengu prestasi kewangan BNBC, namun peranan pemegang saham amat diperlukan untuk kelangsungan operasinya. Bagi menangkis kritikan yang dilemparkan ke atas syarikat, pihak pengurusan syarikat menegaskan mengenai mengenai usahanya untuk mendapatkan Borneo Utara bukanlah sesuatu perkara yang mudah dan memerlukan masa yang penjang untuk menjana keuntungan (British North Borneo Herald, 1 September 1886: 182). Langkah yang boleh diambil oleh syarikat untuk menjamin kelangsungan operasinya adalah dengan memperbaiki prestasi dan memanfaatkan kepesatan aktiviti perdagangan. Aktiviti perdagangan ini menurut BNBC mampu mencetuskan perkembangan ekonomi berdasarkan rekod pencapaian memberangsangkan yang dicapai dalam tempoh empat tahun pertama dan sumbangannya ke atas perolehan hasil keseluruhan. Pencapaian aktiviti perdagangan yang dihasilkan di Borneo Utara ternyata lebih baik dan memuaskan berbanding dengan pencapaian di kawasan jajahan British yang lain (British North Borneo Herald, 1 September 1886: 18).

BNBC sejak awal penubuhan berusaha gigih secara berterusan kerana mencuba sedaya upaya meyakinkan pemegang saham agar bersabar dalam menunggu perkembangan baik Syarikat (British North Borneo Herald, 1 October 1888: 521). Tindakan ini dibuat disebabkan prestasi kewangan syarikat tidak begitu menggalakkan pada tahap awal. Malah hasil perbandingan antara perbelanjaan dan perolehan pendapatan menunjukkan syarikat mengalami defisit. Walaupun perolehan pendapatan yang direkodkan mengalami peningkatan pada setiap tahun, namun jumlah tidak dapat mengatasi jumlah perbelanjaan yang masih tinggi. Persoalan mengenai prestasi ini telah diajukan oleh Mr.

Dence ewaktu mesyuarat tahunan diadakan pada tahun 1886 dengan menyatakan rasa tidak puas hatinya terhadap prestasi syarikat yang tidak memberangsangkan. Kenyataan ini dibangkitkan setelah meneliti perbandingan kewangan untuk tahun 1884 dan 1885. Menurutnya, perbezaan antara pendapatan sebanyak $12,000 dan perbelanjaan sebanyak $15,000 mencerminkan pencapaian yang kurang memuaskan sebagai sebuah syarikat ingin menjana keuntungan dan menjaga kestabilan kewangan. Mr. Dence menyarankan agar BNBC berusaha mengurangkan kos perbelanjaan untuk memastikan prestsi kewangan syarikat boleh ditingkatkan (British North Borneo Herald, 1 September 1886: 182). Selain itu, BNBC perlu mempamerkan perkembangan baik secara berterusan dalam operasinya bagi memuaskan hati pemegang saham (British North Borneo Herald, 1 September 1884: 1).

Di pihak BNBC, cadangan yang dikemukakkan oleh pemegang saham dari aspek memperbaiki kewangan syarikat merupakan perkara yang sentiasa dipertimbangkan. Syarikat sentiasa mengharapakan prestasi yang baik dapat ditunjukkan namun tanggungjawabnya sebagai wakil British telah menjadi kekangan utama untuk mencapai matlamat itu. Sasaran perolehan keuntungan melalui aktiviti ekonomi merupakan keinginan syarikat agar membolehkannya dapat membayar dividen kepada pemegang saham dalam tempoh yang secepat mungkin (British North Borneo Herald, 1 February 1889: 48). Oleh itu, pihak pengurusan syarikat bertekad untuk melaksanakan program pembangunan iaitu melibatkan penyediaan pelbagai kemudahan kerana keupayaannya mengembangkan aktiviti ekonomi dan seterusnya menyumbang kepada perolehan hasil seperti yang diinginkan oleh pemegang saham (British North Borneo Herald, 1 September 1894: 230).

Persoalan mengenai isu pembayaran dividen oleh syarikat kepada pemegang saham telah berlarutan dan masih dibincangkan pada mesyuarat sehingga tahun 1895. Dalam mesyuarat berkenaan pemegang saham turut mempersoalkan

kelembapan perkembangan yang ditunjukkan oleh syarikat sepanjang 14 tahun beroperasi. Malah, pemegang saham mula membandingkan prestasi dan pencapaian syariakt dengan perusahaan lain di Borneo Utara yang mencatatkan perkembangan lebih baik dan mampu membayar dividen kepada pemegang saham (British North Borneo Herald, 1 March 1895). Setelah beroperasi tanpa pulangan yang diharapkan untuk tempoh panjang, pada pemegang saham mula menunjukkan ketegasan dengan mempersoalkan peranan yang seharusnya ditumpukan oleh BNBC di Borneo Utara. Pemegang saham berharap syarikat seharusnya memberikan tumpuan dalam aktiviti komersial dan mencari lebih banyak keuntungan agar dapat meyakinkan pemegang saham dengan melakukan pembayaran dividen (British North Borneo Herald, 1 September 1884: 1).

Ketegangan antara pemegang saham dan pihak pengurusan BNBC semakin kuat apabila syarikat merancang untuk mendapatkan dana tambahan bagi tujuan pembiayaan projek pembangunan berskala besar seperti pembangunan kemudahan infastruktur keretapi dan jalan raya (British North Borneo Herald, 1 September 1884: 1). Rancangan itu mendapat bantahan daripada pemegang saham atas sebab syarikat masih belum mencatatkan pulangan hasil memuaskan. Segelintir daripada pemegang saham juga melahirkan keraguan dengan potensi pulangan pelaburan sedemikian (British North Borneo Herald, 1 September 1884: 1). Perbezaan pendapat dalam kalangan pemegang saham berakhir dengan konflik dalam membuat keputusan dan tindakan Syarikat (British North Borneo Herald, 1 September 1884: 1). Pada padangan BNBC, aliran perbelanjaan dana terhadap program pembangunan bertujuan memudahkan urusan pentadbiran dan perkembangan ekonomi. Oleh sebab itu, syarikat komited menjalankan pembinaan kemudahan infastruktur seperti pengangkutan, pelabuhan, jeti, sekolah dan sistem perhubungan serta beberapa kemudahan lain. Pembangunan ini juga secara tidak langsung menarik pelaburan dari luar ingin melihat sektor ekonomi di Borneo Utara.

Di tengah ketegang tersebut, Mr. Mackrell menegaskan supaya BNBC menyediakan pelbagai kemudahan di Borneo Utara

untuk membantu perkembangan sektor ekonomi. Pada masaya yang sama syarikat juga perlu mempromosiklan hasilnya ke pasaran antarabangsa untuk menarik lebih banyak pelabur dan syarikat perusahaan dari luar. Cadangan tersebut menurut syarikat adalah rasional kerana berupaya menyumbang kebaikan. Cadangan mempromosi hasil itu juga telah mendapat sokongan Mr. Gibson yang mencadangkan agar ejen syarikat harus membuat lawatan ke pelbagai kawasan untuk mempromosikan hasil bumi dan menawarkan penjualan tanah di Borneo Utara (British North Borneo Herald, 1 September 1886: 184). Perselisihan yang berlaku antara pihak syarikat dan pemegang saham akhirnya membawa kepada perlantikan Mr. Richard B. Martin sebagai pengurus baru pada tahun 1895 (British North Borneo Herald, 1 September 1886: 184). Perlantikan itu bertujuan agar pihak BNBC memastikan elemen komersial diterapkan dalam operasi sebagaimana kehendak pemegang saham.

Perkembangan kewangan syariakt mula menunjukkan prestasi yang baik apabila persoalan meneni pembayaran dividen kepada kepada pemegang saham telah menemui penghujungnya pada tahun 1897. Pembayaran pertaman dibuat sebanyak 1% daripada jumlah keuntungan berjumlah £7,000 (British North Borneo Herald, 1 October 1897: 272). Maklumat itu dikongsikan dalam mesyuarat yang mana mendapat maklumbalas positif dari kalangan pemegang saham. Mr. Gibson menganggapnya perkembangan ini adalah berita baik yang sangat diharapkan oleh pada pemegang saham yang telah menunggu dalam tempoh yang lama (British North Borneo Herald, 1 February 1897: 67). Pembayaran dividen ini juga dibuat pada tahun berikutnya iaitu tahun 1898 dan peratusannya meningkat kepada 2% pada tahun 1900 (British North Borneo Herald, 16 February 1898: 62; British North Borneo Herald, 1 September 1900: 305). Perkembangan ini telah memberikan kelebihan kepada BNBC untuk meyakinkan pemegang saham dalam usahanya mendapatkan sumber pembiayaan tambahan untuk kegunaan program pembangunan di Borneo Utara. Pencapaian yang semakin baik telah ditunjukkan oleh syarikat apabila mampu membuat pembayaran sebanyak 4%

dividen kepada pemegang saham pada tahun 1917 setelah mencatatkan keuntungan yang tinggi (British North Borneo Herald, 16 January 1919: 16). Manakala pada tahun 1920, cadangan pembayaran dividen kepada pemegang saham iaitu sebanyak 3% (British North Borneo Herald, 2 December 1921: 199). Namun pada tahun 1923, BNBC bertindak mengurangkan peruntukan dividen untuk mengurangkan beban kewangan syarikat. Tindakan itu dilaksanakan sebagai persediaan menghadapi tekanan kewangan akibat daripada masalah ekonomi antarabangsa ketika itu. Oleh itu, tindakan pengurangan peruntukan dividen dibuat untuk tujuan menstabilkan kewangan syarikat yang terjejas akibat kemerosotan di sektor getah (British North Borneo Herald, 16 January 1923: 12).

Selain itu, BNBC juga telah membuat keputusan menangguhkan pembayaran dividen untuk tahun 1927 ekoran harga getah di pasaran jatuh secara mendadak. Oleh itu, dana sebanyak £60,000 yang sepatutnya digunakan membayar dividen telah dipindahkan ke akaun simpanan untuk kestabilan kewangan Syarikat (Microfilm: No.25/82: C.O.874 – Minute Meeting for The Year 1929). Merujuk kepada situasi tersebut, penangguhan pembayaran dividen memberikan gambaran BNBC sentiasa berhati-hati dalam hal kestabilan kedudukan kewangan syarikat. Kelancaran pentadbiran dan tanggungjawab sebagai ejen British jelas diutamakan berbanding matlamat perniagaan telah memberikan perspektif berbeza kepada pemegang saham yang sentiasa mengharapkan keuntungan. Dalam hal ini, pemegang saham sejak awal bersedia menghadapi sebarang kemungkinan sekiranya syarikat gagal dalam misinya di Borneo Utara.

Dari sudut yang lain, situasi dialami BNBC dalam aspek pembayaran dividien adalah berbeza dengan perkembangan syarikat perusahaan yang mengusahakan sektor ekonomi di Borneo Utara. Sebagai contoh pembayaran dividen The New London and Amsterdam Borneo Tobacco.Co (Limited) kepada pemegang sahamnya pada tahun 1900, iaitu pada kadar 5% (British North Borneo Herald, 1 August 1900: 254). Sementara, bayaran dividen oleh The New London Borneo Tobacco.Co kepada pemegang sahamnya iaitu sebanyak 25% (British North Borneo

Herald, 1 August 1900: 303). Selain itu Syarikat Sablas (North Borneo) Rubber Limited, pada tahun 1918 membayar dividen sebanyak 6% kepada pemegang saham (British North Borneo Herald, I March 1918: 46). Membakut Rubber Limited pula membayar dividen sebanyak 6% pada tahun 1918 (British North Borneo Herald, 1 March 1918: 57). Jumlah bayaran dividen oleh syarikat perusahaan ini ternyata lebih tinggi berbanding bayaran yang dibuat oleh BNBC. Perbezaan inilah yang selalu diguankan oleh pemegang saham pada setiap kali mesyuarat diadakan sebelum pembayaran dividen dibuat.

Perbandingan ini bukanlah ukuran utama yang boleh digunakan untuk menilai prestasi BNBC dan syarikat perusahaan. Hal ini kerana tanggungjawab dan tumpuan operasi berlainan antara kedua-duanya menyebabkan wujdu perbezaan dalam aspek prestasi perolehan hasil. BNBC sebagai syarikat yang bertanggunjawab mentadbir sebagai pemerintah jelas memikul tugas berbeza dengan syarikat perusahaan. Oleh itu, penyaluran dana BNBC lebih banyak diarahkan kepada aktiviti penyediaan kemudahaan dan prasarana untuk perkembangan ekonomi secara menyeluruh. Manakala, operasi syarikat perusahaan pula lebih menumpukan aktiviti perniagaan dan sektor ekonomi sebagai keutamannya untuk menghasilkan keuntungan. Perbezaan tugas dan matlamat dalam persekitaran ekonomi adalah sangat kertara terutamanya dari segi tanggungjawab pemerintahan yang lebih diutamakan kejayaan matlamat pentadbiran dan perkhidmatan berbanding matlamat perniagaan (Borhan, 2001: 115-140).

Kesimpulan

Penubuhan BNBC boleh dilihat sebagai manefestasi orang Eropah untuk menguasai di Borneo Utara dari aspek pentadbiran dan ekonomi. Hanya dengan menubuhkan syarikat seperti itu Kerajaan British tidak mempunyai halangan untuk merestui rancangannya membuka perusahaan dan menghasilkan keuntungan. Pembentukan syarikat yang terhasil daripada

gabungan oleh para pemegang saham ini secara tidak langsung telah meletakkan kepentingan British dari satu sisi dan pemegang saham di sisi yang lain. Ini bermaksud, syarikat memikul tanggungjawab untuk memenuhi matlamat pemegang saham yang sentiasa menjadi pertimbangan dalam membuat polisi dan pembangunan ekonominya. Namun, pada masa yang sama BNBC perlu optimis dalam menjaga kepentingan British sebagai tanggungjawab utamanya mentadbir Borneo Utara. Oleh itu, sasaran utama syarikat bukan hanya keuntungan semata-mata tetapi juga mewakili British menjalankan pemerintahanya di tanah jajahan.

Senarai Rujukan

Dokumen Arkib

British North Borneo Herald 1883
British North Borneo Herald 1884
British North Borneo Herald 1885
British North Borneo Herald 1886
British North Borneo Herald 1887
British North Borneo Herald 1888
British North Borneo Herald 1889
British North Borneo Herald 1890
British North Borneo Herald 1891
British North Borneo Herald 1892
British North Borneo Herald 1893
British North Borneo Herald 1894
British North Borneo Herald 1895
British North Borneo Herald 1896
British North Borneo Herald 1897
British North Borneo Herald 1898
British North Borneo Herald 1899
British North Borneo Herald 1900

Buku dan Jurnal

Ballinger, C. 2008. Mercantilism and the Rise of the West: Towards a Geography of Mercantilism. *Electronic Journal*, 1-36 SSRN 10.2139/ssrn.2164912.

Becker. B. 2010. Coastal Shipping in East Asia in the Late Nineteenth Century, *Journal of the Royal Asiatic Society Hong Kong Branch*, Vol. 50: 245-302.

Becker-Blease, J. R. & Paul, D.L. 2006. Stock Liquidity and Investment Opportunities, Evidence from Index Additions. *Financial Management*, Vol.35(3): 35-51.

Belovski. V. 2017. Concept of a Joint Stock Company. *Journal of Process Management*, Vol. 5(1), hlm.26-29.

Black. I. 1970. *Native Administration by the British North Borneo Chartered Company, 1878-1915.* Canberra: Australian National University.

Blomberg. J, Kjellberg. H, & Winroth. K. 2012. A Brief History of Investment Banking. Dalam: *Marketing Shares, Sharing Markets.* London: Palgrave Macmillan. https: //doi. org/10. 1057/ 978023 0361621_2.

Bloomfield. A. I. 1968. Patterns of Fluctuation in International Investment Before 1914. *Princeton Studies In International Finance, Department of Economics Princeton University*. No.21: 1- 65.

Braudel, F. 1983. *The Wheels of Commerce: Civilization and Capitalism, 15th-18th Century*. London: Book Club Associates by Arrangement & Wiiliam Collins Sons & Co Ltd.

Clark. J. M. 1926. Adam Smith and The Currents of History. *The University Journal of Business,* Vol. 4(4) 1926, hlm. 348-369.

Cleary, M. C. 1992. Plantation Agriculture and The Formulation of Native Land Rights in British North Borneo 1880-1930. *The Geographical Journal,* Vol.158(2): 170-181.

Daly, D.D. Exploration in British North Borneo 1883-87. *Proceedings of The Royal Geographical Soceity and Monthly Record of Geography: New Monthly Series,* Vol.10(1): 1-24.

Dieu, D.R. 2019. The East India Company and Their Reasoning for Voyaging to India in the 17th and 18th Centuries. *Historia, Eastern Illinois University,* Vol.28: 33-34.

Emmer, P.C. 2003.The First Global War: The Dutch Versus Iberia in Asia, Africa, and the New World, 1590-1609. *E-Journal Portuguese History*, Vol.19(1): 1-6.

Farayibi & Oladapo, A. 2015. The Impact of Risk on Investment Decision in Nigeria. *Research Journal of Finance and Accounting*, Vol.6(23): 52.

Herlitz, L.1964. The Concept of Mercantilism*. Scandinavian Economic History Review*, Vol.12(2):101-120.

Irwin. G. 1955. *Nineteenth Century Borneo: A Study in Dilomatic Rivalry.* Singapore: Donald Moore Books.

Mail.R. et al., 2014. *Sejarah Amalan Pengurusan Kewangan dan Perkembangan Praktik Perakaunan di Borneo Utara 1881-1963*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.

Mays. A. & Shea. G. S. 2011. East India Company and Bank of England Shareholders during the South Sea Bubble: Partitions, Components and Connectivity in a Dynamic Trading Network. *Centre For Dynamic Macroeconomic Analysis*, 1-73.

Peer Vries. 2019. Europe in The World 1500-2000. London: Giorgio Riello and Tirthankar Roy. *Global Economy History*, 299-319.

Sabihah Osman. 1985. *Pentadbiran Pribumi Sabah 1881-1941*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, Yayasan Sabah.

Schmitthoff, M. 1939. The Origin of the Joint-Stock Company. *The University of Toronto Law Journal*, Vol. 3(1): 74-96.

Tregonning, K.G. 1958. *Under Chartered Company Rule: North Borneo 1881-1946.* Singapore. University of Malaya Press.

Whealen, F.G. 1970. *A History of North Borneo*. Singapore: MacMillan And Co(S) Private. Ltd.

Wright, L.R. 1970. *The Origin of British Borneo*. Hong Kong: Hong Kong University Press.

Zinkina J. Andreev A. & Mosakova. E. 2017. The Nineteenth Century as the Cradle of Global Capital. *Historical Globalistics and Globalization Studies,* 173-180.

Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2022, Vol.7 (1), hlm. 321-334
e-ISSN: 2600-8726© Linah Bagu & Jane Wong
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

PERANAN PEMIMPIN DALAM PEMBANGUNAN KURIKULUM BAHASA KADAZANDUSUN (BKD)

The Role of Leaders in The Development of The Kadazandusun Language Curriculum (BKD)

Linah Bagu @ Siti Nurlina Abdullah[1]
Jane Wong Kon Ling[2]

[1]*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*
[2] *Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah*
[1] *nurlina_lb@yahoo.com.my,*
[2] *jane@ums.edu.my*
Dihantar:21 Mac 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023

Abstrak

Kajian sejarah bahasa etnik secara kualitatif ini bertujuan untuk menelusuri peranan pemimpin dalam pembangunan kurikulum Bahasa Kadazandusun (BKD) dari tahun 1995 hingga tahun 2011. Sejak BKD diperkenalkan sebagai bahasa ibunda dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah, pemimpin turut memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan kurikulum BKD. Pemimpin dalam konteks kajian ini merujuk kepada pemimpin organisasi pendidikan yang terdiri daripada pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sabah (JPNS), Pengarah Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) yang kini dikenali sebagai Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) dan Pengarah Institusi Pendidikan Guru (IPG). Pembangunan kurikulum BKD telah bermula di sekolah rendah selepas Parlimen meluluskan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran BKD di sekolah rendah pada tahun 1994. Berikutnya, satu mesyuarat Bahasa Kadazan telah diadakan pada 25 Januari 1995. Pembangunan kurikulum BKD di IPG pula bermula tahun 2011 secara berfasa iaitu fasa perancangan, fasa penggubalan dan fasa pemurnian. Penglibatan yang serius dan komited di kalangan pemimpin organisasi pendidikan yang terlibat dalam proses pembangunan kurikulum

BKD telah mencorakkan naratif sejarah perkembangan BKD sebagai bahasa etnik warisan bangsa dalam arus perdana di Malaysia.

Kata Kunci: Pemimpin Bahasa Kadazandusun, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Pusat Perkembangan Kurikulum, Institut Pendidikan Guru

Abstract

This qualitative historical study of ethnic languages aims to trace the role of leaders in the development of the Kadazandusun Language (BKD) curriculum from 1995 to 2011. Since BKD was introduced as the mother tongue in teaching and learning in schools, leaders also played an important role in developing the BKD curriculum. Leaders in the context of this study refer to leaders of educational organizations consisting of the director of the Sabah State Education Department (JPNS), the Director of the Curriculum Development Center (PPK) which is now known as the Curriculum Development Division (BPK) and the Director of Teacher Education Institutions (IPG). BKD curriculum development has started in primary schools after Parliament approved the implementation of BKD teaching and learning in primary schools in 1994. Next, a Kadazan language meeting was held on January 25, 1995. BKD curriculum development in IPG started in 2011 in phases, which is the planning phase, formulation phase and refinement phase. The serious and committed involvement among the leaders of educational organizations involved in the BKD curriculum development process from start to finish has shaped the historical narrative of the development of BKD as an ethnic heritage language in the mainstream in Malaysia.

Keywords: *Kadazandusun Language Leaders, Sabah Education Department, Curriculum Development Center, Institute of Teacher Education*

Pengenalan

Dalam catatan sejarah pengajaran formal Bahasa Kadazandusun (BKD) sebagai satu mata pelajaran dalam kurikulum kebangsaan di Malaysia, peranan pemimpin masyarakat Kadazan dan Dusun dirintis oleh Tan Sri Bernard Giluk Dompok yang merupakan Ahli Parlimen yang juga mewakili Parti Demokratik Sabah (PDS) pada tahun 1994 (Borneo Mail, 15 Jun 1994). Tan Sri Bernard Dompok telah menyuarakan cadangannya di Parlimen tentang keperluan masyarakat Kadazan dan Dusun untuk memelihara dan memulihara bahasa ibunda masyarakat Kadazan dan Dusun. Beberapa individu dan institusi telah membuka pusat-pusat pembelajaran Kadazan dan Dusun di Sabah sungguhpun sesetengahnya bersifat tidak formal dengan kos pelaksanaan paling minimal (Borneo Mail, 15 Jun 1994). Salah satu pusat pembelajaran bahasa Kadazan telah dibuka di ibu pejabat PDS di Donggongon, Penampang. Kelas bahasa Kadazan yang diusahakan oleh PDS dibuka untuk kanak-kanak berumur antara 8 hingga 14 tahun dan dijalankan dua kali seminggu bermula 7.00 petang hingga 9.00 malam (Borneo Mail, 25 September 1994).

Setahun selepas itu, Parlimen telah meluluskan pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran BKD di sekolah di Malaysia. Seawal 25 Januari 1995, satu mesyuarat Bahasa Kadazan telah diadakan di Bilik Mesyuarat, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur (Minit Mesyuarat, Pusat perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 25 Januari 1995: 1). Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Tn. Haji Yusof b. Ngah, Timbalan Pengarah 1, Pusat Perkembangan Kurikulum (PPK) yang kini dikenali sebagai Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK0 dan dihadiri oleh beberapa pegawai daripada Jabatan pendidikan Negeri Sabah (JPNS) iaitu Dr. Hamdan b. Hj. Mohamed (Timbalan Pengarah 1, JPNS, Pn. Mary Teresa Kinajil dan Pn. Aminah Musally dari Sektor Pengurusan Akademik, JPNS. Beberapa pegawai daripada Unit Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu, Tn. Hj. Abd. Manaf bin Mohamed, Ketua Jabatan Bahasa, PPK (kini BPK),

Pn. Hajah Fuziah bt. Ab. Hadi, En. Samsudin b. Mohamed, En. Osman b. Alaudin dan En. Mohd. Zaki b. Zakaria. Turut berada dalam mesyuarat itu ialah En. Ahmad Foa'ad b. Hashim (Jemaah Nazir Sekolah Persekutuan), En. Mohd. Rick b. Halil (Lembaga Peperiksaan), En. A'azmi b. Shahrin (Bahagian Pendidikan Guru) dan Tn. Haji Abdullah Sani bin Abd. Ghani (Bahagian Perancangan dan Penyelarasan Dasar) PPK (kini BPK) (Pusat perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 25 Januari 1995). Semua individu yang menghadiri perbincangan tentang perancangan dan pelaksanaan pengajaran BKD tersebut merupakan pemimpin atau ketua jabatan organisasi pendidikan yang berperanan besar dalam menyelesaikan isu pemilihan nama bahasa dan dialek piawai yang akan digunakan dalam pengajaran BKD di sekolah.

Dalam mesyuarat tersebut, Tn. Haji Yusof b. Ngah, selaku pengerusi mesyuarat mengandaikan bahawa Bahasa Kadazan telahpun dipersetujui oleh Parlimen untuk dimasukkan sebagai mata pelajaran bahasa ibunda murid (POL) dalam kurikulum sekolah. Isu awal yang dibangkitkan dalam mesyuarat ini adalah isu keseragaman dalam bahasa Kadazan, yang dibangkitkan oleh Dr. Hamdan Hj. Mohamed, Timbalan Pengarah 1, JPNS (Pusat perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 25 Januari 1995: 5). Menurut beliau, penggunaan bahasa Kadazan sahaja akan menyebabkan bahasa Dusun akan dilupakan dan dikhuatiri boleh menimbulkan beberapa isu yang kemungkinan besar menjadi kontroversi dalam pendidikan bahasa Kadazan dan Dusun. Oleh yang demikian, beliau telah mencadangkan agar jawatankuasa ini menunggu beberapa waktu sehingga persetujuan berhubung bahasa Kadazan dan Dusun dicapai oleh dua badan utama masyarakat Kadazan dan Dusun iaitu KadazanDusun Cultural Association (KDCA) dan United Sabah Dusun Association (USDA).

Sebagai tambahan kepada isu ini, Puan Mary Teresa Kinajil menjelaskan bahawa ketidakseragaman ini berpunca daripada beberapa dialek yang berlainan yang digunakan oleh komuniti Kadazan dan Dusun di daerah masing-masing. Antara dialek

tersebut adalah Tangaa (Tangara), Bundu dan Liwan. Tangaa disifatkannya sebagai 'head start' kerana lebih terdahulu memulakan usaha pengajaran bahasa Tangaa (atau Kadazan) berbanding dengan dialek-dialek lain khususnya dari aspek kemudahan pendidikan. Tangaa (Kadazan) sudah memulakan beberapa usaha seperti mengadakan seminar, menubuhkan biro bahasa Kadazan, Pusat Swasta 'Kadazan Language Centre' dan menghasilkan kamus Bahasa Kadazan. Mesyuarat akhirnya bersetuju untuk mendapatkan memorandum ketetapan keseragaman Bahasa kadazan dan Dusun sebelum usaha untuk membina kurikulum BKD. Surat kemudiannya dihantar kepada dua pertubuhan terbesar Kadazan dan Dusun, iaitu KadazanDusun Cultural Association (KDCA) dan United Sabah Dusun Association (USDA). Pada 24 Januari 1995, satu perjanjian pengisytiharan antara KDCA dan USDA yang membabitkan Ahli Majlis Tertinggi kedua-dua pertubuhan telah dimeterai. Persetujuan tersebut dinyatakan seperti berikut;

Bahawasa, KDCA dan USDA, dengan penuh sedar dan keinsafan telah bersetuju mengenai perkara-perkara yang tertera di dalam Perjanjian Pengisytiharan di bawah ini:

1.KDCA dan USDA adalah dengan ini bersetuju bahawa:

i. Bahasa KADAZANDUSUN adalah Bahasa rasmi bagi kedua-dua pertubuhan KDCA dan USDA:
ii. Bahasa KADAZANDUSUN adalah Bahasa yang dipakai dalam penulisan dan pertuturan di dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa ibunda (POL) tersebut, dan
iii. Bahasa KADAZANDUSUN adalah Bahasa yang dipakai oleh semua etnik Kadazan Dusun tanpa menyekat penggunaan dialek-dialek tempatan yang lain.

2.KDCA dan USDA dengan ini bersetuju:

i. Bahasa KADAZANDUSUN dipelihara dan dikembangkan bersama untuk manfaat semua kaum di Malaysia, yang berminat mempelajari Bahasa KADAZANDUSUN.

ii. Tanggungjawab bersama untuk mengembangkan Bahasa KADAZANDUSUN di peringkat tempatan, kebangsaan dan antarabangsa, khususnya kepada mereka yang ingin mempelajari dan mengkaji Bahasa KADAZANDUSUN. (Perjanjian Perisytiharan, 25 Januari 1995)

Persetujuan-persetujuan tersebut penting untuk perkembangan pengajaran BKD kerana kedua-dua pertubuhan adalah pertubuhan utama yang menaungi masyarakat Kadazan dan Dusun. Susulan daripada pengisytiharan ini, satu lagi perisytiharan persetujuan penggunaan dialek asas telah di meterai pada 11 April 1995 (Perisytiharan Persetujuan, 11 April 1995: 9). Dialek Bunduliwan telah dipilih sebagai dialek asas pemiawaian dan pembakuan BKD dalam penulisan dan pertuturan pengajaran dan pembelajaran Bahasa Ibunda Pelajar (POL)) yang dinyatakan dalam Perisytiharan Persetujuan KDCA dan USDA pada 11 April 1995 (Perisytiharan Persetujuan, 11 April 1995: 39). Selain itu, dialek Bunduliwan akan terus diperkayakan oleh dialek-dialek lain yang terdapat dalam rumpun bahasa Kadazandusunik dan Paitanik.

Pembangunan Kurikulum BKD Di Sekolah

Pemimpin mewakili organisasi pendidikan yang bermesyuarat dalam Mesyuarat Bahasa Kadazan pada 25 Januari 1995 itu juga telah memutuskan bahawa sukatan pelajaran Bahasa Kadazan akan berdasarkan kepada sukatan pelajaran bahasa yang lain seperti Bahasa Inggeris yang bercorak komunikatif. Huraian sukatan pelajaran akan disediakan mulai tahun 4. Ini kerana pengajaran bahasa Kadazan dicadangkan bermula Tahun 4 di sekolah rendah (tidak seperti mata pelajaran POL lain yang bermula pada tahun tiga). Pada peringkat pengajaran rintis, buku teks tidak diperlukan dan hanya buku sumber guru dan bahan murid seperti buku kerja, lembaran kerja dan seumpamanya akan dibina. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 25 Januari 1995: 6). Satu mesyuarat penggubalan sukatan dan huraian kurikulum pada 10 – 13 April 1995 telah diadakan. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh

Pn. Hajah Fuziah bt. Ab. Hadi, Unit Bahasa Melayu dan Kesusasteraan Melayu, PPK (kini BPK). Turut hadir ialah Pn. Mary Teresa Kinajil dari JPNS sebagai penyelaras, En. Joseph Tangit, Pn. Evelyn Annol, Pn. Rita Lasimbang, Pn. Mirin dan En. Michael Majon (Bahagian Nazir Sekolah). Kurikulum yang digubal menggunakan panduan kurikulum Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu dan dialih-bahasa kepada BKD (Minit Mesyuarat Bahasa Kadazan, 30 Oktober – 3 November 1995).

Mesyuarat kedua penggubalan kurikulum telah dijalankan pada 02 -06 Mei 1995 di Hotel Perkasa, Mt. Kinabalu, Kundasang. Mesyuarat telah mendapatkan khidmat pakar linguistik Kadazan iaitu Puan Rita Lasimbang, Pegawai Eksekutif Yayasan Bahasa Kadazandusun (KLF). Beberapa mesyuarat untuk memurnikan sukatan dan huraian sukatan pelajaran telah dibuat sepanjang bulan Januari hingga pertengahan tahun 1995. Pada 15 Jun 1995, struktur kurikulum BKD telah dibentangkan di hadapan Jawatankuasa Pusat Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Pada 30 Oktober hingga 03 November 1995, satu mesyuarat pembinaan bahan pengajaran dan pembelajaran BKD, anjuran PPK (kini BPK) dengan JPNS diadakan di Hotel Perkasa, Kundasang (Annol dan Kinajil, 1995). Panel pembinaan bahan pengajaran adalah terdiri daripada guru-guru di 15 buah sekolah yang terpilih sebagai sekolah rintis iaitu SRK. St, Anthony, Penampang, SK. Babagon, Penampang, SK. Bukit Padang, Kota Kinabalu, SK. Bawang, Tamparuli, SK. Masalog, Kota Marudu, SK. Tinangol, Kudat, SK. Kundasang, Ranau, SK. Ulu Dusun, Sandakan, SK. Batu 4, Telupid, SK. Nambayan, Tambunan, SRK. Holy Trinity, Tawau, SK. Menunggang, Kuala Penyu, SK. Padang Berampah, Sipitang, SK. Narinang, Kota Belud dan SK. Kampung Baru, Keningau (Minit Mesyuarat, Kementerian Pendidikan Malaysia, 10 Oktober 2000).

Pembangunan Kurikulum BKD di Institusi Pengajian Tinggi

Peranan pemimpin dalam pembangunan kurikulum BKD di universiti kurang jelas meskipun telah ditawarkan sebagai kursus elektif kepada siswa-siswi bukan penutur jati di Universiti Malaysia Sabah (UMS) bermula pada tahun 1998 (Borneo Mail, 11 Mac 1999) dan sebagai kursus elektif di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) pada tahun 2010 (KLF News, 2010). Rekod-rekod dan dokumentasi berkaitan pembangunan kurikulum BKD di kedua-dua universiti ini masih kurang dan sukar ditemui. Situasi ini jauh berbeza dengan perekodan dan pendokumentasian pelaksanaan BKD sebagai kursus major di Institut Pendidikan Guru (IPG) yang lengkap dan jelas. Sejarah latihan guru BKD di IPG bermula apabila Kertas Cadangan Pelaksanaan Kurikulum Bahasa Kadazandusun bagi Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) yang dikemukakan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Akademik IPGM di IPG, KPM, Cyberjaya pada 10 Mei 2011 diluluskan (Kertas Cadangan Pelaksanaan Kurikulum PPISMP Bahasa Kadazandusun, 2011). Kertas Cadangan tersebut dikemukakan dengan tujuan untuk memohon pertimbangan dan kelulusan berhubung dengan cadangan memasukkan Kurikulum Bahasa Kadazandusun dalam PPISMP mulai ambilan Jun 2012. Pada 25 Mei 2012, seramai 20 orang pelajar PPISMP BKD julung kalinya mendaftar sebagai pelajar pertama BKD di IPG Kampus Kent, Tuaran.

Sejak awal perancangan pelaksanaan BKD, persediaan rapi telah dibuat untuk menerima pelajar-pelajar ambilan pertama kursus BKD melalui Program PPISMP. Di antaranya adalah menyediakan tenaga pengajar BKD, mengadakan latihan kemahiran bahasa BKD dan juga perancangan penggubalan kurikulum BKD untuk PPISMP dan PISMP. Satu jawatankuasa Panel Penggubal Kurikulum yang dipengerusikan oleh Datuk Mary Teresa Kinajil, pengarah kampus dan diketuai oleh Puan Linah Bagu telah dibentuk pada tahun 2011. Ahli Panel yang dilantik adalah terdiri daripada pensyarah IPG, iaitu seramai 16 orang daripada empat buah IPG Zon Sabah, pensyarah universiti (UMS)

dan beberapa orang guru sekolah yang berpengalaman mengajar mata pelajaran BKD di sekolah dari seluruh Sabah. Satu jadual aktiviti penggubalan kurikulum telah dirancang dan disiapkan sebelum menawarkan kursus PPISMP pada tahun 2012. Sehubungan itu, *Timeline* atau Kerangka Masa Kerja Penggubalan Pro Forma, Jadual Spesifikasi Ujian, Modul dan Buku Panduan Program, kerangka masa pelaksanaan kurikulum BKD yang terperinci telah disediakan. Unit BKD telah ditubuhkan pada bulan Januari 2012 yang bertujuan untuk menyelaraskan perancangan penggubalan kurikulum dan latihan tenaga pengajar BKD.

Pada tahun 2011, kurikulum BKD yang dinamakan sebagai Pro Forma PPISMP telah diluluskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia dalam Mesyuarat Senat di Kuching Sarawak pada 12 Mei 2011 (Buku Panduan Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) Dengan Kepujian Ambilan Julai 2013, IPGM, 2013). Penawaran program latihan guru BKD di IPG untuk PPISMP mulai Ambilan Jun 2012 adalah sebagai usaha melahirkan guru yang kompeten dalam penguasaan BKD dan sekaligus mampu mengendalikan pengajaran dan pembelajaran BKD dengan cemerlang. Ambilan pertama PPISMP di IPG Kampus Kent pada bulan Jun 2012 adalah seramai 20 orang dan disusuli oleh empat lagi ambilan, iaitu pada bulan Jun 2013 (20 orang), ambilan bulan Jun 2014 (9 orang), ambilan Jun 2015 (15 orang) dan ambilan bulan Jun 2016 (15 orang).

Pada 20 – 23 Mei 2013, Mesyuarat Pembentangan Pro Forma Kursus BKD untuk PPISMP Ambilan Jun 2013 telah berlangsung di Hotel Empress, Sepang yang bertujuan untuk mendapatkan kelulusan pelaksanaan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Akademik (Institut Pendidikan Guru, 14 Mei 2013). Pembentangan telah disampaikan oleh Puan Linah Bagu, Ketua Unit dan Penyelaras BKD bersama Puan Evelyn Annol, Pensyarah dan Tutor BKD, IPG Kampus Kent. Seterusnya pada 9 September 2013, mereka telah membentangkan 15 kursus Pro Forma Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) dalam Mesyuarat Senat Kali Ke-21/2013 di IPG Kampus Pendidikan

Teknik, Kompleks Pendidikan Nilai, Negeri Sembilan yang telah diluluskan dengan serta merta (Surat Panggilan Mesyuarat IPG, 14 Mei 2013). Kelulusan Pro Forma kursus PPISMP dan PISMP telah membuka lembaran sejarah perkembangan pengajaran dan pembelajaran BKD di IPGM, khususnya di IPG Kampus Kent dan IPG Kampus Keningau.

Setelah Pro Forma BKD PPISMP Ambilan Jun 2012 diluluskan dalam Mesyuarat Senat di Kuching pada 12 Mei 2011, lapan kursus persediaan yang telah digubal dan dilaksanakan dalam pengajaran dan pembelajaran selama setahun setengah. Selepas menamatkan latihan selama setahun setengah (tiga semester), pelajar akan dibenarkan meneruskan pengajian ke peringkat PISMP selama empat tahun (lapan semester) (IPGM, 2013). Lapan kursus persediaan tersebut telah dimurnikan untuk penambahbaikan menjadi enam kursus sahaja yang akan dilaksanakan dalam tempoh setahun melalui kelulusan Pro Forma Kursus PPISMP Ambilan Jun 2013 oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Akademik yang telah diadakan pada 20 – 23 Mei 2013 (Surat Panggilan Mesyuarat IPG, 14 Mei 2013). Kursus PPISMP tersebut adalah BKD1014: *Kopointutunan do Sajara Koburuon Boros Kadazandusun* (4K), BKD1024: *Kabaalan Boros Kadazandusun* (4K), BKD1034*: Kopointutunan do Fonetik, Fonologi om Sistom Ija'an Boros Kadazandusun* (4K), BKD1044: *Kopointutunan Koubasanan om Kosusastaraan Kdazan Dusun* (4K), BKD1054: *Kopointutunan do Morfologi om Sintaksis Boros Kadazandusun* (4K) dan BKD1064: *Kopointutunan do Psikolinguistik om Semantik Wacana* (4K) (Buku Panduan PISMP IPGM, 2015).

Manakala program PISMP dengan Kepujian dalam bidang BKD untuk Pendidikan Sekolah Rendah yang ditawarkan adalah untuk melahirkan guru yang berkualiti dari segi penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran, dan keterampilan profesionalisme keguruan. Program ini diharap melahirkan para graduan yang berpengetahuan dan memiliki kemahiran profesional yang baik dalam bidang pendidikan sekolah rendah dan layak dilantik sebagai guru atau pendidik di sekolah kerajaan atau swasta.

Graduan yang kreatif dan mampu mengendalikan pendidikan sekolah rendah dengan sikap yang positif, penyayang dan empati terhadap murid, serta yakin untuk berurusan dengan ibubapa dan mempunyai keperihatinan yang tinggi terhadap murid. Graduan yang proaktif dan inovatif dalam mencari idea baharu bagi menghasilkan bahan berkualiti untuk meningkatkan keberkesanan pendidikan sekolah rendah (Buku Panduan PISMP IPGM, 2015).

Struktur kurikulum PISMP dalam bidang BKD pendidikan sekolah rendah telah melalui beberapa siri perubahan dan pemurnian untuk tujuan penambahbaikan selaras dengan keperluan dan kehendak semasa bagi memperolehi akreditasi daripada MQA. Dengan pengiktirafan akreditasi ini, IPG juga boleh bersaing sebagai sebuah pusat latihan keguruan bertaraf universiti yang diperakui di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Struktur kursus PISMP yang telah yang diluluskan dalam Mesyuarat Senat Kali Ke-21 Tahun 2013 di IPG Kampus Pendidikan Teknik, Kompleks Pendidikan Nilai, Negeri Sembilan meliputi 15 jenis kursus dan kemudiannya dimurnikan beberapa kali untuk tujuan penambahbaikan (Surat Panggilan Mesyuarat IPG, 5 September 2013).

Kesimpulan

Pembangunan kurikulum BKD yang bermula pada tahun 1995 di sekolah sehingga ke peringkat institusi pengajian tinggi khususnya di IPGM telah melalui satu proses yang panjang dan berperingkat-peringkat. Bermula dengan proses perancangan, diikuti dengan proses penggubalan dan pemurnian yang melibatkan pelbagai pihak dalam organisasi pendidikan yang terdiri daripada pengarah, pensyarah, pegawai pendidikan dan guru-guru sekolah. Peranan pemimpin organisasi pendidikan terlibat seperti Pengarah PPK (kini BPK), Pengarah JPNS dan Pengarah IPG tidak dapat dinafikan sebagai penentu dan pemangkin kepada kemenjadian kurikulum BKD yang dapat memenuhi keperluan-keperluan dan kriteria kurikulum kebangsaan dengan mengambil kira elemen-

elemen bahasa dan budaya masyarakat Kadazan dan Dusun di Malaysia.

Senarai Rujukan

Arkib dan Dokumen Kerajaan

Borneo Mail, 11 Mac 1999.
Borneo Mail, 15 Jun 1994.
Borneo Mail, 25 September 1994.
KLF News, Vol. 12/January – December 2010.
Minit Mesyuarat Bahasa Kadazan, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. 25 Januari 1995.
Minit Mesyuarat Bahasa Kadazan, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. 30 Oktober – 3 November 1995.
Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kurikulum Pusat Bil. 5/2000, Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. 10 Oktober 2000.
Perisytiharan Persetujuan Dialek Bunduliwan Sebagai Dialek Asas Pemiawaian dan Pembakuan BKD di antara Kadazandusun Cultural Association (KDCA) dan United Sabah Dusun Association. 11 April 1995.
Kertas Cadangan Pelaksanaan Kurikulum BKD Bagi Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Akademik. Institut Pendidikan Guru (IPG) Induk, Cyberjaya bertarikh 10 Mei 2011.
Surat Panggilan Mesyuarat. Rujukan: KP (IPG) 8282/100/7/5 (35) bertarikh 14 Mei 2013; KP (IPG) S.8181/600/10/1/Jld.2 (4) bertarikh 05 September 2013.

Buku dan Jurnal

Annol, Evelyn dan Kinajil, Mary Teresa. 2014. Perkembangan Pengajaran dan Pembelajaran BKD di Malaysia 1994-2014. *Jurnal Bahasa Kent* . 2014.

Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). 2013. *Buku Panduan Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) Dengan Kepujian Ambilan Julai 2013*. Cyberjaya: Pusat Pembangunan Akademik, Institut Pendidikan Guru Malaysia.

Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). 2015. *Buku Panduan Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) Dengan Kepujian dikemas kini 2015*. Cyberjaya: Pusat Pembangunan Akademik, Institut Pendidikan Guru Malaysia.

Jurnal Borneo Akhailogia (Warisan, Arkeologi & Sejarah), Disember 2023, Vol.8 (1), hlm. 335-348
e-ISSN: 2600-8726© Nordiana Nasuha Molinka
https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/

DAPATAN KAJIAN MOTIF BINTANG DALAM GENDANG GANGSA HEGER I DI MALAYSIA

Finding of the Star Motif in Heger Bronze Drum in Malaysia

Nordiana Nasuha Molinka[1]

[1]Jabatan Muzium Negeri Sabah, Kota Kinabalu, Sabah
[1]dianamolinka@gmail.com
Dihantar:24 April 2023 / Diterima:11 Jun 2023 / Terbit:21 Disember 2023

Abstrak

Malaysia mempunyai beberapa koleksi gendang gangsa iaitu sebanyak 22 buah yang terdiri daripada Heger I, II, III dan beberapa buah gendang yang tidak dikenal pasti. Kesemua gendang gangsa tersebut adalah penemuan secara tidak sengaja, koleksi istana dan orang perseorangan yang kemudiannya menjadi milik Muzium Terengganu dan Muzium Matang, Perak. Pengkelasan gendang gangsa ditentukan oleh motif yang terdapat pada permukaan timpanum dan mantle. Antara motif tersebut adalah motif bintang yang terletak di tengah-tengah timpanum. Kajian mendapati motif bintang mempunyai signifikan tersendiri kerana dianggap penting dan merupakan inti utama dalam tanda pengenalan sebagai gendang gangsa. Selain itu, imej bintang juga merupakan perlambangan kepada konsep ketuhanan yang menguasai keseluruhan aspek kehidupan masyarakat yang terlibat. Sehubungan dengan itu, fokus perbincangan adalah menjurus kepada signifikan motif bintang yang terdapat pada timpanum gendang gangsa Heger I di Malaysia. Diharapkan dengan adanya kajian penulisan seumpama ini dapat memberikan data terbaru serta penjelasan dan pencerahan terkini terhadap kajian gendang gangsa di Malaysia.

Kata Kunci: Gendang Gangsa, Motif, Heger, Timpanum

Abstract

Now, Malaysia has 22 bronze drums that were recorded after the discovery of bronze artifacts in archaeological sites by an accidental pallace collection and later became the museum property of Terangganu Museum and Matang Museum, Perak. The classification of the bronze drum was determined by the motifs found on the tymphanum and mantle. The study of the star motif has its own significance because it's the main point of identification for the bronze drum. In addition, the image of the star and the divinity symbol refer to the person surrendering all aspects of life to the god. Accordingly, this study attempts to provide a brief discussion of the significance of the star motif of the bronze drum Heger I collection in Malaysia. This study is vital to provide the latest data and some values, and it can also provide the latest explanation and enlightenment on the study of bronze drums in Malaysia.

Keywords: *Bronze Drum, Motif, Heger, Tymphanum*

Pengenalan

Simbol bintang merupakan imej popular yang digunapakai oleh kebanyakkan peradaban tamadun dunia terutamanya Tamadun Mesir. Selain itu, simbol berkenaan juga digunakan oleh masyarakat Eropah, China dan Vietnam. Kepercayaan masyarakat terhadap kekuasaan *pole star* yang dirujuk melepasi alam cakerawala dan berhubungan dengan syurga adalah amalan turun temurun dari pelbagai fahaman dan kepercayaan yang terdapat di seluruh dunia. Perkara tersebut tidak terlepas daripada masyarakat pengamal gendang gangsa (Loofs-Wissowa, 1991, 39-49; Han Xiaorong, 2004, 7-33; Quaritch Wales, 1957, 65-108).

Masyarakat pengamal gendang gangsa terutamanya di Vietnam dan China selatan adalah golongan petani. Pertanian sawah padi di kawasan perairan Sungai Merah amat bergantung kepada keadaan cuaca dan cahaya matahari adalah sebagai

penentu kepada hujan atau kemarau sepanjang tahun. Bertitik tolak daripada kesedaran masyarakat mengenai kebergantungan kehidupan terhadap cahaya matahari, maka mereka melihat matahari sebagai penentu kepada keberlangsungan kehidupan mereka. Lama kelamaan kebergantungan berkenaan menjadi sebati dan menjadi motif pilihan utama dalam apa juga karya yang dihasilak seperti gendang gangsa. Motif bintang atau matahari berkenaan diletakkan tepat-tepat pada tengah timpanum gendang iaitu pada bahagian penting gendang gangsa. seperti dalam aktiviti pertanian dan aktiviti seharian menyebabkan mereka memilih motif bintang atau motif matahari sebagai motif yang harus ada dan berada pada bahagian tengah timpanum.

Kajian Lepas

Penemuan gendang gangsa di Malaysia sebanyak sembilan buah gendang gangsa. Kajian gendang gangsa di Malaysia (Peacock 1963; 1969; 1971; Linehan 1928; 1951; Leong Sau Heng 1997; 2002; Nik Hassan Shuhaimi, 1998; 2001; Adnan Jusoh, et.al, 2011; 2019, Nordiana Nasuha Molinka, 2018; 2022) telah bermula sejak akhir 1920an oleh para pengkaji luar. Gendang Gangsa Tembeling merupakan gendang sulung yang ditemui pada sekitar tahun 1928 kemudiannya penemuan Gendang Gangsa Klang semasa penjajahan Jepun pada tahun 1944. Penemuan berikutnya juga dari Klang iaitu dari Kg. Sungai Lang, Kuala Langat, Selangor (2 buah) pada 1964 dan pernah direkodkan oleh B.A.V. Peacock (1964). Selain itu, penemuan gendang gangsa juga dicatatkan pernah ditemukan di kawasan Terengganu iaitu di Kampung Batu Buruk (2 buah) dan Kg. Gaung, Besut (1 buah) (B.A.V. Peacock 1964). Gendang Gangsa Timbang Dayang merupakan gendang tunggal yang ditemui di kawasan Malaysia Timur yang terletak di Pulau Banggi Sabah (Adnan Jusoh, 1995; Y. Ayoagi, 1996; Nordiana Nasuha Molinka, 2022). Manakala Gendang Gangsa Sg. Sedu (Adnan Jusoh, 2014, 45-48 pula adalah penemuan pecahan timpanum paling kecil direkodkan. Kebanyakan objek tersebut ditemui secara tidak sengaja oleh penduduk kampung menyebabkan data-data penting gendang

tersebut tidak dapat diperoleh. Rentetan daripada penemuan berkenaan, pihak muzium mengambil inisiatif melakukan kajian arkeologi penyelamatan di tapak tersebut. Kajian sedemikian adalah penting untuk mendapatkan data sokongan dan melihat asosiasi artifak di tapak berkenaan. Kebanyakan artifak gendang yang ditemui adalah kurang sempurna dan telah rosak akibat luluhawa, rosak semasa aktiviti pembangunan atau semasa pengendalian artifak. Selain itu, terdapat 10 buah gendang koleksi diraja Terengganu iaitu dari Istana Bukit Kolam yang diserahkan kepada pihak Muzium Terengganu pada 1992 (Muhd. Yusuf Abdullah, 1993: 51-62) dan tiga buah gendang gangsa dari koleksi Muzium Matang, Perak (Adnan Jusoh 2019: 76-90). Sehingga kini, Malaysia telah mempunyai gendang gangsa dari Heger I (sembilan buah), II (tiga buah), III (lima buah) dan gendang gangsa yang tidak tersenarai dalam klasifikasi tersebut (empat buah).

Metodologi Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah perbandingan motif artifak gendang gangsa Heger I yang terdapat di Malaysia. Perbandingan motif tersebut adalah menjurus kepada motif bintang yang terdapat di tengah-tengah timpanum gendang. Walau pun demikian, Gendang Gangsa Sg. Sedu) tidak terlibat dalam kajian ini kerana penemuan pecahan artifak yang tidak mampu menerangkan keseluruhan artifak tersebut (Foto 1).

Motif bintang merupakan motif utama yang terdapat pada gendang gangsa di Asia Tenggara. Kedudukannya terletak di tengah-tengah permukaan timpanum menunjukkan bahawa motif tersebut sangat penting dan mempengaruhi kehidupan masyarakat pengamal gendang gangsa secara keseluruhannya. Biasanya, motif bintang mempunyai jumlah bucu seperti 4, 6, 8, 10, 12 dan seterusnya dalam gandaan nombor genap. (Bernet Kempers, 1988, 117; Leong Sau Heng, t.th, 5; Pham Huy Thong, 1990, 82-146).



Foto 1 : Pecahan Gendang Gangsa Sg. Sedu
Sumber: dipetik dan diubah suai daripada Adnan Jusoh *et.al.,* (2014).

Analisis Perbandingan Bintang Gendang Gangsa di Malaysia

Gendang gangsa di Malaysia mempunyai ciri-ciri unik dan tersendiri. Selain itu juga, corak dan saiz setiap motif yang mengelilingi imej bintang berkenaan juga adalah berbeza antara setiap gendang gangsa. Perkara tersebut membuktikan bahawa seni dan pembuatan gendang gangsa adalah teliti dan bersifat individual kerana tidak berkongsi acuan yang sama. Perkara tersebut dapat disahkan dengan meneliti setiap gendang gangsa di Asia Tenggara dan di Malaysia. Motif bintang pada setiap gendang gangsa juga adalah berbeza walaupun mempunyai kiraan jumlah bucu yang sama iaitu 10 bucu bintang atau 12 bucu bintang (W. Linehan, 1926; B.A.V Peacock, 1969; Adnan Jusoh, 1995).

Bintang Bucu 10

Jadual 1 merupakan jumpaan artifak gendang gangsa di Malaysia yang mempunyai bintang berbucu 10 iaitu Gendang Tembeling, Gendang Klang I, Gendang Sg. Lang I dan Gendang Batu Buruk I. Menariknya, kesemua jumpaan artifak gendang gangsa berbucu 10 di Malaysia mempunyai ciri yang sama iaitu bentuk bintang yang seragam dan mempunyai corak segitiga pada setiap celah bucu bintang (Foto 2). Selain itu juga, kesemua jumpaan artifak

gendang gangsa bintang berbucu 10 di Malaysia mempunyai imej burung dan abjad seperti huruf 'Z' dan 'L' yang terdapat pada Gendang Klang. Kesemua empat-empat gendang gangsa berkenaan adalah dalam kelompok Gendang Dongson yang sama iaitu Dongson B.

Perbezaan ciri yang ketara hanya terletak pada susun atur atau dekorasi dan pemilihan sub-motif pada permukaan gendang gangsa. Bintang berbucu 10 turut dikenali sebagai *decagram* yang terhasil daripada gabungan decagon yang bersambung pada setiap bucu tanpa penghujung. Berdasarkan bentuk bintang berbucu 10 pada koleksi Heger I di Malaysia, ia terhasil daripada pertindihan dua pentagram. Pentagram merupakan simbol lima unsur *(five elements)* iaitu api (*fire*), air (*water*), kayu (*wood*), logam (*metal*) dan tanah (*earth*). Sistem lima unsur berkenaan menjelaskan kepada interaksi dan hubungan fenomena alam. Ia juga berkaitan putaran *(cycle)* alam dan saling bergantung antara unsur dengan unsur yang lain (Mak dan So, 2015). Pertindihan dua pentagram merujuk kepada keseimbangan antara aura positif dan negatif yang terdapat pada setiap bucu mempunyai maksud berbeza (Erdogan dan Erdogan, 2014). Selain itu juga, konsep lima unsur juga merupakan rujukan awal berkaitan bidang psikologi dan kesihatan dalam mengenal pasti simptom dan rawatan susulan (Pankaj C. Jagirdar, 1988, 135-138).

Jadual 1: Gendang Gangsa Heger I Bintang berbucu 10

Nama Gendang	Ciri-ciri gendang	Tempat dijumpai	Sumber
Gendang Gangsa Tembeling	• Bintang 10 bucu • Motif segitiga pada setiap selang bucu bintang • Empat ekor burung • Heger I (Dongson B)	Batu Pasir Garam, Tembeling, Pahang	W. Linehan (1926)
Gendang Gangsa Klang	• Bintang 10 bucu, • empat ekor burung terbang • motif huruf 'Z' pada timpanum • Motif segitiga pada setiap selang bucu bintang • Heger I (Dongson B)	Bukit Kuda, Klang, Selangor	B.A.V. Peacock (1944)

Gendang Gangsa Sg. Lang I	• Bintang 10 bucu • Empat ekor burung • Segitiga pada setiap selang bucu bintang. • Heger I (Dongson B)	Kg. Sg. Lang, Kuala Langat, Selangor	B.A.V. Peacock (1964)
Gendang Gangsa Batu Buruk I	• Bintang 10 bucu • 12 ekor burung dan mempunyai motif abstrak • Segitiga pada setiap selang bucu bintang. • Heger I (Dongson B)	Batu Buruk, Terengganu	B.A.V. Peacock (1964)

Sumber: Dipetik dan diubah suai daripada Bernet Kempers (1988); Linehan, (1951);B.A.V. Peacock (1969); Norio Kuwuhara (t.th).



Foto 2 : Koleksi Gendang Gangsa Heger I yang mempunyai Bintang berbucu 10.
Sumber : Dipetik dan diubah suai daripada Bernet Kempers (1988); Linehan, (1951);B.A.V. Peacock (1969); Norio Kuwuhara (t.th).

Bintang Bucu 12

Terdapat empat buah gendang gangsa Heger I di Malaysia yang mempunyai bintang berbucu 12 iaitu terdiri daripada Gendang Gangsa Sg. Lang II, Gendang Gangsa Batu Buruk II, Gendang Gangsa Kg. Gaung dan Gendang Gangsa Timbang Dayang (Jadual 2). Berdasarkan kajian, ketiga-tiga gendang gangsa tersebut merupakan Gendang Dongson C dan Gendang Gangsa Timbang Dayang merupakan Gendang Dongson B (Yoji Aoyagi, 1996, 127-131; Ambra Calo, 2014, 104). Walaupun berada dalam kelompok gendang yang sama, setiap gendang berkenaan memiliki ragam hiasan yang berbeza. Persamaan hanya terdapat pada motif yang dipilih namun diolah secara berlainan dan berbeza kreativiti.

Walaupun mempunyai jumlah bucu bintang yang sama, keempat-empat gendang gangsa berkenaan mempunyai personaliti tersendiri yang tidak terdapat pada gendang lain. Justeru itu, fungsi dan peranan setiap gendang gangsa juga berbeza bergantung kepada motif dan susun atur setiap corak yang dipilih.

Jadual 2: Gendang Gangsa Heger I Bintang Berbucu 12

Nama Gendang	Ciri-ciri gendang	Tempat dijumpai	Sumber
Nama Gendang	• Bintang 12 bucu • Empat ekor katak, enam ekor burung dan imej abstrak mengelilingi bintang pada timpanum. • Segitiga pada setiap selang bucu bintang. • Heger I (Dongson C II)	Kg. Sg. Lang, Kuala Langat, Selangor	B.A.V. Peacock (1964)
Gendang Gangsa Tembeling	• Bintang 10 bucu • 12 ekor burung dan mempunyai motif abstrak • Segitiga pada setiap selang bucu bintang. • Heger I (Dongson C II)	Batu Buruk, Terengganu	B.A.V. Peacock (1964)

Gendang Gangsa Kg. Gaung	• Bintang berbucu 12 • Terdapat empat ekor burung dan terdapat hiasan segitiga pada selang bucu bintang. • Menggunakan motif abjad L dan Z. • (Dongson C)	Kg. Gaung, Besut Terengganu.	B.A.V. Peacock (1996)
Gendang Gangsa Timbang Dayang	• Bintang 12 bucu • Terdapat lebihan bahagian timpanum dan membentuk seperti soket mata. • Hiasan sangat ringkas dan terdapat ruangan kosong pada timpanum. • (Dongson B).	Pulau Banggi, Sabah	Adnan Jusoh (1995)

Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada B.A.V Peacock 1969, 1963 dan Nordiana, 2022.

Bintang bucu 12 biasanya dirujuk sebagai bintang paling signifikan kerana ia berkaitan dengan putaran 12 bulan dalam setahun atau zodiak (Adrian Frutiger*,* 1989). Biasanya, bintang berbucu 12 juga dikenali sebagai *dodecagram* yang terhasil daripada tiga segi empat; empat buah segitiga; dua bentuk poligon atau terbentuk daripada dua bentuk hexagon. Hasil daripada setiap cantuman bentuk berkenaan menghasilkan bentuk bucu bintang yang berbeza seperti tirus, pendek atau panjang. Bentuk bintang berbucu 12 yang terdapat pada gendang gangsa Heger I di Malaysia adalah bersaiz sederhana dan tidak terlalu tirus (Foto 2). Namun, ketidakseragaman saiz dan jarak antara setiap bucu dikenal pasti pada Gendang Gangsa Timbang Dayang (Nordiana, 2022; 2018) berkemungkinan besar penggunaan teknologi yang masih primitif atau kurang.

Foto 3: Koleksi Gendang Gangsa Heger I yang mempunyai Bintang berbucu 12
Sumber: Dipetik dan diubahsuai daripada B.A.V Peacock 1969, 1963 dan Nordiana, 2022

Signifikan Penemuan Gendang Gangsa Bintang berbucu 10 dan 12

Terdapat penemuan gendang gangsa berbucu 10 dan berbucu 12 secara berpasangan iaitu Gendang Gangsa Sg. Lang I dan II ditemui dalam kawasan yang sama iaitu di Sungai Lang da Gendang Gangsa Batu Buruk I dan II juga ditemui bersama di lereng bukit yang kini dikenali sebagai Jalan Kamarudin. Manakala, Gendang Gangsa Tembeling, Gendang Gangsa Klang, Gendang Gangsa Kg. Gaung dan Gendang Gangsa Timbang Dayang tidak ditemui bersama jumpaan gendang gangsa lain. Walau bagaimanapun, tidak menolak kemungkinan bahawa ia

juga mempunyai pasangan gendang lain namun, tidak berjaya direkodkan akibat banyak faktor.

Merujuk kepada penemuan pasangan gendang gangsa di tepi pantai, ia biasanya dijadikan sebagai azimat atau perlindungan. Aktiviti pelayaran dan pengembaraan membelah lautan luas, gendang gangsa digunakan sebagai objek penting yang berperanan besar sebagai *maritime magic* (Bernet Kempers, 1988, 70). Konsep penggunaan *maritime magic* atau sihir lautan tersebut dibuktikan oleh penemuan pasangan Gendang Gangsa Sg. Lang (I dan II) dan Gendang Gangsa Batu Buruk (I dan II). Kedua-dua pasangan gendang gangsa tersebut ditemui di kawasan persisir pantai di bahagian Barat dan bahagian Timur persisiran Semenanjung Malaysia.

Gendang Gangsa Sg. Lang I dan II diletakkan pada sekeping papan pendayung menguatkan bukti bahawa berlakunya ritual atau pemujaan di tempat berkenaan bagi memanggil semangat dan kuasa mistik gendang yang mampu menjaga kawasan persisiran dan lautan berkenaan. Gendang gangsa yang telah dikuduskan untuk menjadi penjaga pantai tersebut dikuburkan dengan salah satu gendang gangsa diterbalikkan bagi menjaga keseimbangan terhadap fenomena cuaca, ombak dan bencana alam. Selain itu, gendang gangsa yang telah dipuja dan dikebumikan dipercayai mampu memberikan perlindungan daripada kuasa ilmu hitam, musuh dan juga lanun.

Kesimpulan

Oleh yang demikian, signifikan pasangan gendang gangsa bintang bucu 10 dan 12 adalah kombinasi yang sempurna iaitu berkenaan dengan perlindungan sepanjang masa (tahun) daripada unsur-unsur negatif di kawasan perairan Laut China Selatan dan Selat Melaka. Apabila bintang berkenaan dipalu maka ia mengalirkan gelombang atau getaran bunyi (aura) kepada motif-motif yang berdekatan dan kepada seluruh motif yang terdapat pada permukaan gendang gangsa tersebut. Secara tidak langsung segala doa atau mantera yang terdapat pada gendang gangsa

telah dibacakan semasa bunyi gendang gangsa berkumandang. Justeru itu, gendang gangsa Heger I di Malaysia mempunyai fungsi dan peranan yang penting dalam pelayaran dan pengembaraan masyarakat luar yang datang ke kawasan perairan Malaysia pada ketika itu.

Senarai Rujukan

Buku dan Jurnal

Adnan Jusoh dan Yunus Sauman. 2019. Motif Hiasan Tiga (3) Buah Gendang Gangsa di Muzium Matang, Perak. *Seminar Arkeologi Kebangsaan 4*: 76-90.

Adnan Jusoh. 2012. Penemuan Gendang Gangsa Timbang Dayang (Sabah) dan Kepentingannya dan Konteks Arkeologi. *Jurnal Arkeologi Malaysia*. 25: 49-63.

Adnan Jusoh. 2014. Gendang Dongson di Semenanjung Malaysia: Asal Usul dan Signifikan. Batu Pahat: Penerbit UTHM.

Adnan Jusoh, Yunus Sauman dan Zuliskandar Ramli. 2011. Gendang Gangsa di Asia Tenggara: Tinjauan Terhadap Motif Berunsur Geometri. *SARI.* 29 (2): 21-44.

Adnan Jusoh, Zuliskandar Ramli dan Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 2014. Bronze Drum in Selangor (Malaysia): The Motif and Significance from Archaeological Prespective. *Research Journal of Applied Science. Engineering and Technology* 8 (7): 863-870.

Adnan Jusoh. 2004. Penemuan Gendang Dongson di Semenanjung Malaysia: Asal usul dan Signifikan. *Tesis Sarjana*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Aoyagi, Y. 1996. Heger I Type Drum from Borneo Island. *Journal of Southeast Asian Archaeology.* 16:127-131.

Calo, A. 2014. *Trails of Bronze Drums across Early Southeast Asia: Exchange Routes and Connected Cultural Spheres*: Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.

Erdogan, E., dan Erdogan. H. A. 2014. Feng Shui Paragdigm as Philosophy of Sustainable Design. *International Journal pf*

Social, Behavioral, Educational, Economic, Business and Industrial Engineering. 8(10): 3328-3333.

Frutiger, A. 1989. *Signs and Symbol: Their Design and Meaning.* New York: Van Nostrand Reinhold.

Han, Xiaorong. 2004. Who Invented the Bronze Drum? Nationalism Politics, and Sino-Vietnamese Archaeological Debate of the 1970s and 1980s. *Asian Prespectives*, 43 (1): 7 – 33.

Jagirdar, Pankaj C., 1988. The Theory of Five Elements in Acupunture. *American Journal of Chinese Acupunture.* 18: 135-138.

Linehan, W. 1928. Some Discoveries on the Tembeling. *JMBRAS* 6 (4): 66-76.

Loofs-Wissowa, H. H. E., 1991. Dongson Drums: Instruments of Shamanism or Regalia*? Arts Asiatiques*. 46:39-49.

Mak, M. Y., dan So, A. T. 2015. *Scientific Feng Shui for the Built Environment: Theories and Applications.* Hong Kong: City University of Hong Kong Press.

Mohd Yusof Abdullah. 1993. Gendang Dong Son di Muzium Negeri Terengganu: Satu Catatan. *Jurnal Arkeologi Malaysia.* 6:51-62.

Nordiana Nasuha Molinka. 2022. Signifikan Penemuan Gendang Gangsa Timbang Dayang di Sabah dalam Konteks Arkeologi. *Tesis Ph.D*. Universiti Malaysia Sabah.

Nordiana Nasuha Molinka *et.al*. 2018. Penelitian Awal Terhadap Motif Hiasan Timpanum Gendang Gangsa Timbang Dayang, Pulau Banggi, Sabah. *Jurnal Arkeologi Malaysia*. Vol. 31(2): 51-61.

Norio Kuwahara. t.th. The Transfiguration and the Creation of the Tradition in Southeast Asia. *The subsidy of expense in Science Research, 9th year of Heisei.* Japan: Kagoshima University.

Peacock, B. A. V. 1963. A Preliminary Note on the Dongson Bronze Drums from Kampong Sungai Lang. *FMJ.* 9: 1-3.

Peacock, B. A. V. 1965. Recent Archaeological Discoveries in Malaya, 1964. *JMBRAS*. 38: 248–253.

Peacock, B. A. V., 1969. Gendang di Kampung Sg. Lang. *Malaysia dari Segi Sejarah*. 5.

Peacock, B. A. V. 1971. Dua buah Gendang Dongson Dari Kuala Terengganu. *Malaysia Dari Segi Sejarah*. 6.

Peacock, B. A. V. 1979. The later Prehistory of The Malay Peninsular. In R. B. Smith & W.Watson. *Early Southeast Asia: Essay in Archaeology, History and Historical Geography.* New York: Oxford University Press.

Peacock, B.A.V. 1966. Recent Archaeological Discoveries in Malaysia. *JMBRAS*. 39 (1):198-201.

Pham Huy Thong. 1990. *Dongson Drums in Vietnam*. Hanoi: Social Science Publishing House.

Wales, Quaritch. 1952. *Prehistory and Religon in South-East*. London: Bernard Quaritch Ltd.